



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Ringkasan Tesis / Disertasi

# PENDIDIKAN PERINGKAT KEDOKTORAN



# KAMU

Jilid 3/2021

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Ringkasan Tesis / Disertasi

# PENDIDIKAN PERINGKAT KEDOKTORAN



Jilid 3/2021

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN







## MAKLUMAT TENTANG BUKU

Cetakan Pertama / Jilid 3/2021  
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2022

Semua hak cipta terpelihara. Semua bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik secara sebahagian atau keseluruhan, tanpa izin bertulis daripada Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ringkasan Tesis / Disertasi Pendidikan Peringkat Kedoktoran  
Nombor ISSN 2773 - 644X  
1. Pendidikan Peringkat Kedoktoran Jilid 3/2021  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan  
370.78 09595

### **PENDIDIKAN PERINGKAT KEDOKTORAN (Jilid 3)**

Disediakan oleh:

**Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan**

Aras SB - 4, Blok E8, Presint 1

Kompleks Kerajaan Putrajaya Parcel E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 Putrajaya

Tel. : +603-88846000

Faks. : +603-88846439

Laman sesawang: [www.moe.gov.my/bppdp](http://www.moe.gov.my/bppdp)

Muka taip teks: Arial / Optima

Saiz taip teks: 10pt

Dicetak oleh: Abel Kaisha Resources



## Kata Alu-aluan

Pengarah  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, setinggi-tinggi rasa syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat, limpah kurnia dan keizinan-Nya, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) berjaya menerbitkan Buku Ringkasan Tesis/Disertasi Pendidikan Peringkat Kedoktoran Jilid 3/2021.

Buku ini adalah kesinambungan daripada penerbitan Jilid 1 dan 2 sebelum ini yang merangkumi Abstrak Kajian, Rumusan Dapatan Kajian dan Cadangan Kajian Lanjutan. Buku ini telah memanfaatkan banyak pihak dalam usaha penataran dan perkongsian ilmu. Saya percaya bahawa koleksi kajian ini memberi sumbangan yang bermakna dalam merealisasikan amalan kepimpinan berprestasi tinggi. Selain itu, buku ini dilihat dapat memartabatkan profesion keguruan yang menjadi penyumbang utama kepada perubahan landskap masa hadapan pendidikan negara.


Dalam usaha menerbitkan buku ini, pelbagai kekangan terpaksa diatasi disebabkan keterbatasan dan himpitan suasana semasa. Namun begitu, saya berbangga kerana ternyata semangat dan kesungguhan semua pihak untuk menghasilkan buku ini tetap diteruskan. Penerbitan buku ini dijelmakan atas matlamat untuk menghargai dan menyebarkan ilmu kepada masyarakat.

Buku Ringkasan Tesis/Disertasi Pendidikan Peringkat Kedoktoran Jilid 3/2021 dilihat agak istimewa kerana koleksi hasil kajian dan cadangan yang dimuatkan merangkumi pelbagai skop serta bidang pendidikan yang relevan dengan keperluan pendidikan semasa. Selain itu, sebahagian hasil kajian dalam buku ini turut dihasilkan oleh penyelidik yang terdiri daripada warga BPPDP sendiri.

**Tahniah dan syabas diucapkan.**

Akhir kalam, ucapan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Sektor Repositori dan Pembangunan Kualiti, BPPDP dan seluruh tenaga kerja atas usaha penerbitan ini. Saya berharap agar penerbitan buku ini dapat diteruskan pada masa hadapan. Semoga dapatan dan cadangan kajian lanjutan yang dikemukakan menjadi panduan dan sumber rujukan dalam perancangan dan penyelidikan oleh warga KPM dan semua pemegang taruh yang terlibat bagi meningkatkan mutu pendidikan negara pada masa hadapan. Sekian.

***"EPRD: Excellent Planning, Revitalising Dynamics"***



Dr. Hajah Roziah binti Abdullah

# Penghargaan

Jawatankuasa Penerbitan Buku Ringkasan Tesis/Disertasi Pendidikan Peringkat Kedoktoran Jilid 3/2021, Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada:

## **Penaung**

**Dr. Hajah Roziyah binti Abdullah**

Pengarah

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

## **Penasihat**

**Rohayati binti Abd. Hamed**

Timbalan Pengarah Kanan (Kluster Dasar dan Perancangan), BPPDP

**Dr. Nor Saidatul Rajeah binti Zamzan Amin**

Timbalan Pengarah (Kluster Penyelidikan dan Penilaian), BPPDP

**Amzan bin Abd. Malek**

Timbalan Pengarah

Sektor Pembangunan Dasar Pendidikan, BPPDP

## **Pengerusi**

**Hisham Hj. Rahmat**

Ketua Penolong Pengarah Kanan

Sektor Repositori dan Pembangunan Kualiti, BPPDP

## **Timbalan Pengerusi**

**Mazlin binti Mazlan**

Ketua Unit

Unit Pengurusan Penataran Maklumat

Sektor Repositori dan Pembangunan Kualiti, BPPDP

## **Ketua Editor**

**Faizah binti Ayub@Ismail**

## **Sidang Editor**

- **Hajah Nur Liyana Husna @Aloha binti Shaari**
- **Norhaszlyati binti Hashim**
- **Dr. Hasnah binti Shuhaimi**
- **Ros Kartini binti Abdul Rahim**
- **Rabaya binti Muhamad**
- **Suriha binti Shamsuddin**
- **Suriyati binti Baharin**
- **Syamsul Azhan bin M Raymi**
- **Herman bin Mohd Ali**
- **Nor Zanira binti Abd Manan**
- **Abryza binti Anuar**
- **Norazlina binti Ibrahim**

serta seluruh warga SRPK dan individu lain yang turut sama memberi sumbangan secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan buku ini.

## Kandungan Tesis Jilid 3/2021

Tahun  
Lulus  
Senat

2016



1

Model Pengajaran M-Pembelajaran Berasaskan Kaedah  
Inkuiri Mata Pelajaran Sejarah Peringkat Menengah  
(RT 959.00712 MPS)

13

2

Pengaruh Pelaksanaan Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani  
Dalam Mencetuskan Keronokan Murid Terhadap Aktiviti  
Fizikal  
(RT 613.710712 CHO)

15

Tahun  
Lulus  
Senat

2018



3

*Assessment Reform In Malaysia: Policy Into Practice In  
Primary Schools*  
(RT 371.26 MAR)

19

4

*Effects of Problem-Based Learning On Cognitive Performance,  
Mathematical Values and Motivation To Learn Mathematics  
Among Secondary School Students In Malaysia*  
(RT 510.712 FAT)

22

5

*Factors That Influence Satisfaction Towards Frog Virtual  
Learning Environment Among Champion Secondary School  
Teachers In Southern Region of Malaysia*  
(RT 371.334 CHE)

25

6

*Path Analysis of The Effects of Learning Styles, Social Support  
and Emotional Intelligence On Academic Achievement  
Among TESL Teacher Trainees In IPC*  
(RT 370.711 AZL)

29

7

Pembangunan dan Keberkesanan Permainan Komputer  
Terhadap Pencapaian, Sikap dan Strategi Metakognisi Murid  
Dalam Penyelesaian Masalah  
(RT 372.7044 YUS)

34

8

Penilaian Program Saringan Literasi dan Numerasi  
(RT 372.6 RUS)

37

9

*The Influence of Instructional Leadership of Middle Managers  
on Teacher Commitment Through Professional Learning  
Community and The Role of Trust in Leader As A Moderator*  
(RT 371.2011 NOR)

40

Tajuk Kajian

Muka Surat

Tajuk Kajian

Muka Surat



## Kandungan Tesis Jilid 3/2021

	Tajuk Kajian	Muka Surat
10	Kesan Modul Kemahiran Hijau Dalam Reka Bentuk dan Teknologi Terhadap Pencapaian Pengetahuan Murid Tahun Lima di Sekolah Rendah (RT 372.357 AMA)	44
11	Kesan Program Latihan Acai Adidas Terhadap Prestasi Permainan dan Kecergasan Pemain Bola Sepak Institut Pendidikan Guru (RT 796.3342 FAI)	47
12	Kesan Terapi Ruyah Syar'iyah Terhadap Tingkah Laku Murid Hiperaktif Program Pendidikan Khas Integrasi di Sekolah Rendah (RT 371.94 NIK)	49
13	Kepimpinan Perkongsian Guru Besar, Motivasi dan Tekanan Kerja Guru Sekolah Rendah Berprestasi Cemerlang di Kelantan (RT 371.2011 ANI)	52
14	Model Pemilihan Metrik Bagi Menilai Kualiti Produk Perisian (RT 005.14 ZUB)	55
15	Pengurusan Pengoperasian dan Pengajaran Guru Prasekolah: Satu Kajian Kes Luar Bandar (RT 372.21 MAR)	58
16	Penilaian Keberkesanan Program Latihan Dalam Perkhidmatan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Mata Pelajaran Sains (RT 371.144 NAT)	62
17	Penilaian Program Pensiswazahan Guru (PPG) Dari Sudut Pembelajaran Dalam Talian Melalui Model Konteks, Input, Proses dan Produk (KIPP) (RT 370.711 MSM)	65
18	<i>Critical Thinking Skills in Group Discussion Using The Peer Socratic Questioning (PSQ) Technique</i> (RT 371.395 ZAI)	67
19	Pembinaan dan Validasi Rubrik Pentaksiran Kendiri Kemahiran Insaniah, e-Persona (RT 378.1672 AZL)	70
20	Kepimpinan Teragih Pentadbir Sekolah dan Hubungannya dengan Efikasi Kolektif Guru dan Komuniti Pembelajaran Profesional (RT 371.2011 MFJ)	74
21	Pembangunan dan Pengujian Keberkesanan Modul Pengajaran Pecahan dengan Penyebatian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Ke Atas Pengetahuan Konseptual dan Pengetahuan Prosedural Pecahan (RT 372.7044 NOO)	77

## Kandungan Tesis Jilid 3/2021

	Tajuk Kajian	Muka Surat
22	Ciri Al-Hikmah Dalam Pengajaran Al-Quran Sekolah Rendah di Bandaraya Kuching, Sarawak (RT 372.84 SAL)	80
23	Isu Limbang Dalam Hubungan Malaysia-Brunei: 1884-1984 (RT 959.522 HAB)	82
24	Peningkatan Motivasi Dalam Pendidikan Seni di Sekolah Menengah Melalui Program 'Artists In Schools' (AiS) (RT 741.0712 WJE)	83
25	Epistemologi Terapi Muzik dan Aplikasinya di Bimaranstan Al-Mansuri Pada Abad Ke-13 Masihi (RT 297.267 MOH)	85
26	<i>Coaching For Instructional Improvement In Selangor And Sabah</i> (RT 371.102 SAL)	87
27	Kesejahteraan Psikologi, Kesejahteraan Spiritual dan Efikasi Kendiri Dalam Kalangan Kaunselor Organisasi Pendidikan di Malaysia (RT 361.06071 MAH)	90
28	<i>Teachers' Views About School-Based Professional Development For Promoting Inclusive Education In Malaysia's Primary Schools</i> (RT 371.9046 ROS)	93
29	Sosialisasi Pendidikan Informal kraf Anyaman Suku Kaum Mah Meri dan Pengaruhnya Dalam Pendidikan Formal di Pulau Carey (RT 746.14 NOR)	97
30	Puteh Mariah Tokoh Politik Wanita Pejuang Kesedaran Kemerdekaan 1946-1957 (RT 923.2595 MOH)	100
31	Strategi Padanan Leksikal Haiwan dan Implikasinya Dalam Kamus Besar Arab Melayu Dewan (RT 418.0071 MBA)	103
32	Kepimpinan Perkongsian Guru Besar, Motivasi dan Tekanan Kerja Guru Sekolah Rendah Berprestasi Cemerlang di Kelantan (RT 371.2011 ANI)	106
33	Penggunaan Teori Rangkaian Motor Pembelajaran Kemahiran Menulis Dalam Proses Mengarang Bahasa Melayu Tahun Lima (RT 372.623 FAZ)	109
34	Kesan Pembelajaran Sains Berasaskan Projek dan Pendekatan STEM Terhadap Lima Dimensi Sifat Kreativiti Saintifik Murid Tahun Lima (RT 372.35044 NOR)	111



## Kandungan Tesis Jilid 3/2021

	Tajuk Kajian	Muka Surat
35	Pengaruh Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran, Pengurusan Bilik Darjah dan Personaliti Guru Terhadap Kualiti Guru Sekolah Rendah Luar Bandar di Negeri Sabah (RT 371.1024 NOR)	114
36	Kompetensi Pengetua, Komitmen dan Motivasi Sebagai Peramal Kepada Keprihatinan Terhadap Perubahan Pengurusan Data Murid Dalam Kalangan Guru di Sabah (RT 371.2 NOR)	116
37	Pengaruh Konflik Peranan Terhadap Hasrat Persawaan Awal Pemimpin Guru: Kepuasan Kerja Sebagai Mediator (RT 371.1 NMS)	119
38	<i>The Feasibility of The Dual Language Programme (DLP) Implementation In Malaysian Secondary Schools</i> (RT 370.1175 ASH)	122
39	Impak Pelaburan Terhadap Kemahiran Kebolehpasaran Graduan Diploma Kolej Vokasional Pertanian di Malaysia (RT 370.113 ENA)	125
40	Kesan Penggunaan Koswer Multimedia Interaktif Dengan Ejen Pedagogi Dalam Pembelajaran Nutrisi Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (RT 570.712 NOR)	127
41	Pembangunan Model Qudwah Hasanah Untuk Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia (RT 371.1 ASR)	130
42	Pengetahuan Pedagogi Ilmu Kandungan Guru Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah Kebangsaan (RT 372.102 ROS)	132
43	Analisis Agen Penghias Makna (Al-Muhassinat Al-Ma'nawiyah) Dalam Surah Hud (RT 492.75 AAI)	134
44	Pembangunan Modul Pembelajaran Sejarah Peringkat Menengah Berasaskan Lawatan Muzium (RT 959.500712 NUR)	137
45	Kerangka TPACK bagi PdPc Sains Menggunakan ICT di SJK(T) Luar Bandar di Negeri Perak (RT 372.35044 KAL)	140
46	Pengaruh Ketidakpuasan Badan Terhadap Gangguan Makan Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah Berdasarkan Teori Tingkah Laku Terancang (RT 616.8526 HAI)	142
47	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Stres Peranan Dalam Kalangan Guru Sekolah Kebangsaan di Semenanjung Malaysia (RT 371.10019 MFH)	144

# Kandungan Tesis Jilid 3/2021

	Tajuk Kajian	Muka Surat
48	Aktiviti Pembelajaran Sains Berasaskan Inkuiri dan Perancah Instruksi Menerusi Aplikasi Mudah Alih Bagi Meningkatkan Kemahiran Proses Sains Pelajar. (RT 372.35044 MOH)	147
49	Amalan Guru Tentang Pendekatan Berpusatkan Murid Dalam Pengajaran Akidah Untuk Pembelajaran Murid (RT 371.394 FAT)	150
50	Keberkesanan Sistem Maklumat Geografi (GIS) Terhadap Kemahiran Berfikir Secara Ruang (KBR) Bagi Mata Pelajaran Geografi (RT 910.712 GAN)	154
51	Tahap Persediaan Kualiti Siswa Guru Konep 5 Mim Dalam Latihan Praktikum dan Standard Guru Malaysia di Institut Pendidikan Guru (RT 370.711 NNH)	157
52	Amalan Kepimpinan Instruksional dan Atribut Kepimpinan Guru Besar Sekolah Kurang Murid di Negeri Perak (RT 371.2011 NIT)	160
53	Pembangunan dan Pengujian Modul Riang Ria Membaca Untuk Pengajaran Kemahiran Membaca Awal Murid Prasekolah di Pedalaman Sabah (RT 372.21 HAN)	163
54	Pengaruh Kemahiran Berfikir Kritis Terhadap Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Serta Kompetensi Pengajaran Dalam Kalangan Siswa Guru di Institut Pendidikan Guru Malaysia (RT 370.711 BAD)	166
55	Potensi Story Map GIS Bagi Memperkukuh Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Mata Pelajaran Sejarah (RT 959.500712 SHU)	169
56	Penilaian Pengetahuan Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kemahiran Menulis Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (RT 492.75 ZUN)	171
57	Pendekatan Berasaskan Sosio-Saintifik Berbantuan Peta Pemikiran Masa Hadapan Terhadap Lima Konstruk Pemikiran Masa Hadapan Pelajar (RT 375.006 MSA)	173
58	Kesan Gaya Berfikir dan Kemahiran Penyelesaian Masalah Inventif Terhadap Kemahiran Penyelesaian Masalah (RT 370.152 SHA)	176
59	Pembinaan dan Pengesahan Instrumen Kemahiran Proses Sains (RT 371.26 ELL)	178

## Kandungan Tesis Jilid 3/2021

	Tajuk Kajian	Muka Surat
60	Kesan Perancahan, Pembelajaran Pengaturan Kendiri dan Penulisan Refleksi Terhadap Rekaan Seni Visual Dalam Persekitaran Pembelajaran Atas Talian (RT 707.00712 MYM)	181
61	Penilaian Pelaksanaan Kemahiran Menulis Dalam Kurikulum Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) (RT 492.75 IRM)	184
62	Pengaruh Faktor Tingkah Laku Terancang dan Sokongan Sosial Terhadap Aktiviti Fizikal Dalam Kalangan Murid-Murid Sekolah (RT 372.86 ANG)	186
63	<i>Factors Affecting Library And Media Teachers Job Performance In Malaysian Secondary Schools</i> (RT 027.8223 HAS)	188
64	Pemahaman Ungkapan Algebra Dalam Kalangan Murid Tingkatan Dua (RT 512.00712 AZI)	191
65	Aplikasi LiLIN dan Keberkesanannya Terhadap Kebolehan Membaca Kanak-Kanak (RT 372.210285 MAS)	194
66	Penjerapan-Nyahjerapan Gas Karbon Dioksida Menggunakan Bahan Penjerap Berasaskan Pelarut Eutektik Dalam (DES) Berpenyokong Silika (RT 546.6812 ZAI)	197
67	Kesediaan Untuk Berubah Sebagai Mediator Dalam Hubungan Antara Amalan Bimbingan, Pementoran dan Kepemimpinan Keusahawan Rakan Peningkatan Sekolah Dengan Keberkesanan Sekolah (RT 371.2011 ISK)	200
68	Pengaruh Kebimbangan Bahasa, Efikasi Kendiri dan Amalan Spiritual Terhadap Pencapaian Bahasa Arab Murid Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (RT 492.70712 AFA)	203
69	Pembangunan Model Pengajaran Ensembel Gamelan Melayu Dalam Pendidikan Sekolah Menengah di Malaysia (RT 781.62009595 RAZ)	206
70	Pengaruh Latihan Guru Pendidikan Islam Terhadap Kualiti Modal Insan Dalam Kalangan Guru Novis (RT 370.711 MZZ)	208



# MODEL PENGAJARAN M-PEMBELAJARAN BERASASKAN KAEDAH INKUIRI MATA PELAJARAN SEJARAH PERINGKAT MENENGAH

**MOHD PARIS SALEH**  
Universiti Malaya

## ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan model pengajaran M-pembelajaran berasaskan kaedah inkuiri untuk mata pelajaran Sejarah peringkat menengah. Pembinaan model ini bertujuan untuk memperlihatkan bagaimana M-pembelajaran boleh digunakan dalam menyokong pengajaran guru sejarah dengan menggabungkannya bersama-sama kaedah inkuiri. Kajian ini menggunakan kaedah Kajian Reka Bentuk dan Pembinaan yang telah diperkenalkan oleh Ritchey dan Klein (2007). Berpandukan kaedah ini, kajian ini terbahagi kepada tiga fasa. Fasa pertama melibatkan analisis keperluan yang melibatkan 120 orang guru sejarah dengan menggunakan instrumen soal selidik untuk menyiasat keperluan bagi menerapkan M-pembelajaran berasaskan kaedah inkuiri dan seterusnya pembinaan model tersebut. Data yang diperolehi dianalisa melalui statistik deskriptif dengan menggunakan perisian *Statistic Package for the Social Science* (SPSS). Interpretasi data dibuat berdasarkan nilai frekuensi dan peratusan. Fasa kedua menggunakan kaedah *Interpretive Structural Modelling* (ISM) untuk membangunkan model berdasarkan pandangan dan keputusan pakar yang terdiri daripada 9 orang. Interpretasi data adalah berdasarkan model yang dijana oleh perisian ISM dan juga melalui klasifikasi dan jaringan hubungan antara elemen model (aktiviti pengajaran). Fasa ketiga melibatkan 30 orang panel untuk menilai model tersebut dengan menggunakan teknik 'Fuzzy Delphi' yang diubah suai. Penilaian ini berdasarkan respon pakar terhadap soal selidik yang terdiri dari 7 skala Likert. Nilai ambang (*threshold 'd'*) dikira untuk menentukan konsensus pakar terhadap semua item soal selidik sementara nilai nyahfuzzi (*defuzzification*) pula digunakan untuk menentukan keputusan pakar. Nilai ambang mesti melebihi 75 % atau tidak melebihi 2.0 untuk menentukan konsensus tara pakar. Manakala nilai nyahfuzzi (*defuzzification*) mesti melebihi dari 0.5. Dapatan keseluruhan daripada fasa pertama menunjukkan bahawa guru mempunyai sekurang-kurangnya satu alatan teknologi mudah alih (100%, n=120) dengan (74.2%, n=89) alatan berada sekurang-kurangnya pada tahap 2 iaitu keupayaan panggilan suara (SMS), panggilan video, menerima emel, melayari internet, merakam gambar dan video, dan perisian muat turun. Mereka juga menunjukkan tahap penerimaan dan niat yang tinggi untuk M-pembelajaran berasaskan kaedah inkuiri. Oleh itu, kajian untuk pembinaan model tersebut adalah diperlukan. Dapatan daripada fasa 2 telah menghasilkan model yang terdiri dari 27 aktiviti pengajaran Sejarah hasil keputusan bersama-sama panel pakar. Aktiviti-aktiviti tersebut berhubung kait diantara satu sama lain untuk membentuk satu model pelaksanaan pengajaran mudah alih. Panel pakar juga berpendapat bahawa aktiviti di dalam model boleh dibahagikan kepada 3 bahagian dan 4 kluster aktiviti untuk memudahkan pentafsiran peranan aktiviti tersebut. Dapatan daripada fasa 3 menunjukkan persetujuan panel pakar berada pada (d-86.9%) dalam aktiviti pengajaran yang dipilih manakala nilai nyahfuzzi (*defuzzification*) melebihi 0.5. Model ini mengusulkan bagaimana pengajaran Sejarah berasaskan kaedah inkuiri boleh digabungkan secara praktikal melalui M-pembelajaran dalam membantu guru Sejarah untuk menjadi seorang fasilitator dan motivator semasa pengajaran.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan daripada kajian-kajian lepas membuktikan bahawa M-pembelajaran berupaya meningkatkan pencapaian dan motivasi murid-murid. Hasil dapatan yang positif daripada M-pembelajaran bukan sahaja daripada bidang pendidikan tetapi juga mencakupi bidang perniagaan, pengurusan, pelancongan, kejururawatan dan lain-lain sektor berkepentingan. Walaupun M-pembelajaran dilihat cuba mengambil alih peranan guru dalam sesi bersemuka, tidak bermakna pembelajaran di bilik darjah tradisional akan digantikan sepenuhnya dengan gelombang teknologi mudah alih. Pembelajaran di dalam bilik darjah mempunyai sejarah yang panjang, sentuhan naluri bersemuka dari hati ke hati seorang guru kepada murid tidak boleh diabaikan. Bilik darjah formal perlu dikekalkan, cuma perkembangan pusat teknologi mobil untuk pencarian maklumat boleh dimanipulasi oleh guru di dalam bilik darjah kerana kaedah M-pembelajaran merupakan alat sokongan guru ketika berhadapan dengan kekangan masa, kos, situasi guru-murid dan dilema pemilihan kaedah pengajaran yang dipilih menjadi dilema untuk dilaksanakan di dalam bilik darjah. M-pembelajaran yang telah dicadangkan adalah untuk membantu guru-guru Sejarah menjalankan pengajaran menggunakan kaedah inkuiri. Kaedah inkuiri berbentuk tradisional mempunyai kekangan dari segi kos, masa, kaedah pencarian maklumat tradisional, tempat yang terbatas serta tidak menggalakkan interaksi penerokaan menyeluruh daripada murid dalam sesuatu kajian Sejarah. Aplikasi model pengajaran M-pembelajaran berasaskan kaedah inkuiri telah membantu murid untuk meneroka, berbincang, bersoal jawab, menjana idea dan berkolaborasi antara mereka dan guru yang menyebabkan kaedah inkuiri itu benar-benar hidup, iaitu matlamat utama inkuiri itu adalah pembelajaran berpusatkan murid dan guru bertindak sebagai pencetus idea sahaja atau sebagai fasilitator.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Cadangan kajian lanjutan yang boleh dijalankan adalah seperti yang berikut:

1. Model pengajaran M-pembelajaran berasaskan kaedah inkuiri ini adalah disarankan untuk membangunkan modul pengajaran M-pembelajaran berasaskan kaedah inkuiri untuk mata pelajaran Sejarah peringkat menengah. Kajian tersebut dijangka akan membantu untuk menilai keberkesanan model ini apabila diimplementasikan kepada murid pada peringkat menengah. Berdasarkan model ini juga, perlu dibangunkan satu perisian teknologi untuk memudahkan guru-guru mengimplementasikan pengajaran yang menggunakan peranti mudah alih.
2. Kajian lanjutan juga perlu dilakukan untuk membangunkan model pengajaran M-pembelajaran berasaskan kaedah inkuiri peringkat menengah rendah. Melalui kesinambungan kajian ini membolehkan penyeragaman kaedah pengajaran Sejarah dari peringkat rendah hingga menengah atas. Keseragaman ini akan melahirkan murid dan guru yang mahir untuk mencari maklumat dengan menggunakan peralatan mobil. Hal ini juga dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membuat pemetaan terhadap proses pengajaran guru dari peringkat rendah hingga peringkat menengah.



# PENGARUH PELAKSANAAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI DALAM MENCETUSKAN KESERONOKAN MURID TERHADAP AKTIVITI FIZIKAL

**CHONG AI LING**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani (PJ) dan tahap keseronokan murid terhadap aktiviti fizikal dalam kalangan murid tingkatan empat di sekolah menengah Malaysia serta bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor utama yang menyumbang kepada keseronokan murid terhadap aktiviti fizikal. Kajian ini berlandaskan kepada Teori Kognitif Sosial, Teori Pencapaian Matlamat, Teori Motivasi, Model Intervensi dan Model Proses Keseronokan Pendidikan Jasmani. Instrumen "Pelaksanaan Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani" (PMPPJ) digunakan untuk meninjau persepsi guru tentang tahap pelaksanaan mata pelajaran PJ dan instrumen "Proses Keseronokan Aktiviti Fizikal Pendidikan Jasmani (PKAFPJ)" digunakan untuk meninjau tahap keseronokan murid terhadap aktiviti fizikal. Nilai kebolehpercayaan Alfa Conbach bagi kedua-dua instrumen kajian ini berada dalam julat 0.686 hingga 0.886. Sampel kajian ini terdiri daripada 411 orang guru PJ dan 411 orang murid tingkatan empat dari 120 buah sekolah menengah yang bertaburan di seluruh Malaysia yang dipilih secara rawak strata tidak mengikut nisbah. Teknik temu bual individu dan kumpulan berfokus turut dilaksanakan ke atas tujuh orang guru dan lima kumpulan berfokus yang melibatkan 28 orang murid. Perisian SPSS-Windows versi 19.0 digunakan untuk menganalisis data kuantitatif. Perisian NVivo8 pula digunakan bagi menganalisis data temu bual. Analisis deskriptif mendapati bahawa pelaksanaan mata pelajaran PJ dan keseronokan murid terhadap aktiviti fizikal PJ berada pada tahap sederhana tinggi serta sokongan pentadbir dan ibu bapa merupakan kekangan utama guru dalam melaksanakan mata pelajaran ini. Analisis MANOVA memperlihatkan terdapat perbezaan signifikan pada pelaksanaan mata pelajaran PJ berdasarkan kelayakan dan pengalaman guru. Tahap keseronokan murid terhadap aktiviti fizikal pula berbeza secara signifikan berdasarkan faktor kelayakan dan pengalaman guru, jantina murid dan kaum. Kompetensi guru (25.6%), daya tarikan PJ (2.9%) dan pengetahuan guru (1.4%) merupakan faktor yang menyumbang kepada keseronokan murid terhadap aktiviti fizikal secara signifikan berdasarkan Analisis Regresi Berganda. Dapatan kajian ini mencadangkan supaya guru perlu meningkatkan kompetensi dan pengetahuan dalam penggunaan pelbagai strategi dan aktiviti pengajaran bagi meningkatkan tahap keseronokan murid terhadap aktiviti fizikal Pendidikan Jasmani.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Analisis data kajian ini telah menjawab enam objektif kajian yang dibentuk. Secara keseluruhannya, pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah menengah adalah pada tahap sederhana tinggi dalam aspek kompetensi guru, kemudahan fizikal dan peralatan, pengetahuan guru dan daya tarikan Pendidikan Jasmani. Manakala aspek sokongan pentadbir dan ibu bapa pula berada pada tahap sederhana rendah. Analisis terperinci dimensi sokongan pentadbir dan ibu bapa menunjukkan bahawa elemen ibu bapa menggalakkan pelibatan anak mereka dalam kelas Pendidikan Jasmani dan pentadbir berbincang dengan guru tentang masalah yang dihadapi oleh guru untuk melaksanakan mata pelajaran Pendidikan Jasmani adalah pada tahap sederhana rendah.

Analisis kajian menunjukkan bahawa masalah atau kekangan utama yang dihadapi oleh guru Pendidikan Jasmani adalah aspek sokongan pentadbir dan ibu bapa. Sementara itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa guru kurang menghadapi masalah dalam aspek cuaca yang panas, pengurusan kelas, memerlukan bimbingan dan latihan, kemudahan sumber rujukan, keselamatan dan kemudahan asas pengajaran dan pembelajaran, minat murid, kompetensi guru, keyakinan guru mengajar Pendidikan Jasmani dan pengetahuan guru.

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa keseronokan murid terhadap aktiviti fizikal Pendidikan Jasmani adalah berada pada tahap sederhana tinggi. Analisis terperinci mendapati bahawa elemen interaksi rakan sebaya mencatatkan skor min pada tahap yang tertinggi. Sementara itu, dimensi pelibatan ibu bapa, kompetensi rujukan sendiri, ciri-ciri guru, daya tarikan aktiviti fizikal Pendidikan Jasmani dan kompetensi rujukan lain berada pada tahap sederhana tinggi. Analisis terperinci aspek ini mendapati bahawa elemen yang mencatat skor min tertinggi dalam dimensi ini ialah 'mata pelajaran Pendidikan Jasmani memberikan saya peluang untuk melakukan aktiviti bersama dengan kawan-kawan'.

Analisis MANOVA menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani berdasarkan jenis sekolah dan lokasi sekolah. Dari segi kesan interaksi pula, hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara jenis sekolah dan lokasi sekolah terhadap pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani.

Keputusan analisis MANOVA turut menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani berdasarkan kelayakan guru mengajar mata pelajaran ini. Analisis lanjutan skor min menunjukkan bahawa guru opsyen Pendidikan Jasmani, Sukan dan Rekreasi memiliki tahap kompetensi dan pengetahuan mengajar mata pelajaran ini yang lebih tinggi berbanding dengan guru bukan opsyen.

Seterusnya, analisis MANOVA mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani berdasarkan pengalaman guru mengajar mata pelajaran ini. Analisis skor min menunjukkan bahawa guru yang berpengalaman memiliki tahap kompetensi dan pengetahuan mengajar mata pelajaran ini yang lebih tinggi berbanding guru yang kurang berpengalaman.

Di samping itu, analisis MANOVA menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap keseronokan murid terhadap aktiviti fizikal mata pelajaran Pendidikan Jasmani berdasarkan kelayakan (opsyen) guru. Analisis skor min menunjukkan bahawa guru yang opsyen dalam bidang ini memberi kesan dalam aspek keseronokan murid terhadap aktiviti fizikal

Pendidikan Jasmani pada tahap yang lebih tinggi berbanding dengan guru yang bukan opsyen berdasarkan dimensi ciri-ciri guru. Kompetensi rujukan sendiri, daya tarikan aktiviti Pendidikan Jasmani dan interaksi rakan sebaya.

Kajian ini turut mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap keseronokan murid terhadap aktiviti fizikal pendidikan jasmani berdasarkan pengalaman guru mengajar mata pelajaran ini. Analisis skor min menunjukkan bahawa guru yang berpengalaman berupaya mencetuskan keseronokan murid terhadap aktiviti fizikal Pendidikan Jasmani pada tahap yang lebih tinggi berbanding dengan guru yang kurang pengalaman berdasarkan dimensi ciri-ciri guru, kompetensi rujukan sendiri, daya tarikan aktiviti Pendidikan Jasmani dan interaksi rakan sebaya.

Selain itu, analisis MANOVA mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap keseronokan murid terhadap aktiviti fizikal Pendidikan Jasmani berdasarkan faktor kaum. Analisis skor min menunjukkan bahawa tahap keseronokan murid Melayu adalah lebih tinggi berbanding dengan murid Cina berdasarkan aspek ciri-ciri guru, pelibatan ibu bapa dan kompetensi rujukan sendiri. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi sikap keseronokan murid terhadap aktiviti fizikal Pendidikan Jasmani berdasarkan faktor jantina. Analisis lanjutan skor min mendapati bahawa tahap keseronokan murid lelaki terhadap aktiviti fizikal Pendidikan Jasmani adalah lebih tinggi berbanding dengan murid perempuan berdasarkan dimensi ciri-ciri guru, kompetensi rujukan sendiri, kompetensi rujukan lain dan daya tarikan aktiviti fizikal Pendidikan Jasmani.

Seterusnya, analisis Regresi Berganda Stepwise menunjukkan bahawa tiga daripada lima pemboleh ubah bebas yang mempunyai kolerasi dan memberi sumbangan yang signifikan ke atas keseronokan murid terhadap aktiviti fizikal Pendidikan Jasmani. Pemboleh-ubah tersebut ialah kompetensi guru, daya tarikan Pendidikan Jasmani dan pengetahuan guru. Ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut memberi sumbangan sebanyak 29.9 peratus kepada perubahan varian dalam skor keseronokan murid terhadap aktiviti fizikal Pendidikan Jasmani, iaitu kompetensi guru menyumbang sebanyak 25.6 peratus, daya tarikan aktiviti Pendidikan Jasmani sebanyak 2.9 peratus dan pengetahuan guru sebanyak 1.4 peratus.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa kewajaran yang boleh dipertimbangkan oleh kajian lanjutan bagi meneruskan kesinambungan penyelidikan dalam bidang ini adalah seperti yang berikut:

1. Dalam kajian ini, aspek pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah menengah adalah dikaji berdasarkan "Model Intervensi" (Thomas & Beaudoin, 2002) yang memberi fokus kepada lima faktor yang terkandung dalam model tersebut iaitu faktor "Presage" (ciri-ciri pengetua dan guru), faktor program (daya tarikan mata pelajaran Pendidikan Jasmani), faktor konteks (persekitaran sekolah), faktor proses (rutin penyampaian pengajaran dan pembelajaran) dan faktor produk (kesan pelaksanaan mata pelajaran ini ke atas domain afektif murid). Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar kajian yang akan datang mempertimbangkan faktor-faktor lain yang dicadangkan dalam model yang dikemukakan oleh Fullan (1991; 2001) seperti faktor ciri-ciri kurikulum, peranan individu setempat (*local roles*) dan faktor luaran (*external factor*) yang turut mempengaruhi pelaksanaan mata pelajaran ini.

2. Kajian akan datang dicadangkan menggunakan reka bentuk kajian longitudinal bagi meneroka hubungan yang wujud antara faktor-faktor pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani dengan tahap keseronokan murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Jasmani.
3. Kajian ini mendapati tiga daripada lima faktor peramal yang memberi sumbangan signifikan sebanyak 29.9 peratus dalam aspek keseronokan murid terhadap aktiviti fizikal Pendidikan Jasmani. Dapatan ini memberi makna bahawa masih terdapat faktor-faktor lain yang berpotensi mempengaruhi keseronokan murid terhadap aktiviti fizikal mata pelajaran ini. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya kajian akan datang meneroka faktor-faktor lain yang berpotensi mempengaruhi keseronokan murid terhadap aktiviti fizikal Pendidikan Jasmani, iaitu faktor peribadi murid seperti demografi murid, indeks jisim badan murid (BMI), jantina, kaum/etnik serta kekerapan pelibatan murid dalam aktiviti fizikal pada waktu luar sekolah.
4. Kajian yang dijalankan ini hanya melibatkan sampel kajian yang terdiri daripada murid tingkatan empat yang berumur enam belas dan tujuh belas tahun. Justeru, adalah dicadangkan supaya kajian akan datang melibatkan sampel kajian yang terdiri daripada murid pelbagai peringkat umur pada peringkat sekolah menengah rendah.
5. Kajian yang dijalankan ini adalah terbatas kepada metodologi kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif dan teknik temu bual individu serta kumpulan berfokus untuk mengumpul data kajian. Oleh itu, kajian akan datang dicadangkan dapat memantapkan metodologi kajian dengan mempelbagaikan kaedah pengumpulan data seperti menggunakan kaedah pemerhatian dan analisa dokumen bagi menyokong dapatan kajian bahagian kuantitatif.



## ASSESSMENT REFORM IN MALAYSIA: POLICY INTO PRACTICE IN PRIMARY SCHOOLS

**MARCELINA JOHN**  
University of Stirling

### ABSTRACT

This qualitative case study draws upon the empirical data drawn from two case study schools conducted in Malaysian primary schools that have responded to the new assessment practices related to School-Based Assessment (SBA) in the new curriculum (KSSR) policy. This study investigated how English language teachers make sense of and enact SBA in the new English curriculum in Malaysia. This study also examined the contextual and individual teacher factors in schools that influence the changes, the external factors that are influencing the changes, and the alternative or further support that schools and teachers feel they need to effectively implement the new assessment practice. Using Priestley's (2011) Social Interaction model, derived from Archer's (1995) Morphogenesis orphostasis (M) model, this study focused on the cultural, structural, material and individual attributes which helped to understand how and why teachers were implementing the new policy around assessment. Semi-structured interviews, classroom observations, document analysis and field notes were used in collecting the data. The data were analysed in two stages. The first stage involved within-case analysis from the two primary schools. In the second stage of data analysis, the themes that emerged from the two case studies were analytically categorised into the four elements suggested in the Social Interaction model, by referring to the generic questions proposed by Priestley (2007). The striking findings of this study suggest that the accountability mechanism in the Malaysian education system was seen as being morphostasis in nature, in that it impeded the new assessment policy to penetrate the culture in schools. In addition, the material and individual factors had also influenced the SBA practices in being effectively implemented and enacted by teachers.

## SUMMARY OF FINDINGS

The data strongly suggests that there is a contrast between the teachers' understanding of the School Based Assessment (SBA) with the way it was designed to be implemented because there is a lack of conceptual understanding of the two forms of assessment practices. In addition, due to lack of clarity in defining the philosophy and purpose of the policy during the training courses, the teachers seemed to lack the ability to differentiate between formative assessment and summative assessment. Therefore, they appear not to see the relation of each type of assessment with its function, concepts which are inseparable in the teaching process (Heritage, 2007). The question that arises repeatedly from the teachers is "Why do we have to do two assessments at the same time?" This is a good example of teachers' lack of understanding about the function of SBA. Educational change always involves "change in practice" (Fullan, 1991, p.37). However, for teachers who have been trained in a very exam-oriented system, changing away from the old practice is not easy. The different beliefs about assessment revealed by the teachers in this study, and whether they were congruent or contradict with the SBA policy, also contributed to the shaping or distorting their engagement with the policy. In addition, the numerous forms of pressure dictated by the demands of the MoE, for instance, setting higher Key Performance Indicators (KPIs) targets which demands that the schools engage in high-stake results for the purpose of monitoring the performance of teachers and schools (Harlen, 2005), led to hybridisation or the reproduction rather than the transformation of the teachers' pedagogical practices. The aim of achieving the KPIs thus demands that the teachers must focus on teaching to the test (Black et al., 2003; Perryman et al., 2011) or on training pupils to practise answering questions for the national examination. This makes a huge impact on promoting the change, such as the limited use of formative assessment to help to improve the learning process (Broadfoot et al., 1998 and Pollard et al., 2000, as cited in Harlen, 2005). This has also led to the adaptation of both the new and old ideas to aid in removing the contradictions (Priestley and Sime, 2005), such as conducting summative assessment and claiming it to be formative, and therefore continuing with the old way of assessing the pupils while only seeming to comply with the assessment practices mandated in the new policy.

## RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH

One way of promoting effective involved is by engaging in collaborative and shared sense-making among the stakeholders involved in the change process. For instance, shared sense-making has proven to be an integral element of curriculum change, as it helps to construct understanding, highlights the significance of the reform, and identifies the implications for the school.

Therefore, for future study, the focus should be placed on shared-sense making through dialogue and collaboration between the macro (Ministry of Education), meso (school), or micro (teachers) levels. This will be helpful in exploring how the process of any educational reform implementation reaches the final level in the education system.

### 1. Macro Level (Ministry of Education)

At the Ministry level, there is a need to provide training across the entire implementation stage (i.e., the state Education Department (JPN) and District Education (PPD) officers on how the 40 percent of SBA might be composed. When teachers were given the policy, the circular letter stated that 40 percent is derived from SBA, it does not help teachers to enact meaningful practices unless they fully understand why they have to follow the policy. The

teachers must progress through a process of making sense of that process. For instance, Ball et al., (2012) observe that schools have to implement multiple policies at the same time and they are often enacted differently by teachers within the same school. In this research, schools had to implement the new English KSSR that comes with a new assessment system and the LINUS programme, which was introduced in 2011 and 2013. However, 'putting policies into practice is a creative and sophisticated and complex process'. (ibid., p.8). Policy enactments are not just about their implementation but it is interpreted differently by different policy actors. Therefore, the process of generating different interpretations and translations of policy resulted in a more complex process for teachers to make sense of it. This is because "teachers do not implement policy; they enact, translate, mediate it through a process of iterative refraction, filtered via existing professional knowledge, dispositions and beliefs" (Priestley and Philippou, 2018, p. 153). Therefore, training should include discussion groups with an external group of experts, such as including an expert facilitator to focus on building up a better understanding on how SBA is conducted so as to help teachers to have better understanding of the purpose of SBA. This might change their beliefs and shift their classroom practices.

## **2. Meso Level (School Level)**

The individual attributes, such as teachers' beliefs, were revealed to be very important in making sense of and enacting the policy. Teachers' existing beliefs need to be addressed as they influenced their classroom practises. Findings in this study suggest that a continuous dialogue on English SBA, underpinned by the new curriculum must be initiated. Developing a shared understanding, for instance, between the districts in a state and between schools in the district will help teachers to make sense of the unfamiliar ideas; in this case, the rationale for conducting SBA in schools.

For future research, it is suggested that a study based on what forms of professional training might help to promote teachers to shift their pedagogical beliefs about assessment that will then help both teachers and pupils to embrace SBA in teaching and learning activities.

## **3. Micro Level (School Leaders)**

Fullan (1991) stressed that the extent of reform implementation is not the same in every school because of the different leadership concerns. School leaders need to convince and lead the change for it to be successfully implemented in schools. The strong leadership role drives the school to promote cultural change. Thus, a strong leadership helps to shape teachers' positive attitudes towards embracing SBA. This finding aligns with those presented by Priestley and Sime (2005), which suggest that strong leadership, accompanied by professional trust, promotes teachers' capacity for change.

Possible future research could focus on what forms of leadership might help stimulate the new assessment practices to be part of the school culture. One way of doing this is through shared understanding; if the school management does not understand the policy, they will not be able to convince their staff to implement it well. However, Pyhalto et al., (2018) also warned about the possibility that shared sense-making may not automatically result in practical understanding and improvement in relation to practices. This is especially true in Malaysian context, where too much emphasis is placed on league tables based on their school's performance. Thus, school leaders might be affected by the different values and practices and the school aspects that they found to be crucial at school level.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2018



# EFFECTS OF PROBLEM-BASED LEARNING ON COGNITIVE PERFORMANCE, MATHEMATICAL VALUES AND MOTIVATION TO LEARN MATHEMATICS AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN MALAYSIA

**FATIMAH RAMLI**  
Universiti Putra Malaysia

## ABSTRACT

This study examined the effectiveness of implementing Problem Based Learning (PBL) strategy on the students' cognitive performance, mathematical values and motivation in learning Mathematics for form two secondary school students. A quasi-experimental nonrandomized control group post-test design was conducted and it consists of 62 students on two intact groups. 35 students were placed in the experimental group while 27 students in the control group participated in this study. Students in the experimental group underwent Problem Based Learning instruction strategy (PBL), while the control group learned mathematics using Conventional Instruction strategy (CI) in class over a period of eight weeks. Problem Based Learning strategy refers to the use of Problem Based Learning modules in teaching and learning Mathematics. Form two students from one of the schools in Selangor were the sample of the study. Four instruments were used in this study namely, Achievement Test, Paas Mental Effort Rating Scale, ARCS motivation survey and mathematical values scoring rubric. Achievement Test and Paas Mental Effort Rating Scale were used to measure cognitive performance. Students' mathematical values were measured using a set of rubric consisting of nine mathematics educational values while ARCS motivation survey were used to measure students' motivation towards learning mathematics. The data were analysed using one-way between-group analyses of covariance (ANCOVA) and independent t-test. The results of this study showed that students who were exposed to the PBL strategies achieved significantly better achievement score with less mental effort as compared to those who were taught using the CI strategy. Similar findings also showed the PBL strategies helped students achieve better scores in solving higher order questions compared to the CI strategy group. However, there were no significantly different scores in solving the lower order questions between the two groups. The students from the PBL strategy group acquired significantly higher scores than the CI strategy group in the overall mathematical values in the subscales of accuracy, conjecturing, consistency, creativity, effective organization, efficient working strategies, persistence and systematic working. The result also indicated that PBL strategy also induced higher level of overall motivation towards learning in the subscales of attention, relevance and confidence as compared to CI strategy. Therefore, the study shows that the PBL strategy enhanced students' cognitive performance, students' mathematical values and students' motivation in learning mathematics. These findings indicated that the Problem Based Learning instruction is superior in comparison to the CI strategy, hence implying PBL strategy in teaching and learning of mathematics was more efficient than the CI strategy. The results from this study suggested the using of Problem Based Learning strategy in the teaching and learning topics of Pythagoras Theorem, Transformation, Solid Geometry II is beneficial and the utilization of this strategy should be continued. Therefore, it is recommended that using PBL strategy helps to enhance students' cognitive performance, mathematical values and motivation better as compared to CI strategy.

## SUMMARY OF FINDINGS

### 1. Effects of the Problem Based Learning Strategy and Conventional Instruction Strategy on students' cognitive performance

The results showed that the students in PBL strategy group performed significantly better than the CI strategy group on the overall test performance, performance in solving higher order thinking questions, mental effort, instructional efficiency and the number of errors obtained. Furthermore, there was no significant difference between the two groups in the performance in solving lower order thinking questions, problem-solving time and performance efficiency. The significant higher scores in students' cognitive related performance in the PBL strategy group as compared to the CI strategy group could be due to the improvement of learning resources by using guided questions to lead the students in the learning process that reduced the extraneous mental efforts. As suggested by Kirschner, et al. (2006), the unguided instructional approaches were less effective and less efficient for novices than guided instructional approaches because the former approaches ignored the structures that constituted human cognitive architecture. However, results also showed that there was no significant difference between the PBL strategy group and the CI strategy group in their performance in solving lower order thinking questions, problem-solving time and instructional efficiency. These results showed that the instructional strategies did not affect the ability of students in solving lower order thinking questions.

### 2. Effects of the Problem Based Learning Strategy and Conventional Instruction Learning Strategy on students' Mathematical values

This finding indicated that by using PBL on the topics of Pythagoras Theorem, Transformation and Solid Geometry II. The real-life problem in PBL instruction strategy induced the conjecturing values that students can form of hypothesis or conjecture that connects aspects of mathematics to a broader view of the problem that student can relate with the real life situation. The activities in organising the problem enhance the accuracy values. Self-directed learning gives students the opportunity to determine their own formulation of problem within the given subject area guidelines show through consistency of the students to accurately interpret evidence, statements, graphics, and questions in the problem-solving session during intervention. Experience learning in PBL strategies provides the opportunities for the students to build their own experiences and interest which enhance the creativity values as student can develop a logical, consistent plan to solve problem, recognize consequences of solution and articulate reasons for choosing solutions in problem solving. Systematic working refers to the students' ability to choose a plan and know exactly what to do to solve unfamiliar mathematics problems.

### 3. Effects of the Problem Based Learning Strategy and the Conventional Instruction Strategy on students' motivation towards the learning of Mathematics

The level of motivation was measured using the Instructional Materials Motivation Survey (IMMS) developed by Keller (1979). The survey contained statements that were related to students' motivation and were rated on scale of 1 to 5. PBL strategy group scored significantly higher than the CI strategy group in the overall motivation and the subscales of attention, relevance and confidence. There was no significant difference between the groups in the subscale of satisfaction. This could be due to the students in Malaysia who were satisfied when a teacher acted as a teacher rather than as a facilitator in the learning

of Mathematics. The results also indicated that motivation of the group in the PBL strategy instruction increased as compared to the students in the CI strategy group. This result supported the previous studies where the PBL approach was utilised in teaching Geometry (Worry, 2011), Computer Science (Lejeune, 2002), Law (Chan, 2014) and Chemistry (Tosun & Taskesenligil, 2011).

## **RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH**

This study opens an added source for other researchers to investigate more areas on Problem Based Learning instruction in the teaching and learning Mathematics in secondary schools. Since the scope of this study was limited to several topics in the Malaysian Form Two Mathematics Syllabus, the effectiveness of Problem Based Learning strategies should be explored in the teaching and learning of other Mathematics topics and other school subjects. Furthermore, since the sample of this study consisted entirely of Malaysian form two secondary students, it is recommended that it be replicated and extended to other levels of Malaysian secondary schools, pre-universities or matriculation, colleges and university students using different topic at each level. In addition, a larger study with a larger sample should be conducted to give a better picture of the effectiveness of Problem Based Learning instruction in teaching and learning of Mathematics. From the findings of this study, it is recommended that integrating the use of PBL approach should be part of a routine instructional strategy in teaching and learning of Mathematics in secondary level.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2018



# **FACTORS THAT INFLUENCE SATISFACTION TOWARDS FROG VIRTUAL LEARNING ENVIRONMENT AMONG CHAMPION SECONDARY SCHOOL TEACHERS IN SOUTHERN REGION OF MALAYSIA**

**CHEOK MEI LICK**  
Universiti Putra Malaysia

## **ABSTRACT**

The focus of the study was to investigate factors that influence satisfaction towards the FROG Virtual Learning Environment (VLE) in the teaching and learning among the Champion Secondary Schools teachers. It is imperative for the Ministry of Education (MoE) to determine the factors that predicts satisfaction towards FROG VLE due to its implications to teachers' continuous usage of the system. It has been reported that there is an association between user satisfaction and a continued usage of an e-learning system. This would help e-learning developers, MoE, school administrators and teachers to be more apt in designing strategies that are more likely to increase teachers' satisfaction, thus continue the use of e-learning. The predictors studied were from three categories; characteristics of the teachers, the system and the organisation. Specifically, the factors studied from each category were computer anxiety, computer attitude and internet self-efficacy for teacher's characteristics; training, technical support and school management in relation to organisation's characteristics, and perceived usefulness, perceived ease of use, flexibility and interaction in studying FROG VLE's characteristics. The use of the FROG VLE was studied as a mediator and gender as a moderator. The study was based on a quantitative method with correlational research design conducted by analysing the statistics of mean, standard deviation, percentage and frequency. The statistical analysis of Structural Equation Modeling (SEM) used SPSS and AMOS Version 22 in analysing the data. The validity of the instrument was established through a panel of content and language experts. A pilot test was carried out among 64 teachers and the Cronbach Alpha Coefficient was found ranging from 0.81 to 0.97. The Confirmatory Factor Analysis (CFA) was conducted in order to test the consistency of the constructs and to determine the constructs validity. The study involved 350 respondents from the Champion FROG VLE secondary school teachers from three states, namely Negeri Sembilan, Melaka and Johor. In selecting the samples, the technique used was the proportionate stratified cluster sampling. Several significant findings emerged from this study. The results attained from the analysis generated a model - the Malaysian Teachers' Satisfaction Model that could be used to explain factors that affect satisfaction towards the FROG VLE among school teachers. There were five significant paths in influencing Satisfaction which are the Internet Self-Efficacy, Computer Attitude, Training, Flexibility and Use of FROG VLE. Consequently, 86% of the variance in satisfaction was explained by the five variables of the study. Mediation analysis has found the construct "Use of FROG VLE" to be significant, acting as a partial mediator between Internet Self-Efficacy and Satisfaction. Full mediation was found in the relationship between Computer Anxiety, Perceived Usefulness, Perceived Ease of Use, Interaction and School Management on Satisfaction. Gender was found not significant as a moderator between Use and Satisfaction. Factors that were found to influence teachers' satisfaction towards FROG VLE include Internet Self-Efficacy, Computer Attitude,

Training, Flexibility and Use of Frog VLE. Through the mediation test, it can be concluded that with greater use of the FROG VLE, it would lead variables like Computer Anxiety, Perceived Usefulness, Perceived Ease of Use, Interaction and School Management towards Satisfaction. As gender is not significant as a moderator, no differentiation of trainings is needed between the male and female teachers. Hence, the findings of this research will guide and direct stakeholders into specifically focusing on factors that have direct relevance and influence onto teachers' satisfaction towards the FROG VLE. As satisfaction will ensure continued use of the system, this in turn will help to further build teachers' pedagogical skills and techniques in teaching through the FROG VLE. The hope for a more sophisticated utilisation of technology across the schools would then be realised. This will also benefit and yield greater returns to the MoE in line with the investment made towards the virtual learning initiative for classroom teaching and learning.

## **SUMMARY OF FINDINGS**

This study reveals that Computer Attitude, Internet Self-Efficacy, Flexibility, Training, and 'Use' have been found to have a significant influence towards satisfaction. Out of the five factors that significantly influenced satisfaction, only the variable flexibility concerned the system itself, while the other two variables were related to characteristics concerning the teachers as end-users. From the organisation's dimension, training is deemed important too. With this, the factors that influenced satisfaction can be better understood. Hence, it can be concluded that satisfaction towards the FROG VLE is influenced by factors related to the system itself, the organisation, and also the teachers' characteristics.

Post-Acceptance ISCM was also used in this study to explain the relationship between confirmation of the perceived usefulness of the FROG VLE before one can be satisfied towards the system. It emphasises the importance of perceiving the FROG VLE as being beneficial to them before satisfaction and continued usage. These theories supported the practical validity in explaining factors that influence teachers' satisfaction towards the FROG VLE. In this study, they help highlight and stress the importance of satisfaction to sustain continued usage of the FROG VLE. Thus, these theories provide fruitful practical applications specifically in relation to technology and satisfaction studies.

The results of the study also had highlighted the critical role of Use as the partial mediator in the relationship between internet Self-Efficacy and Satisfaction, while full mediation in the relationship between Computer Anxiety, Perceived Usefulness, Perceived Ease of Use, Interaction, and School Management on Satisfaction towards the FROG VLE. Therefore, provision of the opportunity to use the FROG VLE is invaluable in which the MoE and the stakeholders must seriously consider. It plays an important underlying motivational role in influencing and increasing satisfaction among the teachers. Only then can we expect to see a change in teachers instructional methods in the classroom. Thus, it can be concluded that use of FROG VLE is needed.

## **RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH**

There is a need to carry out future research to overcome the limitations in this study. Several recommendations have been proposed in an attempt to overcome the problem of under-utilised system, and increase its usage in the teaching and learning as below:

1. This is a quantitative research in relevance to the aims of the study carried out. The data collection of this study was assessed through self-report in questionnaires. It is highly recommended for future studies to include qualitative aspect. This would allow the users a better platform in having their voices and views heard. A more extensive collection of data can be expected. This is to obtain a more tri-depth understanding of the antecedents that influence teachers' satisfaction towards the FROG VLE. These could include data gathering methods through interviews, observations, visual and audio recordings.
2. In this research, the predictor factors investigated were Perceived Usefulness, Perceived Ease of Use, Flexibility, Interaction, Computer Attitude, Computer Anxiety, Internet Self-Efficacy, School Management, Training, Technical Support and Use. The explained variance of satisfaction by the variables were 86 % providing 14% of the variance unexplained. This has raised the possibility of other variables having similar potential to significantly influence satisfaction among the teachers. Hence the model can be extended to various other factors that could also influence satisfaction. Assessment of e-learning must incorporate different aspects of perceptions. Other variables suggested that may have influence on the satisfaction are facilitating conditions, social presence and assessments.
3. The current study basically emphasised the utilisation of the FROG VLE among the secondary school teachers. The survey was only conducted in the southern region of Malaysia involving the states of Negeri Sembilan, Melaka and Johor. As such, the target population can be further outspread to other levels, such as the primary school and the other states and test whether the present findings can be generalised to these groups of teachers. This would yield a better distinctive finding.
4. This study used individual's perceptions in analysing factors that influenced satisfaction towards the FROG VLE. Respondents may not be willing to admit to certain issues for fear of upsetting their principals or the MoE. Perhaps future research could look into other sources of information like asking the students, colleagues or superiors who could provide a different perspective of answers with less bias. Diverse sample from various categories would help reduce common method bias, thus enhance generalisability of the findings.
5. Satisfaction can also be extended to the different dimensions of the FROG VLE in the teaching and learning processes. For example, we could study Satisfaction towards the training sessions, specifically studying the duration, access to technology, opportunities to engage in activities and also to collaborate with peers. We could also study satisfaction in terms of the impact of the FROG VLE towards students' achievement and change perhaps. Through these dimensions, Satisfaction can be studied in extensive ways which is relevant and meaningful to the teachers' context. Thus, the complexity of the ecosystem in which the FROG VLE is being implemented can be better understood.
6. Efforts should also be made to further explore other variables that could act as a moderator towards satisfaction among the other ten variables in this study. The result of this study rejects gender as a moderator in influencing the relationship between use and satisfaction among the teachers in this study. It is recommended to conduct future studies that can examine other aspects, subject matters, class levels and location of schools. The results will generate noteworthy findings to the body of knowledge especially on how to increase usage of the FROG VLE in schools.

7. Lastly, the research framework of this study adds new understanding of the influencing factors and the mediating role of use and gender as the moderator in studying satisfaction towards the FROG VLE among Malaysian secondary school teachers and in Asian context. It is hoped that the above recommendations will aid better understanding towards what constitutes to teachers' satisfaction towards the FROG VLE in teaching and learning.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2018



# **PATH ANALYSIS OF THE EFFECTS OF LEARNING STYLES, SOCIAL SUPPORT AND EMOTIONAL INTELLIGENCE ON ACADEMIC ACHIEVEMENT AMONG TESL TEACHER TRAINEES IN IPG**

**AZLINDA ABD AZIZ**  
Universiti Teknologi Mara

## **ABSTRACT**

Teacher education comes in many shapes and sizes and it is an extremely complex task to prepare teachers for their professional work in public classroom. Teachers must be knowledgeable and highly educated individuals. The Institute of Teacher Education in Malaysia (Institut Pendidikan Guru Malaysia) has a big responsibility to train in-service as well as pre-service teachers. Not all trainee teachers were able to perform academically well in the training institution. Without good academic result, chances for them to get early posting would be jeopardized. Inadequacy of concrete evidence to prove which learning styles instruments is the best to use in education and very limited studies available to show that the instrument is capable of testing the validity of learning styles used in education has been a great concern that led this study to take off. This study proposed that learning happens in a social context and there were several factors which influence the teacher trainees' academic achievement. Using the Triadic Reciprocal Determination Model as the theoretical framework, the factors chosen were learning styles, social support and emotional intelligence. This study intended to analyse how these factors correlate and affect the teacher trainees' academic achievement. The study also proposed emotional intelligence to be the mediator of the hypothesized relationships. A total of 411 Teaching English as Second Language (TESL) teacher trainees were selected to respond to a set of questionnaires. Confirmatory factor analysis was carried out on each of the construct then followed by a pool model combining all the constructs being tested for model fit in a measurement model. The trainees revealed collaborative as their preferred learning styles and perceived that the highest support received was from family and friends. They displayed high level of emotional intelligence especially in the dimensions of self-emotion appraisal and use of emotion. Next, structural equation model was carried out and evidently, analysis on the accepted model proved that only learning styles and emotional intelligence had direct significant effect on academic achievement. Social support did not show any significant effect on academic achievement. Interestingly, emotional intelligence existed as an independent construct and does not mediate any relationships between the two constructs and academic achievement. It was suggested that the element of emotional intelligence to be strengthen and enhanced in planning the curriculum for teacher trainees. This is important so that the future generations of teachers will be well balanced in terms of cognitive and emotional domains.

## SUMMARY OF FINDINGS

The findings led to several conclusions in relation to the research objectives of this study. The first objective was to examine the preferred learning styles, level of social support and level of emotional intelligence of the TESL Teacher Trainees. Collaborative learning style emerged as the preferred learning style among the TESL teacher trainees. More than half of the TESL teacher trainees prefer to work collaboratively as they believe that learning is possible by interacting actively with lecturers and through sharing of ideas and opinions with others. Competitive and Avoidant learning styles are also identified among highly preferred styles by the trainees. Participative learning style is the least preferred. The other learning styles namely Independent and Dependent scored moderately. The majority had chosen Participative as the least preferred learning styles. As for social support, overall, TESL teacher trainees showed a considerably high level of support received from their lecturers, family and friends. The most supports they get as perceived by the trainees were considerably high, led by family's support and followed by friends' support and lecturers' support. Overall, it was found that the trainees really appreciate the amount of support they received from family, lecturers and friends. In a way, it showed that the support helped them to survive in their life. The support could be the source of motivation and encouragement for them. Results also showed that TESL teacher trainees in IPGs had high level of emotional intelligence. Self-Emotion Appraisal had the highest mean of score, followed by Use of Emotion, Other's Emotion and Regulation of Emotion. Overall, the TESL teacher trainees have perceived considerably high level of social support and level of emotional intelligence. This indicated a positive outcome that showed these trainees would be able to function well socially and able to become well-balanced teachers in the future. It was shown that Dependent Learners, Use of Emotion and Family Support were all combined to become significant factors that contributed to the TESL teacher trainees' academic achievement. Emotional Intelligence would be a good catalyst for the initiative to develop affective factor to achieve the goal of learning process. The understanding of Emotional Intelligence might translate into better educational practice as it appears to be effective in improving school performance, attitudes and behaviours.

The second objective was to investigate the contribution of learning styles' dimensions, social supports' dimensions and emotional intelligence dimensions towards academic achievement of the TESL Teacher Trainees. The result indicated that only Avoidant and Dependent learning styles had significant effects on academic achievement. Avoidant however, had negative relationship on academic achievement and Dependent learning style has a weak positive relationship on academic achievement. This means that the more avoidant the trainees were, the less they were to score in their academic. They could not avoid carrying out task and run away from commitment if they want to graduate successfully. It is self-explained that most of the avoidant learners do poorly in their study. They need to appreciate their study and be committed to the task given. They also need to strategize their learning to avoid failure. They need serious guidance and motivation in order to successfully complete their study. The assessment system in IPG requires certain standard of criteria to build up teacher's personalities and dependent learners benefited from this system. Trainees who fulfil the requirements needed, would be able to perform well not only academically, but also in their personality. The TESL teacher trainees tend to be dependent on the lecturer and friends to learn. By obediently learning and doing task given as required by the lecturers, they usually did well in their project and coursework. As for social support, only family support has significant relationship on academic achievement. This proves on how close and strong family connection is among the trainees and their family members. This has affected their performance in academic as well. Family ties had the strongest effect as it was significantly correlated with academic achievement. This was true to the nature

that ASEAN community has close family ties. This provides motivation and sense of security to the trainees. In difficult and stressful times, everyone needs help and support from others. It would be easier to handle the stress with support from friends, lecturers and family members. Not only they provide support, but they also become the role model for the trainees. Family also becomes the source of strength to keep them motivated most of the time. This finding supports the previous research (Mariam and Md. Arif, 2009; Steinberg and Darling, 1994; Cutrona, 1994) that emphasises the importance of family support in academic success. The close relationship between trainees and the family is strengthened by strong religious belief. They need to listen to the parents' advice and respect their decision. Basically, all the values they have would reflect on the family background. In case of emotional intelligence, only two dimensions, namely use of emotion and regulation of emotion, were found to have significant relationship with academic achievement. The ability to use their emotion to facilitate and motivate them in lives seemed to contribute to academic achievement. They were also able to recognize one's own feeling and able to use it to motivate oneself to excel. It would also enable them to protect themselves from going through bad experience. Data proved that the trainees were able to practice use of emotion to help them perform better in academic achievement. Trainees managed to use their emotion to harness their cognitive abilities, hence assist them to be academically successful. Most trainees need to do a lot of adjustment in their study life. The fact that they were able to use their emotion in dealing with depression and anxiety would be an advantage for them to excel in their study. Regulation of emotion, however, has a negative association with academic achievement showing that the higher the ability to respond to a range of emotions, the lower their performance in academic. Sometimes trainees need to be adaptive to the assessment system in IPG and they need to be selective in making decision in their learning. The high traits of emotional intelligence had its advantages and disadvantages. In this case, the dimension of emotional intelligence 'use of emotion' affects the trainees' academic achievement positive, but 'regulation of emotion' brings some set back to their learning. In the context of teachers' training programme in IPG, emotional intelligence should be further enhanced to help the teacher trainees understand the concept of emotional intelligence and practice the skills effectively. Training should include some elements of emotional intelligence, so the trainees are at least exposed to it. The development of emotional skills should be included in planning the curriculum. It was hoped that future generations of teachers would be well balanced in terms of cognitive and emotional domains.

The third objective of this study was to investigate the contributions of learning styles, social support, and emotional intelligence towards academic achievement among TESL Teacher Trainees. Findings showed that learning styles had a significantly negative relationship towards academic achievement. While emotional intelligence had a low positive significant relationship on academic achievement, Social Support, however, did not have a significant relationship on academic achievement. Among the three variables, only learning styles and emotional intelligence had significant relationship with academic achievement. Surprisingly, the relationship between social support and academic achievement was found not significant. The findings support the premise of this study that promote a further understanding of the complex interaction between learning styles, social support and emotional intelligence and the effect they have on academic achievement. Structurally fragmented teacher education programme is usually unsuccessful compared to a coherent planning of teacher education which emphasize knowledge construction as recursive and personalized (Olsen, 2008). Research objective four was to analyse if emotional intelligence mediates the relationship between learning styles and social supports towards academic achievement. The result showed that emotional intelligence did not mediate the relationship between learning styles and academic achievement and social support and academic achievement. Nevertheless, the findings also highlighted the importance of Emotional Intelligence as another independent variable and not a mediator. Despite having a

significantly weak positive relationship with academic achievement, emotional intelligence had been proven to have some effects towards academic achievement. This finding supported the notion that the relationship between emotional intelligence and Grade Point Average (GPA) was very much affected by Emotional Intelligence ability (Johnson, 2008) as learning nowadays does not solely depend on cognition of reasoning and problem solving, it is also influenced by emotion. This finding supported and certified Bandura's Triadic Reciprocity Model. It explains behaviour factor, cognition and other personal factors, and environmental influences all operate simultaneously as interacting determinants that influence each other independently and bi-directionally. This study had somehow proven that only the personal (learning styles) and behaviour (emotional intelligence) elements affected the academic achievement of the teacher trainees in IPG. The environment factor, which was represented by social support, did not affect academic achievement. It is however, co-vary with learning styles, showing the support they get especially from lecturer, help to shape them as learners and gradually improve their academic achievement. The result also showed that trainees were able to use their emotion to balance stress and later helped them to excel in their study. Regardless of the contribution of low R-squared, the significant (P) values still indicate real relationships that exist between the significant predictors and the response variable (Frost, 2014). In fact, in a social science research, most of the time the models do not include all relevant predictors or potential variables, so even with low or small R-square value, the result could be statistically significant to explain the relationship (Neter, Kutner, Wasserman & Nachtsheim, 1996). The result derived from this study, basically explains the reality, that there are many other factors that determine academic achievement, but this study only focusses on three predictors from the perspective of social cognitive theory. The findings of this study, in many cases, were consistent with those of the earlier studies. In some instances, however, inconsistencies emerged. It is important to keep in mind that the present study differs in terms of the samples and the study context. In conclusion, all questions associated with the research objectives were satisfactorily answered, and all research objectives designed in this research were fully achieved. These results had revealed some interesting insights on both academic and practitioner implications.

## RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH

The study offers a few suggestions for future research as below:

1. Since the present study was using quantitative approach, additional research is needed to replicate the study using qualitative approach. Based on Social Cognitive Theory, data could be collected through interviews and observation. It will give new insights into knowledge from the perspective of social cognitive learning. It would be interesting to use a different approach in the hope to yield interesting findings. In depth analysis could be explored and abstract factors like feelings, opinion and attitudes could be successfully evaluated through interviews. There would be a possibility of discovering different findings through qualitative approach or mix method approach. Looking from affective domain of learning will encourage educators to better capture and understand the complexity of teacher education. It is hoped that teacher education can continue to improve its way of supporting quality learning, academic success and teacher retention in the future.
2. Future attempt to replicate the study could be made by applying different set of questionnaires abundant in literature, especially the different models of learning styles available, such as Kolb's Experiential Learning, Dunn and Dunn Learning Style Model, Gregorc's Model, Felder's Field Dependent and Independent Model, Myer Briggs's Model,

Reid's Model and Fleming's VARK Model. For Emotional Intelligence, there are Mayer-Salovey-Caruso EI Test, Bar-On EQ inventory, Schutte Self Report EI Test and Genos EI Inventory. Social support has fewer options to choose from, such as Social Support Questionnaire, Social Support Survey Instrument and Berlin Social Support Scale. Most were widely used in health and clinical research. By using different sets of questionnaires would definitely yield a different result and more components could be explored and it would widen the scope of the study.

3. The adapted instrument used in this study finally had 52 items remained after the scaling process. This newly adapted items constructed in this study, might require further validations and replicative studies. It needs to be tested with different population to measure its reliability and application. There is a hope that more items could be generated to improve the scale and more items could be listed to be measured.
4. Emotional intelligence has gained its popularity recently among academicians. The term emotional intelligence has been explored in many ways using different kinds of measurement instruments. Some recommendations for future research would be to explore the true domain of emotional intelligence. As human is very much influenced by the society and culture, it would be interesting to explore the cultural dependence of emotional intelligence. Findings could reveal if there is a universal emotional intelligence for all the culture. Research has yet to build on emotional intelligence in cross-cultural perspective. It is also good to investigate the adaptive significance of emotional intelligence by exploring the benefits of its various facets.
5. Since emotional intelligence did not act as a mediator in this study, a further study may explore new variables as mediator or moderator in analyzing the relationships of the constructs learning styles, social support and emotional intelligence to academic achievements. It is worth exploring since the factors studied represent the social cognitive views on learning and may be able to help learners' success in academic achievement. Additional research is needed to extend understanding of the constructs used in this thesis. Another direction for future investigation might be explored using different variables to measure factors affecting teacher trainees' academic achievement.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2018



# **PEMBANGUNAN DAN KEBERKESANAN PERMAINAN KOMPUTER TERHADAP PENCAPAIAN, SIKAP DAN STRATEGI METAKOGNISI MURID DALAM PENYELESAIAN MASALAH**

**YUSRI ABDULLAH**  
Universiti Putra Malaysia

## **ABSTRAK KAJIAN**

Pecahan merupakan satu topik yang sukar dikuasai oleh murid sekolah rendah. Pencapaian murid dalam penyelesaian masalah pecahan adalah rendah dan mereka cenderung untuk menggunakan pendekatan hafalan rumus dan algoritma dalam menyelesaikan pelbagai bentuk masalah pecahan. Ini berpunca dari kaedah latih tubi yang kerap dijalankan di dalam bilik darjah. Oleh itu, satu kajian untuk membangunkan serta menguji keberkesanan tiga jenis permainan komputer iaitu permainan komputer latih tubi (ABP#1), permainan komputer penyelesaian masalah rutin (ABP#2) dan permainan komputer penyelesaian masalah bukan rutin (ABP#3) yang melibatkan seramai 107 orang murid sekolah kebangsaan telah dilaksanakan. Pemboleh ubah bersandar adalah pencapaian murid dalam penyelesaian masalah rutin dan bukan rutin, sikap murid terhadap penyelesaian masalah rutin dan bukan rutin serta strategi metakognisi semasa murid menyelesaikan masalah rutin dan bukan rutin. Pemboleh ubah bebas adalah tiga jenis permainan komputer (ABP#1, ABP#2, ABP#3). Pelaksanaan kajian ini melibatkan dua fasa iaitu; (1) fasa pembangunan ABP#1, ABP#2 dan ABP#3 serta (2) fasa kajian eksperimen dengan sokongan data kualitatif. Dalam fasa pertama, ABP#1, ABP#2 dan ABP#3 dibangunkan berpandukan kepada Model 5Lots yang menggabungkan Model ADDIE dan model reka bentuk permainan komputer. Model 5Lots dilaksanakan secara lima fasa iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Proses penyelesaian masalah di dalam ABP#2 dan ABP#3 adalah bersandarkan kepada Model Polya iaitu memahami masalah, merancang strategi, melaksana dan menyemak. Manakala, proses penyelesaian masalah di dalam ABP#1 adalah berpandukan kepada pendekatan latih tubi. Fasa kedua kajian merupakan kajian eksperimen yang melibatkan tiga kumpulan iaitu kumpulan kawalan (ABP#1), kumpulan rawatan 1 (ABP#2) dan kumpulan rawatan 2 (ABP#3). Data kajian eksperimen dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 20 dengan analisis perbandingan parametrik ujian t sampel berpasangan dan Ancova serta perbandingan tak parametrik ujian Wilcoxon rank dan Ujian Quade rank. Dapatan kajian eksperimen ini disokong melalui temu bual dan analisis skrip jawapan murid menyelesaikan masalah rutin dan bukan rutin. Dapatan kajian menunjukkan aktiviti penyelesaian masalah bukan rutin (ABP#3) membantu meningkatkan pencapaian murid dan memupuk sikap positif di dalam penyelesaian masalah rutin dan bukan rutin berbanding dengan aktiviti penyelesaian masalah rutin (ABP#2) dan aktiviti penyelesaian masalah secara latih tubi (ABP#1). Dapatan kajian pelaksanaan empat langkah Model Polya menunjukkan murid bermain ABP#3 melaksanakan langkah memahami masalah, merancang strategi penyelesaian dan melaksana strategi penyelesaian yang lebih tinggi daripada murid yang bermain ABP#2 dan ABP#1. Namun, kesemua kumpulan kajian tidak menunjukkan perbezaan pelaksanaan langkah menyemak

penyelesaian masalah. Dapatan temu bual dan analisis skrip jawapan murid mendapati murid yang bermain ABP#3 menggunakan strategi metakognisi yang lebih kerap pada setiap langkah Model Polya semasa mereka menyelesaikan masalah rutin dan bukan rutin berbanding dengan murid yang bermain ABP#2 dan ABP#1. Kajian ini mencadangkan tumpuan kepada penyelesaian masalah bukan rutin melalui permainan komputer perlu dipertingkatkan dengan mengambil perhatian kepada pelaksanaan Model Polya, model reka bentuk pengajaran dan reka bentuk permainan komputer serta disokong dengan teori-teori pembelajaran.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Bagi dapatan kajian kesan eksperimen penggunaan ABP#1, ABP#2 dan ABP#3, pelaporan menjurus kepada perbezaan min dalam kumpulan kajian dan antara kumpulan kajian bagi mengenal pasti kesan penggunaan ABP#1 bagi kumpulan kawalan, penggunaan ABP#2 bagi kumpulan rawatan 1, dan penggunaan ABP#3 bagi kumpulan rawatan 2. Dapatan kajian adalah dalam bentuk deskriptif dan pengujian statistik inferens yang melibatkan ujian t sampel berpasangan, ujian Anova dengan kovariat (ANCOVA), ujian Wilcoxon Rank dan ujian Quade. Dapatan kajian kualitatif pula memfokuskan strategi metakognisi berpandukan kepada data temu bual dan analisis jalan kerja. Pelaporan ini merujuk kepada langkah penyelesaian masalah berasaskan Model Polya.

Analisis data bagi setiap persoalan kajian yang telah dibincangkan menunjukkan jenis permainan komputer penyelesaian masalah yang dibangunkan iaitu ABP# ABP#2 dan ABP#3 telah membantu murid dalam pencapaian topik pecahan. Penggunaan perisian permainan komputer ini juga telah menunjukkan wujudnya perubahan sikap murid terhadap penyelesaian masalah, khususnya dalam aspek ketabahan dan keyakinan menyelesaikan masalah rutin dan masalah bukan rutin. Rumusan ujian statistik inferens menunjukkan bahawa sebahagian besar hipotesis nul ditolak kecuali hipotesis nul  $H_{08}$  dan  $H_{016}$  yang kedua-duanya diterima. Penelitian terhadap strategi metakognisi yang dikenal pasti menunjukkan ABP#3 membantu murid untuk mengaplikasikan strategi metakognisi yang bersesuaian dengan langkah penyelesaian masalah. Bab yang seterusnya membincangkan hasil analisis bagi setiap persoalan kajian ini dengan lebih lanjut. Dapatan kajian ini menunjukkan permainan komputer penyelesaian masalah bukan rutin (ABP#3) memberikan kesan terbaik terhadap pencapaian murid menyelesaikan masalah rutin dan bukan rutin. Ia juga berjaya meningkatkan sikap positif murid terhadap penyelesaian masalah rutin dan bukan rutin. Dari aspek strategi metakognisi, ABP#3 juga berkesan membantu murid dalam mengaplikasikan strategi metakognisi yang sesuai semasa menyelesaikan masalah rutin dan bukan rutin. Kajian ini turut mendapati permainan komputer penyelesaian masalah rutin (ABP#2) berjaya membantu murid menyelesaikan masalah rutin dan meningkatkan sikap positif terhadap penyelesaian masalah bukan rutin. Namun, penumpuan kepada penyelesaian masalah rutin dengan aturan empat langkah seperti yang disampaikan melalui ABP#2 atau menggunakan kaedah latih tubi (ABP#1) tidak membantu murid dalam menyelesaikan masalah bukan rutin.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Berpandukan kepada dapatan kajian yang diperoleh, kajian ini menyenaraikan beberapa cadangan untuk kajian lanjutan yang bersesuaian.

### 1. Penambahbaikan Perisian

Kajian ini mencadangkan beberapa penambahbaikan bagi ABP1, ABP#2 dan ABP#3 seperti yang berikut:

- i. ABP#1, ABP#2, dan ABP#3 boleh dinaik taraf kepada bentuk permainan mobil yang boleh dimainkan melalui sistem operasi android atau IOS. Hal ini membolehkan ketiga-tiga permainan komputer tersebut diakses dan dimainkan melalui telefon pintar dan tablet; dan
- ii. Enjin permainan bagi ABP#1, ABP#2 dan ABP#3 boleh digunakan untuk permainan jenis pengembaraan, terutamanya yang berasaskan kepada jalan sesat. Sementara itu, bahan-bahan pembelajaran yang dimuatkan dalam ABP#1, ABP#2 dan ABP#3 boleh digunakan dan diubahsuai untuk topik pecahan tahun lima dan topik pecahan tahun enam, serta untuk topik perpuluhan, nisbah dan masa.

### 2. Kajian Kesan Permainan Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Matematik

Melalui kajian ini, kesan penggunaan permainan komputer terhadap pencapaian, sikap dan strategi metakognisi dikenal pasti melalui pelaksanaan sesi eksperimen dan kajian kes. Pendekatan terkini menunjukkan beberapa kaedah yang lebih saintifik boleh dijalankan bagi menentukan kesan yang lebih tepat. Antara yang boleh diberikan perhatian ialah analisis audio visual sesi permainan yang menumpukan kepada rakaman riak wajah, postur tubuh, dan pergerakan pemain. Maklumat audio visual ini boleh diselaraskan dengan prestasi permainan yang direkodkan dalam pangkalan data permainan dan akan disahkan melalui sesi temu bual retrospektif dan pemikiran bersuara berkenaan aktiviti permainan komputer yang telah dijalankan. Selain daripada itu, perbezaan kesan permainan komputer matematik juga boleh dikenal pasti melalui kumpulan kajian yang bermain secara individu, bermain secara kolaborasi atau yang bermain secara persaingan. Hal ini adalah kerana terdapat perbezaan tahap komunikasi, kesanggupan dan ketabahan yang berbeza-beza yang mempengaruhi pencapaian dan sikap murid terhadap penyelesaian masalah. Bagi pengukuran strategi metakognisi, adalah dicadangkan pemikiran bersuara (*thinking aloud*) semasa murid menyelesaikan masalah mengikut Model Polya turut diambil kira bagi menjelaskan lagi strategi metakognisi yang digunakan oleh murid.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2018



## PENILAIAN PROGRAM SARINGAN LITERASI DAN NUMERASI

**RUSMINAH MUSLIMAN**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menilai Program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) berasaskan Model Discrepancy Provus. Kajian ini menggunakan gabungan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Data diperolehi melalui pencapaian murid negeri Selangor dalam Ujian Saringan LINUS dan soal selidik. Responden soal selidik ialah guru-guru LINUS daripada 325 buah sekolah daripada tiga Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di negeri Selangor. Soal selidik tersebut mengandungi 71 item tertutup dan 12 item terbuka. Indeks kebolehppercayaan item soal selidik secara keseluruhan adalah 0.80 dengan indeks pemisahan 2.03. Indeks kebolehppercayaan bagi setiap konstruk adalah antara 0.60 hingga 0.94 dengan indeks pemisahan antara 1.23 hingga 4.02. Data kuantitatif telah dianalisis menggunakan perisian Winsteps versi 3.69.1.11 manakala data kualitatif dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti versi 7.1.8. Hasil kajian secara kuantitatif menunjukkan secara keseluruhannya, dimensi input iaitu kandungan Instrumen Saringan, kandungan Modul Pengajaran Guru (MPG), kandungan Modul Pembelajaran Murid (MPM), dan latihan guru sesuai digunakan. Dimensi proses iaitu pelaksanaan saringan, penggunaan MPG, penggunaan MPM, peranan guru besar, peranan PPD, pemantauan dan penyeliaan PPD, serta bimbingan fasilINUS secara keseluruhannya telah dilaksanakan. Terdapat *discrepancy* dalam dimensi *output* berbanding sasaran iaitu sebanyak 1.01 peratus bagi kemahiran literasi dan 0.63 peratus bagi kemahiran numerasi. Hasil kajian secara kualitatif menunjukkan terdapat masalah dalam kesemua aspek yang dikaji, iaitu saringan, modul, guru, pihak berkepentingan, pemantauan dan penyeliaan, serta fasilINUS. Cadangan penambahbaikan Program LINUS dalam kesemua aspek di atas juga telah dicadangkan oleh responden. Berdasarkan dapatan kajian, Program LINUS perlu diteruskan dengan penambahbaikan untuk mencapai matlamat 100 peratus murid berupaya menguasai asas literasi dan numerasi selepas tiga tahun mengikuti pendidikan rendah sebagaimana terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian kuantitatif secara keseluruhannya menunjukkan bahawa perkara-perkara dalam dimensi input dan dimensi proses telah dilaksanakan, namun tahap pelaksanaannya perlu ditambah baik supaya lebih menepati standard Program LINUS. Dapatan dimensi *output* menunjukkan terdapat *discrepancy* yang kecil antara prestasi berbanding sasaran dan matlamat program. Dapatan kajian secara kualitatif pula menunjukkan terdapat beberapa masalah dalam Program LINUS dalam kesemua aspek yang dikaji, meliputi dapatan yang menyokong dapatan kuantitatif dan juga dapatan baharu yang tidak dapat dikenal pasti melalui kajian kuantitatif. Responden telah mencadangkan penambahbaikan dalam semua aspek yang dikaji. Oleh itu, dapatan daripada kajian secara kuantitatif dan kualitatif ini perlu diambil tindakan supaya mematuhi standard bagi memastikan pencapaian menepati sasaran dan matlamat Program LINUS. Dapatan keseluruhan berdasarkan perspektif guru ini boleh dibuat satu generalisasi terhadap pelaksanaan Program LINUS secara khusus di negeri Selangor.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Memandangkan kajian ini mempunyai batasannya yang tersendiri, adalah dicadangkan supaya skop penilaian kajian ini dapat diperluaskan. Antara kajian lanjutan yang dicadangkan adalah seperti yang berikut:

1. Kajian ini mengaplikasi Model Penilaian Ketidaksamaan Provus bagi mengenal pasti kewujudan sebarang ketidaksamaan antara pelaksanaan dan pencapaian berbanding piawaian dan sasaran. Pengkaji mencadangkan kajian lanjutan dengan mengaplikasi model-model penilaian selain daripada model yang digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan hasil penilaian yang berbeza menjurus kepada pendekatan penilaian yang dipilih. Contohnya, kajian penilaian Program LINUS dengan mengaplikasi Model Penilaian Hammond, Model Kirkpatrik, Model Logik, Model Penilaian Tyler atau Model Paradigma Penilaian Metfessel dan Michael untuk menentukan sejauh mana objektif tercapai. Penilaian Program LINUS berorientasikan pengurusan dengan mengaplikasi Model UCLA, CIRO dan CIPP juga boleh dijalankan untuk mendapatkan maklum balas bagi membantu membuat keputusan. Selain itu, penilaian Program LINUS dengan mengaplikasi *Scriven's Goal Free Perspective* atau *Stake's Countenance Approach/Management*. Malah kajian selanjutnya juga boleh mengaplikasi model-model penilaian dalam pendekatan kepakaran seperti *Eisner's Educational Connoisseurship and Criticism Perspective* dan *Accreditation Group* untuk mendapatkan pendapat profesional tentang kualiti Program LINUS.
2. Memandangkan kajian ini dijalankan sehingga peringkat keempat Model Penilaian Ketidaksamaan Provus, pengkaji mencadangkan kajian lanjutan dengan mengaplikasi peringkat kelima. Kajian dijalankan dengan membandingkan program yang dinilai dengan program seumpamanya seperti Program Pemulihan Khas, Program KIA2M, Program PROTIM dan Program PROBIM. Tujuan perbandingan adalah untuk menentukan keberkesanan program terutamanya dari segi kewangan dan nilai.
3. Populasi kajian ini adalah semua Sekolah Rendah di negeri Selangor. Pengkaji mencadangkan supaya kajian lanjutan dijalankan di negeri yang paling rendah dari segi pencapaian Program LINUS. Kajian lanjutan juga boleh dijalankan di seluruh Malaysia sekiranya kewangan mencukupi.

4. Kajian ini merupakan kajian penilaian dengan sampel terdiri daripada SK, SJK(C) dan SJK(T). Pengkaji mendapati semua guru tidak mengira jenis sekolah telah memberikan respon yang menggalakkan dalam menjawab soal selidik tertutup dan terbuka. Maka pengkaji mencadangkan kajian perbandingan pelaksanaan Program LINUS di SK, SJK(C) dan SJK(T) sebagai kajian lanjutan. Hasil kajian diharapkan dapat menunjukkan amalan pelaksanaan Program LINUS di sekolah berprestasi tinggi bagi setiap jenis sekolah.
5. Pengkaji juga mencadangkan kajian perbandingan Program LINUS antara sekolah-sekolah rendah di bandar dan di luar bandar sebagai kajian lanjutan. Melalui kajian ini, pengkaji dapat membandingkan amalan dan pencapaian di sekolah-sekolah tersebut supaya langkah penambahbaikan dapat dijalankan bagi meningkatkan pencapaian Program LINUS. Kajian ini diharapkan dapat mengurangkan jurang pencapaian antara murid bandar dan luar bandar.
6. Pengkaji mencadangkan kajian perbandingan pelaksanaan Program LINUS antara sekolah berprestasi tinggi dengan sekolah berprestasi rendah. Hasil kajian dapat memberi input tentang masalah yang dihadapi di sekolah berprestasi rendah. Selain itu, amalan terbaik di sekolah berprestasi tinggi dapat dikongsi.
7. Kajian ini menilai Program LINUS dari semua enam strategi LINUS iaitu saringan, modul, guru, pihak berkepentingan, pemantauan dan penyeliaan, serta fasil LINUS. Pengkaji mencadangkan kajian lebih mendalam dengan hanya meneliti satu strategi tetapi melibatkan populasi yang lebih meluas. Contohnya, kajian penilaian Program LINUS dari aspek saringan tetapi memilih sampel berdasarkan populasi sekolah rendah di seluruh Malaysia.
8. Pengkaji juga mencadangkan kajian tentang pengaruh kecerdasan pelbagai terhadap pencapaian murid dalam Program LINUS. Kajian ini diharapkan dapat mengesahkan teori, pernyataan dan kajian-kajian lepas bahawa pencapaian murid dari segi kognitif adalah berkaitan dengan *intelligence quotient* (IQ). IQ disumbang oleh kecerdasan verbal linguistik, logik matematik dan sedikit kecerdasan visual ruang dalam kecerdasan pelbagai.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2018



# **THE INFLUENCE OF INSTRUCTIONAL LEADERSHIP OF MIDDLE MANAGERS ON TEACHER COMMITMENT THROUGH PROFESSIONAL LEARNING COMMUNITY AND THE ROLE OF TRUST IN LEADER AS A MODERATOR**

**NOR AIZA ZAMZAM AMIN**  
**Universiti Sains Malaysia**

## **ABSTRACT**

This study investigates the influence of instructional leadership of middle managers on teachers' commitment, Professional Learning Community (PLC) as the mediator and trust in leader as the moderator on the relationship between instructional leadership and teachers' commitment. This study is designed using the survey method. The questionnaire was adapted from the Principal Instructional Management Rating Scale (PIMRS) by Hallinger and Murphy (1985), Professional Learning Community Assessment (PLCA) by Huffman and Hipp (2003), Omnibus T-Scale by Hoy and Tschannen-Moran (2003) and teacher commitment by Nordin (2007). The questionnaire was administered to 400 secondary school teachers based on their geographical locations which have been clustered into zones using a multi-stage sampling. The hypotheses were tested using mean score, multiple regression procedure and hierarchical multiple regression as specified by Baron and Kenny (1988). The study shows that the instructional leadership practised by the middle managers, PLC, trust in leader and teachers' commitment were at a high level. Secondly, managing instructional programme had the most influence on teachers' commitment. In addition, both managing instructional programme and developing positive learning climate had the same impact on PLC. It is also discovered that all dimensions of PLC functioned as partial mediators between monitoring students' progress and teachers' commitment to school. The result of the study also indicates that instructional leadership was positively related to teachers' commitment. The relationships between all the seven dimensions of instructional leadership and teachers' commitment to students were stronger among teachers with high trust in leader than among those with low trust in the leader. In conclusion, instructional leadership and the practice of PLC were able to increase the commitment of teachers and should be distributed to other schools in the country. In addition, teachers' trust in leaders also plays an important role in improving teachers' commitment. One of the implications gained from this study is that it is timely for the principals to share with their middle managers the responsibilities as instructional leaders as senior assistants can be considered as a training ground for the principalship and as a starting point for most of the senior assistants who expect to move into other areas of school management. Discussion on further research as well as recommendations for future studies are also presented in this study.

## SUMMARY OF FINDINGS

The findings related to the level of all variables and the relationship between the independent variable (instructional leadership of the middle managers), dependent variable (teachers' commitment), PLC (mediating variable) and trust in leader (moderating variable) are summarised as follows:

1. The level of instructional leadership of the middle manager was high. The middle managers were more active in developing a positive learning climate compared to managing instructional programme. Promoting professional development recorded the highest mean score among instructional leadership dimensions.
2. The level of teachers' commitment was high. Teachers' commitment to students recorded the highest mean score among the teachers' commitment dimensions.
3. The level of PLC was high. Both collective learning and application: and relationship recorded the highest mean score among the dimensions of PLC.
4. The level of trust in leaders was high.
5. Overall, managing instructional programme had the most impact on teachers' commitment.
6. Monitoring students' progress and promoting professional development had a significant influence on teachers' commitment to school.
7. Coordinating curriculum and promoting professional development had a significant influence on teachers' commitment to students.
8. Coordinating curriculum and promoting professional development had a significant influence on teachers' commitment to the profession.
9. Overall, both managing instructional programme and developing positive learning climate had the same impact on PLC.
10. Monitoring students' progress was the only dimension of instructional leadership that had a significant influence on all dimensions of PLC and had the strongest impact on shared values and vision.
11. Coordinating curriculum, monitoring students' progress and promoting professional development had a significant influence on shared and supportive leadership.
12. Coordinating curriculum and monitoring students' progress had a significant influence on shared values and vision.
13. Monitoring students' progress, protecting instructional time and promoting professional development had a significant influence on collective learning and application.
14. Supervising and evaluating instruction, monitoring students' progress and protecting instructional time had a significant influence and share personal practice.

15. Coordinating curriculum, monitoring students' progress, providing incentives to teachers and promoting professional development had a significant influence on relationship.
16. Monitoring students' progress, providing incentives to teachers and promoting professional development had a significant influence on structures.
17. PLC does influence teachers' commitment.
18. Shared and supportive leadership and relationship had a significant influence on teachers' commitment to school.
19. Collective learning and application; relationship and structures had a significant influence on teachers' commitment to students.
20. Shared and supportive leadership had a significant influence on teachers' commitment to the profession.
21. All the six PLC dimensions partially mediate the relationship between monitoring students' progress and teachers' commitment to school.
22. Collective learning and application, relationships and structures partially mediate the relationship between promoting professional development and teachers' commitment to school.
23. Shared and supportive relationship, collective learning and application, relationships, structures partially mediate the relationship between promoting professional development and teachers' commitment to students.
24. Shared and supportive relationship, shared values and vision, and relationship partially mediate the relationship between coordinating curriculum and teachers' commitment to the profession.
25. Trust in leaders does not moderate the relationship between all dimensions of the instructional leadership and the teachers' commitment to school.
26. Trust in leader moderates positively in the relationship between all dimensions of the instructional leadership and the teachers' commitment to students. The predictive influence of instructional leadership on teachers' commitment to students is more pronounced among teachers with high trust in leaders than those with low trust in leaders.
27. Trust in leaders moderates the relationship between (i) monitoring students' progress and the teachers' commitment to the profession; (ii) protecting instructional time and teachers' commitment to the profession; and (iii) providing incentives for teachers and teachers' commitment to the profession. The predictive influence of instructional leadership on teachers' commitment to the profession is more pronounced among teachers with high trust in leaders than those with low trust in leaders.

## RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH

Based on the findings, a few recommendations for further research are as follows:

1. This study is a quantitative study. It would be interesting to have a mixed-method study to get a detailed insight of what is really happening in the school when investigating the instructional leadership. PLC, trust in leaders and teachers' commitment, like interview, observation and documentation.
2. It is hoped that the scope on instructional leadership of the middle managers could be widened. Research on the role of instructional leadership of head of department in matriculation colleges, vocational colleges and also teachers' training colleges could be a meaningful one as they are also part of the education system. These educational institutions also do give contributions to our education in Malaysia.
3. Ministry of Education Malaysia should give more guidance to the teachers on instructional leadership so that they would become more dynamic as future instructional leaders. Therefore, studies on instructional leadership of senior teachers and teachers could be included so that a wider view of how instructional leadership works in school could be understood.
4. Study done on special education could be an interesting element to look for. This is because managing and teaching in special education schools are very demanding. Teachers need to work together. Therefore, the element of PLC could be investigated in special education organisation.
5. This study focussed on trust in leaders. It is hoped that the other two elements of trust, such as trust in colleagues and trust in shareholders could be carried out so that more information could be attained.



# KESAN MODUL KEMAHIRAN HIJAU DALAM REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI TERHADAP PENCAPAIAN PENGETAHUAN MURID TAHUN LIMA DI SEKOLAH RENDAH

**AMARUMI ALWI**

**Universiti Pendidikan Sultan Idris**

## **ABSTRAK KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan penggunaan modul kemahiran hijau (Kh) dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di sekolah rendah. Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah kuasi-eksperimen ujian pra dan pasca. Pensampelan rawak kluster digunakan untuk memilih seramai 62 orang murid Tahun Lima di sekolah rendah. Seramai 32 orang murid dalam kumpulan rawatan yang menggunakan modul Kh manakala 30 murid kumpulan kawalan menggunakan panduan RBT berdasarkan buku teks selama sembilan minggu. Modul Kh dibangunkan berdasarkan Model ADDIE iaitu Analisis, Reka bentuk, Pembangunan, Implementasi dan Penilaian. Kandungan modul diperolehi berdasarkan Teknik Dephi Terubah Suai bersama sembilan orang pakar. Terdapat lima elemen pengetahuan dan enam elemen amalan dalam kemahiran hijau dimasukkan dalam Modul Kh. Modul Kh mempunyai kesahan pakar yang tinggi iaitu 80.6%. Data dikumpul melalui ujian pra dan ujian pasca, soal selidik dan penilaian rubrik. Analisis ujian-t sampel bebas dan SPANOVA, digunakan untuk menentukan kesan modul Kh terhadap pencapaian pengetahuan murid. Hasil ujian-t sampel bebas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan (kawalan,  $M=74.9$ ,  $SP=1.70$  dan rawatan,  $M=75.4$ ,  $SP=1.52$ ) ujian pra pengetahuan terhadap kemahiran hijau bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan iaitu  $t(60)=-1.083$ ;  $p>0.05$  pada aras signifikan,  $\alpha=0.05$  menunjukkan tahap pengetahuan murid sebelum menggunakan modul adalah pada tahap yang setara. Namun dapatan SPANOVA bagi ujian pasca menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan,  $F(1,60)=886.749$ ,  $p<0.05$ . Tahap amalan dalam topik Sisa mencatatkan nilai min yang tertinggi ( $M=13$ ,  $SP=3.13$ ) manakala bagi persepsi sikap pula, aspek kepercayaan dalam sikap terhadap kemahiran hijau menunjukkan nilai yang paling dominan iaitu ( $M=4.75$ ,  $SP=0.145$ ). Analisis korelasi Pearson pula menunjukkan wujud hubungan yang kuat dan signifikan di antara tahap pengetahuan dengan persepsi sikap terhadap kemahiran hijau iaitu nilai  $r=0.791$ , pada  $p<0.05$ . Kesimpulannya, modul Kh berkesan untuk memberikan pengetahuan murid terhadap kemahiran hijau. Implikasi kajian ini adalah modul Kh boleh digunakan oleh guru RBT dalam meningkatkan kompetensi murid RBT dalam kemahiran hijau.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Berikut adalah rumusan dapatan kajian:

1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min pra pengetahuan kemahiran hijau antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min pasca pengetahuan kemahiran hijau antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
3. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan nilai min amalan terhadap kemahiran hijau antara murid lelaki dan perempuan dalam kumpulan rawatan.
4. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan nilai min sub-amalan Sisa, 3R (*Reduce, Reuse and Recycle*) dan air terhadap kemahiran hijau antara murid lelaki dan perempuan dalam kumpulan rawatan.
5. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan nilai min persepsi sikap antara murid lelaki dan perempuan dalam kumpulan rawatan.
6. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min persepsi sikap dengan pencapaian pengetahuan terhadap kemahiran hijau setelah menggunakan modul Kh.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian ini membuka peluang kepada penyelidik lain untuk menguji kesan modul Kh yang dibangunkan berdasarkan pendekatan kontekstual dan PdPc abad ke-21. Oleh itu, penyelidik ingin mengutarakan beberapa cadangan agar penyelidik-penyelidik lain dapat membuat kajian lanjutan berdasarkan aspek-aspek yang telah dibincangkan seperti yang berikut:

1. Kajian ini hanya dijalankan di sekolah rendah di Negeri Sembilan sahaja. Justeru, generalisasi hanya dapat dibuat kepada sampel kajian di lokasi berkenaan sahaja dan lokasi yang mempunyai situasi yang sama. Kajian dapat diperluaskan kepada skop yang lebih besar iaitu merangkumi semua sekolah rendah yang ada di Semenanjung Malaysia.
2. Dapatan kajian ini adalah berdasarkan dapatan secara kuantitatif untuk mengesahkan kesan modul Kh terhadap pengetahuan berkaitan kemahiran hijau. Disarankan penyelidik lain untuk menjalankan pendekatan kualitatif dengan meneroka kesan modul Kh terhadap murid dan guru yang menggunakan modul tersebut. Data yang lebih holistik terhadap kesan modul Kh boleh diperolehi dengan mengadakan temu bual dengan murid dan guru dalam memberikan maklum balas selepas menggunakan modul Kh.
3. Kajian susulan juga boleh dilakukan dengan membuat penambahbaikan modul Kh dalam pembelajaran lebih interaktif seperti modul digital sebagai satu inovasi menggunakan pembelajaran abad ke-21 dengan pemboleh ubah yang lain seperti kemahiran dan sebagainya. Hal ini dapat menyokong hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengaplikasikan elemen teknologi maklumat dalam merancang pedagogi PdPc yang lebih terkini dan berkesan.

4. Kajian ini telah membangunkan modul pengajaran kemahiran hijau yang digunakan oleh guru untuk digunakan bersama-sama murid. Modul Kh yang dibangunkan dalam penyelidikan ini memerlukan bantuan fasilitator bagi melaksanakannya. Justeru, penyelidik menyarankan penyelidik lain untuk membangunkan modul yang berkaitan kemahiran hijau secara pembelajaran sendiri iaitu tanpa bantuan fasilitator. Maka, pengujian kesan modul Kh ke atas sampel boleh dikembangkan lagi kepada elemen-elemen lain seperti kemahiran, motivasi dan sebagainya.



# KESAN PROGRAM LATIHAN ACAI ADIDAS TERHADAP PRESTASI PERMAINAN DAN KECERGASAN PEMAIN BOLA SEPAK INSTITUT PENDIDIKAN GURU

**FAISAL HJ. KARIM**

**Universiti Pendidikan Sultan Idris**

## **ABSTRAK KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan Program Latihan Acai Adidas (PLAA) berasaskan Model *Teaching Games for Understanding* (TGfU) berbanding Model Latihan Teknikal (MLT) terhadap prestasi permainan mini 4 lawan 4, aspek kecergasan motor (KM) dan penulisan nota refleksi (PNR) pemain-pemain bola sepak Institut Pendidikan Guru (IPG). Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi eksperimental dengan dua kumpulan iaitu 32 orang dalam kumpulan rawatan (PLAA) dan 32 orang kumpulan kawalan (MLT). Jumlah keseluruhan iaitu seramai 64 pemain berumur antara 18-23 tahun yang diagihkan secara rawak. Prestasi permainan dinilai berdasarkan keupayaan pemain membuat keputusan (MK) dan pelaksanaan kemahiran (PK) dalam aspek hantaran, menggelecek, menanduk dan menjaring, sokong, lindung serta KM pemain (kepantasan,imbangan, koordinasi, kuasa, kelajuan & masa tindakbalas). Selain itu, PNR pemain (keseronokan, penguasaan taktikal, penguasaan kemahiran & peningkatan pemikiran) diuji ke atas pemain pada peringkat ujian pasca. Data kuantitatif dianalisis dengan menggunakan ujian-t dan ANCOVA, manakala data kualitatif dianalisis berdasarkan analisis konten. Dapatkan ujian pasca bagi komponen MK menunjukkan terdapat peningkatan yang signifikan untuk kumpulan PLAA (hantaran,  $t(62)=5.099$ ,  $p<0.05$ , menanduk,  $t(62)=3.356$ ,  $p<0.05$  dan menjaring,  $t(62)=4.088$ ,  $p<0.05$ ) berbanding dengan MLT kecuali aspek menggelecek  $t(62)=3.750$ ,  $p>0.05$ . Ujian ANCOVA pula menunjukkan bahawa dapatkan ujian pasca kumpulan rawatan (TGfU) adalah signifikan dalam aspek MK [hantaran:  $F(1,62)=66.12$ ,  $SE=0.09$ , menanduk:  $F(1,62)=62.86$ ,  $SE=0.11$ , menjaring:  $F(1,62)=87.39$ ,  $SE=0.11$ , PK (hantaran:  $F(1,62)=42.84$ ,  $SE=0.10$ , menggelecek:  $F(1,62)=55.84$ ,  $SE=0.11$ , menanduk:  $F(1,62)=35.28$ ,  $SE=0.11$ , menjaring:  $F(1,62)=15.23$ ,  $SE=0.11$ , sokong:  $F(1,62)=36.28$ ,  $SE=0.14$ , lindung:  $F(1,62)=39.49$ ,  $SE=0.11$ , KM (ketangkasan:  $F(1,62)=545.39$ ,  $SE=0.07$ , imbangan:  $F(1,62)=68.32$ ,  $SE=0.17$ , koordinasi:  $F(1,62)=138.61$ ,  $SE=0.238$  serta masa tindak balas:  $F(1,62)=26.21$ ,  $SE=0.16$ ]. Kesimpulannya, dapatkan kajian menunjukkan hampir kesemua komponen PK PLAA menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam aspek ketangkasan,imbangan, koordinasi dan masa tindak balas. Implikasinya, PLAA boleh digunakan oleh pemain bola sepak untuk meningkatkan prestasi permainan terutama daripada aspek membuat keputusan, pelaksanaan kemahiran dan kecergasan motor.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Penyelidikan tentang kajian Program Latihan Acai Adidas (PLAA) jelas menunjukkan bahawa terdapat kesan lebih baik berbanding dengan model latihan lama (MLL). Kesan ini dapat dibuktikan melalui beberapa peningkatan yang terdapat dalam komponen-komponen latihan yang dijalankan menerusi kajian PLAA berasaskan Model TGfU Revisi dan TGfU asal. Segala perancangan dan kesesuaian dilakukan dalam program latihan kemahiran dan kecergasan pemain telah memberikan panduan dan manfaat kepada banyak pihak. Dicadangkan jurulatih-jurulatih sukan dan permainan khususnya bola sepak di IPG serta pensyarah-pensyarah Pendidikan Jasmani dan Sukan perlu mengaplikasikan model PLAA dalam mewujudkan satu suasana latihan dan pengajaran kondusif serta menyeronokkan. Jurulatih dan pensyarah perlu terus mengelakkan pemain dan guru pelatih untuk sentiasa kekal aktif, sihat dan cergas melalui penglibatan dalam bidang sukan dan permainan. Hal ini adalah selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) ke arah mencapai visi dan misi IPGM secara amnya dalam melahirkan guru pelatih IPG seimbang daripada aspek Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelekt (JERI) di samping peningkatan pemain terhadap prestasi sukan dan permainan yang disertai.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan tambahan atau kajian lanjutan daripada kajian semasa yang telah dilaksanakan oleh pengkaji adalah seperti yang berikut:

1. Kajian semasa dijalankan hanya melibatkan IPG Lembah Klang/Zon Tengah sahaja. Oleh itu, kajian berikutnya perlu melibatkan lebih banyak IPG/Zon supaya keberkesanan model latihan dapat dilihat dalam suasana persekitaran yang berbeza.
2. Sampel dalam kajian ini hanya melibatkan pemain-pemain IPG kampus terpilih sahaja. Dicadangkan agar sampel ditambah lagi daripada kalangan pemain-pemain di kampus-kampus zon lain supaya perbandingan yang lebih jelas boleh diperolehi.
3. Pembolehubah dalam kajian ini hanya melibatkan komponen MK taktikal pilihan kemahiran, PK, KM pemain dan PNR pandangan pemain. Kajian berikutnya perlu mengambil kira pembolehubah lain yang tidak kurang pentingnya sebagai contoh aspek psikologi seperti ketahanan mental dalam penulisan sesebuah penyelidikan.
4. Kajian dijalankan tiga kali seminggu dengan sesi latihan dan KM pemain selama sejam setengah (90 minit) serta melibatkan hanya enam minggu latihan (18 sesi latihan sahaja). Oleh itu, dicadangkan agar bilangan minggu dan sesi latihan ditambah untuk mendapatkan keputusan yang lebih berkesan.
5. Kajian hanya melibatkan 64 orang pemain daripada empat buah IPG kampus terpilih. Dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan untuk semua guru pelatih 27 buah IPG seluruh negara. Maka, dicadangkan agar sampel perlu ditambah lagi dalam kajian akan datang.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2019



# KESAN TERAPI RUQYAH SYAR'IYYAH TERHADAP TINGKAH LAKU MURID HIPERAKTIF PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI DI SEKOLAH RENDAH

**NIK ASILAH NIK ALI**  
Universiti Malaysia

## ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengukur dan melihat kesan penggunaan Terapi Ruqyah Syar'iyah ke atas tingkah laku murid hiperaktif. Isu dan permasalahan kajian ini adalah berkaitan dengan tingkah laku murid hiperaktif Muslim dalam Program Pendidikan Khas Integrasi di negeri Selangor dan Kuala Lumpur. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen dua kumpulan. Sampel terdiri daripada murid hiperaktif yang telah didiagnos menggunakan garis panduan DSM-V 2015. Instrumen terdiri daripada tiga bahagian utama iaitu: (i) soal selidik; (ii) borang ujian pra dan pasca; dan (iii) borang protokol pemerhatian perubahan tingkah laku. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang mengandungi lapan objektif utama bagi mendapatkan data yang diproses menggunakan perisian SPSS. Analisis deskriptif menggunakan skor peratusan, min dan sisihan piawai telah digunakan di samping penggunaan analisis inferensi yang melibatkan ujian-t, *independent sample t-test*, prosedur *paired-sample t-test* dan SPANOVA dalam menganalisis ujian pra dan pasca kumpulan kawalan dan rawatan. Hasil keputusan ujian pra dan pasca mendapati tidak terdapat perbezaan tingkah laku hiperaktif yang signifikan dalam kalangan murid dari kumpulan kawalan yang tidak melalui Terapi Ruqyah Syar'iyah. Sebaliknya, terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian-ujian ini yang dijalankan terhadap murid dari kumpulan rawatan melalui penggunaan ayat-ayat al-Quran dan doa-doa terpilih dalam Terapi Ruqyah Syar'iyah menerusi komponen: elak gangguan dan perlindungan (Surah al-Fatihah, Surah 3 Qul dan Ayat Kursi); fokus dan tenang (surah al-Insyirah); dan penyembuhan (Doa Ruqyah Jibril). Melalui ujian SPANOVA, didapati terdapat perbezaan yang signifikan terhadap perubahan tingkah laku murid hiperaktif bagi kumpulan rawatan pasca mengikut jangka masa selama lima bulan. Terdapat juga perbezaan yang signifikan terhadap perubahan tingkah laku murid hiperaktif antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan (pra dan pasca) yang diberi rawatan Terapi Ruqyah Syar'iyah. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan Terapi Ruqyah Syar'iyah melalui surah al-Fatihah, surah 3 Qul, ayat Kursi, surah al-Insyirah dan doa Ruqyah Jibril. Menurut ranking min, ayat yang paling tinggi penggunaan dalam Terapi Ruqyah Syar'iyah ialah doa Ruqyah Jibril, diikuti oleh surah al-Insyirah, ayat Kursi, surah 3 Qul dan akhirnya surah al-Fatihah. Kajian ini juga disokong oleh dapatan melalui pemerhatian terus kepada empat peserta. Hasil kajian mendapati keempat-empat peserta telah menunjukkan perubahan yang ketara dari segi tingkah laku hiperaktif. Dapatan menunjukkan bahawa salah satu faktor penyumbang kepada perubahan tingkah laku murid ialah kekerapan penggunaan terapi, galakan daripada para guru atau ibu bapa, penggunaan alatan, pemilihan jenis gaya bacaan terapi dan juga keyakinan yang tinggi dalam diri perawat serta murid terhadap Allah SWT. Implikasi kajian ini menyumbang kepada aspek penyediaan garis panduan cara mengaplikasikan Terapi Ruqyah Syar'iyah untuk Kementerian Pendidikan Malaysia, sekolah, ibu bapa, penjaga serta ahli NGO yang terlibat.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini membuktikan Terapi Ruqyah Syar'iyah telah berupaya mengubah tingkah laku murid hiperaktif melalui tiga komponen utama: elak gangguan dan memberi perlindungan, fokus dan tenang serta penyembuhan. Pembuktian ini menunjukkan bahawa sesuatu rawatan yang dijalankan jika dilakukan dengan penuh istiqamah dan bersungguh-sungguh pasti membawa kejayaan dan keberhasilan.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Bagi melihat kesan-kesan Terapi Ruqyah Syar'iyah dari aspek yang lebih luas, beberapa cadangan kajian lanjutan boleh dijalankan seperti yang berikut:

1. Kajian ditumpukan kepada murid *ADHD* kategori impulsif atau gabungan impulsif dengan hiperaktif, khususnya untuk melihat dari aspek kognitif seterusnya diperluaskan lagi kepada murid-murid bermasalah pembelajaran yang lain seperti palsy serebral, autism, disleksia, lembam, sindrom down, cacat pendengaran, cacat penglihatan dan sebagainya kerana golongan ini sangat memerlukan pengisian rohani bercorak Islam bagi membendung daripada gangguan jin di samping memperlengkapkan diri untuk menjadi muslim yang baik meskipun kekurangan dalam beberapa aspek.
2. Menggunakan kajian eksperimen dengan menggunakan pengukuran yang lebih bersistematik seperti *EEG*. Dicadangkan juga agar kajian selepas ini menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya seperti temu ramah, pemerhatian serta dokumentasi supaya kajian akan datang lebih mendapat pendedahan secara mendalam tentang bagaimana keberkesanan Terapi Ruqyah Syar'iyah dapat ditonjolkan.
3. Menekankan kepada pembinaan e-Terapi Ruqyah Syar'iyah khas dalam bentuk android bagi membolehkan orang ramai menggunakan aplikasi ini dimana-mana sahaja sebagai kaedah menangani stress atau alat menenangkan diri sebagai terapi zikir dan sebagainya.
4. Kajian boleh diteruskan untuk murid di sekolah menengah atau sekolah harian biasa terutamanya murid yang terlibat dengan masalah disiplin atau pekerja di sektor awam dan swasta yang menghadapi stress dalam pekerjaan mereka.
5. Menambah DV dan IV dalam Terapi Ruqyah Syar'iyah agar kaedah penganalisan data mencapai tahap penggunaan kaedah MANOVA. Ayat yang digunakan dalam terapi Ruqyah juga perlu diperluaskan kepada ayat-ayat atau doa lain untuk diuji keberkesananannya selaras dengan fungsi al-Quran sebagai penawar kepada penyakit fizikal dan juga spiritual kepada manusia.
6. Kajian ini menggunakan analisis ujian-t, *Independent t-test*, *Paired sample t-test* dan SPANOVA. Kajian akan datang dicadangkan supaya menggunakan analisis MANOVA dengan memperbanyakkan lagi pemboleh ubah bersandar.
7. Dicadangkan agar kandungan instrumen dapat menggunakan skala pengukuran yang lebih sistematik seperti alatan *EEG* atau juga gabungan antara sains sosial serta sains tulen dimana hasilnya dapat melihat skop yang lebih terperinci seperti kadar denyutan nadi atau jantung, tekanan darah, kepekatan darah, tahap ketenangan dan sebagainya.

8. Pendekatan Terapi Ruqyah Syar'iyah perlu diperluaskan ke rumah anak yatim, orang tua, rumah transit gelandangan, hospital, rumah jagaan kanak-kanak Islam juga sekolah cacat penglihatan serta pendengaran. Lokasi kajian juga boleh diperluaskan ke negeri-negeri lain bagi mendapatkan gambaran yang berlainan berkaitan Terapi Ruqyah.



# KEPIMPINAN PERKONGSIAN GURU BESAR, MOTIVASI DAN TEKANAN KERJA GURU SEKOLAH RENDAH BERPRESTASI CEMERLANG DI KELANTAN

**ANIS SALWA ABDULLAH**  
Universiti Utara Malaysia

## ABSTRAK KAJIAN

Kewibawaan guru besar dan kompetensi guru merupakan penjana utama yang memacu kejayaan sesebuah sekolah. Guru sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran yang rencam dalam persekitaran institusi pendidikan. Oleh itu, guru besar perlu memainkan peranan kepimpinan yang penting bagi meningkatkan motivasi seterusnya mengurangkan tekanan kerja guru. Keberkesanan kepimpinan perkongsian guru besar menangani tekanan kerja guru diuji melalui model berstruktur yang turut mengetengahkan peranan motivasi sebagai mediator serta jantina dan umur sebagai moderator di sekolah rendah berprestasi cemerlang di Kelantan. Kajian tinjauan rentasan yang melibatkan 330 orang responden ini menggunakan instrumen *Shared Leadership Perception Survey* (Wood, 2005), *Teacher Motivation Survey* (Boyle, 2014) dan *Teacher Work Stress* (Collie et al. 2012). Dapatan kajian menunjukkan kepimpinan perkongsian ( $M=7.90$ ,  $SP=1.46$ ) dan motivasi ( $M=7.83$ ,  $SP=1.24$ ) berada pada tahap tinggi, manakala tekanan kerja ( $M=3.35$ ,  $SP=1.43$ ) berada pada tahap rendah. Terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap motivasi berdasarkan jantina berbanding tahap tekanan kerja berdasarkan jantina dan umur. Kepimpinan perkongsian mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan motivasi ( $B=.66$ ,  $p<.01$ ) serta negatif dengan tekanan kerja ( $B=-.18$ ,  $p<.01$ ). Motivasi menyumbang hubungan negatif yang signifikan dengan tekanan kerja ( $B=-.61$ ,  $R=55$ ,  $p<.01$ ). Konstruk kepimpinan perkongsian dan motivasi menyumbang  $R=55$  terhadap tekanan kerja. Motivasi pula merupakan mediator separa bagi hubungan kepimpinan perkongsian dengan tekanan kerja. Jantina dan umur menyumbang kesan moderator antara hubungan motivasi dengan tekanan kerja serta kepimpinan perkongsian dengan motivasi. Malah, wujud pengaruh mediator bermoderator bagi hubungan kepimpinan perkongsian, motivasi dan tekanan kerja. Kesimpulannya, dapatan kajian ini membuktikan amalan kepimpinan perkongsian yang berkesan dapat meningkatkan motivasi seterusnya mengurangkan tekanan kerja guru. Kajian ini memberikan sumbangan yang bermakna kepada pemimpin sekolah dan para guru dalam merealisasikan amalan kepimpinan berprestasi tinggi serta memartabatkan profesion keguruan yang menjadi penyumbang utama bagi menempuh perubahan landskap masa depan pendidikan ke arah melestarikan kecemerlangan generasi akan datang.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Pelaksanaan kajian ini memberi sumbangan yang bermakna kepada golongan pemimpin dan pentadbir sekolah ke arah mencapai sasaran yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Kajian yang bertujuan untuk membangunkan satu model dengan mengenal pasti hubungan dan pengaruh kepimpinan perkongsian dan guru besar terhadap motivasi guru serta pengaruhnya ke atas tekanan kerja guru telah berjaya dibuktikan dan memenuhi objektif kajian. Kajian ini mendapati bahawa terdapat pengaruh kepimpinan perkongsian, kepimpinan sah dan motivasi bagi mengawal dan mengurangkan tekanan kerja guru. Disamping itu, kajian ini juga telah berjaya membuktikan bahawa motivasi merupakan pemboleh ubah mediator bagi hubungan antara kepimpinan perkongsian dengan tekanan kerja manakala umur dan jantina merupakan pemboleh ubah mediator bagi hubungan antara konstruk kajian kepimpinan perkongsian, kepimpinan sah, motivasi dan tekanan kerja. Kajian ini juga telah menemui pengaruh mediator bermoderator (*moderated-mediation*) bagi hubungan antara kepimpinan perkongsian guru besar dengan motivasi serta hubungan antara motivasi dengan tekanan kerja.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Berikut adalah beberapa cadangan kajian lanjutan:

1. Kajian akan datang perlu mendapatkan dapatan kajian daripada responden yang berbeza contohnya soal selidik kepimpinan diberikan kepada para pentadbir sekolah agar dapat mengesahkan keberkesanan dan pengaruh kepimpinan perkongsian dan kepimpinan sah daripada perspektif para pentadbir sekolah pula.
2. Kajian akan datang boleh dilaksanakan di sekolah-sekolah berprestasi tinggi (Skor 3 SKPM) sederhana (Skor 2 SKPM) dan rendah (Skor 1 SKPM) dalam UPSR bagi melihat perbezaan tahap kepimpinan perkongsian dan kepimpinan sah yang diamalkan oleh para pentadbir di sekolah-sekolah berkenaan, selain memastikan hubungan serta pengaruh terhadap motivasi dan tekanan kerja di sekolah-sekolah berkenaan.
3. Kajian berbentuk jangka panjang (*longitude*) juga boleh membantu mendapatkan hasil kajian yang lebih terperinci. Oleh itu, kajian akan datang boleh mengumpul data berasaskan satu jangka masa yang lebih lama terhadap kumpulan sampel (pentadbir dan guru-guru) yang sama untuk mengkaji corak dan pola sesuatu sampel dalam tempoh tertentu. Menggunakan kaedah aliran (*trend*) yang merupakan satu tinjauan jangka panjang, penyelidik perlu memilih satu sampel secara berulang-ulang daripada suatu populasi am yang besar dalam satu jangka masa yang tertentu.
4. Data perlu dianalisis daripada setiap sampel dan membandingkan hasil satu sampel dengan yang lain untuk menentukan jika wujud satu aliran atau pola perubahan atau kestabilan dalam data tersebut. Kaedah ini juga digunakan oleh penyelidik untuk mengkaji dan membandingkan perubahan dalam kepercayaan, aktiviti, tahap kesedaran atau demografi bagi populasi sepanjang tempoh tertentu.

5. Pengaruh moderator jantina dan umur tidak diuji bagi hubungan langsung antara kepimpinan perkongsian dengan tekanan kerja dalam kajian ini. Kajian akan datang boleh menguji pengaruh kedua-dua faktor demografi berkenaan terhadap hubungan langsung antara konstruk tersebut bagi menambah baik model kepimpinan yang terhasil dalam kajian ini.
6. Konstruk lain juga boleh dimasukkan ke dalam model kajian bagi meningkatkan hubungan dan pengaruh terhadap tekanan kerja guru. Sama ada konstruk tersebut bertindak sebagai konstruk *exogeneous*, mediator mahupun moderator, kewujudan konstruk-konstruk baru boleh dipertimbangkan agar model hubungan inklusif kepimpinan perkongsian ini menjadi lebih holistik dan efektif dalam meningkatkan motivasi dan mengurangkan tekanan kerja guru.



## MODEL PEMILIHAN METRIK BAGI MENILAI KUALITI PRODUK PERISIAN

**ZUBAIDAH BUKHARI**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### ABSTRAK KAJIAN

Pengukuran berasaskan metrik perisian merupakan kaedah yang sering digunakan dalam menilai kualiti perisian. Pengkaji terdahulu mencadangkan pelbagai metrik bagi menilai dan menjamin kualiti sesuatu perisian. Namun, kepelbagaian metrik perisian tersebut menimbulkan cabaran kepada pengamal perisian dan pemegang taruh dalam memilih metrik yang sesuai untuk menilai perisian mereka. Persoalan sering dikemukakan tentang kriteria penilaian metrik dan bagaimana metrik tersebut dipilih. Model pemilihan metrik seperti yang dicadangkan oleh pengkaji terdahulu mencadangkan beberapa kriteria penilaian metrik perisian namun model tersebut masih perlu ditambah baik. Model tersebut hanya menyediakan penerangan umum tentang kriteria penilaian metrik tanpa penerangan lanjut setiap kriteria serta tiada pendekatan berstruktur yang boleh membantu organisasi memilih metrik bersesuaian bagi memenuhi matlamat pengukuran organisasi serta pengguna. Tambahan pula, kajian sedia ada tidak mengambil kira nilai pemberat dalam proses penilaian walaupun setiap kriteria penilaian mempunyai kepentingan yang berbeza. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kriteria penilaian metrik perisian, membangun model pemilihan metrik perisian (SmeS) serta melaksana dan menilai kebolehlaksanaan model yang dicadang. Kajian ini dijalankan dalam lima fasa iaitu, fasa pertama melibatkan kajian teori untuk mengenal pasti masalah, objektif dan skop kajian. Fasa kedua ialah kajian kualitatif melalui temu bual bersama-sama dua belas orang pakar dari sektor awam dan swasta bagi meneroka isu-isu dalam penggunaan metrik perisian serta komponen dan teknik yang terlibat dalam pemilihan metrik perisian. Fasa ketiga ialah pembinaan repositori metrik perisian yang menyimpan metrik perisian sedia ada dari kajian terdahulu sementara fasa keempat pula melibatkan pembangunan model SmeS yang dicadangkan itu. Model SmeS mempunyai lima komponen utama iaitu Sasaran, Kriteria Penilaian, Rujukan Piawai, Proses Pemilihan dan Aras Kesesuaian Hasil Pengintegrasian Teori Penilaian dan Matlamat Soalan Metrik (GQM). Fasa terakhir iaitu fasa kelima adalah penilaian model SmeS oleh pakar, diikuti dengan pengesahan terhadap kesesuaian dan kebolegunaan model yang dicadangkan melalui kajian kes yang dilaksanakan di dua buah agensi sektor awam. Keputusan penilaian oleh pakar mengesahkan komponen dalam model SmeS adalah komprehensif, mudah difahami dan tepat. Sementara keputusan pengesahan melalui implementasi kajian kes membuktikan kesediaan dan kebolehlaksanaan model SmeS untuk dilaksanakan dalam persekitaran sebenar. Kajian ini berjaya membangunkan sebuah model pemilihan metrik perisian yang baharu iaitu model SmeS yang dapat menyelesaikan kekurangan mekanisma berstruktur dalam pemilihan metrik semasa dengan menggabungkan komponen dalam teori penilaian, GQM dan kriteria penilaian metrik. Hasil kajian ini bermanfaat kepada

industri dan organisasi untuk memilih metrik yang sesuai diguna pakai dalam program penilaian perisian mereka dengan lebih sistematik dan efektif. Sumbangan kajian ini mencakupi perspektif pemilihan metrik perisian serta perspektif praktikal dengan menyediakan satu mekanisma yang boleh diguna dan dijadikan panduan dalam melaksanakan pemilihan metrik yang lebih jelas, sistematik dan praktikal.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Pandangan dan penilaian daripada tiga orang pakar yang berpengalaman dalam bidang metrik perisian diminta bagi mengesahkan model yang sebenar. Input yang dikemukakan oleh kumpulan pakar menambah baik model SMEs yang dibina terutamanya penambahbaikan dari sudut penyediaan soalan bagi memudahkan pemetaan matlamat, soalan dan metrik yang dikumpul. Pengesahan model SMEs seterusnya dilaksanakan melalui kajian kes terhadap program pengukuran di dua buah sektor kerajaan. Hasil daripada kajian kes tersebut, senarai metrik mengikut skor, gred serta aras kesesuaian diperolehi. Kedua-dua buah organisasi yang dipilih bersetuju untuk memasukkan metrik yang diperolehi dalam program pengukuran organisasi.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Terdapat beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan untuk kajian masa hadapan. Berikut adalah beberapa limitasi kajian dan cadangan untuk kajian masa hadapan:

### 1. Meningkatkan Kelenturan Model SMEs

Kajian membangunkan sebuah model SMEs dengan mengintegrasikan teori penilaian dan teknik GQM. Teknik GQM yang dipilih mempunyai beberapa kekangan terutama sekiranya pelaksanaan bagi organisasi besar yang mempunyai beberapa bahagian pengurusan contohnya seperti pengurusan teknologi maklumat, pengurusan sumber manusia, pengurusan prestasi organisasi dan pengurusan dasar keselamatan. Setiap bahagian pengurusan mempunyai matlamat yang tersendiri yang perlu dipertimbangkan dalam mengukur produk perisian yang dihasilkan. Untuk itu, teknik yang dapat meningkatkan kelenturan Model SMEs perlu dihasilkan supaya setiap bahagian pengurusan dapat dihubungkan bagi mendapatkan matlamat pengukuran yang standard.

### 2. Mengautomasikan Model SMEs

Satu alatan yang boleh menerima input terus daripada pengguna, dapat memproses permintaan pengguna dan dapat membuat keputusan tentang metrik bersesuaian dengan cepat dan berkesan amat diperlukan. Namun, kajian hanya memproses keperluan tersebut menggunakan Microsoft Excel 2013. Untuk kajian masa hadapan, model dan instrumen perlu diautomasi sepenuhnya di dalam sebuah perisian pembuat keputusan supaya hasil pemrosesan lebih cepat dan keputusan yang dijana boleh dipelbagaikan mengikut keperluan pengurusan contohnya seperti melaporkan keseluruhan metrik perisian yang dikenal pasti dalam bentuk laporan beserta maklumat lengkap rujukan metrik diperolehi.

### **3. Menambah bilangan metrik di dalam repositori metrik**

Kajian berjaya membina sebuah metrik perisian yang mengandungi sebanyak 183 produk perisian hasil cadangan pengkaji lepas. Terdapat banyak jenis metrik perisian yang dicadangkan oleh pengkaji lepas untuk mengukur proses perisian serta sumber perisian. Oleh itu, untuk kajian masa hadapan, metrik perisian tersebut perlu ditambah terutama metrik proses dan metrik sumber.

### **4. Menggunakan teknik pengoptimuman**

Kajian berjaya membina model SMeS yang menghasilkan senarai metrik mengikut aras kesesuaian menggunakan padanan soalan dan metrik yang dikenal pasti terlebih dahulu. Namun, sekiranya terdapat kumpulan metrik yang lebih kompleks dan saling berkait, teknik pengoptimuman perlu dilaksanakan. Kos setiap metrik perlu dikira terlebih dahulu bagi membantu pembuatan keputusan ke arah yang lebih tepat dan bagi membolehkan teknik pengoptimuman dilaksanakan. Hasil daripada teknik pengoptimuman ini, senarai teknik perisian yang lebih sesuai dan relevan beserta kos setiap satu dapat dijana.



## PENGURUSAN PENGOPERASIAN DAN PENGAJARAN GURU PRASEKOLAH: SATU KAJIAN KES LUAR BANDAR

**MARDZIAH ABDULLAH**  
Universiti Malaya

### ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini memberi fokus kepada pengurusan pengoperasian dan pengajaran guru prasekolah luar bandar. Kajian dilaksanakan di dua buah sekolah kebangsaan di daerah Jempol, Negeri Sembilan. Seramai 4 orang guru prasekolah terlibat dalam kajian ini. Hasil dapatan digunakan untuk menganalisis apakah kelemahan yang terdapat dalam pengurusan pengoperasian dan pengajaran di prasekolah. Kajian ini adalah kajian kes bersifat kualitatif. Bagi mencapai objektif kajian, pengumpulan data dilakukan melalui temu bual, pemerhatian dan penganalisan dokumen yang berlangsung selama tujuh bulan. Temu bual diadakan sebanyak 5 kali. Temu bual pertama dilakukan untuk mengetahui pengurusan pengoperasian dan pengajaran di prasekolah. Temu bual kedua pula adalah untuk mendapat respon daripada peserta kajian berkenaan isu sebenar yang berlaku semasa mengurus pengoperasian dan pengajaran di prasekolah. Soal selidik yang digunakan diadaptasi dan diubah suai daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan penyelidik terdahulu. Penganalisan data dibahagikan kepada dua tahap yang menghuraikan pengetahuan dan pelaksanaan dari aspek pengurusan pengoperasian, pengurusan pengajaran dan tugas sampingan guru prasekolah. Semua sesi temu bual dirakam secara audio dan catatan lapangan di buat oleh pengkaji. Protokol pemerhatian pula meneroka pengurusan pengoperasian prasekolah, pengurusan pengajaran dan tugas sampingan dalam kerja hakiki. Data temu bual termasuk rakaman audio dibuat transkripsi dan dianalisis secara manual. Manakala analisis dokumen dan catatan lapangan melalui kaedah interpretasi. Indeks Cohen Kappa dan kaedah triangulasi digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan data kajian. Dapatan kajian menunjukkan peserta kurang mendapat bimbingan dari pihak pentadbir dalam pengurusan pengoperasian prasekolah. Dalam aspek pengurusan pengajaran, peserta tidak mengikut kurikulum dan kurang memiliki kefahaman isi kandungan kurikulum. Walau bagaimanapun, konsep pengajaran prasekolah dikuasai oleh peserta kecuali P3. Kajian juga mendapati peserta tetap melaksanakan tugas sampingan walaupun tugas hakiki di bilik darjah belum selesai. Oleh itu, dapatan kajian ini diharap dapat membantu pihak yang bertanggungjawab menyediakan platform terbaik untuk guru-guru prasekolah di Malaysia.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Perbincangan dapatan kajian ini berdasarkan persoalan kajian termasuk pengurusan pengoperasian, pengurusan pengajaran dan tugas sampingan peserta kajian.

### 1. Pengurusan Pengoperasian

- i. Dapatan kajian mendapati bahawa semua peserta mempunyai asas pengetahuan dan kefahaman pengurusan pengoperasian di bilik darjah prasekolah termasuk hal-hal pengurusan pengoperasian bilik darjah.
- ii. Kajian mendapati bahawa semua peserta mempunyai pengetahuan berkenaan bantuan per kapita prasekolah. Urusan tersebut dilaksanakan oleh pentadbir sekolah. Oleh itu, kualiti dan kesesuaian alat yang diuruskan oleh pentadbir tidak sesuai untuk murid prasekolah.
- iii. Hasil kajian mendapati semua peserta menjadikan pekeliling yang dikeluarkan oleh KPM sebagai panduan pengurusan pengoperasian bilik darjah.
- iv. Rumusan dapatan mengenai pengurusan fasiliti di prasekolah pula mendapati peserta tidak menggunakan komputer prasekolah untuk mengisi data SKPK dan SMPK secara atas talian kerana data internet tidak dibekalkan.
- v. Kajian juga mendapati penyediaan jadual waktu dan jadual menu disediakan adalah seperti yang dicadangkan dalam KSPK. Namun, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tidak mengikut jadual yang telah disediakan. Manakala jadual menu pula disediakan mengikut keperluan zat dan vitamin yang perlu dimiliki oleh setiap murid.
- vi. Secara keseluruhannya, semua peserta menyediakan takwim tahunan prasekolah. Namun begitu, terdapat juga pelaksanaan takwim tersebut mengikut perancangan pihak pentadbir.

### 2. Pengurusan Pengajaran

- i. Kajian mendapati bahawa peserta memiliki pengetahuan tentang tunjang yang terkandung dalam KSPK tetapi mereka tiada pengetahuan mengintegrasikan tunjang dalam pengajaran. Tumpuan peserta lebih kepada penguasaan kemahiran asas. Modul bertema tidak diikuti sepenuhnya. Lantaran itu, perancangan pengajaran peserta lebih terarah kepada 4M.
- ii. Peserta lebih banyak menggunakan pendekatan berpusatkan guru berbanding berpusatkan murid. Murid tidak berpeluang meneroka dan mereka belajar seperti kelas di arus perdana. Penggunaan buku latihan dan buku tulis juga didapati digunakan secara berterusan.
- iii. Peserta memiliki kefahaman mengintegrasikan ICT dalam bilik darjah tetapi mereka tiada kemahiran menggunakan alatan tersebut dalam pengajaran.

- iv. Peserta memiliki pengetahuan melaksanakan pentaksiran di prasekolah. Kajian mendapati peserta cenderung menggunakan senarai semak sebagai alat pentaksiran dan menggunakan pentaksiran portfolio iaitu lembaran kerja.
- v. Peserta menggunakan rekod pentaksiran yang dibekalkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan menyediakan Rancangan Pengajaran Harian berdasarkan arahan yang dikeluarkan oleh JPN.
- vi. Peserta memiliki pengetahuan kepentingan bahan bantu mengajar dalam pengajaran yang disediakan mengikut tema. Terdapat juga alat bantu mengajar yang dibeli oleh pihak pentadbir melebihi standard murid prasekolah yang menyebabkan berlakunya pembaziran dan penggunaan per kapita alatan prasekolah.

### **3. Tugas Sampingan dalam Pengurusan Pengoperasian dan pengajaran**

- i. Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua peserta memegang jawatan penting dalam pengurusan sekolah.
- ii. Peserta memegang tanggungjawab yang diberikan oleh pihak sekolah dan pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).
- iii. Peserta menyempurnakan kerja pengurusan bilik darjah di samping tugas yang diberi oleh pihak pentadbir.
- iv. Pembantu pengurusan murid tidak boleh menggantikan guru mengajar kerana tidak dibenarkan seperti yang termaktub dalam pekeliling.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini telah memberi beberapa implikasi pada peringkat KPM khususnya Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) sebagai penggubal KSPK. Di samping itu, kajian ini juga memberi implikasi kepada pihak pentadbir sekolah, JPN dan PPD. Oleh yang demikian, terdapat beberapa implikasi di mana pihak berkepentingan dalam pendidikan prasekolah harus mengambil maklum supaya guru prasekolah tidak keliru dalam mengurus pengajaran di bilik darjah. Pengurusan pengajaran peserta adalah berasaskan matlamat yang dihasratkan oleh KPM.

## **CADANGAN KAJIAN LANJUTAN**

Berikut adalah beberapa cadangan kajian lanjutan:

1. Kajian berkaitan pengurusan pengajaran dapat diperhalusi dengan mengkaji beberapa konstruk lain dalam model pengurusan pengajaran khususnya prasekolah. Kajian ini juga boleh melibatkan guru yang berlainan prasekolah seperti prasekolah pendidikan khas, tadika-tadika swasta, KEMAS dan Perpaduan supaya dapat membandingbezakan pengurusan pengajaran prasekolah-prasekolah tersebut. Dapatan kajian mungkin akan lebih menarik kerana melibatkan pelbagai faktor polimik terhadap pengoperasian prasekolah di Malaysia.

2. Kajian lanjutan juga perlu mengambil kira mengenai lokasi kajian kerana kajian ini hanya dilakukan di daerah Jempol, Negeri Sembilan dengan sebilangan sekolah yang terlibat adalah kawasan luar bandar dan Felda. Oleh itu, dicadangkan kajian lanjutan boleh dialihkan ke kawasan bandar, pinggir bandar, sekolah orang asli dan turut meneroka penemuan hasil dapatan yang pelbagai, lebih meluas dan berbeza mengikut lokasi dan tempat guru bertugas.
3. Proses pemerhatian adalah dicadangkan melibatkan bilangan peserta serta tempoh yang lebih panjang agar mendapat corak dan kefahaman sebenar mengenai pengurusan pengajaran dalam melaksanakan transformasi pendidikan prasekolah. Temu bual juga boleh diperincikan dengan melibatkan corak pengurusan, perancangan, pengetahuan, kepimpinan dan pengawalan secara menyeluruh dengan mengambil kira peranan pembantu pengurusan murid dan pentadbir sekolah.



# PENILAIAN KEBERKESANAN PROGRAM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) MATA PELAJARAN SAINS

**NATRAH MOHAMAD**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan Program Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP) Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) bagi mata pelajaran Sains sekolah menengah. Penilaian program latihan ini menggunakan gabungan Model Penilaian Empat Aras Kirkpatrick dan Model Pemindahan Latihan Baldwins. Reka bentuk kajian adalah pendekatan kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan rentas silang. Instrumen kajian ialah soal selidik penilaian latihan yang terdiri daripada aras reaksi, pembelajaran dan tingkah laku diadaptasi daripada kajian-kajian lepas dan tinjauan literatur. Sampel kajian terdiri daripada 748 orang guru sekolah menengah yang mengajar mata pelajaran Sains termasuk Fizik, Kimia dan Biologi. Teknik pensampelan adalah rawak berstrata. Data dianalisis menggunakan program SPSS Window versi 22.0 untuk mendapatkan frekuensi, peratusan, skor min, sisihan piawai, ujian-t dan Regresi Berganda. Manakala perisian PROCESS digunakan untuk analisis kesan pengantara dan penyederhana pemboleh ubah efikasi-kendiri dan bimbingan rakan sebaya. Dapatan kajian bagi penilaian reaksi secara keseluruhan berada pada tahap tinggi. Penilaian tahap pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku secara keseluruhan adalah pada tahap sederhana sahaja. Namun, penilaian tahap sikap guru berada pada tahap tinggi. Perbandingan tahap reaksi, pengetahuan kemahiran dan sikap terhadap latihan dalam perkhidmatan KBAT menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan lokasi. Analisis regresi berganda *stepwise* mendapati tiga pemboleh ubah bebas (reaksi) menyumbang kepada tahap pengetahuan guru. Sementara dua pemboleh ubah bebas reaksi menyumbang kepada tahap kemahiran guru. Bagi pemboleh ubah bersandar sikap, dua pemboleh ubah bebas reaksi menyumbang kepada tahap sikap guru untuk mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari di dalam bilik darjah. Sebanyak empat daripada pemboleh ubah bebas pengetahuan menyumbang kepada tingkah laku guru, lima daripada pemboleh ubah bebas kemahiran menyumbang kepada tahap tingkah laku sementara dua daripada empat pemboleh ubah bebas sikap menyumbang kepada tahap tingkah laku guru. Efikasi-kendiri hanya mengantara sebahagian hubungan antara pembelajaran dengan tingkah laku dengan nilai yang kecil. Bimbingan rakan sebaya menyederhanakan hubungan antara pengetahuan dengan tingkah laku secara negatif signifikan. Kesan penyederhanaan negatif signifikan juga ditunjukkan oleh bimbingan rakan sebaya terhadap hubungan antara kemahiran dengan tingkah laku. Sebaliknya, bimbingan rakan sebaya tidak menyederhanakan hubungan antara sikap dengan tingkah laku. Dapatan analisis soalan terbuka menunjukkan kekurangan yang dihadapi guru dalam latihan ini adalah tempoh masa latihan yang singkat, kekurangan aktiviti latihan dalam bentuk *hands-on*, latihan terlalu umum, penyampaian jurulatih utama sekolah kurang berkesan, kekurangan bahan pembelajaran tentang KBAT dan kebolehpercayaan internet terhad. Implikasi dapatan mencadangkan supaya program ini diteruskan dengan penambahbaikan untuk meningkatkan tahap pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku guru tentang KBAT dari aspek kurikulum, pedagogi dan pentaksiran KBAT.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, tahap reaksi dan sikap guru tentang Program LADAP KBAT adalah tinggi. Namun begitu, tahap pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku guru dari aspek KBAT, strategi pengajaran dan pentaksiran KBAT adalah sederhana sahaja. Analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan perspektif guru dari aspek reaksi, pembelajaran (pengetahuan, kemahiran dan sikap) serta tingkah laku guru berdasarkan lokasi sekolah. Analisis Regresi Berganda mendapati faktor yang menyumbang kepada tahap pengetahuan guru setelah menghadiri LADAP KBAT adalah kandungan umum, kemudahan fizikal dan bahan pembelajaran. Manakala kemahiran guru disumbang oleh kandungan umum dan kemudahan fizikal. Seterusnya tahap sikap guru disumbang oleh penyampaian Jurulatih Utama (JU), bahan pembelajaran dan kandungan umum. Seterusnya, pengetahuan guru dari aspek inkuiri, KBAT, isu sosio-saintifik dan peta i-THINK menyumbang kepada tingkah laku guru. Kemahiran guru dari aspek pembinaan item KBAT, peta iTHINK, isu sosio saintifik, teknik penyoalan dan inkuiri menyumbang kepada tingkah laku guru dan sikap guru dari aspek kepentingan KBAT dan motivasi menyumbang kepada tingkah laku. Efikasi-kendiri didapati mengantara separa kesan hubungan antara pembelajaran dengan tingkah laku manakala bimbingan rakan sebaya menyederhanakan secara negatif hubungan antara pengetahuan dan kemahiran dengan tingkah laku. Antara kekangan dihadapi oleh guru dalam LADAP KBAT adalah masa latihan tidak mencukupi dan kekurangan aktiviti latihan dalam bentuk *hands-on* serta penyampaian JU yang kurang berkesan.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Dalam usaha untuk menambah baik penilaian latihan pada masa akan datang, pengkaji telah menggariskan beberapa cadangan yang boleh dilakukan oleh pengkaji seterusnya seperti yang berikut:

1. Kajian penilaian LADAP KBAT dijalankan melibatkan pengumpulan data satu kali sahaja *cross sectional*. Adalah dicadangkan agar kajian dalam bentuk longitudinal melibatkan pengumpulan data dijalankan sekurang-kurangnya dua kali dalam selang tempoh masa tertentu dilakukan untuk mengukur perubahan amalan atau tingkah laku guru (pra dan pasca) di antara dua sela masa tersebut.
2. Penilaian dalam kajian ini melibatkan guru-guru Sains yang menghadiri LADAP KBAT tanpa membabitkan rakan sekerja guru atau pengetua untuk menilai tingkah laku guru di dalam bilik darjah. Penilaian 360 darjah melibatkan rakan sekerja guru atau pentadbir sekolah menilai amalan guru dalam mengintegrasikan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Sains perlu dilakukan untuk mendapatkan hasil dapatan kajian yang lebih jitu.
3. Kajian ini memfokus kepada pemboleh ubah pengantara efikasi-kendiri yang mengantara kesan hubungan antara pembelajaran dengan tingkah laku. Kesan pengantara yang kecil efikasi-kendiri dalam meningkatkan tingkah laku guru menuntut penyelidikan lanjutan untuk mengkaji faktor input latihan lain yang meningkatkan tingkah laku. Berdasarkan tinjauan literatur, faktor persekitaran kerja dan reka bentuk latihan merupakan faktor penting yang meningkatkan tingkah laku atau pemindahan latihan tetapi kurang dikaji oleh pengkaji-pengkaji terdahulu (Dreer et al. 2017).

4. Kajian ini juga memfokus kepada bimbingan rakan sebaya guru sebagai pemboleh ubah penyederhana yang menyederhana kesan hubungan antara pembelajaran dengan tingkah laku. Pengkaji mencadangkan agar kajian seterusnya menumpukan kepada pemboleh ubah lain seperti pengalaman dan umur sebagai pemboleh ubah penyederhana yang tidak banyak dikaji oleh kajian-kajian sebelumnya.
5. Program latihan KBAT dijalankan dalam kalangan pengetua sekolah dan guru-guru Sains bagi memberi pendedahan dan kesedaran kepada pengetua dan guru-guru tentang kepentingan KBAT sebagai agenda nasional. Justeru, kajian seterusnya perlu menilai latihan KBAT melibatkan dua aras yang berbeza iaitu guru-guru Sains sebagai pelaksana dan JU Sekolah sebagai *coach* atau pembimbing rakan sebaya dan pengetua dari peringkat pengurusan. Justeru, analisis statistik yang lebih kompleks menggunakan Hierarical Liner Model (HLM) pada dua aras dapat dilakukan bagi membandingkan keberkesanan latihan KBAT khususnya peringkat JU Sekolah dengan guru-guru Sains atau JU Daerah dengan JU Sekolah.
6. Kajian ini melibatkan tiga aras dalam Model Penilaian Empat Aras Kirkpatrick (1959). Kajian akan datang perlu menilai aras keempat iaitu hasil atau prestasi.
7. Kajian ini menggabungkan Model Kirkpatrick dengan Model Pemindahan Latihan Baldwins (1988) untuk menilai LADAP KBAT. Kajian akan datang memadai dengan mengadaptasi Model Pemindahan Latihan Baldwins (1988) sahaja dalam menilai program latihan dan faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku atau pemindahan latihan.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2019



# **PENILAIAN PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU (PPG) DARI SUDUT PEMBELAJARAN DALAM TALIAN MELALUI MODEL KONTEKS, INPUT, PROSES DAN PRODUK (KIPP)**

**MOHD SUKRI MAAROF**

**Universiti Pertahanan Nasional Malaysia**

## **ABSTRAK KAJIAN**

Kajian ini bertujuan menilai Program Pensiswazahan Guru (PPG) dari sudut pembelajaran dalam talian. Kajian ini melibatkan PPG yang dilaksanakan di 27 buah Institut Pendidikan Guru (IPG), KPM. Di samping itu, kajian ini melibatkan siswa pendidik yang datang dari latar belakang yang berbeza iaitu lokasi tempat siswa pendidik mengajar yang melibatkan kawasan bandar, luar bandar dan pedalaman. Reka bentuk kajian menggunakan kaedah kuantitatif berdasarkan Model KIPP. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik yang meliputi 15 konstruk dalam empat dimensi iaitu dimensi Konteks, Input, Proses dan Produk (KIPP). Dalam dimensi Konteks (K) ialah DPK, FPK, PIPP 2006-2010, PPPM 2013-2025; manakala dimensi input (I) ialah iklim persekitaran, kemudahan di IPG KPM, kemahiran pensyarah yang mengajar PPG, sikap siswa pendidik PPG dan sokongan IPGM. Untuk dimensi Proses (P) adalah pengajaran dan pembelajaran, sokongan IPG KPM, hubungan pensyarah dengan siswa pendidik, hubungan pensyarah PPG dengan pensyarah lain, pemantauan dan penilaian. Daripada hasil dimensi KIP akan menghasilkan Produk iaitu (P). Instrumen ini diedarkan kepada semua siswa pendidik sejumlah 5,620 orang. Instrumen soal selidik yang dianalisis dalam kajian ini ialah sebanyak 548, iaitu pulangan yang diterima. Hasil dapatan kajian menunjukkan konstruk yang berada pada tahap tinggi ialah FPK, DPK, PIPP 2006-2010, PPPM 2013-2025, iklim persekitaran, sokongan IPGM, pengajaran dan pembelajaran, hubungan pensyarah PPG dengan siswa pendidik dan penilaian manakala konstruk yang berada pada tahap sederhana pula ialah kemudahan di IPG KPM, kemahiran pensyarah yang mengajar PPG, sikap siswa pendidik PPG, sokongan IPG KPM, hubungan pensyarah PPG dengan pensyarah lain dan pemantauan. Rumusan dapatan kajian ini menunjukkan PPG dari sudut pembelajaran dalam talian dapat dilaksanakan tetapi perlu penambahbaikan dari segi kemudahan infrastruktur, latihan profesionalisme pensyarah, komunikasi antara pensyarah dengan pensyarah dan juga siswa pendidik perlu dipertingkatkan lagi begitu juga dengan pemantauan. Penyelidik juga mencadangkan agar satu lagi kajian lanjutan dilaksanakan ke atas siswa pendidik lulusan PPG yang telah mengajar di sekolah untuk melihat kejayaan PPG daripada sudut pembelajaran dalam talian.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian diperolehi daripada analisis menggunakan statistik deskripsi dan inferensi secara kuantitatif. Hasil dapatan kajian ini juga dihuraikan berdasarkan perspektif siswa pendidik dalam perkhidmatan dan seterusnya hasil dapatan digunakan untuk generalisasi terhadap pelaksanaan PPG secara khusus. Populasi kajian ini terdiri daripada siswa pendidik dalam perkhidmatan yang belajar secara Pengajian Jarak Jauh (PJJ) di IPG, KPM dan mengajar di sekolah-sekolah rendah bantuan penuh kerajaan di seluruh Malaysia yang terdiri daripada tiga lokasi sekolah iaitu di kawasan bandar, luar bandar dan pedalaman yang terletak di seluruh negara. Pemilihan sampel kajian dibuat secara rawak dengan mengambil kira sekolah tempat siswa pendidik mengajar. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan PPG memenuhi kehendak serta selaras dengan PIPP 2006-2010 sebelum disambung dengan PPPM 2013-2025 yang telah dibentangkan oleh mantan Menteri Pendidikan pada tahun 2013 dengan tujuan melahirkan guru berkualiti.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Penyelidik menjalankan kajian ini dengan hanya menilai PPG dari sudut pembelajaran dalam talian di IPG KPM dari dimensi Konteks, Input, dan Proses. Bidang yang dikaji ini belum mampu menggambarkan keseluruhan pelaksanaan PPG. Fokus kajian ini terbatas kepada pembelajaran dalam talian di IPG KPM dan tidak menyelidik keperluan-keperluan lain seperti bidang akademik, hal ehwal pelajar, kaunseling, sumber manusia, peperiksaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).
2. Penyelidik menyarankan kepada penyelidik lain yang bercadang untuk melakukan kajian seterusnya atau menyambung kajian ini untuk melihat dari segi impak siswa pendidik PPG dalam mendepani dunia pendidikan setelah bergelar Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) yang mengajar di sekolah rendah dan menengah bantuan penuh kerajaan.
3. Kajian ini hanya menfokuskan kepada IPG KPM yang menerima siswa pendidik dalam melaksanakan PPG. Kajian lanjutan juga boleh dilakukan dengan meluaskan lagi skopnya meliputi universiti awam dan universiti swasta di seluruh negara yang menawarkan PPG. Satu perbandingan antara pelaksanaan PPG yang dilaksanakan di IPG KPM dan juga yang dilaksanakan di universiti awam dan universiti swasta boleh juga dilakukan.
4. Reka bentuk kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian utama yang dilaksanakan di IPG KPM. Penyelidik mencadangkan agar penyelidik pada masa hadapan menjalankan kajian penilaian PPG ini secara kualitatif melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen dengan lebih mendalam. Dengan ini, lebih banyak maklumat bakal diperolehi untuk mengetahui secara terperinci proses PPG yang dilaksanakan di IPG KPM atau institusi lain.



## **CRITICAL THINKING SKILLS IN GROUP DISCUSSION USING THE PEER SOCRATIC QUESTIONING (PSQ) TECHNIQUE**

**ZAINAB AB. RAHMAN**  
**Universiti Teknologi Mara**

### **ABSTRACT**

The main aim of this qualitative study was to investigate the experiences of a group of TESL degree students using a questioning technique called Peer Socratic Questioning (PSQ) in their group discussion activities. Specifically, this study sought to examine the types of Socratic questions they asked in their group discussions and how the questions influenced their critical thinking level. This study also investigated the participants' perception of the PSQ technique in improving their group discussion and the challenges the participants faced in using the PSQ technique. The study involved 20 participants from an institute of Teacher Education located in Terengganu. The participants were students of semester 2 and 2 TESL students taking the ELT Methodology course. The participants were divided into five groups and were involved in six group discussions employing the PSQ technique. The study employed a qualitative research design where data was collected via reflective journal entries, video recordings of group discussion and the video recording of focus group interview. The data collection took 11 weeks to complete and the data was analysed by using ATLAS.ti software. The finding of the study revealed that two main types of Socratic questions (conceptual clarification questions and questions probing viewpoints and perspectives) dominated the group discussion. These two types of questions not only help the participants gain a better understanding of the topics of discussion but also more importantly showed that the PSQ technique enhanced participants' critical thinking levels. This was evident in their ability to analyse and evaluate their own levels of thinking and they perceived that the PSQ technique increased their self-efficacy, confidence, engagement and personal development. The challenges that they faced while using the PSQ technique were not due to the technique itself rather their lack of preparation and resources, language proficiency, unfamiliarity of the technique, the quality of question asked and the topic of discussion. Overall, the participants perceived that the PSQ technique had improved their group discussion and would like to continue using it in subsequent discussions. With proper guidance, the PSQ technique would be a very helpful technique not only to promote enhance critical thinking but also to improve learning in general.

## SUMMARY OF FINDINGS

This study has revealed that the PSQ technique had helped the participants in conducting their group discussion in the way they should to make it fruitful. The Socratic questions used in their discussion which were mainly the conceptual clarification questions and the questions about viewpoints and perspectives and also some other types of questions such as questions that probe rationale, reasons and evidence and questions that probe implications and consequences had helped them to understand the topics of discussion better and helped them to think more critically as they asked and answered their friends' questions with explanation, elaborations, examples and giving their opinions. Later, after the study the participants admitted that they were able to complete their assignment and answer the examination questions well because of that.

The study also revealed that the critical thinking levels of participants had increased because they were able to give more answers at HOTS levels as compared to before they were introduced to the technique. Even though they also gave responses at LOTS levels, the HOTS levels were higher than the LOTS levels, which indicated higher critical thinking. The participants perceived that the PSQ technique had improved their discussion because they had better engagement, higher self-efficacy, and self-confidence and had developed personally. They had better engagement because they were more attentive, cooperated, and participated well, shared their opinions and experiences, involved in and enjoyed the discussions, and responded to questions actively. They also perceived that they had higher self-efficacy due to better mastery performances, vicarious experiences and verbal persuasions from their peers.

Discussion on the challenges faced by the participants in using the Peer Socratic Questioning (PSQ) technique revealed that the challenges were due to more time needed to be familiar with and to engage themselves in using this technique, their English language proficiency problem, their lack of preparation and resources, quality of questions and the choice of topics for discussions. These challenges are inter-related to each other. For example, due to the unfamiliarity of the technique, they were not confident to use the questions, which then led to lack of variety in the types of questions asked. The problem was also related to their unpreparedness in terms of attitude and resources and their low proficiency made the problem worse. From the discussion of the challenges faced by these participants, it can be concluded that more practice is important and the participants need to be more prepared when coming for discussion and with extra resources.

In conclusion, the study had shown that the use of Peer Socratic Questioning (PSQ) technique by the participants of this study was positive. The technique, via the Socratic questions used had helped the participants to enhance their critical thinking skills and improve their group discussions despite some challenges they faced.

## RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH

This study had shown how the Peer Socratic Questioning (PSQ) technique was used successfully to guide students in conducting group discussion. The course chosen for this study was ELT Methodology, which covers some learning theories such as the Krashen's Monitor Model, the theory of language learning and language acquisition and also the Malaysian school syllabuses. The technique was proven helpful in aiding students' understanding of the concepts and theories covered in this course. The study has also shown that students' critical thinking can be improved with the use of this technique. Therefore, it is recommended that this technique be used for future studies.

In this study, PSQ technique was used to aid the discussion of the topics in ELT Methodology course as it provides many opportunities for the students to discuss the various theories and concepts and relate them to their lives as future teachers. The technique can also be used in other areas of study, for instance, in Literature. Since studying Literature involves a lot of abstract messages and meanings, the students can be taught to use this questioning technique to help them understand the messages. The Socratic questions that they asked each other could help them to be more critical in discussing the texts such as short stories and novels, poems and movies. They would be more critical when discussing the plot, characters, themes, settings, and the figurative language used in literature. Their discussion would be in depth and more interesting and they would not be too dependent on their teachers or lecturers to provide them with explanation of the texts. Therefore, a study on using PSQ technique (applying the six types of questioning) to aid students in discussing literary texts would be beneficial.

In this study, the participants were the TESL students and the course chosen was one of the TESL courses (ELT Methodology). Other groups or samples can be considered for future studies such as the technique could also be used in other courses other than TESL. It can be used in courses involving Bahasa Melayu as the medium of instruction. The same Socratic questions can be translated into Bahasa Melayu or even Arabic to be used with their courses to aid their group discussions. Other than language courses, it could also be used with other courses such as Science, History and Education. However, the questions need to be translated to suit the medium of instruction. So far, there are very limited studies done on using Socratic questioning by using a medium of instruction other than English (for example Malay language). Thus, it would also be valuable to study the use of Peer Socratic Questioning or PSQ in other languages.

Besides using the Socratic questioning technique in group discussion, further studies can be designed to focus on applying the technique by individual students. After the students are taught how to use this technique in their group discussion, they can apply the same technique independently, for example, when writing their essays or preparing for speeches and presentations. Instead of just presenting at surface level, they can use the questions to guide them to give more elaborations and explanation so that they become more critical in their writing, speeches, or presentations. A study could be conducted to see the effectiveness of using the technique in their essay writing, presentations or reading comprehension after using the technique. The improvements can be measured by looking at the quality of the students' product before and after using the technique.



## PEMBINAAN DAN VALIDASI RUBRIK PENTAKSIRAN KENDIRI KEMAHIRAN INSANIAH, e-PERSONA

**AZLIZA MUHAMMAD**  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

### ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan membina dan menentusahkan rubrik pentaksiran sendiri kemahiran insaniah, e-persona. Kajian ini mengadaptasi reka bentuk *Design and Developmental Research* (DDR) oleh Richey dan Klein melibatkan empat fasa iaitu kajian keperluan, rekabentuk, pembinaan dan penilaian. Tiga rubrik iaitu Rubrik Mendengar dengan Aktif dan Memberi Maklumbalas (KOM2), Mencari Idea dan Mencari Penyelesaian Alternatif (BKMM3) serta Menganalisis dan Membuat Keputusan berkaitan dengan Etika (EM2) telah dibina. Sampel kajian melibatkan 342 orang pelajar Kursus Pembangunan Sahsiah di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang dipilih berdasarkan kaedah pensampelan rawak berstrata berkadaran. Kesahan konstruk dan kebolehpercayaan rubrik ditentukan menggunakan Model Pengukuran Rasch. Dapatan kajian menunjukkan bahawa rubrik yang dibangunkan mempunyai kesahan konstruk yang baik seperti yang ditunjukkan oleh nilai polariti item (PTMEA Corr), *fit statistics* dan peta dimensionaliti. Kesemua nilai PTMEA Corr adalah positif dan melebihi 0.3, dan nilai *fit statistics* dalam julat yang boleh diterima (0.6-1.4). Analisis dimensionaliti menunjukkan rubrik yang dibangunkan dapat menjelaskan 38.3% daripada varians bagi KOM2, 37.4% bagi BKMM3 dan 39.3% bagi EM2. Kebolehpercayaan rubrik bagi KOM2, BKMM3 dan EM2 juga tinggi dengan nilainya masing-masing ialah 0.97, 0.93 dan 0.94 dan kebolehpercayaan individu ialah 0.86, 0.88 dan 0.88. Nilai pengasingan bagi semua konstruk juga baik, melebihi 3.0. Kemahiran insaniah pelajar didapati lebih baik di dalam pentaksiran kali kedua. Kesimpulannya, rubrik yang dibangunkan mempunyai ciri-ciri psikometrik yang baik bagi mengukur ketiga-tiga kemahiran insaniah tersebut. Penggunaan rubrik telah membantu pelajar melaksanakan pentaksiran sendiri dan menentukan sasaran sendiri. Kriteria dan deskriptor yang terdapat dalam rubrik dapat dijadikan panduan oleh pelajar dalam melaksanakan pentaksiran sendiri. Penggunaan e-persona ini telah memudahkan pentaksiran sendiri dalam kalangan pelajar serta memudahkan pengurusan rekod dan bukti-bukti pentaksiran yang lebih efisien. Implikasinya, penggunaan rubrik e-persona ini boleh diperluaskan kepada kursus lain untuk mengukur kemahiran insaniah yang berbeza.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dijelaskan melalui amalan sedia ada pentaksiran kemahiran insaniah dan potensi sistem e-portfolio UPSI. Didapati tiada penilaian oleh pelajar semasa penilaian kemahiran insaniah dijalankan. Manakala sistem e-portfolio UPSI yang telah dibina kurang dimanfaatkan. Bahagian kedua merupakan dapatan penentusahan rubrik e-persona. Didapati melalui proses kesahan kandungan, kesahan konstruk dan kesahan muka, rubrik e-persona memenuhi kriteria sebagai alat ukur. Bahagian ketiga adalah dapatan kajian kebolehpercayaan rubric e-persona. Didapati, ukuran kebolehpercayaan item dan individu e-persona dipenuhi. Setelah rubrik e-persona dibina, rubrik ini digunakan oleh pelajar kursus Pembangunan Sahsiah semester pertama sesi 2016/2017. Dapatan menunjukkan terdapat peningkatan dalam tahap kemahiran insaniah pelajar. Selain itu, analisa mendapati pelajar cenderung untuk membuat pentaksiran berasaskan teknologi.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

### 1. Pembinaan Rubrik

- i. Menterjemah rubrik ke dalam bahasa Inggeris agar boleh digunakan dengan lebih meluas lagi. Kesahan kepada terjemahan *back-to-back* harus dijalankan.
- ii. Analisis kesahan konstruk diperluaskan kepada analisis DIF bagi memantapkan deskriptor dari segi perbezaan item terhadap jantina, bangsa atau fakulti. Analisis *Multifaceted Rasch* juga dicadangkan untuk penggunaan rubrik sekiranya melibatkan pentaksiran oleh pelajar dan pensyarah dengan syarat pelajar dan pensyarah menggunakan rubrik yang sama.
- iii. Oleh kerana tiada kumpulan kawalan sebagai perbandingan pencapaian kerana ia bukan fokus kajian, bilangan sampel yang digunakan dalam tinjauan di Fasa Penilaian didapati mencukupi. Namun dicadangkan supaya kajian akan datang dikembangkan kepada lebih daripada 40 orang sampel, perincian termasuk mengikut aliran Sains dan Sastera atau *hard science* atau *soft science* dan tahun pengajian (tahun 2, 3 dan 4) agar penggunaan sistem e-portfolio di dalam LMS lebih meluas.
- iv. Melalui plot ukuran T1 melawan T2 dalam Fasa Penilaian, ukuran tidak menyatakan sama ada perubahan kemahiran insaniah ini adalah signifikan atau tidak. Analisis lebih terperinci terhadap kesignifikanan perubahan kemahiran boleh dilakukan.
- v. Menambah lebih daripada dua masa penilaian selain T1 dan T2 bagi mendapatkan profil peningkatan kemahiran insaniah pelajar. Profil dapat dipamerkan melalui plot.

### 2. Pentaksiran Kemahiran Insaniah

- i. Pelajar menggunakan rubrik e-persona pada setiap *check-point* tugas. Pensyarah kursus bertanggungjawab memastikan pelajar memuat naik eviden dan meminta pelajar menilai kemahiran insaniah mereka. Cadangan penambahan fungsi e-persona dalam e-portfolio sedia ada ialah kepada modul 'Kursus Saya'. Rubrik dicadangkan untuk dimasukkan dalam paparan 'Artifak' (paparan ini kemudian dinamakan Penilaian

Kemahiran Insaniah) di mana penggunaan e-persona hanya boleh diteruskan apabila artifak bagi Tugas 1, Tugas 2 dan Tugas 3 dimuat naik (Rajah 5.3). Simbol + menunjukkan pelajar boleh menambah artifak. Pentaksiran KI menggunakan rubrik e-persona hanya dapat dilakukan selepas artifak berjaya dimuat naik. Ini diindikasikan melalui simbol kotak hijau sekiranya berjaya atau sekiranya artifak belum dimuat naik. Paparan petunjuk prestasi dapat dilihat melalui butang 'Papar KI'.

- ii. Kerangka pentaksiran e-portfolio dalam kajian ini hanya menggunakan pelajar sendiri sebagai pembina pengetahuan dan kemahiran. Kajian ini dicadangkan untuk diteruskan kepada melihat kesan pentaksiran rakan sebaya (*peer- assessment*) di mana platform sistem ini diberi kelonggaran akses kepada folder tertentu agar rakan sebaya dapat memberi maklum balas atau refleksi secara dua hala.
- iii. Penggunaan rubrik mengikut pengukuran yang sah diperluaskan kepada kursus-kursus yang lain terutama kepada kursus yang mengandungi tugas berasaskan projek atau prestasi (*performance-based project-based task*) menggunakan kerangka e-portfolio.
- iv. Guru di sekolah boleh menggunakan kerangka pentaksiran e-portfolio ini dalam persekitaran yang serupa. Misalnya, komponen rubrik dan eportfolio boleh diaplikasikan dan disesuaikan dalam laman pembelajaran virtual, Frog VLE.

### 3. Sinergi Teknologi

- i. Rubrik dalam kajian ini lebih merupakan kepada rubrik statik dengan pengubahsuaian kepada sistem e-portfolio. Penggunaan rubrik dicadangkan dijadikan *automated*. Rubrik yang dibina dijadikan rubrik elektronik (e-rubric) kerana memudahkan pelajar menanda item seterusnya menyimpan rubrik dalam bentuk elektronik. Ini bermaksud pelajar akan menilai atau menjalankan pentaksiran dengan menggunakan rubrik yang telah dimuat naik di dalam sistem. Tambahan pula, kini, rubrik lebih mudah dijana melalui pasaran bebas. Oleh itu, rubrik yang tidak mempunyai fungsi *automated* memerlukan langkah imbasan dan muat naik di dalam sistem e-portfolio. Selain daripada itu, skor rubrik yang dipaparkan dalam bentuk graf akan kelihatan lebih mudah diterjemah dan menarik.
- ii. Oleh kerana kajian ini umpama satu set *toolbox* yang mengandungi rubrik dan e-portfolio dalam persekitaran LMS, paparan rubrik dan e-portfolio dicadangkan memerlukan reka bentuk yang menarik dan sesuai. Sehingga kini, sistem e-portfolio dikawal oleh tapak laman pembelajaran yang bersifat *customized* dari pihak ICT maka paparan muka sistem e-portfolio adalah di luar bidang kuasa pengkaji. Namun, perubahan pesat teknologi memungkinkan paparan ini menjadi lebih mesra pengguna.
- iii. Sokongan infrastruktur teknikal sangat diperlukan semasa menggunakan teknologi. Wifi dan rangkaian internet universiti perlu sentiasa berada pada tahap optimum.

### 4. Polisi dan Pentadbiran

- i. Peruntukan sumbangan markah tugas dari pentaksiran sendiri dalam sistem e-portfolio diadakan. Pensyarah boleh merancang pengajaran dan menjelaskan kepada pelajar tentang pentaksiran e-portfolio melalui mekanisme:
  - a. Memperkenalkan sistem e-portfolio;

- b. Mengikuti perkembangan pelajar melalui sistem e-portfolio;
  - c. Memantau aktiviti memuat naik artifak;
  - d. Meminta pelajar membuat penilaian kemahiran insaniah dan refleksi hasil pembelajaran menggunakan rubrik yang disahkan; dan
  - e. Memberi penilaian dan maklum balas bersesuaian dari pihak pensyarah.
- ii. Sistem e-portfolio dijadikan platform pentaksiran sendiri pelajar melalui penglibatan fakulti, pensyarah kursus dan penasihat akademik. Adalah menjadi hasrat hasil kajian ini yang merupakan sebahagian daripada penyelidikan NRGs dilaksanakan di peringkat UPSI. Di peringkat permulaan pelaksanaan boleh bermula dengan kursus KKD 2063 dan diperluaskan secara berperingkat. Penyertaan dan komitmen dari *stakeholder* e-portfolio perlu dilibatkan secara serius.
- iii. Menjadikan pentaksiran e-portfolio sebagai polisi universiti di mana pelajar menggunakan e-portfolio sebagai alat pentaksiran dan perkembangan peribadi. Pentadbirannya dicadangkan berada di bawah kawalan Bahagian Akademik dengan bantuan teknikal dari Pusat ICT dan sokongan penyelidikan dari Makmal Penyelidikan Pendidikan UPSI (MPPU). Suatu kaedah yang lebih tersusun dan sistematik bermula dengan promosi dan pengenalan serta falsafah penggunaan dimulakan seawal minggu orientasi di tahun pertama pengajian.
- iv. Mengadakan pendedahan tentang penggunaan rubrik e-persona dalam sistem e-portfolio sama ada melalui *flyers*, promosi melalui e-mel pelajar dan pensyarah atau laman web serta mempromosikan penggunaannya semasa minggu suai kenal atau pada setiap kali minggu pertama dalam sesuatu semester. Pada sekali setiap tiga minggu, diadakan suatu peringatan maya agar pelajar memuat naik eviden dan melaksanakan pentaksiran sendiri. Pendedahan dan taklimat juga diberikan kepada Pensyarah Kursus dan Penasihat Akademik.
- v. Sistem e-portfolio dijadikan *curriculum vitae* elektronik (e-CV) untuk pelajar pendidikan guru bagi mempamerkan pencapaian sepanjang tahun akademik mereka.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2019



## KEPIMPINAN TERAGIH PENTADBIR SEKOLAH DAN HUBUNGANNYA DENGAN EFIKASI KOLEKTIF GURU DAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL

**MOHD FADZIL JAMIL**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### ABSTRAK KAJIAN

Kepimpinan Teragih menawarkan suatu pemikiran baharu dalam mentransformasikan kepimpinan di sekolah. Faktor Efikasi Kolektif dan Guru dan faktor Komuniti Pembelajaran Profesional dikenal pasti mempunyai pengaruh serta kesan yang kuat kepada peningkatan kualiti pengajaran guru. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perhubungan dan pengaruh antara Kepimpinan Teragih pentadbir sekolah (KT) dengan Efikasi Kolektif Guru (EKG) dan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP). Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan dengan soal selidik sebagai instrumen utama. Seramai 592 orang guru dari 60 buah sekolah menengah di Negeri Sembilan dipilih sebagai responden melalui kaedah pensampelan rawak kluster kelompok. Proses analisis data berdasarkan Pemodelan Persamaan Berstruktur menggunakan perisian AMOS. Bagi hubungan korelasi antara KT dengan EKG dan KPP, kajian mendapati secara signifikan konstruksi Kepimpinan Teragih mempunyai perhubungan korelasi yang positif dan kuat dengan konstruk Efikasi Kolektif Guru. ( $r=0.739$ ,  $P<0.001$ ) dan konstruk Komuniti Pembelajaran Profesional. ( $r=0.844$ ,  $p<0.001$ ). Manakala bagi kesan atau pengaruh KT ke atas EKG, analisis regresi pemberatan bagi laluan KT->EKG menunjukkan nilai  $\beta=1.119$ . Analisis Squared Multiple Correlations dalam model regresi KT->EKG, nilai varians *estimate* = 0.699 menerangkan variabel eksogenus Kepimpinan Teragih (KT) secara signifikan berupaya membuat ramalan sebanyak 69.9% varians dalam variabel endogenus Efikasi Kolektif Guru (EKG). Analisis regresi pemberatan, KT->KPP, menunjukkan nilai  $\beta=1.182$ . Analisis regresi *Squared Multiple Correlations* bagi laluan KT->KPP, nilai varian *estimates* = 0.835 menerangkan variabel eksogenus Kepimpinan Teragih (KT) dalam model regresi secara signifikan berupaya membuat ramalan sebanyak 83.5% varians perubahan dalam variabel endogenus Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP). Dapatan kajian juga secara signifikan menunjukkan bahawa faktor demografi jantina, tahun pengalaman mengajar guru, tahap pendidikan guru dan bidang mata pelajaran guru tidak mempunyai pengaruh yang signifikan dalam hubungan kesan serta pengaruh variabel Kepimpinan Teragih ke atas variabel Efikasi Kolektif Guru. Kajian juga secara signifikan menunjukkan bahawa hanya faktor demografi jantina guru dan tahap pendidikan guru sahaja yang mempunyai pengaruh yang signifikan dalam hubungan kesan serta pengaruh variabel Kepimpinan Teragih ke atas variabel Komuniti Pembelajaran Profesional. Implikasi kajian menunjukkan bahawa faktor Kepimpinan Teragih yang diamalkan oleh pentadbir sekolah merupakan faktor kritikal untuk mewujudkan keadaan Efikasi Kolektif Guru serta pembentukan Komuniti Pembelajaran Profesional pada tahap tinggi di sekolah. Kesimpulannya, dapatan kajian ini secara signifikan menunjukkan terdapat perhubungan yang positif serta pengaruh yang kuat oleh pengamalan Kepimpinan Teragih kepada faktor Efikasi Kolektif Guru serta faktor Komuniti Pembelajaran Profesional.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ditemui melalui analisis data kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif deskriptif serta kaedah analisis Pemodelan Persamaan Struktur (SEM). Kesemua analisa yang dibuat adalah berdasarkan kepada persoalan kajian serta pengujian hipotesis-hipotesis yang terlibat. Huraian serta penerangan terhadap hasil analisis yang dibuat telah menemukan jawapan kepada tiga belas persoalan kajian yang terdapat dalam bab satu. Sehubungan dengan itu, pemahaman serta gambaran mengenai tahap Kepimpinan Teragih, Efikasi Kolektif Guru dan Komuniti Pembelajaran Profesional dari persepsi guru-guru di sekolah serta perhubungan yang wujud antara ketiga-tiga konstruk ini dapat memberikan suatu generalisasi yang kuat khususnya untuk menjadikan Kepimpinan Teragih suatu bentuk kepimpinan yang relevan di Malaysia pada masa kini.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan kajian lanjutan yang telah dicadangkan adalah seperti yang berikut:

1. Kaedah kajian ini telah menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif sepenuhnya dengan menjadikan soal selidik sebagai sumber utama data kajian. Kajian ini berfokus kepada perhubungan yang wujud antara tiga pemboleh ubah utama iaitu pemboleh ubah jenis kepimpinan iaitu konstruksi Kepimpinan Teragih pentadbir sekolah dan dua pemboleh ubah faktor guru iaitu konstruksi Efikasi Kolektif Guru dan konstruksi Komuniti Pembelajaran Profesional. Sehubungan dengan itu, untuk menjadikan kajian ini lebih lengkap, faktor-faktor lain yang mempengaruhi guru perlu diberi pertimbangan serta perhatian supaya satu pengertian yang lebih bermakna serta mewakili keadaan sebenar fenomena yang dikaji dapat diperolehi.
2. Kajian ini memberikan penekanan yang lebih kepada dua pemboleh ubah yang dipercayai mempunyai pengaruh kepada pengajaran berkualiti oleh guru iaitu Efikasi Kolektif Guru dan Komuniti Pembelajaran Profesional. Namun dalam konteks kejayaan akademik sekolah, selain dari faktor kualiti pengajaran guru, faktor pembelajaran murid juga perlu diambil kira. Oleh itu, penyelidik mencadangkan kajian lanjutan dilakukan dengan memberi tumpuan perhubungan dan kesan Kepimpinan Teragih dengan faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti pembelajaran murid misalnya, faktor-faktor bukan kognitif pelajar seperti tingkah laku akademik, ketahanan akademik, kemahiran sosial, ketetapan minda dan strategi pembelajaran (Farrington, Roderrick, Allenworth dan Nagaoka, 2012). Kajian kesan Kepimpinan Teragih terhadap pembelajaran murid ini akan memberi input yang lebih bernilai tentang Kepimpinan Teragih dalam dunia pendidikan.
3. Kajian ini memberikan tumpuan kepada pengenalpastian tahap Kepimpinan Teragih dan hubungannya dengan Efikasi Kolektif Guru dan Komuniti Pembelajaran Profesional yang merupakan faktor kapasiti guru. Pembinaan kapasiti guru adalah merupakan satu proses yang turut melibatkan dinamika kepimpinan di sekolah. Pembinaan kapasiti guru adalah asas kepada berlakunya peningkatan kualiti pengajaran guru yang seterusnya menyumbang kepada keberhasilan pelajar. Oleh itu, penyelidik mencadangkan agar kajian lanjut berkaitan hubungan Kepimpinan Teragih dengan peningkatan kualiti pengajaran guru dan keberhasilan pelajar dijalankan di negeri dan daerah yang sama untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian ini.

4. Kajian serupa boleh dijalankan di peringkat sekolah rendah. Hal ini kerana kajian ini telah menjadikan guru-guru di sekolah menengah sebagai responden kajian. Jika satu kajian serupa dilaksanakan di peringkat sekolah rendah, satu perbandingan persamaan serta perbezaan boleh dibuat antara sekolah rendah dan sekolah menengah. Perbandingan dapatan kajian dalam aspek persamaan serta perbezaan antara sekolah rendah dan sekolah menengah akan menyumbang kepada maklumat yang lebih bermakna serta menyeluruh khususnya aspek sumbangan serta kekuatan yang diperolehi oleh sekolah melalui pengamalan Kepimpinan Teragih.
5. Kajian ini tidak melibatkan respons serta persepsi dalam kalangan pentadbir sekolah. Oleh itu, disarankan kajian lanjut turut melibatkan penilaian, persepsi serta respons dari kumpulan pentadbir sekolah. Jika ini dapat dilakukan, maka suatu perbandingan boleh dibuat antara dapatan berdasarkan persepsi guru serta dapatan berdasarkan persepsi kumpulan pentadbir sekolah. Input daripada kedua-dua kumpulan ini akan memberikan maklumat yang lebih mendalam berkaitan keadaan yang berlaku di sekolah.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2019



# PEMBANGUNAN DAN PENGUJIAN KEBERKESANAN MODUL PENGAJARAN PECAHAN DENGAN PENYEBATIAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI KE ATAS PENGETAHUAN KONSEPTUAL DAN PENGETAHUAN PROSEDURAL PECAHAN

**NOORIZA KASSIM**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan membangunkan dan menguji keberkesanan Modul Pengajaran Pecahan dengan Penyebatian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (M-eFHOTS) untuk murid tahun empat bagi meningkatkan pengetahuan konseptual dan prosedural. Reka bentuk kajian ini ialah kajian pembangunan menggunakan Model Pembangunan Richey dan Klein yang mengandungi tiga fasa iaitu analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan, dan penilaian keberkesanan. Pengguna sasaran modul ini ialah guru Matematik sekolah rendah. Pembinaan M-eFHOTS menitik beratkan penyebatian elemen KBAT melalui strategi dan aktiviti yang ditetapkan berdasarkan lima fasa dalam model Instruksi 5E, Teori Kognitif Piaget dan Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky bagi mengembangkan pengetahuan konseptual dan prosedural pecahan. Peserta kajian adalah berbeza mengikut fasa. Fasa analisis keperluan menggunakan protokol temu bual separa berstruktur ke atas 10 orang guru Matematik sekolah rendah yang dipilih secara bertujuan, manakala soal selidik analisis topik sukar ditadbirkan kepada 30 orang murid tahun empat di sebuah sekolah daerah Raub. Fasa reka bentuk dan pembangunan melibatkan 8 orang pakar dan 7 orang guru yang terlibat dalam semakan dan penilaian modul. Pada fasa ini juga, seramai 20 orang murid tahun empat dan seorang guru Matematik terlibat dengan penilaian formatif modul dalam kumpulan kecil. Fasa penilaian pula melibatkan pengujian keberkesanan modul dengan menjalankan kuasi-eksperimen yang menggunakan reka bentuk ujian pra-pasca kumpulan tidak setara dan melibatkan 89 orang murid tahun empat daripada dua buah sekolah rendah di daerah Raub, Pahang. Dua orang guru dipilih secara bertujuan bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran modul dalam bilik darjah sebenar. Keberkesanan M-eFHOTS diukur menggunakan pengukuran pengetahuan konseptual dan prosedural pecahan melalui Ujian Pengetahuan Konseptual dan Prosedural Pecahan. Selain itu, pengumpulan data kualitatif dilakukan melalui temu bual separa berstruktur ke atas 2 orang guru yang terlibat dalam kuasi eksperimen. Analisis data melibatkan pemerihalhan deskriptif yang kemudiannya disusuli dengan analisis inferensi menguji keberkesanan yang melibatkan ujian-t bersandar dan ujian-t tidak bersandar menggunakan perisian IBM *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) Versi 21.0. Data kualitatif dalam kajian ini pula dianalisis secara tematik berdasarkan Miles dan Huberman. Dari aspek keberkesanan modul, didapati M-eFHOTS adalah berkesan dalam meningkatkan pencapaian dalam pengetahuan konseptual dan prosedural Pecahan. Analisis Ujian-t tidak bersandar menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan ( $t(83) = 8.317, p < 0.05$ ) dengan nilai saiz kesan yang besar, di mana kumpulan rawatan mempunyai pengetahuan konseptual yang lebih tinggi. Terdapat juga perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam pengetahuan

prosedural ( $t(83) = 3.653, p < 0.05$ ) dengan nilai saiz kesan yang besar, di mana kumpulan rawatan mempunyai pengetahuan prosedural yang lebih tinggi. Hasil temu bual terhadap dua orang guru matematik selepas kuasi eksperimen mendapati bahawa modul boleh dilaksanakan dan sesuai untuk murid yang berbeza tahap kognitif, meningkatkan pengetahuan konseptual dan prosedural pecahan, meningkatkan fokus, minat dan sikap positif murid dan membantu guru dalam pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi. Dapatan keseluruhan kajian menunjukkan bahawa modul dapat membantu guru meningkatkan pengetahuan konseptual dan prosedural pecahan murid dengan penyebatian kemahiran berfikir aras tinggi.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa M-eFHOTS adalah lebih baik berbanding pengajaran konvensional. Ini bermakna kaedah alternatif pengajaran pecahan menggunakan M-eFHOTS ini berjaya meningkatkan pengetahuan konseptual dan pengetahuan prosedural pecahan murid. Modul M-eFHOTS telah memberikan satu kaedah alternatif pengajaran pecahan berasaskan kemahiran berfikir aras tinggi. Penggabungan teori-teori pembelajaran, model instruksi 5E dan taksonomi Anderson dan Krathwohl (2001) menjadikan modul ini sesuai untuk membantu guru dalam pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dan berkesan dalam meningkatkan pengetahuan konseptual dan prosedural pecahan.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Terdapat beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dipertimbangkan oleh penyelidik lain. Namun begitu, kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa batasan di mana kajian terbatas kepada murid dari dua buah sekolah rendah di sebuah daerah dalam satu kajian kuasi-eksperimen sahaja. Oleh itu, kajian ini tidak dapat digeneralisasikan dalam konteks yang lebih luas. Walau bagaimanapun, kajian ini dapat menjadi perintis dalam membuka laluan ke arah kajian yang lebih menyeluruh dengan skop yang lebih luas. Justeru itu, penyelidik mengesyorkan beberapa cadangan bagi kajian lanjutan seperti yang berikut:

1. Kajian ini merupakan kajian reka bentuk dan pembangunan (DDR Approach) yang berbentuk konteks dan spesifik dan melibatkan temu bual peserta kajian bagi fasa analisis keperluan. Temu bual ini dijalankan terhadap peserta kajian yang berpengalaman mengajar di sekolah kebangsaan sahaja, maka dicadangkan agar temu bual ini diperluaskan juga kepada peserta kajian dari sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Oleh itu, hasil yang diperolehi tentang keperluan pembangunan modul juga lebih komprehensif agar input pembangunan dapat menghasilkan kandungan modul yang boleh digunakan di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.
2. Kajian ini memfokus kepada penerapan kemahiran berfikir aras tinggi bagi pembelajaran Matematik di bawah topik Pecahan Matematik KSSR Tahun 4. Elemen KBAT yang diberi tumpuan adalah empat aras kognitif iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta dalam Taksonomi Anderson dan Krathwohl. Tumpuan penerapan elemen KBAT adalah dalam pengembangan dimensi pengetahuan yang melibatkan pengetahuan konseptual dan prosedural dalam taksonomi ini. Dalam masa yang sama, dimensi pengetahuan metakognitif kurang diberi tumpuan dalam kajian ini walaupun penerapan elemen KBAT melalui pengetahuan ini berlaku dalam pengembangan aktiviti. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan dengan pertimbangan pengetahuan metakognitif sebagai salah satu pemboleh ubah bersandar.

3. Dalam kajian ini, data kajian keberkesanan dianalisis secara kuantitatif dan diterangkan oleh data temu bual retrospektif guru. Untuk kajian lanjutan, penyelidik mencadangkan agar analisis dokumen iaitu melibatkan hasil murid dalam modul digunakan dalam kajian ini supaya data yang lebih komprehensif diperolehi untuk menerangkan data kuantitatif kajian keberkesanan modul.
4. Modul M-eFHOTS dihasilkan dalam bentuk bercetak dan menggunakan bahan-bahan sumber berbentuk fizikal sahaja. Penyelidik mencadangkan agar aktiviti *hands on* yang menggunakan bahan manipulatif diperkayakan lagi dengan gabungan bahan manipulatif berbentuk fizikal dan bahan manipulatif berbentuk maya (*virtual manipulatives*). Beberapa kajian lepas telah membuktikan bahawa gabungan bahan manipulatif fizikal dan berbentuk maya dapat meningkatkan pencapaian dalam topik pecahan. Oleh itu, kajian lanjutan menggunakan modul M-eFHOTS ini boleh ditambah baik dengan mempertimbangkan aspek ini.
5. Dalam kajian ini, pemboleh ubah bersandar hanya terhad kepada domain kognitif dalam taksonomi Anderson dan Krathwohl dan tidak mengkaji domain afektif dan psikomotor. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan agar menguji keberkesanan M-eFHOTS terhadap aspek afektif dan psikomotor agar perkembangan murid secara lebih menyeluruh dapat diukur. Kajian ini juga tidak mengukur pencapaian berdasarkan tahap keupayaan murid. Oleh itu, kajian lanjutan menguji keberkesanan modul ini juga dicadangkan agar mempertimbangkan tahap keupayaan murid sebagai pemboleh ubah bebas. Maka kajian keberkesanan perlu menggunakan saiz sampel yang lebih besar.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2019



# CIRI AL-HIKMAH DALAM PENGAJARAN AL-QURAN SEKOLAH RENDAH DI BANDARAYA KUCHING, SARAWAK

**SALEHUDIN SABAR**  
Universiti Teknologi Malaysia

## ABSTRAK KAJIAN

Bidang al-Quran merupakan teras utama Kurikulum Pendidikan Islam yang diajar di sekolah rendah merangkumi ayat tilawah, ayat hafazan, ayat kefahaman dan hukum tajwid. Namun begitu, masih terdapat cara pengajaran guru Pendidikan Islam (GPI) yang kurang berkesan sehingga menyebabkan murid tidak dapat menguasai bacaan al-Quran dengan baik. Oleh yang demikian, kajian ini menumpukan kepada penerokaan terhadap maksud perkataan hikmah dan bi al-Hikmah yang terdapat dalam al-Quran dan Hadis. Kajian ini juga bertujuan menganalisis ciri al-Hikmah dalam pengajaran al-Quran di sekolah rendah dan menghasilkan model pengajaran bi al-Hikmah. Pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif secara analisis kandungan dan kajian kes. Bagi tujuan pengumpulan data, temu bual secara semi struktur dilaksanakan kepada lima orang responden yang terdiri daripada guru Pendidikan Islam (GPI). Keseluruhan data tersebut dianalisis secara tematik dengan menggunakan perisian Nvivo 8.0. bagi memperoleh pola data di samping menjawab lima persoalan utama kajian. Hasil kajian mendapati perkataan hikmah mempunyai pelbagai maksud dan boleh dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu sahsiah, ilmu pengetahuan dan kemahiran yang membentuk model dapatan kajian, iaitu Model Guru bi al-Hikmah dalam Pengajaran al-Quran. Kajian juga menemui persepsi positif responden terhadap penghayatan ciri al-Hikmah sama ada sahsiah, ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pengajaran al-Quran. Implikasi dapatan kajian ini memberi impak positif dan efektif kepada pengajaran al-Quran GPI di sekolah rendah melalui aplikasi Model Guru bi al-Hikmah dalam Pengajaran al-Quran. Hasil dan model kajian juga dapat memberi natijah positif sebagai satu proses GPI mendapatkan anugerah hikmah daripada Allah SWT. Pengkaji turut mengemukakan beberapa cadangan positif penggunaan model ini dalam memperkasa pendidikan al-Quran dan Pendidikan Islam di Malaysia.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat dua puluh perkataan hikmah dalam al-Quran yang mempunyai pelbagai maksud dan makna. Para mufassirin telah mempunyai pandangan berbeza dalam membahaskan maksud perkataan tersebut. Ini membuktikan bahawa perkataan hikmah adalah salah satu tanda kemukjizatan al-Quran dari sudut bahasa dan manusia mengetahui perkataan ini hanya selepas al-Quran diturunkan. Berdasarkan penelitian maksud hikmah, pengkaji telah membahagikan pengertian hikmah kepada tiga bahagian iaitu sahsiah, ilmu pengetahuan dan kemahiran.

Pengkaji mendapati kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan amalan ciri-ciri bi al-Hikmah oleh guru Pendidikan Islam (GPI) dalam pengajaran al-Quran sangat memberi kesan positif serta mengandungi hikmah yang besar kepada murid. Mereka berjaya melalui proses pembentukan GPI bi al-Hikmah yang memiliki tiga bahagian utama model guru bi al-Hikmah dalam pengajaran al-Quran iaitu sahsiah, ilmu pengetahuan dan kemahiran mengajar. Pengkaji juga telah berjaya membangunkan satu model pengajaran al-Quran di sekolah rendah yang diberi nama model guru bi al-Hikmah dalam pengajaran al-Quran.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Pengkaji mencadangkan beberapa kajian lanjutan dilakukan bagi memperkasa pendidikan al-Quran di sekolah rendah seperti yang berikut:

- 1. Kajian Tentang Pembelajaran al-Quran di Sekolah Rendah**  
Kajian pembelajaran al-Quran dalam kalangan murid-murid sekolah rendah bagi mengukuhkan lagi dapatan dalam kajian ini serta dikembangkan ke sekolah-sekolah seluruh Malaysia.
- 2. Kajian Kurikulum Pendidikan al-Quran Sekolah Rendah**  
Kajian Kurikulum Pendidikan al-Quran sekolah rendah bagi melihat impaknya kepada murid-murid. Kajian ini memfokuskan kepada kesan pelaksanaan kurikulum pendidikan al-Quran terhadap murid-murid sekolah rendah.
- 3. Kajian Model Guru bi al-Hikmah dalam Bidang Ulum Syariah dan Jawi**  
Kajian Model Guru bi al-Hikmah dalam bidang Ulum Syariah dan Jawi sekolah rendah bagi mengukuhkan lagi dapatan dalam kajian ini serta dikembangkan kajian ke bidang lain dalam Pendidikan Islam.



## ISU LIMBANG DALAM HUBUNGAN MALAYSIA – BRUNEI: 1884 – 1984

**HABID'S BUHIGIBA MOHAMD BUSTAMAM**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan isu Limbang dalam hubungan Malaysia dan Brunei antara tahun 1884-1984. Tindakan Charles Brooke merampas daerah Limbang pada 17 Mac 1890 telah menimbulkan isu yang berpanjangan antara Kerajaan Brunei, Sarawak dan Britain. Selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963, isu Limbang sekali lagi menimbulkan ketegangan antara Brunei dan Malaysia dan ianya berkembang kepada beberapa isu lain yang berkaitan. Tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk menjelaskan kepentingan daerah Limbang dan impaknya ke atas pembentukan Malaysia. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti sebab dan kesan pengambilannya daripada Brunei, menganalisis langkah dan tindakan dan usaha pemulihan hubungan yang diambil oleh Kerajaan Malaysia dalam menangani isu Limbang. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif pendekatan sejarah yang memberikan tumpuan terhadap sumber primer seperti fail Colonial seperti *Office, Foreign Office, Foreign Commonwealth Office*, dan *High Commissioner Office*.

### RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Limbang sangat penting kepada Brunei disebabkan hubungan budaya, politik, ekonomi dan geografi. Justeru itu, kegagalan mengambil semula Limbang menjadi pencetus kepada ketegangan hubungan antara Malaysia dan Brunei apabila timbulnya masalah penetapan garisan sempadan, isu penduduk di sempadan dan masalah keselamatan ekoran pembentukan semula Parti Rakyat Brunei di Malaysia. Peralihan kepemimpinan daripada Tun Razak kepada Hussein Onn telah berjaya meredakan ketegangan di samping turut dibantu oleh ikatan yang rapat antara kerabat Diraja Malaysia dan Brunei. Kemerdekaan Brunei pada tahun 1984 yang mendapat sokongan penuh Malaysia telah dapat menyelesaikan isu-isu keselamatan yang dihadapi oleh Brunei akan tetapi membiarkan isu Limbang tanpa penyelesaian. Dapatan kajian mendapati isu Limbang memainkan peranan yang penting dalam memastikan kestabilan hubungan Malaysia dan Brunei.

### CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Tiada cadangan kajian lanjutan dikemukakan dalam tesis ini.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2019



## **PENINGKATAN MOTIVASI DALAM PENDIDIKAN SENI DI SEKOLAH MENENGAH MELALUI PROGRAM 'ARTISTS IN SCHOOLS' (AiS)**

**WAN JURIA EMEIH WAHED**  
**Universiti Pendidikan Sultan Idris**

### **ABSTRAK KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka tahap motivasi para murid di sembilan buah sekolah menengah terpilih di Malaysia dalam Pendidikan Seni Visual (PSV) menerusi pelaksanaan program "*Artists in Schools*" (AiS), sebuah kolaborasi artis-sekolah. Ia melibatkan lawatan artis-artis profesional ke sekolah-sekolah tersebut dan berkongsi ilmu dan kemahiran di dalam bidang seni dengan para murid. Reka bentuk penyelidikan yang dipilih ialah kaedah pelbagai kes atau pelbagai tapak dan Teori Motivasi ARCS Keller digunakan untuk tujuan penilaian di dalam kajian kualitatif ini. Untuk pengumpulan data, kaedah-kaedah kaji selidik terbuka, pemerhatian dan penganalisan dokumen digunakan. Dapatan kajian menunjukkan AiS berkesan dan berguna di dalam membina dan memantapkan motivasi para murid dalam mata pelajaran Pendidikan Seni dan sangat berpotensi dalam meningkatkan kreativiti mereka. Dapatan juga menunjukkan kolaborasi tersebut menghasilkan maklum balas yang positif di mana beberapa informan mencadangkan agar AiS diteruskan. Kolaborasi tersebut ternyata meningkatkan kefahaman para murid mengenai teknik dan kemahiran baharu yang berguna yang diperolehi daripada para artis. Kesimpulannya, kolaborasi ini wajar diteruskan di dalam sistem pendidikan formal menerusi PSV memandangkan manfaatnya kepada motivasi dan kreativiti para murid serta meningkatkan prestasi sistem pendidikan formal Malaysia secara holistik.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian merumuskan bahawa program AiS yang dicetus oleh penyelidik bagi meneroka tahap motivasi murid-murid sekolah menengah dalam PSV melalui program AiS telah mendapat reaksi yang positif dan dapat memberi impak kepada kemajuan PSV di Malaysia. Pemerhatian yang diterima di awal tugasan sesi AiS mendapati bahawa seni lukis merupakan sesuatu yang rumit. Namun begitu, setelah latihan yang kerap dilakukan secara tertib dan berulang, masalah itu dapat diatasi dan ilmu itu dapat dimanfaatkan oleh para peserta. Pemerhatian penyelidik terhadap perbualan bersama peserta memperlihatkan keterujaan peserta untuk terus berkarya kerana mereka semakin berkeyakinan untuk melukis.

Objektif kedua kajian ialah untuk menilai kesan kolaborasi program AiS terhadap motivasi para peserta dalam PSV menerusi Teori Kolaborasi yang diilhamkan oleh Montteit-Overall (2005). Kolaborasi artis jemputan dan pihak sekolah dikesan memberi impak positif kepada peserta sekolah menengah dan juga kepada kelestarian program AiS pada masa hadapan. Faedah dan manfaat yang diterjemahkan oleh peserta adalah keterujaan kepada penggilapan potensi seni dalam diri masing-masing. Potensi tersebut dapat dipanjangkan sebagai kerjaya tetap sekiranya diasah dengan serius. Kesan daripada kolaborasi ini menjawab persoalan kajian yang kedua di mana murid-murid yang terlibat telah mendapat manfaat dan faedah daripada kolaborasi ini. Gabungan data dan informasi yang diperolehi daripada kajian ini membantu pencapaian objektif kajian yang ketiga iaitu mereka bentuk satu model program AiS yang relevan dengan suasana di Malaysia untuk dilaksanakan dalam sistem Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) PSV sekolah menengah di Malaysia.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Melaksanakan tinjauan program *Artists in Schools* (AiS) di sekolah-sekolah rendah di Malaysia.
2. Memperluaskan skop kajian kepada Pendidikan Seni Visual di sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak.
3. Tinjauan motivasi boleh dibuat dalam dua fasa iaitu sebelum dan selepas pelaksanaan program AiS. Hal ini bertujuan untuk mengenal pasti perubahan motivasi murid terhadap program yang dijalankan.



## **EPISTEMOLOGI TERAPI MUZIK DAN APLIKASINYA DI BIMARASTAN AL-MANSURI PADA ABAD KE-13 MASIHI**

**MOHD JAILANI HJ. ABDULLAH**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### **ABSTRAK KAJIAN**

Terapi muzik dianggap sebagai rawatan spiritual Islam di hospital-hospital abad pertengahan Islam, meskipun sejarah menyaksikan status muzik menjadi polemik yang berpanjangan dalam kalangan para ulama' Islam. Namun begitu, tanggapan di atas mempunyai asas tersendiri iaitu; (a) pemahaman terapi muzik dari perspektif falsafah dan (b) pemahaman terapi muzik berpaksikan nilai moral atau etika. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk membuktikan sejauh mana kewajaran status terapi muzik sebagai rawatan spiritual Islam, memperkukuhkan kedua-dua asas yang diketengahkan dan memformulasikan dengan tepat status terapi muzik di Bimārastān al-Manṣūrī dan lain-lain hospital abad pertengahan Islam. Untuk mencapai objektif tersebut, pengkaji akan membuat penelitian terhadap (a) sejarah terapi muzik abad pertengahan Islam (b) epistemologi terapi muzik menurut al-Kindī, Ikhwān al-Ṣafā', al-Fārābī dan Ibn Sīnā (c) aplikasi terapi muzik di Bimārastān al-Manṣūrī. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dan kaedah kajian kepustakaan dengan menganalisis pelbagai sumber primer dan sekunder. Dapatan kajian ini jelas membuktikan bahawa kedua-dua asas yang telah diketengahkan itu benar dan sah. Hal ini adalah kerana pemahaman terapi muzik dari perspektif falsafah berupaya menyingkap hakikat sebenar kewujudannya sebagai suatu ilmu yang lahir daripada sebuah bangunan epistemologi yang dibina oleh para sarjana Islam berasaskan kajian ilmiah, bukti saintifik dan pemikiran Islamik. Pemahaman terapi muzik yang berpaksikan prinsip moral atau etika pula turut menyerlahkan peranannya sebagai wasilah untuk mendekati diri kepada Allah SWT dan melahirkan insan yang seimbang dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Justeru itu, terapi muzik di hospital pada abad ke-13 Masihi khususnya di Bimārastān al-Manṣūrī wajar diformulasikan sebagai rawatan komplementari spiritual Islam. Hasil kajian ini dapat memberi nilai tambah ilmu serta implikasi terhadap pelbagai institusi di Malaysia memandangkan kepentingan terapi muzik masa kini dalam usaha membantu mengembangkan potensi kanak-kanak berkeperluan khas, mengurangkan tekanan, memberi perubahan psikologi, fizikal, kognitif, fungsi sosial dalam pembelajaran serta pekerjaan, menangani trauma, gangguan emosi, terencat akal, penyakit kanser dan AIDS.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini telah berjaya merungkaikan persoalan sejauh mana kewajaran terapi muzik sebagai rawatan terapi spiritual Islam. Ia juga berjaya memformulasikan kedudukan rawatan terapi muzik di Bimarastan al-Mansuri dan lain-lain hospital dalam abad tersebut. Persoalan tersebut terjawab setelah pengkaji meneliti kajian terhadap epistemologi terapi muzik yang telah dibangunkan oleh tokoh-tokoh ilmuwan seperti al-Kindi, Ikhwan al-Safa, al-Farabi dan Ibn Sina. Hal ini adalah kerana epistemologi merupakan tempat memproses, menyusun, merumus dan membentuk sebuah bangunan ilmu terapi muzik. Ia juga memainkan peranan penting dalam menggali, menemui dan mengembang sesuatu ilmu pengetahuan khususnya ilmu terapi muzik. Epistemologi terapi muzik ini dibangunkan berasaskan proses asimilasi dan islamisasi ilmu terapi muzik yang diperolehi daripada tamadun Greek menerusi doktrin keharmonian objek samawi dan doktrin ethos.

Kajian terhadap epistemologi telah mendedahkan kedudukan terapi muzik sebagai suatu disiplin ilmu yang menekankan soal pembinaan akhlak dan nilai moral yang baik. Dengan kata lain, pemahaman yang betul terhadap falsafah terapi muzik tidak akan mendorong seseorang untuk memanipulasikan entiti muzik ke arah keruntuhan akhlak. Hasil penelitian terhadap realiti aplikasi terapi muzik di Bimarastan al-Mansuri, pengkaji mendapati aplikasi terapi muzik di hospital itu amat menepati ciri-ciri yang dibincangkan dalam epistemologi terapi muzik iaitu untuk melahirkan insan yang sejahtera jasmani, rohani, emosi dan intelek. Ini bermakna terapi muzik yang diaplikasi dalam abad pertengahan Islam adalah sejajar dengan prinsip dan ajaran Islam. Justeru, aplikasi terapi muzik di Bimarastan al-Mansuri dan lain-lain hospital dalam abad tersebut wajar diformulasikan sebagai rawatan terapi spiritual Islam.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Untuk kajian akan datang, pengkaji mencadangkan agar dilakukan penyelidikan ke atas karya al-Farabi iaitu Kitab al-Musiqa al-Kabir, memandangkan karya ini adalah salah sebuah karya seni muzik yang masih kekal terpelihara sehingga ke hari ini. Tambahan pula, karya ini dianggap sebuah mahakarya yang paling lengkap perbahasannya mengenai seni muzik Arab iaitu merangkumi aspek teoritikal (al-musiqa) dan juga praktikal (al-ghina). Dengan demikian, karya ini muncul sebagai rujukan paling berautoriti bagi individu yang ingin memahami seni muzik Arab secara holistik.



## COACHING FOR INSTRUCTIONAL IMPROVEMENT IN SELANGOR AND SABAH

**SALWATI SHAFEE**  
Universiti Malaya

### ABSTRACT

This study looks at the implementation of coaching in Malaysian schools. It focuses on the practice of coaching and its relation to the improvement of teachers' classroom practices in primary and secondary schools in Selangor and Sabah. A total of 470 teachers and coaches (SISC+) from 10 District Education Departments in Selangor and 24 District Education Departments in Sabah were involved as respondents in this study. This quantitative study is based on survey method. The research data was obtained through a set of questionnaires as the research instrument of the study. The instrument is used to measure different variables of this study which is adapted based on 5 instruments from previous studies (Reed, 2015; Frye, 2015; Eismun, 2015; Dugan, 2010 & Parman, 2015). To answer research questions 1, 2 and 3, descriptive statistics were analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSSs) Version 23.0 based on the mean value and standard deviation for the purpose of measuring the level of coaching elements and the impact on all the variables related to coaching. Whereas, inferential analysis for research questions 4, 5, 6 and 7, data was undertaken using Structural Equation Modelling PLS 3.0 to analyse the relationship between the variables as well as to look at the mediation and moderating effect of certain variables. The findings show that the level of guidance in schools in Selangor and Sabah is high for every construct measured based on mean score and standard deviation. Analysis of the findings also shows the level of knowledge and skills of the coach is of moderate level. In addition, the findings show that the practice of coaching in schools in Selangor and Sabah is at the "implementation" level and this indicates that coaching is not a school culture. However, the findings also showed that there was no significant difference in the perception of teachers and coaches based on state or roles. The findings of the SEM PLS analysis show that there is a significant and positive relationship between coaching and other variables such as instructional improvement, continuous professional learning leadership, learning outcomes, school climate and the implementation of coaching practice. The analysis of the elements of coaching shows that all the elements of coaching were significant towards other variables except for element reflect. An analysis of the findings based on indirect effects shows that coaching has a partial mediating effect in the relationship between continuous professional learning, leadership, school climate and the level of implementation of coaching practices towards instructional improvement, learning outcomes and school improvement. The PLS SEM analysis on moderation also shows that there is no moderating effect for teaching experience and frequency of training towards instructional improvement. Finally, some research implications for stake holders are also discussed based on theoretical and practical implications. Some advanced research recommendations have also been suggested so that the findings of future studies will be more meaningful and add to the body of literature of similar field.

## SUMMARY OF FINDINGS

The main findings are as follows:

1. All the elements of coaching (collaboration, trust, support, feedback and reflect) were highly practiced in schools in Selangor and Sabah. However, there are several items which show that they are either low or moderately practised. The level of coaching impact on instructional improvement is high. However, the level of coaching impact on leadership is moderate to high. In addition, the level of coaching impact on CPD, training, learning outcome and overall improvement is also high.
2. The level of coaching skills and knowledge practiced by the coach is moderate. This is also reflected in the respondents' views that they highly agree that coaches should attend all the trainings listed except for adult learning which they moderately agree.
3. The implementation of coaching in school is still at the implementation stage and has yet to become a culture practised within the schools. It is also reflected in the moderate level of coaching activities practiced and moderate school climate (except for several instances where the level is high).
4. There are several significant factors which are closely related to the implementation of coaching namely, leadership, CPD, instructional improvement, learning outcomes and school climate. Nevertheless, some factors were not significant i.e. overall movement and implementation.
5. There are significant relationships between coaching elements (collaboration, trust, support feedback and reflect) and other variables such as instructional improvement, leadership, CPD and learning outcome. However, the most significant and the least significant coaching element vary according to the relationship of coaching with each different variable. Nevertheless, construct reflect was found as not significant for all the variables followed by feedback where it is only significant in the relationship with instructional improvement, CPD and learning outcome.
6. There is a partial mediating effect of coaching in the relationship between leadership, CPD and learning outcome towards instructional improvement. Similarly, there is a partial mediating effect of coaching in the relationship between school climate and coaching implementation towards overall improvement.
7. Analysis of moderation effect reveals that there is no significant difference in years of teaching experience and frequency of training with the relationship between coaching and teacher instructional improvement.

## RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH

Based on the findings and discussions presented in previous sections as well as limitations of the study, there are several recommendations which are proposed for future consideration for the purpose of improving the quality of future research in similar field as follows:

1. This study only looked at Selangor and Sabah, thus, it is recommended that similar research to be conducted in other states in Malaysia to verify the findings of this study as well as providing different insights from different angles of similar study related to the implementation of coaching in Malaysian schools.
2. The questionnaire used for the study is the sole instrument used for the researcher to comprehensively review data related to the study. The feedback received from the respondents of the study is dependent on the sincerity of the respondents in answering the questionnaires, which might affect the research findings. Moreover, the instrument was adapted from several instruments used by previous non-local researchers. The previous instruments were used in non-local context and therefore differs from the local concepts. The findings of this study therefore yield different result. Therefore, instrument bias could be one of the limitations of the study. It is recommended for future research to be carried out using a different research design and method which include different techniques of data collection such as interviews and observation for the purpose of gaining depth of findings and cross validation purpose.
3. The focus of this study also differs since the study seeks to look at the mediation effect of coaching and attempts were also made to look at the moderating variables which affect coaching. For future research, the time spent to coach individual teacher in a year could be considered as moderating variable to see if it affects the implementation of coaching on instructional improvement. The findings of the study also provide an insight to coaches as well as District Education Department in the planning of the implementation of coaching in the future.
4. The findings of the study showed that leadership construct is a significant element associated with coaching and instructional improvement. It is suggested that in the future, Leadership for Learning is explored by looking at the five principles to see how it supports learning both for students and teachers. It could also be done using different research design such as mixed method by gathering both quantitative as well as qualitative data to get more depth of the findings.
5. Since reflect and feedback are found to be insignificant elements, therefore, in the future, an in-depth study could be carried out by focussing on exploring these two elements through interviews with coaches and teachers to identify ways in which the two elements could be improved further.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2019



# KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI, KESEJAHTERAAN SPIRITUAL DAN EFIKASI KENDIRI DALAM KALANGAN KAUNSELOR ORGANISASI PENDIDIKAN DI MALAYSIA

**MAHANI ISMAIL**  
Universiti Malaya

## ABSTRACT

This study aims to determine the level of psychological well-being, spiritual well-being and self-efficacy among education organizational counselors in Malaysia. Besides, the study also aims to determine a model that involves the relationship between the spiritual well-being, self-efficacy and psychological well-being with the survey data, verify the spiritual well-being as a mediator in the model, and examine the indirect effects of spiritual well-being on psychological well-being in the model. Finally, the study will also determine whether gender, location of the workplace, and working experience serves as a moderator in the study. Does gender play a role as a moderator in the proposed model 'moderated-mediation' was also examined. Quantitative method using a survey was used to gather the data. A total of 203 counselors of the District Education Office, the State Education Department, Matriculation College, the Institute of Teacher Education and also in Psychology and Counseling Division Ministry of Education were selected as respondents. The instruments used in this study are Ryff Psychological Well-being Scale (1989), Spiritual Well-being Scale (1982) and Counselor Self-Efficacy Scale (1996). Data was analysed using the Statistical Package for Social Science version 20 (SPSS) and software Analysis of Moment structure version 21 (AMOS). Descriptive analysis was also used to measure the mean, standard deviation, frequency and percentage. Moreover construct factor analysis (CFA) and structural equation modeling (SEM) was also performed in this study. The results showed that the level of psychological well-being and self-efficacy of organisation counselor is high. While the level of self-efficacy is moderate. This study also showed that a significant fit model for counselors' psychological well-being with the research data. Test of goodness fit model was assessed through multiple indices that are Root Mean Square Error of Approximation (RMSEA), Comparative Fit Index (CFI) and Chi Square/Degree of Freedom (Chisq f) to achieve a fit model. The value of fit for structural model of psychological well-being proved to be fit and accepted (GFI .92, CFI .92, RMSEA = .09). Sobel test analysis statistics show that the spiritual well-being model serve as a mediator in this study (3.18,  $p < 0.05$  sig). The study found that there is an indirect effect of the spiritual well-being on the psychological well-being in the study. Spiritual well-being acts as a partial mediator in the relationship between self-efficacy and psychological well-being. The results also showed gender, location of the workplace and working experience serve as a moderator in the model of moderated - mediation with a significant value in mediation ( $M = .147$ ,  $F = .130$ ) and without mediation ( $M = -.406$ ,  $F = -.432$ ). The results of this study provide a foundation to form a good counselor's psychological well-being model with an additional emphasis on the spiritual aspects in addition to the existing psychological aspects. Implication of the study to future researchers and counseling practitioners are discussed.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini secara keseluruhannya mencapai enam objektif yang telah ditetapkan iaitu untuk melihat tahap kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri kaunselor yang berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia. Dapatan utama kajian menunjukkan bahawa faktor efikasi sendiri kaunselor paling tinggi mempengaruhi kesejahteraan psikologi berbanding kesejahteraan spiritual. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa wujud kesepadanan model pengukuran kesejahteraan kaunselor dengan data kajian. Ini memberikan indikator bahawa model yang dikaji memberikan padanan yang sempurna baik dari aspek kesepadanan indeks, faktor muatan dan juga pemberat regresi. Selain daripada itu juga, dapatan kajian menunjukkan bahawa efikasi sendiri adalah faktor yang penting dalam memberi kesan terhadap kesejahteraan psikologi kaunselor. Sub konstruk yang memberikan kesan besar dalam mempengaruhi kesejahteraan psikologi adalah kemahiran. Ini bermakna semakin tinggi kemahiran pada seorang kaunselor maka semakin tinggi tahap kesejahteraan psikologi mereka. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor gender memberi kesan moderasi terhadap kesejahteraan psikologi kaunselor. Faktor lokasi tempat kerja tidak memberikan kesan moderasi kepada kesejahteraan psikologi kaunselor. Ini membuktikan bahawa kesan gender masih relevan dan memerlukan kajian yang lebih mendalam dan komprehensif dari aspek peranan gender dalam kaunseling.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Faktor kesejahteraan psikologi dan kesejahteraan spiritual terutamanya dalam sub konstruk autonomi dan kewujudan perlu diberikan perhatian sebagai satu cara untuk meningkatkan lagi perkhidmatan kaunseling. Oleh itu, dicadangkan agar semua sub konstruk yang memperolehi skor min yang rendah memerlukan kajian lanjut oleh pengkaji akan datang agar ianya dapat difahami dan dirungkaikan dengan lebih baik.
2. Pengkaji akan datang juga dicadangkan untuk menjalankan kajian ini menggunakan penyelidikan secara kualitatif yang khusus untuk memahami faktor kesejahteraan yang terdapat pada kaunselor. Kajian berbentuk kualitatif adalah kajian yang lebih khusus kepada aspek yang tertentu dengan proses pemerhatian, pengamatan dan temu bual spesifik dan dianalisis berdasarkan pemerhatian secara berterusan dan sistematik.
3. Kajian akan datang juga dicadangkan untuk memberi tumpuan kepada ciri-ciri psikometri alat-alat ujian yang digunakan terutamanya pada aspek kesahan dan kebolehpercayaan. Analisis terperinci boleh dilakukan ke atas item-item dalam alat ujian yang digunakan dalam kajian ini selain membuat pengesahan alat ujian berdasarkan beberapa jenis ujian kesahan seperti ujian kesahan kriteria.
4. Kajian akan datang juga dicadangkan untuk melaksanakan kajian berasaskan pengujian teori-teori lain dalam bidang ini. Hal ini kerana teori-teori kaunseling yang wujud di negara ini adalah dari Barat dan ini memerlukan aplikasi teori yang khusus kepada responden di negara ini agar teori tersebut sesuai dan mempunyai kebolehpercayaan, kesahan dan ketekalan yang tinggi.

5. Kajian ini menggunakan tiga pemboleh ubah iaitu kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri. Oleh itu, dicadangkan kajian akan datang diperluaskan dengan menggunakan faktor lain untuk melihat kesannya terhadap tahap kesejahteraan kaunselor di Malaysia. Faktor lain yang boleh digunakan adalah seperti ketahanan kaunselor, kemahiran-kemahiran proses kaunseling, amalan pengurusan kaunseling, iklim perkhidmatan kaunseling dan komitmen organisasi perkhidmatan kaunseling.



## TEACHERS' VIEWS ABOUT SCHOOL-BASED PROFESSIONAL DEVELOPMENT FOR PROMOTING INCLUSIVE EDUCATION IN MALAYSIA'S PRIMARY SCHOOLS

**ROSMALILY SALLEH**  
University of Southampton

### ABSTRACT

Most countries recognise inclusive education, but the practice is inconsistent due to its complexity and variability in implementation. The Malaysia Education Blueprint 2013-2025 emphasises the importance of quality-inclusive education. However, in Malaysia's context, including its diverse ethnicity, language, culture, religion, besides education and school systems, has implications for implementing and promoting inclusive education. This research explores teachers' significant yet overlooked views of inclusion and school-based continuous professional development (CPD). The aim is to understand better the requirement for the promotion of inclusive education in Malaysia's primary schools, focussing on the practitioners' views.

This interpretative, exploratory, qualitative study employed multiple methods to obtain rich and in-depth data. There were 76 participants from five national primary schools, and 25 teachers were interviewed individually and 51 participated in eight focus-group interviews. Ten classroom observations were conducted prior to the individual interviews. The data were analysed thematically by the inductive approach using NVivo software. Theories on inclusive education and the 'Cognitive Activation in the Mathematics Classroom and Professional Competence of Teachers' (COACTIV) model of teachers' professional competence were adopted to analyse teachers' views. In the model, four aspects of competences were identified as needing improvement through professional development: beliefs, values and goals; motivational orientations; professional knowledge; and self regulation.

The results show that teachers view inclusive education as a challenging concept to implement. Such views are influenced by multiple factors, such as miscommunications between departments, sociocultural attitudes to disability, educational systems, insufficient facilities, and teachers' lack of knowledge and skills. The analysis of data reveals that teachers' views about school-based CPD in promoting inclusion are influenced by factors that correspond to the COACTIV model. In parallel, the study highlights the importance of the Malaysian context and structures within the education system in forming teachers' views on inclusion and relevant CPD. The findings will be of value in developing teacher training programmes and informing the potential topics for school-based CPD programmes.

## SUMMARY OF FINDINGS

This research aimed to understand the CPD needs of teachers in Malaysia better by focusing on their inclusive education, their practice and their experiences of school-based CPD. Three questions were asked:

- What are primary school teachers' views on inclusive education and what influences their views?
- What makes school-based CPD helpful for teachers to promote inclusive education?
- What do teachers require from school-based CPD to enhance their inclusive practice?

The findings for the first research question showed that the teachers view inclusive education as challenging. The data analysis identified that they see it as a challenging concept and practice because of the shortcomings of the government's policies, as well as schools' practices. In addition, the findings reveal that, according to teachers, the difficulty in implementing inclusive education, is mainly associated with SEN. The teachers believe that inclusiveness for pupils with SEN is best provided from the perspective of the medical model of disability. However, the study suggests that teachers themselves represent a challenge to the implementation of inclusive education due to their lack of understanding, knowledge and skills, as well as their overall values. There is evidence that teachers, under the pressure on them to raise standards, may be adopting a restricted view on special education: this is believed by them to constitute the educational transformation for the twenty-first century.

The complex educational system and the Malaysian ethos of segregation of ethnicities, academic achievement and disabilities serve to intensify the challenges to the successful promotion of inclusive education in Malaysia's primary schools. All of the issues identified that relate to the government, schools, and teachers are interconnected. Thus, only by changing the political scenario can inclusive education be successfully promoted in primary schools, whether SEIP and non-SEIP.

Regarding the second research question, this study revealed that there is no school-based CPD on inclusive education. School-based CPD is viewed by the teachers to be most helpful, depending on a range of direct factors and indirect factors. The direct factors are the topic, content and objective, activities and implementation and the target group for the school-based activities. The education system, the support and facilities and the workplace dynamics are the indirect factors. These were seen as associated with the planning and implementation of school-based CPD and to enhance teaching practice effectively, and thus, pupils' learning. The study has revealed the need for far more attention to be paid to pedagogy through appropriate teaching and learning strategies. In conclusion, according to the teachers, to be useful, any school-based CPD to promote inclusive education must be academically robust and professionally helpful. In relation to the third research question, it was found that the teachers felt that changes were needed to the content, attributes and nature of school-based CPD activities. The teachers believe that by providing them with both the right conditions in the education system and the appropriate facilities and support more successful school-based CPD could be achieved and thus improve their inclusive practice. Teachers emphasised the need for school-based CPD on inclusive education.

Other issues voiced by the teachers relate to the country's educational transformation plan, which stresses the importance of both English language and ICT skills to twenty-first century teaching and learning. Teachers' beliefs, values, attitudes and self-regulation were shown to be

significant in inclusive education. School-based CPD activities that bring about positive change in teachers' attributes were seen as essential if they are to embrace inclusive practice. Another important finding was that school-based CPD must be inherently applicable, beneficial, facilitating, interesting, continuous, and collaborative and should combine theory and practice. These features are related to the direct factors while the 'conditions' relate to the indirect factors. Nevertheless, one view is that no school-based CPD is needed, associated with issues such as insufficient support and teachers' self-reflection and exhaustion.

## RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH

This study has produced an overview of teachers' views on inclusive education, helpful CPD and the requirements from CPD to enhance their inclusive practice. Several recommendations for future research may be helpful to enhance the implementation of inclusive education.

1. Mixed reactions about inclusive education at the National primary schools were observed among teachers. The first suggestion, therefore, is to investigate the views of teachers from the National-type schools to allow for more participation among teachers of other ethnicities, religions and social backgrounds.
2. This study indicates a different conceptualisation and interpretation of inclusive education in schools. Generally, the participants, both mainstream and special education held the belief that the inclusion of pupils with SEN is based on the medical perspective on disability. They expressed superficial support for inclusive education yet believed that the rights of pupils with SEN to receive a quality education are not compromised by the provision of special education. Those teachers who expressed the willingness for wider inclusion viewed it in relation to social justice and equity to experience mainstream education and the mainstream learning environment. Hence, the study suggests exploring the paradigm shifts in teacher education in a wider context to help support the conceptual foundation of inclusive education.
3. This study suggests that teacher education is important in developing and shaping teachers' attitude towards inclusive education and pupils with SEN. It should focus on pedagogical and practical skills and classroom management skills in the inclusive classroom. It is crucial for aspiring teachers to gain knowledge, understand SEN and develop positive attitudes as well as confidence in the inclusive classroom. Therefore, a study about transferring knowledge and skills from pre-service to classroom practice could be implemented.
4. School-based CPD is the immediate platform for teachers whereby PLC activities may be optimised to improve teaching skills. It is suggested that studies are conducted on the efficiency and effectiveness of school-based CPD. More detailed research with classroom observations to observe teaching practice, observations of CPD programmes and analysis of lesson plans and journal entries may provide valuable data. Literature on school-based CPD and inclusive education are rare in Malaysia. Classroom-based or action research studies may provide models to transform teacher teaching practice and improve competence for successful inclusive education. Real-world experience in teaching in inclusive classrooms would provide a first-hand understanding of pupils with SEN.

5. A study on the education system, particularly vernacular schools, curricula and assessment could be instigated in line with inclusive education. This is because, even at the primary level of education, academic performance is prioritised both in mainstream and in SEIP schools. Teachers believed that the rigid curriculum, with its many subjects and academic performance, remains parents' priority. Schools are under pressure to live up to society's expectations and the demands of stakeholders, therefore the wider inclusion of pupils with SEN is not welcome, especially at prestigious schools such as Cluster schools. Teachers also believed that segregated schools do not promote social unity or equity. This system only deepens the language barrier among pupils of different ethnicities and religions. Therefore, a study in curriculum development and school systems may be useful to explore all aspects of children's development and achievement.
6. Studies on collaboration and a team-driven culture in schools, not only among teachers but with other stakeholders such as parents, policy-makers, NGOs and even pupils could be initiated to promote inclusive education. In considering their views, participation in and support for the inclusion of the diverse pupils would increase. Society's knowledge, understanding and values about inclusive education are deemed by teachers to be challenges to inclusive education. Thus, a study on this field could investigate these views and attitudes. This could lead into a study on the effectiveness of information dissemination on the concept, policy and implementation of inclusive education. Studies are needed to understand the views of both parents with SEN children and mainstream pupils on inclusive education and how specialists, schools and teachers can engage in encouraging parents to send their children to inclusive classrooms. Besides, engaging and responding to children voices is valuable in developing teacher PD (Messiou and Ainscow, 2015) and stimulating creativity to create an inclusive environment for all. Examining the challenges from these viewpoints would contribute valuable information on the issues, which would permit various approaches to improve inclusive education.
7. Inclusive research (Nind, 2014) could be investigated in which teachers and researchers co-work to identify problems, devise solutions and perhaps use the information obtained by this study to plan and implement school-based CPD activities. Such study would analyse their effectiveness in developing teachers' inclusive practice.



# **SOSIALISASI PENDIDIKAN INFORMAL KRAF ANYAMAN SUKU KAUM MAH MERI DAN PENGARUHNYA DALAM PENDIDIKAN FORMAL DI PULAU CAREY**

**NORHAYATI MUSA**  
**Universiti Pendidikan Sultan Idris**

## **ABSTRAK KAJIAN**

Penelitian ini menggunakan kaedah etnografi iaitu rekabentuk kualitatif yang memperlihatkan penelitian multi-disiplin yang terdiri daripada cabang sosiologi, Antropologi dan kebudayaan untuk melihat pengaruh pembelajaran kraf anyaman di sekolah. Kajian ini memfokuskan kepada kesan persekitaran masyarakat Mah Meri di Pulau Carey yang mempengaruhi pembelajaran kraftangan murid tahap menengah. Kajian yang menggunakan data lapangan bagi kegiatan kraf anyaman di Kampung Sungai Bumbun bagi tujuan melihat latar belakang dan persekitaran yang menyokong proses pengalaman estetik suku kaum ini. Justeru, penyelidikan ini telah menggunakan seramai 16 orang murid yang diambil daripada pelbagai tahap di salah sebuah sekolah di Selangor yang berdasarkan sosialisasi keluarga penganyam di sekitar Pulau Carey. Ini jelas memperlihatkan pelbagai pengaruh yang digunakan dalam kegiatan kraf tradisional anyaman dalam Pendidikan Seni Visual di sekolah. Dapatan kajian mendapati kaum Mah Meri menggunakan motif-motif kraf anyaman yang mempunyai hubungan dengan motif berunsur haiwan, tumbuh-tumbuhan, malah setiap satunya mempunyai fungsi primitif dalam kehidupan kaum Mah Meri. Hasil dapatan yang dibuat mendapati bahawa berlakunya sosialisasi kraf anyaman kaum Mah Meri dalam kalangan pelajar. Semua pelajar dari Kampung Sungai Bumbun, Sungai Rambai, Kampung Sungai Judah dan Kampung Kepau turut menghasilkan kraf anyaman yang mempamerkan ciri-ciri anyaman asas kaum Mah Meri. Dapatan kajian ini juga telah menunjukkan bahawa murid yang terlibat telah menggunakan sepenuhnya kemahiran menganyam mereka yang diperolehi melalui pengalaman sedia ada. Oleh itu, hasil analisis dengan menggunakan instrumen rubrik kraf anyaman yang mengemukakan tujuh elemen kraf tradisional terdiri daripada (i) Pengetahuan dan Kefahaman, (ii) Idea, (iii) Imajinasi, (v) Alat dan bahan, (vi) Proses, (vii) Produk dan (viii) Nilai dan pengaruh telah menunjukkan hasil kraf anyaman murid dipengaruhi ciri-ciri kraf anyaman kaum Mah Meri. Hal ini berlaku disebabkan pengaruh kepercayaan mereka yang menggunakan motif-motif tersebut sebagai cara hidup tradisi mereka dan fahaman animisme yang masih berlaku di Pulau Carey.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kesimpulannya, fungsi kraf anyaman dalam suku Mah Meri bukan sahaja menggambarkan bagaimana teori struktural fungsional difahami melalui konsep kebudayaan tetapi melihat bahawa sistem sosial perlulah mempunyai mekanisme seperti pengekalan nilai (kebanggaan), memenuhi keperluan *premier* (sosial), dan pemanfaatan persekitaran sebagai sumber pengekalan masyarakat ini bagi mengukuhkan lagi kesinambungan budaya dan sebagai faktor pemuliharaan dengan pergantungan kepada rangsangan-rangsangan di sekeliling mereka.

Pengaruh sosio-budaya suku kaum Mah Meri jelas digambarkan dalam penghasilan produk kraf oleh kalangan murid di sekitar Pulau Carey. Pengaruh tersebut jelas menggambarkan bahawa motif yang digunakan mempunyai kaitan dengan kepercayaan mereka. Penyelidik amat menyedari bahawa kesimpulan ini amat penting kerana ia menyedarkan kita bahawa penghasilan kraf tangan dalam suku kaum Orang Asli mempunyai tujuan tertentu berbanding kraf tangan yang dihasilkan oleh masyarakat lain yang lebih menumpukan kepada fungsi dan rekabentuk. Penghasilan kraf tangan orang Asli paling jelas menggambarkan asas animisme telah membentuk pemikiran estesis mereka. Berdasarkan produk kraf yang dihasilkan murid, karya tersebut telah dibincangkan dengan menggunakan Rubrik Kraf Anyaman yang telah dikenal pasti oleh penyelidik antara elemen-elemen yang dibina adalah daripada proses mengambil data di lapangan. Sepanjang penyelidik berada di lapangan, begitu banyak cabaran yang dilalui dalam proses memahami tingkah laku masyarakat suku kaum Mah Meri dan hubungan animisme mereka yang dikaitkan dengan kelahiran kraf tangan mereka. Hasil analisis mendapati bahawa corak-corak yang dihasilkan murid masih bersifat primitif di mana hasil analisis karya produk kraf telah mempamerkan nilai-nilai yang membangun pemikiran kognitif mereka berdasarkan ketujuh-tujuh komponen yang dibincangkan menerusi Rubrik Kraf Anyaman. Pengaruh primitif merupakan identiti asal kraf anyaman Mah Meri di Pulau Carey. Menerusi karya-karya penanda buku yang dihasilkan oleh peserta kajian, masih terdapat pengekalan motif-motif yang disifatkan sebagai primitif. Maksud primitif ialah ciri-ciri anyaman Mah Meri menampilkan ciri-ciri fungsional kuasa ghaib seperti yang dapat dilihat pada karya-karya pemandu buku yang dihasilkan. Ini kerana motif-motif ini hanya dijadikan kegiatan seni tertutup sahaja kerana motif yang dimaksudkan digunakan dalam upacara-upacara perubatan, perkahwinan, kematian dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini amatlah penting kerana pengalaman sepanjang penyelidik berada di lapangan adalah merupakan satu bentuk pengetahuan baru dalam melihat bagaimana proses seni itu berlaku dalam kehidupan seharian. Justeru, penyelidik merasakan bahawa setiap tujuan seni ini adalah terikat dengan pengalaman dan pengetahuan sedia ada yang dipelajari dari kebudayaan dalam sesebuah masyarakat dan setiap satunya mempunyai nilai-nilai tersendiri yang dibangunkan melalui pengalaman di sekeliling yang berkait dengan falsafah, kepercayaan dan kebudayaan masing-masing.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Berdasarkan penyelidikan yang telah dijalankan, pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan yang diharap dapat memberi manfaat kepada guru-guru di sekolah seperti yang berikut:

1. Membangunkan item-item Rubrik kraf Tradisional bagi membantu mengembangkan proses pembelajaran di sekolah. Sebagai contoh, guru bolehlah menggunakan elemen-elemen estetika kraf setempat bagi melihat pengaruh persekitaran yang dapat membangun perkembangan intelek pelajar. Selain itu, setiap negeri mempunyai produk keluaran kraf tradisional masing-masing yang terdiri daripada kraf anyaman, ukiran kayu, seramik, batik, tenunan dan sebagainya. Cadangan penyelidik agar guru-guru dapat mengenal pasti kekuatan komponen-komponen seni yang boleh memperlihatkan nilai-nilai pengetahuan dan pengalaman murid di sekitar itu bagi membolehkan murid menggunakan pengetahuan mereka dalam mengetengahkan kemahiran kraf tangan melalui pembelajaran kraf tradisional. Oleh itu, sosialisasi kraf tradisional dalam masyarakat tempatan akan dapat terus terpelihara.
2. Mencadangkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) agar dapat memberi ruang kepada penyelidik menggunakan rubrik kraf anyaman suku kaum Mah Meri yang diubahsuai mengikut persekitaran kebudayaan setempat agar guru-guru dapat mengesan pengaruh-pengaruh kraf tradisi setempat dalam membuat pentaksiran kraf tradisional.
3. Mencadangkan rubrik kraf anyaman suku kaum Mah Meri boleh digunakan dalam semua situasi kraf tradisional bagi membolehkan guru-guru mengesan pengaruh-pengaruh kraf tradisional digunakan oleh murid secara langsung dalam proses pembelajaran kraf tradisional di sekolah terutama di peringkat menengah rendah dan menengah atas. Hal ini kerana keperluan murid di peringkat ini melibatkan struktur tajuk Sejarah dan Apresiasi Seni Visual Seni Halus dan Kraf Tradisional dan Pribumi, aspek Peralatan Alat Permainan, Seni Bina, Kenderaan dan Pakaian dan Perhiasan (*ornament*). Oleh itu, kesesuaian pemilihan tahap seperti ini amat sesuai kerana murid telah mahir dalam mengaitkan kemahiran dan pengalaman mereka. Oleh itu, guru-guru harus menyedari bahawa fokus pembelajaran bukan sahaja terletak pada guru sebagai motivator semata-mata tetapi menggunakan kemahiran murid dalam membuat pemilihan kaedah pembelajaran di sekolah sebagai perkongsian ilmu. Hal ini kerana, mengikut laporan Panitia, kebanyakan guru tidak mahir dalam bidang kraf tradisional tetapi mengadakan inisiatif dengan menjemput tukang untuk ke sekolah dan mengajar serta memberi tutorial.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2019



## PUTEH MARIAH TOKOH POLITIK WANITA PEJUANG KESEDARAN KEMERDEKAAN 1946 – 1957

**MOHAMED JEFFERI HAJI MAT LAZIM**  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

### ABSTRAK KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji peranan Puteh Mariah sebagai tokoh politik wanita yang berjuang membawa kesedaran kemerdekaan di Tanah Melayu sekitar tahun 1946 hingga 1957. Kajian ini menilai ketokohan, perjuangan dan peranan beliau dalam memberi kesedaran kepada kaum wanita dan orang Melayu bagi menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Kajian ini mengetengahkan ketokohan beliau sebagai seorang ahli politik dan menilai perjuangan beliau dari aspek politik, pendidikan, sosio ekonomi dan kebajikan orang Melayu. Sumber primer dan sekunder digunakan termasuk temu bual bersama anaknya dan rakan seperjuangannya. Dapatan temu bual menunjukkan beliau seorang tokoh politik yang komited dalam perjuangan membela nasib orang Melayu. Puteh Mariah adalah Ketua Kaum Ibu UNINO yang pertama namun tidak dikenali jika dibandingkan dengan Ketua Kaum Ibu UNINO yang lain. Beliau aktif berjuang dan sumbangan terhebat Puteh Mariah adalah kejayaan beliau membawa kesedaran kepada lebih 16,000 kaum wanita dari serata negeri untuk bersatu di bawah Kaum Ibu I-WINO bagi merealisasikan kemerdekaan Tanah Melayu. Pencapaian ini merupakan satu revolusi kebangkitan kaum wanita yang hebat, bersatu melaungkan kemerdekaan Tanah Melayu. Beliau memegang berbagai jawatan berkaitan kepentingan wanita dan orang Melayu. Atas sumbangan dan keistimewaannya, beliau telah dikenali sebagai "*the one and only*" oleh *the New Straits Times*. Sebagai seorang ahli politik dan ahli Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu 1948-1955, beliau melaksanakan tanggungjawabnya dengan cemerlang memperjuangkan isu-isu berkaitan kaum wanita dan orang Melayu. Halangan dan cabaran yang beliau hadapi adalah membawa kaum wanita Melayu keluar dari adat dan pemikiran sempit masyarakat Melayu pada ketika itu. Keberanian dan semangat juang yang tinggi akhirnya beliau berjaya menerobos adat dan pemikiran sempit masyarakat Melayu. Suara wanita ini didengari hingga ke peringkat kebangsaan dan membantu menumbangkan *Malayan Union*. Implikasi kajian ini menunjukkan sumbangan serikandi pejuang politik ini dapat mengubah masyarakat dalam membebaskan tanah air daripada belunggu penjajah. Puteh Mariah merupakan tokoh politik wanita yang berjasa dalam memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Kesimpulannya, kajian ini mendapati Puteh Mariah memiliki beberapa ciri istimewa seperti kebijaksanaan, keberanian, kesungguhan dan jati diri yang kental menyebabkan beliau berjaya dalam matlamat politik dan perjuangannya. Implikasi kajian ini menunjukkan sumbangan serikandi pejuang politik ini dapat mengubah masyarakat dalam membebaskan tanah air daripada belunggu penjajah.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Puteh Mariah adalah seorang pejuang wanita dan orang Melayu yang berani dan hebat namun beliau tidak dikenali oleh kebanyakan orang dan tidak dikenali oleh generasi sekarang. Puteh Mariah tidak dikenali sebagai pejuang wanita dan bangsa Melayu kerana beliau sendiri tidak mahu dirinya dikenali dan diingati. Puteh Mariah telah bertindak membakar kebanyakan dokumen dan bukti-bukti penglibatan beliau sebagai tokoh politik dan pejuang kemerdekaan Tanah Melayu. Beliau umpama Wirawati yang tidak didendang, sehinggakan anak-anak beliau juga tidak mengetahui bahawa ibu mereka merupakan seorang pejuang yang berjasa dan berjaya memberi kesedaran kepada wanita dan orang Melayu untuk bangkit menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Kajian ini menemukan sesuatu yang sangat istimewa tentang diri Puteh Mariah iaitu beliau sangat ikhlas terhadap setiap perjuangannya terhadap wanita dan orang Melayu.

Puteh Mariah merupakan seorang wanita, ibu dan pejuang yang sarat dengan kasih sayang terhadap keluarga dan bangsanya. Peribadi beliau digambarkan oleh tokoh-tokoh yang ditemui bual dan catatan penulisan. Puteh Mariah digambarkan sebagai wanita Melayu yang lemah lembut dalam perbuatan dan tutur kata, sentiasa tersenyum dan sangat cintakan bangsa, agama dan negaranya. Beliau seorang yang amat merendah diri. Beliau pernah menegur perwakilan dalam ucapannya. Beliau meminta supaya perwakilan bersederhana dan kurangkan perhiasan dalam penampilan supaya kaum wanita yang tidak berada tidak berasa malu atau rendah diri. Puteh Mariah tidak mementingkan harta malah pernah menjual tanahnya di Teluk Intan semata-mata untuk perjuangannya terhadap negara tercinta.

Kehebatan Puteh Mariah sebagai ahli politik wanita menunjukkan beliau bukan sahaja menjadi pilihan kaum ibu untuk memimpin mereka malah menjadi pilihan Dato' Onn bagi meneraju wanita dalam UMNO. Pihak kolonial juga memilih Puteh Mariah sebagai ahli Majlis Perundangan Persekutuan berdasarkan ciri kepimpinan beliau sebagai wanita pertama Melayu yang lama berkhidmat dalam majlis tersebut bermula 1948-1955.

Puteh Mariah memiliki berbagai kehebatan sehingga beliau sering menjadi pilihan dan dipercayai sebagai peneraju. Dapatan kajian menunjukkan Puteh Mariah memiliki karisme seorang pemimpin. Beliau memiliki kebijaksanaan, kekuatan, keberanian, semangat, kesungguhan dan keikhlasan dalam perjuangannya. Beliau mahu mengubah nasib orang Melayu dan bagi merealisasikan hasrat tersebut beliau menyertai platform politik.

Kehebatan Puteh Mariah adalah apabila beliau berjaya membawa suara wanita untuk didengari hingga ke peringkat kebangsaan. Sebagai seorang wanita dan ibu yang dibesarkan dalam kalangan orang Melayu pada zaman sebelum merdeka, beliau dilingkungi adat dan budaya Timur yang sempit. Puteh Mariah dan kaum wanita Melayu yang lain dikongkong dengan adat turun - temurun yang begitu ketat berbanding kaum lelaki. Kongkongan terhadap wanita Melayu ini adalah berkaitan peraturan keluar masuk rumah, pendidikan dan pekerjaan. Tambahan pula tuntutan agama Islam juga begitu memelihara dan meletakkan taraf wanita yang tinggi, menitikberatkan soal kebebasan anak gadis atau wanita dalam sesebuah keluarga tersebut.

Sebagai tokoh politik wanita, puteh Mariah bersemangat menyongsang untuk suara mereka untuk berjuang bagi membangkitkan hak-hak wanita dan mencapai kemerdekaan. Terdapat bukti-bukti yang menyokong bahawa Puteh Mariah merupakan tokoh politik wanita yang berjaya membakar semangat nasionalisme dan kesedaran dalam kalangan wanita Melayu untuk bangkit berjuang demi negara tercinta.

Puteh Mariah adalah tokoh politik wanita Melayu yang berjuang berhabisan bagi membangkitkan kesedaran terhadap kemerdekaan negara. Terdapat banyak perkara yang beliau lakukan yang patut diteladani bagi kelangsungan kemerdekaan ini. Seharusnya orang Melayu bersatu padu menjaga keamanan dan kestabilan negara. Generasi hari ini perlu mempelajari dan memahami erti sebenar perjuangan generasi terdahulu. Puteh Mariah berjuang bukan untuk diri sendiri tetapi untuk menyediakan yang terbaik untuk ditinggalkan generasi pada masa itu dan generasi pada hari ini. Pejuang sejati seperti Puteh Mariah berkorban dengan semangat juang yang tinggi dan ikhlas dalam memartabatkan bangsa dan agama supaya tidak dipandang hina oleh bangsa lain. Semoga penyelidikan ini dapat mengangkat Puteh Mariah selamanya sebagai salah seorang pejuang kesedaran kemerdekaan bagi negara ini.

## **CADANGAN KAJIAN LANJUTAN**

Tiada cadangan kajian lanjutan dikemukakan dalam tesis ini.



# STRATEGI PADANAN LEKSICAL HAIWAN DAN IMPLIKASINYA DALAM KAMUS BESAR ARAB MELAYU DEWAN

**MOHD BAKRI AZIZ @ SAARI**  
Universiti Putra Malaysia

## ABSTRAK KAJIAN

Kajian tentang padanan dalam kamus dwibahasa di Malaysia tertumpu pada konsep dan strategi padanan yang melibatkan leksikal budaya. Dapatan kajian terdahulu menunjukkan kesukaran memadankan leksikal bahasa sumber yang berunsur budaya dan kesukaran ini menuntut penggunaan strategi tertentu untuk mengatasi gejala *anisomorfisme*. Pemilihan strategi padanan yang sesuai untuk diaplikasikan merupakan masalah dan cabaran yang kritikal dalam penyusunan sesebuah kamus dwibahasa. Sehubungan dengan itu, kajian tentang leksikal dan strategi padanan yang melibatkan leksikal haiwan secara menyeluruh terutamanya dalam kamus dwibahasa pasangan Arab-Melayu juga memerlukan lebih perhatian. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti leksikal haiwan, menganalisis strategi padanan yang diaplikasikan oleh para penyusun Kamus Besar Arab Melayu Dewan (KBAMD) dan menghuraikan implikasi penggunaan strategi padanan tersebut kepada proses penyusunan KBAMD. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif menerusi penerapan reka bentuk analisis dokumen terhadap leksikal haiwan dalam KBAMD dan padanannya dalam bahasa Melayu. Data kajian yang dipetik daripada KBAMD dianalisis mengikut objektif kajian. Pengenalpastian leksikal haiwan dilakukan berdasarkan padanan bahasa Melayu dan rujukan dalam kamus bahasa Arab, manakala analisis strategi padanan secara deskriptif dilaksanakan mengikut pendekatan al-Kasimi (1977). Dapatan kajian menunjukkan bahawa leksikal haiwan yang paling banyak ditemukan dalam KBAMD ialah leksikal unta, kuda, singa, kambing, helang dan ular. Hasil kajian juga mendapati strategi padanan terjemahan bagi leksikal haiwan dalam KBAMD merangkum tiga jenis kata nama, iaitu kata nama am, kata nama ganda dan kata nama pinjaman. Sementara itu, strategi padanan am, penjelasan pula melibatkan padanan frasa nama, gabungan dua unsur bahasa Melayu yang diselangi kata hubung 'yang', gabungan kata nama 'sejenis' dan unsur bahasa Melayu, gabungan unsur bahasa Arab dan bahasa Melayu, ayat tunggal dan unsur keterangan. Selain daripada dua strategi padanan tersebut, hasil analisis data juga menemukan padanan ensiklopedia. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa implikasi strategi padanan yang digunakan dalam KBAMD bagi memadankan leksikal haiwan bukan sahaja mengakibatkan perkongsian padanan untuk beberapa leksikal, malah juga menyebabkan kekaburan makna leksikal haiwan. Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan panduan kepada para penyusun tentang strategi padanan leksikal haiwan dan implikasinya terhadap penyusunan kamus dwibahasa Arab-Melayu.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Secara umum, dapatan kajian ini menyokong hasil kajian terdahulu tentang kesukaran memadankan leksikal berunsur budaya dalam kamus dwibahasa. Salah satu jenis leksikal budaya ialah leksikal haiwan yang dikategorikan sebagai leksikal budaya ekologi. Kesukaran pepadanan tersebut disebabkan oleh gejala *anisomorfisme*. *Anisomorfisme* yang dimaksudkan ialah perbezaan pada peringkat teknikal dalam pemetaan konsep-konsep dalam bahasa dari segi fonetik, morfologi, semantik dan sebagainya yang timbul disebabkan oleh perbezaan konsep budaya antara dua bahasa, konsep dalam bahasa sumber tidak dileksikalakan dalam bahasa sasaran dan kesan daripada bahasa sumber dan bahasa sasaran dalam menyampaikan makna dengan cara yang berbeza. Kesan *anisomorfisme* berupaya mengakibatkan terjemahan atau padanan yang tidak lengkap atau sama sekali tiada dalam bahasa sasaran. Kesukaran pepadanan tersebut menyebabkan para penyusun kamus dwibahasa Arab-Melayu terutamanya Kamus Bahasa Arab Melayu Dewan (KBAMD) memilih strategi padanan yang sesuai untuk memadankan kata entri kamus. Pemilihan strategi padanan dalam kamus dwibahasa dilakukan berpandukan dua jenis pendekatan padanan yang diutarakan oleh al-Kasimi (1977) iaitu padanan terjemahan dan padanan penjelasan. Namun begitu, satu bentuk padanan baharu yang mungkin terpaksa digunakan oleh para penyusun KBAMD iaitu dikenali sebagai padanan ensiklopedia yang menggabungkan dua unsur bahasa Melayu dan kedua-dua unsur tersebut dipisahkan dengan kata pemisah atau tanda bacaan.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian lanjutan yang dapat dilakukan oleh pengkaji seterusnya dalam bidang leksikografi dwibahasa Anti-Melayu termasuklah seperti yang berikut:

1. Kajian semantik terhadap leksikel-leksikel haiwan yang dilihat bersinonim. Kajian ini dijalankan bertujuan mencari fitur (*feature*) yang sama atau berbeza antara satu leksikel haiwan dengan leksikel lain yang dipadankan dengan satu padanan bahasa Melayu dalam KBAMD. Fitur yang dikenal pasti kemudiannya dimasukkan dalam padanan kamus dwibahasa Arab-Melayu. Ini dapat membantu para pengguna kamus untuk memahami maksud leksikal haiwan berkenaan dengan jelas.
2. Kajian dari aspek tatabahasa terhadap strategi padanan leksikal haiwan dalam KBAMD. Hal ini disebabkan oleh penyusunan KBAMD dihasilkan melalui proses maklumat yang terdapat dalam kamus bahasa Arab.
3. Kajian perbandingan strategi padanan leksikal haiwan dalam kamus dwibahasa Arab-Melayu yang berbeza untuk menentukan strategi padanan yang lebih sesuai. Kajian ini melibatkan analisis strategi padanan sesuatu jenis leksikal haiwan dalam sesebuah kamus dwibahasa Arab-Melayu dengan kamus dwibahasa Arab-Melayu yang lain.
4. Kajian kesesuaian atau ketepatan strategi padanan bagi leksikal haiwan dalam kamus dwibahasa. Kajian ini lebih menjurus kepada bidang semantik. Oleh itu, aplikasi teori semantik amat diperlukan dalam kajian ini. Penggunaan teori semantik padanan umpamanya dapat membantu pengkaji menentukan padanan yang lebih tepat melalui penelitian terhadap korpus bahasa Arab dan bahasa Melayu. Analisis data melalui analisis komponen makna pula dapat membantu pengkaji mencari fitur persamaan atau perbezaan antara leksikal bahasa sumber dengan padanan bahasa sasaran.

5. Kajian penentuan nama saintifik haiwan bagi leksikal haiwan. Pengkaji melihat penentuan nama saintifik haiwan sangat membantu dalam menentukan padanan yang tepat terhadap sesuatu leksikal haiwan. Hasil tinjauan umum pengkaji dalam kamus bahasa Arab mendapati bahawa nama saintifik bagi leksikal haiwan hampir tidak ditemukan dalam kamus-kamus tersebut. Hal ini menyukarkan para penyusun kamus dwibahasa Arab-Melayu untuk menentukan padanan yang tepat.
6. Kajian penentuan padanan bahasa Melayu bagi leksikal haiwan melalui perantaraan bahasa Inggeris. Penentuan padanan melalui pengantaraan bahasa kedua (*intermediate language*) ini ialah adaptasi daripada ilmu terjemahan adalah kerana penyusunan kamus dwibahasa mempunyai kaitan yang rapat dengan aktiviti penterjemahan. Bauer (1999) berpendapat bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa perantaraan utama dalam menyelesaikan masalah penterjemahan. Dengan mengambil kira pandangan ini, bahasa Inggeris akan turut dijadikan bahasa perantaraan untuk menyelesaikan masalah penentuan padanan yang sesuai dalam kamus dwibahasa Arab-Melayu. Menurut Mohd Hilmi (2008, hlm 26), kegagalan menjadikan kamus dwibahasa Arab-Inggeris dan Inggeris-Arab sebagai rujukan merupakan sebab utama kepada kelemahan pepadanan leksikal dalam KBAMD. Ini menyebabkan sebahagian padanan bagi leksikal tumbuhan yang sepatutnya diterjemahkan terus ke dalam bahasa Melayu tidak berlaku.



# KEPIMPINAN PERKONGSIAN GURU BESAR, MOTIVASI DAN TEKANAN KERJA GURU SEKOLAH RENDAH BERPRESTASI CEMERLANG DI KELANTAN

**ANIS SALWA ABDULLAH**  
Universiti Utara Malaysia

## ABSTRAK KAJIAN

Kewibawaan guru besar dan kompetensi guru merupakan penjana utama yang memacu kejayaan sesebuah sekolah. Namun kini guru sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran yang rencam dalam persekitaran institusi pendidikan. Maka guru besar perlu memainkan peranan kepimpinan yang penting bagi meningkatkan motivasi seterusnya mengurangkan tekanan kerja guru. Keberkesanan kepimpinan perkongsian guru besar menangani tekanan kerja guru diuji melalui model berstruktur yang turut mengetengahkan peranan motivasi sebagai mediator serta jantina dan umur sebagai moderator di sekolah rendah berprestasi cemerlang di Kelantan. Kajian tinjauan rentasan yang melibatkan 330 orang responden ini menggunakan instrumen *Shared Leadership Perception Survey* (Wood, 2005), *Teacher Motivation Survey* (Boyle, 2014) dan *Teacher Work Stress* (Collie et al. 2012). Dapatan kajian menunjukkan kepimpinan perkongsian ( $M=7.90$ ,  $SP=1.46$ ) dan motivasi ( $M=7.83$ ,  $SP=1.24$ ) berada pada tahap tinggi, manakala tekanan kerja ( $M=3.35$ ,  $SP=1.43$ ) berada pada tahap rendah. Terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap motivasi berdasarkan jantina. Manakala tahap tekanan kerja berdasarkan jantina dan umur. Kepimpinan perkongsian mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan motivasi ( $B=.66$ ,  $p<.01$ ) serta negatif dengan tekanan kerja ( $B=-.18$ ,  $p<.01$ ). Motivasi menyumbang hubungan negatif yang signifikan dengan tekanan kerja ( $B=-.61$ ,  $R=.55$ ,  $p<.01$ ). Konstruk kepimpinan perkongsian dan motivasi menyumbang  $R=.55$  terhadap tekanan kerja. Motivasi pula merupakan mediator separa bagi hubungan kepimpinan perkongsian dengan tekanan kerja. Jantina dan umur menyumbang kesan moderator antara hubungan motivasi dengan tekanan kerja serta kepimpinan perkongsian dengan motivasi. Malah, wujud pengaruh mediator bermoderator bagi hubungan kepimpinan perkongsian, motivasi dan tekanan kerja. Kesimpulannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa amalan kepimpinan perkongsian yang berkesan dapat meningkatkan motivasi seterusnya mengurangkan tekanan kerja guru. Kajian ini memberikan sumbangan yang bermakna kepada pemimpin sekolah dan para guru dalam merealisasikan amalan kepimpinan berprestasi tinggi serta memartabatkan profesion keguruan yang menjadi penyumbang utama bagi menempuh perubahan landskap masa depan pendidikan ke arah melestarikan kecemerlangan generasi akan datang.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Pelaksanaan kajian ini memberi sumbangan yang bermakna kepada golongan pemimpin dan pentadbir sekolah ke arah mencapai sasaran yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2012-2025. Kajian yang bertujuan untuk membangunkan satu model dengan mengenal pasti hubungan dan pengaruh kepimpinan perkongsian dan guru besar terhadap motivasi guru serta pengaruhnya ke atas tekanan kerja guru telah berjaya dibuktikan dan memenuhi objektif kajian. Kajian ini mendapati bahawa terdapat pengaruh kepimpinan perkongsian, kepimpinan sahah dan motivasi bagi mengawal dan mengurangkan tekanan kerja guru.

Di samping itu, kajian ini juga telah berjaya membuktikan bahawa motivasi merupakan pemboleh ubah mediator bagi hubungan antara kepimpinan perkongsian dengan tekanan kerja manakala umur dan jantina merupakan pemboleh ubah mediator bagi hubungan antara konstruk kajian kepimpinan perkongsian, kepimpinan sahah, motivasi dan tekanan kerja. Kajian ini juga telah menemui pengaruh mediator bermoderator (*moderated-mediation*) bagi hubungan antara kepimpinan perkongsian guru besar dengan motivasi serta hubungan antara motivasi dengan tekanan kerja.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Berikut adalah beberapa cadangan kajian lanjutan:

1. Kajian akan datang perlu mendapatkan dapatan kajian daripada responden yang berbeza contohnya soal selidik kepimpinan diberikan kepada para pentadbir sekolah agar dapat mengesahkan keberkesanan dan pengaruh kepimpinan perkongsian dan kepimpinan sahah daripada perspektif para pentadbir sekolah pula.
2. Kajian akan datang boleh dilaksanakan di sekolah-sekolah berprestasi tinggi (Skor 3 SKPM) sederhana (Skor 2 SKPM) dan rendah (Skor 1 SKPM) dalam UPSR bagi melihat perbezaan tahap kepimpinan perkongsian dan kepimpinan sahah yang diamalkan oleh para pentadbir di sekolah-sekolah berkenaan selain memastikan hubungan serta pengaruh terhadap motivasi dan tekanan kerja di sekolah-sekolah berkenaan.
3. Kajian berbentuk jangka panjang (longitud) juga boleh membantu mendapatkan hasil kajian yang lebih terperinci. Oleh itu, kajian akan datang boleh mengumpul data berasaskan satu jangka masa yang lebih lama terhadap kumpulan sampel (pentadbir dan guru-guru) yang sama untuk mengkaji corak dan pola sesuatu sampel dalam tempoh tertentu. Menggunakan kaedah aliran (*trend*) yang merupakan satu tinjauan jangka panjang, penyelidik perlu memilih satu sampel secara berulang-ulang daripada suatu populasi am yang besar dalam satu jangka masa yang tertentu.
4. Data perlu dianalisis daripada setiap sampel dan membandingkan hasil satu sampel dengan yang lain untuk menentukan jika wujud satu aliran atau pola perubahan atau kestabilan dalam data tersebut. Kaedah ini juga digunakan oleh penyelidik untuk mengkaji dan membandingkan perubahan dalam kepercayaan, aktiviti, tahap kesedaran atau demografi bagi populasi sepanjang tempoh tertentu.

5. Pengaruh moderator jantina dan umur tidak diuji bagi hubungan langsung antara kepimpinan perkongsian dengan tekanan kerja dalam kajian ini. Kajian akan datang boleh menguji pengaruh kedua-dua faktor demografi berkenaan terhadap hubungan langsung antara konstruk tersebut bagi menambah baik model kepimpinan yang terhasil dalam kajian ini.
6. Konstruk lain juga boleh dimasukkan ke dalam model kajian bagi meningkatkan hubungan dan pengaruh terhadap tekanan kerja guru. Sama ada konstruk tersebut bertindak sebagai konstruk exogeneous, mediator mahupun moderator, kewujudan konstruk-konstruk baru boleh dipertimbangkan agar model hubungan inklusif kepimpinan perkongsian ini menjadi lebih holistik dan efektif dalam meningkatkan motivasi dan mengurangkan tekanan kerja guru.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2019



# PENGGUNAAN TEORI RANGKAIAN MOTOR PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MENULIS DALAM PROSES MENGARANG BAHASA MELAYU TAHUN LIMA

**FAZILAH MAT ZAIN**  
Universiti Putra Malaysia

## ABSTRAK KAJIAN

Kemahiran mengarang merupakan kemahiran yang kompleks kerana melibatkan kemahiran kognitif dan psikomotor. Kajian ini menggunakan Teori Rangkaian Motor Pembelajaran Kemahiran Menulis (TRMPKM) yang merangkumi empat motor pembelajaran iaitu Motor Perancangan, Motor Logik, Motor Memori dan Motor Tindakan. Empat motor ini saling berkait dan penting semasa proses penghasilan karangan iaitu ketika memahami cara otak menerima, menapis, menggabungkan dan menggunakan pembelajaran fungsi otak semasa menghasilkan karangan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji proses, strategi dan masalah kemahiran menulis dalam aktiviti mengarang murid tahun lima berdasarkan TRMPKM. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu teknik pengumpulan data melalui kaedah temu bual, pemerhatian serta analisis dokumen yang dihuraikan secara deskriptif terhadap lima orang peserta kajian di sebuah sekolah rendah di Kuantan. Dapatan kajian ini dibincangkan berdasarkan tiga peringkat proses mengarang iaitu, pra-mengarang, semasa mengarang serta pasca-mengarang. Proses mengarang melibatkan kemahiran membaca dan memahami soalan, menggarisi klu, merujuk informasi, merangka draf karangan, penaakulan idea, mengikut format, menulis struktur karangan, memastikan karangan mempunyai kohesi dan koheren yang dikawal oleh pengetahuan dan pengalaman ketika menyemak dan membetulkan karangan. Strategi mengarang pula terdiri daripada merancang masa, menyenaraikan isi-isi tersurat dan isi-isi tersirat, membina atau mengolah ayat, latih tubi amalan menulis serta memberikan fokus sepanjang proses mengarang berlaku. Kajian ini juga menemukan isu tentang masalah mengarang murid pada setiap motor pembelajaran iaitu masalah dalam aspek merancang masa, sukar mengungkap idea tersirat, kekurangan idea, tidak menyemak serta tidak membetulkan kesalahan aspek tata bahasa. Kesimpulannya, kajian ini mendapati proses dan strategi mengarang memerlukan penguasaan keempat-empat motor pembelajaran kemahiran menulis dengan baik. Kajian ini merumuskan bahawa jika salah satu motor pembelajaran tidak dikuasai, penghasilan karangan akan terjejas. Hasil sesebuah karangan pembelajaran sebenarnya dapat meningkatkan kecekapan menulis karangan. Pengetahuan tentang motor membuktikan bahawa TRMPKM dapat memberi kefahaman yang jelas kepada guru tentang proses kognitif murid semasa mengarang. Kefahaman tentang teori ini dapat membantu guru merancang dan melaksana pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan. Hal ini dibuktikan dengan kelima-lima peserta kajian dapat mencapai tahap yang baik dalam keempat-empat motor pembelajaran mengarang seperti yang digagaskan oleh TRMPKM.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Analisis temu bual menunjukkan pelbagai isu yang ditimbulkan oleh murid-murid tahun lima yang melibatkan proses penulisan, strategi penulisan dan permasalahan menulis karangan. Ketidakupayaan murid untuk menguasai bidang penulisan karangan secara keseluruhan berpunca daripada kurangnya isi penting yang berkaitan dengan tajuk. Selain itu, kelemahan penguasaan dalam aspek tata bahasa dalam penulisan karangan juga merupakan masalah yang utama dihadapi oleh murid.

Dapatan kajian ini mendapati proses mengarang memerlukan penguasaan keempat-empat motor pembelajaran kemahiran menulis dengan baik. Jika salah satu motor pembelajaran tidak dikuasai, maka penghasilan karangan akan terjejas iaitu kurang menarik dan tidak lengkap. Oleh itu, guru perlu mengenal pasti kebolehan dan ketidakupayaan murid berdasarkan motor pembelajaran yang lemah dan merancang serta melaksanakan pengajaran berdasarkan motor pembelajaran tersebut manakala perbincangan berkaitan cadangan adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi kualiti kemahiran mengarang bahasa Melayu bermula dari asasnya, iaitu murid-murid di sekolah rendah

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

1. Kajian ini dilaksanakan setakat pembinaan model berdasarkan aktiviti mengarang murid sebagai peserta kajian dan fokus utama tetapi kurang melihat aspek pengajaran guru. Oleh hal yang demikian, kajian berkaitan rangkaian motor pembelajaran ini boleh dilihat dari sudut pandangan dan pengalaman guru pula pada masa akan datang.
2. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam penghasilan struktur karangan yang merangkumi peringkat pra-mengarang, semasa mengarang dan pasca-mengarang, terdapat beberapa komponen proses yang boleh dititikberatkan oleh guru semasa mengajar di dalam kelas bagi membantu murid menghasilkan karangan yang baik dan tepat. Setiap komponen tersebut boleh dikaji dengan mendalam bagi mencungkil had maksimum murid dalam penghasilan karangan. Guru boleh membantu murid dengan memahami keupayaan dan kebolehan mereka untuk menyerlahkan potensi yang ada dalam setiap diri anak didik mereka.
3. Kajian ini juga tidak membuat penilaian atau mengkaji keberkesanan terhadap kerangka tersebut. Oleh hal yang demikian, dicadangkan kepada pengkaji berikutnya agar dapat melaksanakan pengujian terhadap kesahan dan kebolehpercayaan kerangka model serta menilai keberkesanannya dalam proses mengarang murid.
4. Kajian lanjut dicadangkan supaya dapat memperincikan dan membuktikan kesan penggunaan Teori Rangkaian Motor Pembelajaran Kemahiran Menulis dalam kemahiran mengarang di peringkat sekolah menengah pula atau dalam kemahiran-kemahiran bahasa seperti kemahiran mendengar, bertutur dan membaca serta kemahiran lain pula.
5. Terdapat pelbagai kaedah kajian yang boleh dilaksanakan termasuklah menggunakan pendekatan kuantitatif atau pendekatan kualitatif atau kaedah eksperimental yang mengukur tahap kefahaman guru di Malaysia tentang teori motor pembelajaran dari aspek kemahiran bahasa yang lain pula seperti kemahiran membaca atau pun kemahiran lisan. Kajian tinjauan tersebut dapat memberi maklumat tentang pengetahuan dan kedalaman pengetahuan guru dalam teori motor pembelajaran serta dapat mengenal pasti keberkesanan teori motor pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran.



# KESAN PEMBELAJARAN SAINS BERASASKAN PROJEK DAN PENDEKATAN STEM TERHADAP LIMA DIMENSI SIFAT KREATIVITI SAINTIFIK MURID TAHUN LIMA

**NORJANAH AMBO**  
Universiti Malaysia Sabah

## ABSTRAK KAJIAN

Gelombang transformasi pendidikan Sains pada masa kini memerlukan pengintegrasian Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dengan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) untuk mencungkil kreativiti dalam kalangan murid. Kajian ini dijalankan untuk menentukan kesan Pembelajaran Berasaskan Projek dan STEM (PBPSTEM) terhadap lima dimensi sifat kreativiti saintifik murid tahun lima iaitu Kelancaran, Keaslian, Penghuraian, Keabstrakan Tajuk dan Rintangan terhadap Penutupan Pramatang. Sebuah Modul Pro-STEM telah dibangunkan sebagai panduan kepada guru Sains untuk memupuk kreativiti saintifik murid-murid tahun lima. Ujian Kreativiti Saintifik Lakaran (USKL) juga dibangunkan untuk mentaksir lima dimensi sifat kreativiti saintifik. Reka bentuk kuasi-eksperimen ujian pra dan ujian pasca telah digunakan dalam kajian ini. Seramai 360 murid tahun lima yang berumur sepuluh hingga sebelas tahun daripada empat buah sekolah rendah dalam bandar di Daerah Tawau terlibat dalam tiga kumpulan intervensi PBPSTEM ( $n=120$ ), PBP ( $n=120$ ), dan kumpulan Tradisional ( $n=120$ ). Multivariate Analysis of Covariance (MANCOVA) digunakan dalam analisis data untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan pada skor min dalam ketiga-tiga kumpulan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan [ $F(2,352) = 27.357, p < .05$ ] dalam ketiga-tiga kumpulan. Keputusan ANCOVA menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam ketiga-tiga kumpulan terhadap kelancaran [ $F(2,356) = 80.149, p < .05$ ], keaslian [ $F(2,356) = 129.127, p < 0.05$ ], penghuraian [ $F(2,356) = 73.836, p < .05$ ], keabstrakan tajuk [ $F(2,356) = 140, p < .05$ ] dan rintangan terhadap penutupan pramatang [ $F(2,356) = 172.029, p < .05$ ]. Kumpulan PBPSTEM menghasilkan skor min ujian pasca secara signifikan lebih tinggi berbanding kumpulan PBP, seterusnya skor min ujian pasca PBP secara signifikan lebih tinggi berbanding kumpulan Tradisional dalam kelima-lima dimensi sifat kreativiti saintifik. Kajian ini menunjukkan bahawa kaedah PBPSTEM memberi kesan positif dalam usaha membantu perkembangan lima dimensi sifat kreativiti saintifik murid tahun lima. Oleh itu, para pendidik khasnya guru-guru Sains disarankan untuk mengintegrasikan STEM dengan pembelajaran berasaskan projek dalam amalan PdPc Sains mereka demi meningkatkan kreativiti saintifik dalam kalangan murid.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Keberkesanan kaedah PBPSTEM dalam meningkatkan kreativiti saintifik telah diselidiki dalam kajian ini. Hasil analisis data mendapati bahawa kaedah PBPSTEM dapat meningkatkan kreativiti saintifik dalam lima dimensi sifat iaitu: kelancaran, keaslian, penghuraian, kebastrakan tajuk dan rintangan terhadap penutupan pramatang dengan lebih baik berbanding kaedah PBP dan kaedah tradisional. Ini menunjukkan bahawa pengintegrasian kaedah PBP dan STEM ke dalam proses PdPc dapat menjadikan pengajaran lebih menyeronokkan dengan adanya aktiviti melakar, membina dan menguji prototaip dalam bentuk persembahan atau demonstrasi serta pembentangan yang dijalankan secara pembelajaran koperatif. Ternyata, kaedah PBPSTEM membolehkan murid belajar untuk mengintegrasikan pembelajaran STEM tersebut yang memberi impak kepada pemikiran kreatif serta dapat menyelesaikan masalah bukan rutin. Pembelajaran koperatif NHT secara tidak langsung melatih murid untuk menjalankan tanggungjawab yang diberi dengan sebaik mungkin. Natijahnya, jika murid-murid ini diberi masa yang mencukupi, mereka boleh menguasai kaedah ini dengan lebih baik dan yang pastinya kaedah PBPSTEM ini boleh dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah di Malaysia.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian ini adalah salah satu percubaan tempatan untuk mengkaji kesan PBPSTEM terhadap kreativiti saintifik murid-murid tahun lima. Penemuan daripada kajian ini memberikan implikasi untuk penyelidik masa depan terhadap aspek-aspek seperti yang berikut:

1. Responden dalam kajian ini adalah murid-murid tahun lima yang berumur dalam lingkungan sepuluh hingga sebelas tahun. Kajian ini boleh diteruskan oleh penyelidik akan datang dengan kumpulan murid yang berbeza tahap seperti murid-murid tahap satu (Tahun 1, 2, dan 3), jantina dan lokasi sekolah yang berbeza.
2. Kajian ini perlu melibatkan lebih banyak sekolah rendah di setiap negeri, kawasan bandar dan luar bandar untuk analisis perbandingan. Penyelidik masa depan juga boleh menjalankan kajian kepada murid tahun lima di sekolah swasta dan sekolah-sekolah antarabangsa kerana ia akan menyumbang kepada data umum.
3. Hasil kajian ini menyokong integrasi PBP dan STEM dalam memupuk dimensi sifat kreativiti saintifik murid-murid sekolah rendah. Oleh itu, kajian masa depan boleh mengambil bentuk strategi pengajaran yang lain termasuk membina penjelasan alternatif dan persoalan aktif.
4. Hasil kajian ini menguji satu daripada empat dimensi produk iaitu produk teknikal sahaja. Justeru, kajian masa depan boleh menguji dimensi produk yang lain termasuk pengetahuan Sains, fenomena Sains dan masalah Sains untuk menguji kreativiti saintifik yang lebih menyeluruh.
5. Ulangi kajian ini untuk memasukkan strategi pedagogi yang berbeza dan struktur pembelajaran koperatif yang lain agar murid sekolah rendah terdedah dengan pelbagai jenis strategi pengajaran bagi menghasilkan kreativiti saintifik yang lebih tinggi.
6. Kajian masa depan boleh memberi tumpuan kepada pembangunan instrumen lain yang berkaitan dengan proses kreatif, produk kreatif dan persekitaran kreatif untuk menawarkan pendekatan yang berbeza bagi mengenal pasti bakat kreatif murid.

7. Kajian ini hanya menguji lima dimensi sifat kreativiti saintifik melalui lakaran. Oleh itu, kajian masa depan perlu menguji kreativiti saintifik yang lain seperti menguji kreativiti saintifik secara lisan, kajian perbandingan antara pemikiran divergen dengan pemikiran kreatif dan sebagainya. Kajian itu nanti boleh diuji dalam bentuk grafik melalui penggunaan teknologi dan lain-lain.
8. Kajian akan datang juga boleh dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif atau pendekatan bercampur bagi mengetahui keberkesanan integrasi kaedah PBP dan STEM daripada perspektif yang pelbagai untuk membantu proses reka bentuk intervensi.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



# **PENGARUH PENGURUSAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN, PENGURUSAN BILIK DARJAH DAN PERSONALITI GURU TERHADAP KUALITI GURU SEKOLAH RENDAH LUAR BANDAR DI NEGERI SABAH**

**NORMIATI BATJO**  
Universiti Malaysia Sabah

## **ABSTRAK KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh dan hubungan Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran (PPdP), Pengurusan Bilik Darjah (PBD), dan Personaliti Guru (PG) terhadap kualiti guru sekolah rendah luar bandar di negeri Sabah, Malaysia. Kajian mengaplikasikan kaedah tinjauan dengan menggabungkan teknik pensampelan kebarangkalian berstrata, kluster dan rawak mudah. Berpandukan teknik pensampelan Cohen (2001), sampel ditetapkan sebanyak 380 orang. Data dikumpul menggunakan satu set borang soal selidik adaptasi. Analisis deskriptif menunjukkan semua variabel diamalkan pada tahap tinggi. Ujian-t dan ANOVA sehalu membuktikan terdapat perbezaan skor min yang signifikan bagi semua variabel berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar. Ujian Korelasi Pearson pula menunjukkan wujud hubungan positif yang sederhana antara variabel PPdP, pengurusan bilik darjah dan personaliti guru dengan kualiti guru. Begitu juga dengan Analisis Laluan (SEM) menunjukkan kombinasi sumbangan ketiga-tiga variabel bebas terhadap variabel bersandar kualiti guru pada kekuatan pengaruh yang tinggi. Analisis Laluan turut menunjukkan terdapat pengaruh secara langsung yang signifikan variabel bersandar dengan variabel tidak bersandar. Kajian menyumbangkan satu Model Kualiti Guru baharu yang diadaptasi dan digabungjalinkan bersama teori dan model terdahulu.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan hasil dapatan kajian secara menyeluruh berdasarkan data empirikal yang diperolehi. Walau bagaimanapun, data yang dikutip sangat bergantung kepada keikhlasan dan kejujuran responden yang dipilih. Pengkaji mendapati bahawa responden telah memberikan pandangan dan pilihan yang telus berdasarkan apa yang mereka laksanakan dalam profesion mereka. Bagi menghasilkan ketekalan data, pengkaji telah melakukan saringan ketat terhadap soal selidik responden bagi meningkatkan nilai data yang diperolehi bagi tujuan dianalisis. Maka, pengkaji berpendapat bahawa data kajian ini mempunyai nilai yang tinggi dan analisis dapatan kajian yang dibuat secara empirikal boleh diterima.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Secara keseluruhannya, kajian ini berupaya memberikan gambaran awal pengaruh tiga variabel bebas iaitu pengurusan PdP, pengurusan bilik darjah dan personaliti guru terhadap kualiti guru di sekolah luar bandar di negeri Sabah. Namun, secara khususnya beberapa bentuk kajian lanjutan boleh dilakukan oleh pengkaji akan datang seperti yang berikut:

1. Meneroka teori dan model sedia ada yang benar-benar meliputi keseluruhan kajian. Hal ini kerana hasil literatur dan dapatan kajian masih mempunyai kelemahan kerana belum memperoleh teori yang secara langsung menjurus kepada variabel dan sub-konstruk kajian.
2. Pengkaji akan datang dicadangkan untuk mengkaji pengurusan bilik darjah lebih lanjut kerana dalam kajian ini didapati amalan pengurusan bilik darjah dipersepsikan tinggi oleh responden iaitu guru, tetapi didapati menunjukkan kesan pengaruh yang terendah antara ketiga-tiga variabel yang dikaji.
3. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif secara tinjauan dan penggunaan soal selidik adalah satu-satunya alat yang digunakan untuk mendapatkan respon daripada responden. Dicadangkan agar satu kajian lanjutan dilaksanakan menggunakan kaedah kuantitatif yang disokong dengan kaedah kualitatif seperti temu bual mendalam dan pemerhatian penuh terhadap amalan dan pengurusan PdP. Kaedah ini bagi mengurangkan bias dalam kajian seperti yang dipertikaikan oleh pengkaji lain sebelum ini.
4. Menjadikan guru sebagai responden kajian adalah antara kaedah yang telah diguna pakai dalam kajian ini untuk mengukur sejauh mana hubungan dan pengaruh kualiti guru dengan pemboleh ubah bersandar yang dikaji. Oleh yang demikian, kajian lanjut boleh dilakukan dengan menggunakan murid dan pentadbir sekolah sebagai responden. Ini bagi mengukuhkan ketekalan data yang diperolehi.
5. Kajian ini melibatkan sekolah luar bandar di negeri Sabah sahaja. Pengkaji mencadangkan kajian ini sebagai langkah awal bagi mengisi jurang kajian-kajian lepas khususnya berkaitan kualiti guru. Maka dengan itu, diharap pihak yang terlibat secara langsung bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha melaksanakan kajian dalam pelbagai reka bentuk yang sesuai dengan sistem pendidikan moden kini bagi memartabatkan kualiti guru. Walaupun kajian seumpama ini telah banyak dilakukan oleh pengkaji lepas, namun kekerapan kajian menggunakan gabungan variabel kajian ini masih belum lagi dilaksanakan. Penambahbaikan atas kekurangan yang didapati dalam kajian ini perlu dilakukan.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



# KOMPETENSI PENGETUA, KOMITMEN DAN MOTIVASI SEBAGAI PERAMAL KEPADA KEPRIHATINAN TERHADAP PERUBAHAN PENGURUSAN DATA MURID DALAM KALANGAN GURU DI SABAH

**NORIN FARIZAH MOHD NUIN**  
Universiti Malaysia Sabah

## ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan dan pengaruh Kompetensi Pengetua (KP), Komitmen Guru (KG) dan Motivasi Guru (MG) terhadap perubahan pengurusan data murid (PPDM) di Sabah. Kajian ini melibatkan 380 orang responden yang terdiri daripada guru kelas yang bertugas di seluruh sekolah menengah di Sabah. Kesemua responden telah dijadikan sampel kajian dengan menggunakan kaedah persampelan rawak berperingkat. Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah tinjauan dan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan analisis statistik deskriptif dan statistik inferensi dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science Version 21.0*). Berdasarkan analisis inferensi ujian-t didapati nilai  $F = 1.307$ , sig.(2 hujung)  $0.868$  ( $p > 0.05$ ) dan nilai  $t (-0.166)$  dan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan PPDM berdasarkan jantina. Analisis ANOVA sehalu pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan PPDM berdasarkan umur dan tahap pendidikan guru dengan nilai  $F = 0.426$ , sig  $p = 0.735$  ( $p > 0.05$ ) dan nilai  $F = 0.666$ , sig  $p = 0.5745$  ( $p > 0.05$ ) masing-masing. Namun bagi pengalaman mengajar terdapat perbezaan min yang signifikan terhadap PPDM dengan nilai  $F = 9.131$ , Sig  $p = 0.00$  ( $p < 0.05$ ). Analisis korelasi Pearson pula menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara KP ( $r = 0.371$ ,  $p < 0.01$ ), KG ( $r = 0.615$ ,  $p < 0.01$ ) dan MG ( $r = 0.667$ ,  $p < 0.01$ ) dengan PPDM. Selain itu, analisis regresi yang dilakukan menunjukkan KP, KG dan MG menjelaskan 53.4% ( $R^2 = 0.534$ ) menyumbang kepada pengaruh terhadap PPDM. Akhirnya, model yang dicadangkan dibuktikan sah untuk populasi kajian dengan menggunakan analisis Model Persamaan Struktural (SEM). Kajian menyumbang satu Model Perubahan Pengurusan Data Murid baharu yang menambah baik model-model terdahulu. Kajian lanjut dicadangkan berhubung aspek kepimpinan dalam memahami pengaruhnya terhadap perubahan pengurusan data murid.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Data yang dianalisis adalah hasil daripada kerjasama, kejujuran dan keikhlasan responden iaitu para guru di negeri Sabah. Penyelidik memberi gambaran data yang diperolehi daripada responden adalah benar dan penyelidik telah memilih soal selidik dalam beberapa proses dengan memilih borang soal selidik yang menepati kriteria dan lengkap sahaja untuk dianalisis bagi meningkatkan keyakinan hasil data yang diperolehi secara empirical, sesuai dengan kaedah ujian statistik yang digunakan. Kajian ini mendapati kompetensi pengetua dipersepsikan tinggi oleh guru kelas namun tidak signifikan dengan perubahan pengurusan data murid. Selain daripada itu, pengaruh kompetensi pengetua juga tidak signifikan dalam model SEM kajian walaupun menunjukkan kesan tidak langsung terhadap perubahan pengurusan data murid. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa perubahan pengurusan data murid dalam kalangan guru berada pada tahap tinggi. Sementara itu, kompetensi pengetua, motivasi dan komitmen guru didapati mempunyai pengaruh secara langsung dan tidak langsung terhadap perubahan pengurusan data murid.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Kajian pada masa akan datang dicadangkan untuk mengkaji kompetensi pengetua lebih lanjut dengan perubahan pengurusan data murid. Hal ini demikian kerana kajian ini mendapati kompetensi pengetua dipersepsikan tinggi oleh guru kelas, namun tidak signifikan dengan perubahan pengurusan data murid. Selain itu, pengaruh kompetensi pengetua juga tidak signifikan dalam model SEM kajian walaupun menunjukkan kesan tidak langsung terhadap perubahan pengurusan data murid. Oleh itu, kemungkinan lain perlu ditinjau lebih lanjut dalam kajian seterusnya berkaitan pengaruh kompetensi pengetua terhadap perubahan pengurusan data murid. Sebagai tambahan, teori baharu seperti kepimpinan transformasi, penerima perubahan dan lain-lain juga dicadangkan untuk dikaji bagi melihat perbandingan pengaruh setiap pendekatan tersebut terhadap perubahan pengurusan data murid memandangkan pelbagai dapatan yang berbeza dikesan melalui sorotan literatur.
2. Kajian yang telah dijalankan ini hanya bertumpu kepada guru kelas dan sekolah menengah harian biasa yang mendapat bantuan penuh kerajaan di negeri Sabah sebagai populasi kajian. Hasil kajian menunjukkan perubahan pengurusan data murid dalam kalangan guru berada pada tahap tinggi. Sementara itu, kompetensi pengetua, motivasi dan komitmen guru didapati mempunyai pengaruh secara langsung dan tidak langsung terhadap perubahan pengurusan data murid. Bagi tujuan mendapatkan kepastian sama ada keputusan adalah konsisten atau berubah berbanding kajian ini, maka penyelidikan selanjutnya dicadangkan untuk dilaksanakan di sekolah rendah harian biasa bantuan penuh kerajaan yang memiliki persamaan ciri dengan kajian ini.
3. Kajian ini bergantung sepenuhnya kepada penggunaan kaedah kuantitatif dan borang soal selidik merupakan satu-satunya alat untuk mengumpul data. Oleh itu, responden tidak dapat memberikan maklumat tambahan berbentuk naratif kerana dikawal oleh soal selidik yang telah disediakan oleh penyelidik. Idea atau pandangan tambahan responden yang mampu memantapkan hasil kajian tidak dapat disalurkan dalam kajian ini. Justeru, menjadi tugas kepada penyelidik seterusnya untuk menggunakan kaedah campuran (*mixed method*) agar selain soal selidik, maklumat turut diperolehi melalui temu bual mendalam, pemerhatian dan rujukan dokumen.

4. Kajian ini pada dasarnya hanya menumpukan kepada pengaruh empat pemboleh ubah sahaja tanpa meneliti perkaitan antara dimensi kajian. Oleh itu, kajian lanjut perlu meneliti perkara yang tidak dikaji dalam penyelidikan ini. Selain daripada itu, memandangkan berlaku perubahan dalam pengurusan data murid konvensional, keperluan kajian mengenai impak latihan dan peluang pembangunan profesional dalam kalangan guru adalah mendesak khususnya berkaitan pengurusan data murid. Sungguhpun guru didapati mempunyai tahap yang tinggi dalam pengurusan data murid, namun perkembangan teknologi boleh merubah sesuatu dengan pantas. Kemunculan pelbagai aplikasi terkini seperti web 2.0 (*Wiki, Blog, Facebook, YouTube, Twitter, Skype, Edmodo*) dapat menyediakan perkhidmatan yang cepat, cekap, dan efisien seperti yang dirumuskan Agatha Francis Umbit (2015). Aplikasi web 2.0 juga amat digemari murid pada masa kini. Oleh itu, guru sebagai suri teladan perlu kompeten dengan perkembangan teknologi bagi memastikan pengurusan data murid dapat dilaksanakan melalui pendekatan yang lebih mesra. Dalam hal ini, kajian mencadangkan agar penyelidikan akan datang menjadikan latihan dan pembangunan profesional guru berkaitan teknologi sebagai satu variabel penting dalam pengurusan data murid.



# PENGARUH KONFLIK PERANAN TERHADAP HASRAT PERSARAAN AWAL PEMIMPIN GURU: KEPUASAN KERJA SEBAGAI MEDIATOR

**NORHANA MOHAMAD SAAD**  
Universiti Utara Malaysia

## ABSTRAK KAJIAN

Kementerian Pendidikan Malaysia amat komited memastikan guru berkhidmat sehingga tamat tempoh perkhidmatan. Namun, terdapat peningkatan hasrat persaraan awal dalam kalangan guru. Kepuasan kerja hasil dari penyelesaian konflik peranan dilihat mendorong hasrat persaraan awal. Oleh itu, kajian terperinci perlu dilakukan untuk meneliti punca permasalahan tersebut. Kajian ini meneliti tahap konflik peranan (KP), kepuasan kerja (KK) dan hasrat persaraan awal (HPA) berdasarkan jantina dan umur, hubungan antara KP, KK dan HPA; serta menentukan sama ada KK sebagai mediator mempengaruhi hubungan antara KP dan HPA. Faktor-faktor penyebab yang lain juga dikaji. Data kuantitatif yang menggunakan soal selidik yang telah dilengkapi oleh 347 pemimpin guru sekolah menengah di negeri Kelantan dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Manakala data kualitatif yang diperoleh melalui temu bual dengan tujuh orang pemimpin guru dianalisis secara tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa konflik peranan ( $M=4.06$ ,  $SP=.44$ ) dan hasrat persaraan awal ( $M=4.19$ ,  $SP=.41$ ) berada pada tahap tinggi manakala kepuasan kerja ( $M=3.89$ ,  $SP=.42$ ) pemimpin guru berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan tahap konflik peranan, kepuasan kerja dan hasrat persaraan awal dalam kalangan pemimpin guru berdasarkan jantina dan umur. Terdapat hubungan positif yang signifikan antara konflik peranan, kepuasan kerja dan hasrat persaraan awal; konflik peranan dan kepuasan kerja mempunyai pengaruh positif yang signifikan terhadap hasrat persaraan awal. Di samping itu, kepuasan kerja didapati memainkan peranan sebagai pengantara penting antara konflik peranan dan hasrat persaraan awal. Analisis dapatan kualitatif mendapati faktor penyumbang lain adalah kurang kemahiran teknologi maklumat, masalah kesihatan, kewangan yang kukuh, inginkan kehidupan berkeluarga, pengisian masa yang lebih bermakna dan menceburi bidang lain. Dapatan kajian ini menyumbang kepada perkembangan teori konflik peranan, kepuasan kerja dan hasrat persaraan awal dalam persekitaran pendidikan. Bagi mengurangkan hasrat persaraan awal, kajian ini mencadangkan agar kepuasan kerja, konflik peranan serta faktor-faktor lain sebagai penyumbang hendaklah diberi perhatian oleh pihak yang berkaitan.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti pengaruh konflik peranan terhadap hasrat persaraan awal pemimpin guru di sekolah menengah di negeri Kelantan. Selain daripada itu, kajian turut meneliti pengaruh kepuasan kerja sebagai mediator terhadap hubungan antara konflik peranan dan hasrat persaraan awal pemimpin guru. Hasil ujian analisis deskriptif menunjukkan konflik peranan dan hasrat persaraan awal pemimpin guru berada pada tahap tinggi manakala kepuasan kerja berada pada tahap sederhana. Terdapat hubungan positif yang signifikan antara ketiga-tiga pemboleh ubah.

Penemuan kajian turut mendapati dimensi konflik terhadap kemampuan melaksana pelbagai peranan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap hasrat persaraan awal. Sementara itu, dua dimensi kepuasan kerja iaitu rakan sekerja dan bidang tugas mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap hasrat persaraan awal. Pemboleh ubah konflik peranan memberi pengaruh positif yang signifikan terhadap hasrat persaraan awal pemimpin guru. Kepuasan kerja mempunyai pengaruh positif yang signifikan sebagai mediator terhadap hubungan antara konflik peranan dengan hasrat persaraan awal pemimpin guru. Maka, dapat disimpulkan bahawa tujuh hipotesis diterima manakala sebelas hipotesis ditolak. Bagi dapatan kualitatif pula, pengkaji mendapati antara faktor yang mendorong kepada hasrat persaraan awal adalah faktor persekitaran pekerjaan seperti tidak mahir menggunakan ICT untuk menyelesaikan tugas dan konflik terhadap kemampuan melaksana pelbagai peranan dan kepuasan terhadap kerjaya. Faktor personal pula meliputi masalah kesihatan, mempunyai kewangan yang kukuh, kehidupan berkeluarga, ingin menceburi bidang lain dan inginkan pengisian masa yang lebih bermakna untuk menghasilkan prestasi kerja yang lebih berkesan.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan daripada aspek kaedah kajian, pemboleh ubah tambahan dan model kajian bagi kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

### 1. Kaedah Kajian

- i. Kajian lanjutan dicadangkan menggunakan sampel responden yang berbeza iaitu pemimpin guru ditukar kepada semua guru secara rawak. Hal ini akan memberi ruang untuk kajian akan datang melihat hubungan ketiga-tiga pemboleh ubah apabila pemimpin guru digantikan dengan responden guru dan untuk melihat adakah terdapat perbezaan dalam tahap konflik peranan, kepuasan kerja dan hasrat persaraan awal dalam kalangan guru berbanding pemimpin guru. Selain daripada itu, instrumen soal selidik perlu diperbanyakkan dengan menambah satu lagi pemboleh ubah bersandar iaitu komitmen profesional untuk mendapatkan penemuan yang lebih signifikan. Pendekatan ini juga mengelakkan berlakunya *multicollinearity* antara konstruk instrumen kajian bagi memastikan ia bertepatan dengan kehendak ilmiah, dilaksanakan secara saintifik dan memperoleh kesahan maklumat yang lebih berkualiti serta keputusan kajian yang lebih tepat dan mantap.
- ii. Kajian lanjutan dicadangkan untuk melibatkan sampel sekolah yang lebih besar merangkumi sekolah-sekolah di seluruh Malaysia seperti SMKA, SJKC, SJKT, SBP, MRSM dan sekolah sukan yang meliputi jumlah responden yang besar. Oleh yang demikian, kajian selanjutnya dapat melihat perkaitan antara konflik peranan guru dan

kepuasan kerja dengan hasrat persaraan awal dalam kalangan guru di seluruh Malaysia. Selain daripada itu, pengkaji mencadangkan agar bilangan responden kajian ditambah secara kualitatif dengan menemu bual lebih ramai pemimpin guru bagi mendapatkan maklumat berkaitan faktor lain yang tidak ditemui oleh pengkaji dalam kajian ini yang mungkin menyumbang kepada hasrat persaraan awal untuk memantapkan lagi dapatan kajian pada masa akan datang.

## 2. **Pemboleh Ubah Tambahan**

Pengkaji mencadangkan kajian lanjutan menambah moderator komitmen profesional bagi melihat hubungan antara konflik peranan dengan hasrat persaraan awal. Walaupun kajian ini menunjukkan bahawa pemboleh ubah kepuasan kerja bertindak sebagai mediator dalam hubungan antara konflik peranan dan hasrat persaraan awal pemimpin guru, namun kajian selanjutnya boleh menambah pemboleh ubah menjadi dua moderator iaitu kepuasan kerja dan komitmen profesional terhadap hasrat persaraan awal pemimpin guru. Dapatan kajian mungkin akan memberikan input tambahan kepada keberkesanan peranan pekerjaan yang mempengaruhi hasrat persaraan awal.

## 3. **Model Kajian**

Model kajian yang dicadangkan boleh dijadikan panduan kepada pihak sekolah dan pihak-pihak berkaitan agar dapat mengekang peningkatan hasrat persaraan awal berdasarkan pengaruh konflik peranan, kepuasan kerja dan komitmen profesional yang dicadangkan untuk kajian akan datang. Justeru, pihak sekolah dan KPM dapat memelihara sumber berharga organisasi iaitu pemimpin guru yang komited, berkemahiran dan berkepakaran untuk terus memberi komitmen profesional terbaik kepada sekolah meskipun telah memperoleh kepuasan dalam kerjaya.



# THE FEASIBILITY OF THE DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP) IMPLEMENTATION IN MALAYSIAN SECONDARY SCHOOLS

**ASHAIRI SULAIMAN**  
**Universiti Kebangsaan Malaysia**

## ABSTRACT

The issue of instructional medium is a critical issue to be discussed in the education system. Medium of instruction is ubiquitous worldwide and becomes a top-down approach introduced by policy makers and education managers. Contextualising in Malaysia - the implementation of Dual Language Programme (DLP) highlights the use of English as the instructional medium in the teaching and learning of Science and Mathematics. Malaysia has based DLP on the Policy of Teaching Science and Mathematics in English (PPSMI). Initiated by Haddad's Policy Analysis Model and Sufean's Policy Cycle as the foundation, the study would encompass five different perspectives. This study aims to discover the feasibility of the DLP implementation in Malaysian secondary schools. A total of 2162 DLP students, 435 DLP teachers, 80 DLP school administrators, 768 DLP parents and 12 experts were involved as respondents in this study. Given survey research design, the data were gathered via questionnaires, open-ended questions, semi-structured interviews and focused group discussions. Data analysis involved descriptive and inferential statistics, content analysis and thematic approach. To accentuate, the experts' responses were analysed by using Fuzzy Delphi Method. The findings revealed that although the interest groups were positive concerning their understanding, readiness and acceptance towards the programme, there were some elements in the constructs that need attention and consideration. As the interest groups perceived that DLP would enhance the students' language development, they also postulated that it would be less likely to increase the interest in Science and Mathematics. In addition, all interest groups manifested that DLP needs to be improved. It was further demonstrated that there were significant differences based on the demographic profiles investigated. It was imperative to note that DLP is highly associated to the improvement in English. To shed the light, limited English mastery among students and teachers besides insufficient teaching and learning materials were among the prominent challenges in the programme. Hence, they recommended for bilingual strategy to be practised, solidification of the English proficiency and improvements in references and materials. Concerning the experts' views, they believed that DLP teachers' proficiency as the most threatening issue that needs to be resolved via arming them with on-going courses. As an implication, DLP teachers' quality would need to be enhanced as well as taking into consideration the capacity for the school to participate in the programme. This study has also suggested for the discovery of respondents from primary school besides conducting an experiment to assess the students' performance in the programme. In general, DLP is a positive move aimed at valorising the standard of English among the students. To recapitulate, this programme is feasible to be implemented in the long run on a condition that challenges and hindrances faced are taken into consideration. Besides, the recommendations proposed by the respondents are given utmost priority by the policy planners to ascertain the programme relevance and sustainability.

## SUMMARY OF FINDINGS

This study aims to investigate the current state of implementation for an educational programme - the Dual Language Programme. The programme which is under the Upholding Malay Language to Strengthening of English Language (MBMMBI) policy intends the use of English via the teaching of Science and Mathematics subjects. Execution which differs from the current practice in the global somehow replicates the previous policy PPSMI. After four years of inception, it is crucial to understand the views of those involved directly (students, teachers and school administrators) and those involved indirectly (parents and experts) pertaining to the programme. To accentuate, the Malaysian education policy has to provide diversity within the society of different interests and equip a horizontal stratification with different layers made of the privileged, poor, urban, and those in between (Ministry of Education Malaysia 2015b). A good policy contributes to the harmony, sustainability and is sustainable to the society (Sufean 2004).

Irrefutably, the implementation of DLP in the Malaysian context would valorise the standard of English especially among the students besides assists their future marketability in the global avenue. However, this study has disclosed that despite the positive views elucidated by the interest groups, several prominent and pertinent challenges were unravelled concerning the programme implementation. These hurdles reflect the needs to evaluate the programme structure to ensure its effectiveness and desired outcomes are achieved. The feasibility of the programme will be impeded if these obstacles are not rectified and verified well. Having those in mind, recommendations from the interest group intend to ameliorate the programme implementation as they are proposed by those with the first-hand experience in the programme. Hence, based on the findings and discussions deliberated earlier, the Dual Language Programme (DLP) in Malaysian secondary schools is feasible to be implemented on a condition that certain aspects that require amendments and improvements are given careful consideration by the Ministry of Education. Solidification and rectification are deemed essential in those aspects in order to ensure that the programme can be feasible besides being sustainable in the long run. Otherwise, it would be meaningless if improvements are not made progressively and continuously.

## RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH

Even though this study encompasses five different groups (students, teachers, school administrators, parents and experts), there are some limitations that need to be addressed. This shall give some rooms for other interested individuals or parties to extend the scope of this research and offer more refined and constructive insights. This would then compensate the limitations as highlighted earlier.

1. The first suggestion would be on the context of study. This study mirrors the representatives from the secondary schools in Malaysia. It may be beneficial to discover the DLP implementation in the context of primary schools in Malaysia as this would provide a more in-depth understanding and overview of the implementation nationwide. The implementation in the primary schools commences simultaneously, involving primary One and primary Four which may result in some challenges by the interest group. Hence, it is worth to extend the context of study to the primary schools as this provides a bigger picture of DLP.

2. About the data collection method, only questionnaire, open-ended questions, focused group discussions and semi-structured interviews were utilised. It may also be meaningful for future research to conduct observations and document analysis to further enrich the data collection. Observations can be made to analyse the teaching and learning process in the class besides to affirm respondents' self-reported responses. The observation can be done several times and at different contexts. On the other hand, document analysis will be employed by examining the students' examination script, result, exercise books as well as teachers' daily lesson plan and worksheets. This may further triangulate the data collected from other means of data collection.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



# IMPAK PELABURAN TERHADAP KEMAHIRAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN DIPLOMA KOLEJ VOKASIONAL PERTANIAN DI MALAYSIA

**ENAH ALI**

**Universiti Pendidikan Sultan Idris**

## **ABSTRAK KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk menilai impak pelaburan kerajaan terhadap kemahiran kebolehpasaran graduan kolej vokasional pertanian di Malaysia dan membina kerangka model kebolehpasaran graduan pendidikan teknik dan vokasional. Instrumen kajian terdiri daripada pelaburan kerajaan (perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan) dan kemahiran kebolehpasaran graduan (pengetahuan, aplikasi kemahiran, efikasi sendiri, metakognisi dan kemahiran insaniah). Bagi mencapai objektif ini, teknik persampelan rawak mudah telah digunakan untuk mengumpul soal selidik daripada 318 graduan kolej vokasional pertanian yang bergraduasi pada tahun 2017. Hasil analisis data menggunakan perisian SPSS dan SmartPLS menunjukkan empat dapatan penting. Pertama, kemahiran insaniah merupakan kemahiran kebolehpasaran yang paling penting kepada graduan. Seterusnya diikuti oleh metakognisi, efikasi sendiri, pengetahuan dan aplikasi kemahiran. Kedua, perbelanjaan mengurus merupakan perbelanjaan terpenting dan diikuti dengan perbelanjaan pembangunan. Ketiga, pelaburan kerajaan memberi impak yang positif ke atas kemahiran kebolehpasaran graduan. Keempat, pembinaan kerangka model kemahiran kebolehpasaran graduan yang telah ditentukan berdasarkan statistik ( $R^2$ ). Dapatan kajian ini telah memperakui dan menyebarkan saranan teori-teori dan dapatan kajian terdahulu tentang pelaburan kerajaan dalam pendidikan teknik dan vokasional. Selain itu, kajian ini juga telah memantapkan kaedah penyelidikan melalui kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian bagi menghasilkan dapatan kajian yang boleh dipercayai. Selanjutnya, kajian ini dapat membantu meningkatkan keberkesanan kerajaan mengurus pelaburan dalam pendidikan teknik dan vokasional bagi meningkatkan kemahiran kebolehpasaran graduan kolej vokasional pertanian supaya dapat memenuhi keperluan industri.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian sebenar mengesahkan bahawa instrumen kajian ini mencapai piawaian kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Instrumen kajian yang berkualiti ini telah dijadikan alat pengukuran dalam menguji model kajian.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Batasan terhadap konseptual dan metodologi kajian perlu diambil kira bagi memantapkan lagi kajian yang akan datang. Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Kajian akan datang dicadangkan untuk menggunakan kaedah gabungan kuantitatif dan kualitatif bagi mengumpul data kajian. Hal ini kerana, penggunaan kaedah gabungan ini berupaya menghasilkan dapatan kajian yang lebih tepat dan boleh dipercayai (Creswell & Clark, 2018; Creswell & Creswell, 2017; McKim, 2017).
2. Kajian akan datang perlu menggunakan kaedah longitudinal sebagai alternatif kepada kaedah keratan rentas. Kajian longitudinal berupaya mengukur perbezaan persepsi responden menggunakan sampel dan soalan yang sama tetapi dalam masa yang berlainan (Creswell & Creswell, 2017; Sekaran & Bougie, 2016). Sebagai contoh, pengumpulan data dibuat melalui dua fasa iaitu fasa semasa tamat pengajian dan fasa selepas beberapa tahun bekerja. Kaedah ini berkemungkinan akan dapat menghasilkan dapatan yang berbeza kerana responden kajian dapat menilai keperluan kemahiran kebolehpasaran dalam situasi yang berbeza.
3. Kajian yang akan datang disarankan untuk menggunakan teknik pensampelan rawak berlapis. Penggunaan teknik ini perlu supaya dapat mengurangkan unsur berat sebelah dalam pemilihan sampel kajian, mengambil kira perbezaan ciri-ciri yang terdapat dalam sampel kajian dan dapat mewakili semua populasi kajian (Sekaran & Bougie, 2016).

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



# KESAN PENGGUNAAN KOSWER MULTIMEDIA INTERAKTIF DENGAN EJEN PEDAGOGI DALAM PEMBELAJARAN NUTRISI TERHADAP KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

**NORSALIZA SABU**

**Universiti Pendidikan Sultan Idris**

## **ABSTRAK KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk menentukan kesan penggunaan koswer multimedia interaktif dengan ejen pedagogi iaitu *Nutri-Score* dalam pembelajaran Nutrisi terhadap kemahiran berfikir aras tinggi, kemahiran mengelaskan, kemahiran membanding dan membeza serta kemahiran menyelesaikan masalah. Koswer multimedia interaktif ini telah dibangunkan berdasarkan dapatan analisis keperluan kajian terhadap topik-topik Biologi Tingkatan Empat yang dianggap sukar dengan menggunakan Model Alessi dan Trollip. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk eksperimen kuasi. Kaedah persampelan kelompok empat tahap digunakan untuk menentukan negeri-negeri di zon utara, daerah, sekolah dan pelajar. Seramai 181 orang responden tingkatan empat telah dipilih dari empat buah sekolah menengah kebangsaan iaitu masing-masing dua buah dari Kedah dan Pulau Pinang. Responden kumpulan rawatan ( $n=90$ ) dan kumpulan kawalan ( $n=91$ ) diagihkan kepada kumpulan prestasi tinggi, sederhana dan rendah berdasarkan tahap pengetahuan sedia ada untuk mengkaji kesan kaedah pembelajaran terhadap kemahiran berfikir aras tinggi. Instrumen kajian yang digunakan ialah set soalan asas Biologi (Ujian Kemasukan), set soalan Nutrisi (ujian pra dan ujian pasca) dan soal selidik Tahap Kompetensi Literasi Komputer. Data dianalisis menggunakan ujian *Multivariate Analysis of Covariance* (MANCOVA). Dapatan menunjukkan bahawa terdapat kesan yang signifikan terhadap kemahiran berfikir aras tinggi, kemahiran mengelaskan, kemahiran membanding dan membeza serta kemahiran menyelesaikan masalah bagi responden yang menggunakan *Nutri-Score* berbanding yang belajar secara tradisional [ $F(3,179)=20.52, p<.05$ ]. Perbezaan yang signifikan ditunjukkan oleh responden yang menggunakan *Nutri-Score* dari kumpulan prestasi tinggi [ $F(3,44)=9.89, p<.05$ ] dan kumpulan prestasi sederhana [ $F(3,76)=8.68, p<.05$ ] dalam kemahiran berfikir aras tinggi, kemahiran mengelaskan serta kemahiran membanding dan membeza. Kesimpulannya, penggunaan koswer multimedia interaktif yang menampilkan ejen pedagogi adalah berkesan terhadap peningkatan kemahiran berfikir aras tinggi, kemahiran mengelaskan serta kemahiran membanding dan membeza. Implikasi kajian ini menunjukkan koswer *Nutri-Score* boleh digunakan oleh guru-guru sekolah menengah untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi pelajar. Penggunaan koswer *Nutri-Score* juga perlu diperluaskan kepada topik-topik lain dalam Biologi.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa topik Nutrisi Haiwan dengan menggunakan koswer multimedia interaktif seperti ciri-ciri yang ada pada *Nutri-Score* adalah sesuai untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi khususnya dalam kemahiran mengelaskan dan kemahiran membanding dan membeza. Peningkatan dalam ketiga-tiga kemahiran tersebut bergantung kepada tahap kepuasan pelajar. Walau bagaimanapun, peningkatan dalam ketiga-tiga kemahiran tersebut adalah bergantung kepada tahap pengetahuan sedia ada pelajar. Pelajar-pelajar dengan tahap pengetahuan sedia ada tinggi dan sederhana mendapat lebih manfaat melalui pembelajaran menerusi koswer multimedia interaktif berbanding dengan yang rendah tahap pengetahuan sedia ada. Kelemahan dalam kemahiran menyelesaikan masalah yang tidak dapat diatasi melalui penggunaan *Nutri-Score* patut digali lagi ciri-ciri yang perlu ditambahbaik dalam kajian selanjutnya.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Analisis kajian ini telah membuka beberapa isu baru dan memberi petunjuk kepada cadangan kajian lanjutan seperti yang berikut:

1. Kemahiran menyelesaikan masalah melalui pembelajaran menggunakan koswer multimedia interaktif masih tidak dapat dibuktikan secara khusus. Kajian lanjutan diperlukan untuk mengkaji aspek teknik-teknik penyolatan dan teknik perancah atau sebagainya yang perlu diaplikasikan dalam koswer sebegini dengan lebih terancang.
2. Dicadangkan supaya koswer pembelajaran seterusnya mengandungi kuiz yang dihubungkan kepada aplikasi atas talian supaya rekod markah kuiz dalam koswer dapat diketahui dan direkodkan oleh guru. Maka, prestasi antara pelajar-pelajar juga dapat dibandingkan oleh guru.
3. Dicadangkan kajian seperti ini diperluaskan kepada subjek-subjek lain seperti Sains, Fizik dan Kimia mengikut kurikulum dan objektif subjek-subjek tersebut. Subjek-subjek Sains elektif ini kurang diminati oleh kebanyakan pelajar lantaran tahap kesukaran konsep-konsep yang tinggi.
4. Kajian ini hanya merangkumi satu topik kecil dalam Biologi Tingkatan Empat. Kajian seumpama ini patut diperluaskan kepada semua topik lain dalam Biologi sekolah menengah. Aplikasi animasi interaktif diperlukan untuk membantu meningkatkan kualiti dan pencapaian pengajaran dan pembelajaran.
5. Pemboleh ubah moderator yang digunakan dalam kajian ini ialah tahap pengetahuan sedia ada yang berbeza dalam kalangan pelajar. Disarankan kajian lanjut dilakukan bagi melihat pengaruh pemboleh ubah moderator lain seperti motivasi, keupayaan spatial dan kesan interaktiviti.
6. Sampel kajian ini terbatas kepada pelajar sekolah menengah yang mengambil subjek Biologi sahaja. Kajian seumpama ini boleh diperluaskan kepada mahasiswa-mahasiswi di institusi pendidikan lain di bawah KPM. Kemahiran berfikir aras tinggi turut perlu dititikberatkan kepada golongan ini bagi memenuhi tuntutan pasaran kerja semasa dan penyelesaian masalah hidup yang semakin kompleks.

7. Kajian juga boleh diperluaskan kepada aspek kesediaan dan penerimaan guru terhadap penggunaan koswer multimedia di dalam bilik darjah secara kolaboratif. Pedagogi terkini dan canggih akan gagal mencapai matlamatnya jika para guru tidak bersedia menerima dan menggunakannya di dalam bilik darjah. Suara para guru patut diambil kira kerana mereka merupakan ejen pelaksana yang sangat penting bagi sesuatu dasar pendidikan di Malaysia.
8. Aspek minat, kecenderungan dan kesediaan pelajar patut diambil perhatian sebelum sesuatu koswer pembelajaran hendak dibangunkan supaya koswer pembelajaran yang dibangunkan dapat memuaskan hati pelajar sebagai pengguna. Kepuasan hati pelajar dapat meningkatkan pencapaian mereka dalam pelajaran termasuk dalam kemahiran berfikir aras tinggi.
9. Kajian juga boleh diubah suai dengan menggunakan strategi pembelajaran koperatif yang lain seperti yang diterangkan oleh Slavin (1981, 1998 dan 2015). Begitu juga dengan kaedah kolaboratif lain yang pernah dijelaskan oleh Roberts (2005).
10. Penggunaan ejen pedagogi beranimasi seperti dalam *Nutri-Score* iaitu peranan seorang guru boleh diubah kepada peranan-peranan lain seperti peranan seorang saintis, seorang rakan belajar dan sebagainya bergantung kepada kesesuaian kandungan dan objektif pelajaran.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



## PEMBANGUNAN MODEL QUDWAH HASANAH UNTUK GURU SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA DI MALAYSIA

**ASRI MD SAMAN @ OSMAN**  
Universiti of Malaya

### ABSTRAK KAJIAN

Mutakhir ini, kegagalan guru menampilkan sahsiah yang boleh dijadikan model adab dan contoh teladan yang mulia kepada para pelajar menjadi fokus laporan media massa dan mencetuskan fenomena dalam wacana akademik. Jurang kefahaman yang wujud antara perawakan guru sebagai suri teladan dan realiti ciri-ciri peribadi guru mencetuskan keperluan membangunkan Model Qudwah Hasanah (MQH) untuk guru Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Malaysia. Objektif kajian adalah untuk mendapatkan maklumat tentang keperluan membangunkan Model Qudwah Hasanah (MQH) untuk guru SMKA, mereka bentuk dan membangunkan Model Qudwah Hasanah (MQH) untuk guru SMKA seterusnya menilai kebolehan model yang dibangunkan. Kajian ini menggunakan kaedah Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan atau *Design and Development Research* (DDR) yang dipelopori oleh Richey, R.C, Klien, J.D dan Nelson, W.A (2007). Model ini dibangunkan berlandaskan teori tiga (3) orang sarjana Islam iaitu Teori al-Ghazali (t.th), Ulwan (1968) dan an-Nahlawi (1979). Kajian telah dilaksanakan secara tiga fasa. Fasa pertama kajian adalah Analisis Keperluan dengan menemu bual tiga orang pakar yang terdiri daripada seorang Pengetua Cemerlang, seorang Guru Cemerlang dan seorang Pensyarah Kanan bidang Pendidikan Islam Institut Pendidikan Guru (IPG). Fasa kedua melibatkan Reka Bentuk dan Pembangunan Model Qudwah Hasanah (MQH) untuk guru SMKA dengan menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi atau *Fuzzy Delphi Method* (FDM). Satu instrumen soal selidik telah dibangunkan berdasarkan sorotan kajian dan dapatan analisis keperluan. Instrumen telah diserahkan kepada enam belas orang pakar bidang untuk menilai dan mengesahkan item dalam konstruk yang dicadangkan. Seterusnya, fasa ketiga kajian merupakan Fasa Penilaian dan Kebolehgunaan Model yang melibatkan empat puluh lapan orang pakar terdiri daripada guru-guru yang berpengalaman dari empat buah SMKA dan dijalankan menggunakan Teknik Kumpulan Nominal yang diubahsuai atau *Modified Nominal Group Technique* (NGT). Keputusan yang diperolehi hasil daripada analisis data fasa pertama menunjukkan bahawa ketiga-tiga pakar bersetuju bahawa perlunya dibangunkan Model Qudwah Hasanah (MQH) untuk guru SMKA. Fasa kedua menunjukkan bahawa kesemua enam belas orang pakar telah bersetuju dan mengesahkan lima komponen utama dan dua puluh lima elemen yang dikemukakan dengan nilai *Threshold* ( $d$ )  $< 0.2$  dan peratus Kesepakatan Pakar  $\geq 75\%$ . Seterusnya, fasa ketiga kajian menunjukkan penerimaan yang tinggi dalam kalangan pakar iaitu guru SMKA terhadap penilaian kebolehgunaan model tersebut dengan peratusan kebolehgunaan  $\geq 70\%$ . Kajian ini mencadangkan satu Model Qudwah Hasanah (MQH) untuk guru di SMKA di Malaysia khususnya dan juga boleh diaplikasi kepada guru-guru di semua sekolah amnya.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

### 1. **Dapatan Fasa Pertama: Fasa Analisis Keperluan**

Semua pakar amat bersetuju agar satu Model Qudwah Hasanah (MQH) dibangunkan untuk guru-guru SMKA dalam membantu merealisasikan matlamat penubuhan SMKA iaitu antaranya mentarbiyyah para pelajar dengan keperibadian Islam yang syumul dan melengkapkan mereka dengan ilmu pengetahuan yang bermanfaat bagi kehidupan di dunia dan di akhirat.

### 2. **Dapatan Fasa Kedua: Reka Bentuk dan Pembangunan Model**

Berdasarkan dapatan fasa pertama iaitu fasa analisis, jelas menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk membangunkan Model Qudwah Hasanah (MQH) untuk guru SMKA. Bagi tujuan mereka bentuk, pengkaji telah menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* atau *Fuzzy Delphi Method* (FDM) bagi mendapatkan kesepakatan pakar terhadap komponen utama dan elemen yang terkandung dalam Model Qudwah Hasanah (MQH) guru SMKA.

### 3. **Dapatan Fasa Ketiga: Penilaian dan Kebolegunaan Model**

Penilaian keseluruhan Model Qudwah Hasanah (MQH) mendapati bahawa semua pakar telah bersetuju dan menerima semua elemen keseluruhan MQH dengan nilai skor melebihi 70% kebolegunaan.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Terdapat tiga cadangan dalam kajian lanjutan yang boleh dijalankan berdasarkan Pembangunan Model Qudwah Hasanah (MQH) seperti yang berikut:

1. Kajian yang telah dilaksanakan ini telah melibatkan sampel daripada SMKA zon di utara Semenanjung Malaysia sahaja. Dicadangkan agar kajian akan datang dapat menggunakan sampel daripada zon-zon lain seperti zon Tengah, zon Timur, zon Selatan ataupun zon di Sabah dan Sarawak.
2. Kajian yang telah dilaksanakan ini hanya melibatkan SMKA sahaja. Oleh itu, dicadangkan agar kajian lanjutan dapat dilaksanakan melibatkan sekolah-sekolah lain seperti Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Menengah (SM) ataupun Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).
3. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa keperluan elemen hubungan dengan Allah SWT bagi seseorang guru cemerlang merupakan elemen yang tertinggi mengikut kesepakatan pakar. Justeru, dicadangkan agar kajian lanjutan dapat dilaksanakan dengan memberi fokus kepada elemen hubungan dengan Allah SWT secara lebih terperinci.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



# **PENGETAHUAN PEDAGOGI ILMU KANDUNGAN GURU PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN**

**ROSLINA MOHD. NOR**  
**Universiti Kebangsaan Malaysia**

## **ABSTRAK KAJIAN**

Penguasaan Pengetahuan Pedagogi Ilmu Kandungan Guru merupakan salah satu komponen dalam memastikan tercapainya objektif pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap Pengetahuan Pedagogi Ilmu Kandungan Guru Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah Kebangsaan secara umum dan meneroka empat komponen utama Pengetahuan Pedagogi Ilmu Kandungan Guru Seni Visual Sekolah Menengah Kebangsaan. Empat komponen yang dimaksudkan ialah Pengetahuan Ilmu Kandungan, Pengetahuan Pedagogi Am, Pengetahuan Pedagogi Khusus dan Pengetahuan Konteks. Dalam kajian ini, dua reka bentuk kajian digunakan iaitu pendekatan kuantitatif secara tinjauan dan pendekatan kualitatif secara kajian kes. Melalui pendekatan kuantitatif, satu set soal selidik telah digunakan. Pendekatan secara kualitatif pula dilakukan melalui kajian kes. Seramai lima orang guru Pendidikan Seni Visual yang mengajar mata pelajaran tersebut di tingkatan 4 dan 5 telah dipilih sebagai peserta kajian. Data kajian dikutip menggunakan soal selidik, temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Dapatan kajian kuantitatif menunjukkan min keseluruhan Pengetahuan Pedagogi Ilmu Kandungan Guru Pendidikan Seni Visual sekolah menengah berada pada tahap tinggi. Dapatan kualitatif pula berjaya mengenal pasti ciri Pengetahuan Pedagogi Ilmu Kandungan peserta kajian yang terangkum di bawah lima (5) tema utama dan 23 sub-tema yang telah disahkan oleh pakar. Proses pengajaran dan pembelajaran yang menjadi amalan peserta kajian juga berjaya dikenal pasti. Dalam komponen Pengetahuan Ilmu Kandungan, guru-guru Pendidikan Seni Visual menggunakan kemahiran dan teknik kepelbagaian menggunakan media seni dalam pengajaran terutama sekali dalam seni halus catan dan lukisan. Bagi aspek Pengetahuan Pedagogi Am pula, guru-guru Pendidikan Seni Visual didapati melakukan amalan psikososial dalam kawalan bilik darjah. Bagi komponen Pengetahuan Pedagogi Khusus, didapati bahawa guru mengamalkan pengajaran berpusatkan pelajar. Latihan secara peniruan dan sesi apresiasi di akhir pengajaran dan pembelajaran dapat memberi penghargaan kepada karya pelajar disamping mengetahui kekuatan dan kelemahan mereka. Dapatan kajian juga menemukan komponen kelima pengetahuan guru Pendidikan Seni Visual, iaitu Pengetahuan Eksplorasi Seni Visual Pelajar. Kajian ini juga membincangkan beberapa implikasi dapatan kajian antaranya ialah memberi kesedaran kepada guru akan pentingnya penguasaan terhadap Pengetahuan Pedagogi Ilmu Kandungan demi meningkatkan kualiti pengajaran serta mampu memberikan kesan terhadap kesediaan dan prestasi pelajar.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Perbincangan kajian ini memfokuskan kepada lima komponen Pengetahuan Pedagogi Ilmu Kandungan (PPIK) yang diteroka dalam kajian ini iaitu Pengetahuan Isi Kandungan (PIK), Pengetahuan Pedagogi Am (PPA), Pengetahuan Pedagogi Khusus (PPK), Pengetahuan Konteks (PK) dan Pengetahuan Eksplorasi Seni Visual Pelajar (PESVP). Dalam konteks kajian ini, dapatan kajian secara kuantitatif digunakan sebagai asas untuk meneroka selanjutnya tentang PPIK dan amalan PPIK dalam kalangan guru PSV secara kualitatif semasa mengajar dan juga untuk melihat sama ada dapatan kajian secara kuantitatif tentang PPIK guru PSV selari dengan dapatan secara kualitatif.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan untuk kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Peserta kajian ini adalah guru PSV sekolah menengah. Oleh itu, dicadangkan agar kajian yang sama dapat dilakukan kepada guru-guru PSV sekolah rendah dan prasekolah pula kerana aspek PPIK, khususnya Pengetahuan Ilmu Kandungan mungkin memberikan dapatan yang berbeza memandangkan kurikulum PSV pada peringkat sekolah rendah merupakan asas pembentukan disiplin dan minat pelajar.
2. Soal selidik PPIK guru yang digunakan dalam kajian ini lebih bersifat penilaian sendiri atau *self-report*. Oleh itu, dicadangkan agar soal selidik PPIK guru untuk kajian lanjutan dibina bagi menguji PPIK guru secara lebih mendalam dalam bidang PSV seperti bidang seni halus, komunikasi seni visual dan skop-skop lain yang boleh melihat PPIK guru secara lebih jelas.
3. Kajian ini hanya meneroka pengajaran guru PSV dan tidak melihat keberkesanan pendekatan yang diamalkan oleh guru terhadap kefahaman pelajar. Justeru, kajian akan datang dicadangkan untuk melihat hubungan antara pendekatan guru dan kefahaman pelajar, sama ada secara kuantitatif mahupun kualitatif.
4. Masih banyak kajian PPIK guru PSV diperlukan kerana bidang kajian ini kurang diterokai oleh pengkaji di Malaysia. Begitu juga masih banyak skop yang boleh diterokai untuk melihat proses pembentukan dan perkembangan PPIK dalam kalangan guru PSV.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



## **ANALISIS AGEN PENGHIAS MAKNA (AL-MUHASSINAT AL-MA'NAWIYYAH) DALAM SURAH HUD**

**ABDUL AZIZ IBRAHIM**  
Universiti Malaysia Kelantan

### **ABSTRAK KAJIAN**

Agen Penghias Makna (al-Mulassināt al-Ma'nawīyyah) ialah satu elemen dalam ilmu badi'. Sebagai satu bidang dalam komponen ilmu balaghah atau retorik Arab, ia merupakan medium i'jaz al-Quran. Medan kajian i'jaz al-Quran dalam bidang tersebut mendapat tempat yang istimewa dalam kalangan pengkaji dan sentiasa terbuka untuk diterokai. Namun begitu, agen penghias makna belum ditonjolkan secara meluas sedangkan ayat-ayat al-Quran mengandungi banyak agen penghias makna yang perlu diketahui secara terperinci bagi seseorang yang memahami gaya bahasa al-Quran. Kajian ini dilakukan berdasarkan tinjauan terhadap agen penghias makna menurut perspektif i'jaz al-Quran pada aspek balaghah (al-Ijaz al-Bayāniy). Kajian menghubungkan komponen tersebut dengan surah Hud dalam al-Quran sebagai subjek kajian. Kajian bertujuan menghuraikan konsep agen penghias makna menurut perspektif sarjana balaghah. Di samping itu, kajian juga bertujuan untuk mengenal pasti jenis agen berkenaan yang terdapat dalam subjek kajian dan menghuraikan bentuk penggunaannya menurut perspektif karya-karya tafsir al-Quran. Selain itu, kajian ini dapat mengolah huraian agen berkenaan berpandukan perspektif gaya bahasa al-Quran dan mengemukakan panduan penerapan agen penghias makna berdasarkan huraian al-Quran ke dalam bahasa sasaran. Metodologi kajian adalah menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah tinjauan deskriptif secara induktif dan deduktif. Pengumpulan data berasaskan kajian perpustakaan menggunakan teknik penganalisan teks. Teknik penganalisan data dijalankan melalui teknik analisis kandungan secara manual. Kajian yang berasaskan konsep i'jaz al-Quran ini memaktikkan sepenuhnya teori al-Nazm (teori struktur atau susunan bahasa) yang melibatkan aspek sintaksis (nahu), morfologi (sarf) dan semantik. Sebanyak 41 ayat merangkumi 15 jenis agen penghias makna telah dianalisis. Dapatan kajian menunjukkan agen penghias makna mempunyai keunikan dan fungsi yang tersendiri dalam perspektif huraian gaya bahasa al-Quran. Penggunaannya dalam subjek kajian bertepatan dengan mesej yang disampaikan. Walau bagaimanapun, sebahagian agen berkenaan tidak dinyatakan secara langsung dalam huraian yang berkaitan. Dapatan juga menunjukkan keunikan agen penghias makna dalam al-Quran terbahagi kepada dua bentuk iaitu dalam bentuk lafaz dan dalam bentuk frasa. Di samping itu, kajian mendapati agen penghias makna yang paling banyak digunakan dalam subjek kajian ialah al-Tibag. Selain itu, kajian mendapati bahawa keunikan agen penghias makna dalam i'jaz al-Quran perlu disepadukan dengan dua bahagian ilmu balaghah yang lain iaitu ilmu ma'āniy dan ilmu bayān. Kajian ini akan memberi kefahaman yang lebih jelas untuk memahami ayat-ayat al-Quran melalui ilmu balaghah bahasa Arab.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Berpandukan analisis dan dapatan kajian, beberapa rumusan dapat dihasilkan sebagai intipati keseluruhan kajian. Setelah diadaptasi melalui pelbagai perbahasan dalam ilmu balaghah, penulis berjaya mengemukakan huraian topik agen berkenaan sebanyak 31 jenis yang dibahagikan kepada tiga tema seperti yang berikut:

1. Penggunaan agen penghias makna dalam subjek kajian adalah sebahagian daripada elemen keunikan gaya bahasa al-Quran pada aspek bahasa (i'jiiz al-Bayyan). Melalui kajian ini, sebanyak 41 ayat merangkumi 15 jenis agen penghias makna telah dikenal pasti dan dianalisis dalam subjek kajian. Antara penemuan baru kajian ini juga mendapati terdapat empat bentuk huraian agen penghias makna melalui rujukan-rujukan berkaitan dalam subjek kajian iaitu 392 yang disebutkan dan dihuraikan, yang disebutkan tetapi tidak dihuraikan, yang tidak disebutkan tetapi dihuraikan dan yang tidak disebutkan dan tidak dihuraikan. Berdasarkan kuantiti dan bentuk huraian agen penghias makna (al-Mulassiniit al-Ma'nawiyah) yang berjaya diketengahkan membuktikan fungsi dan impak agen tersebut ke atas gaya bahasa al-Quran.
2. Berdasarkan dapatan kajian, beberapa fungsi penggunaan agen penghias makna dalam subjek kajian iaitu pemantapan makna dalam fikiran manusia melalui makna dua lafaz atau frasa yang berlawanan (kontra). Di samping itu, ia berfungsi untuk menyampaikan sesuatu maksud melalui laras bahasa yang ringkas (al- 'Jiiz). Selain itu, ia memaparkan perkaitan makna dalam bentuk yang sepadan selain memaparkan elemen berturutan antara sesuatu lafaz atau frasa dalam suatu ungkapan dan memaparkan makna sesuatu lafaz atau frasa sama ada secara yang tersurat atau yang tersirat.
3. Penerapan elemen balaghah melalui agen penghias makna dalam huraian al-Quran ke dalam bahasa sasaran merupakan inovasi dan impak bagi kajian ini. Dalam konteks huraian al-Quran dalam bahasa Melayu, ia belum ditonjolkan. Ia suatu yang signifikan dalam mana-mana huraian ayat-ayat al-Quran ke dalam bahasa sasaran bertujuan menambahkan kefahaman dan memantapkan penghayatan terhadap al-Quran.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, penulis mengemukakan beberapa cadangan seperti yang berikut:

1. Memartabatkan komponen balaghah sebagai bidang ilmu yang penting dalam pengajian bahasa Arab. Ia perlu seiring dengan bidang-bidang ilmu yang lain seperti nahu (sintaksis), sarf (morfologi), diliilah (semantik) dan sebagainya. Setiap bidang ilmu berkenaan saling melengkapi antara satu sama lain. Antara cadangan bagi memartabatkan komponen balaghah seperti penggubalan kurikulum mata pelajaran bahasa Arab yang mantap, pedagogi pendidikan bahasa Arab yang bersistematik, penambahbaikan melalui penerapan komponen balaghah secara intensif dalam sistem peperiksaan dan lain-lain. Usaha dan tindakan perkara tersebut boleh dilakukan dalam kalangan pihak berwajib dalam agensi-agensi berkenaan, para guru dan sebagainya.

2. Meletakkan kedudukan ilmu badi' seiring dengan kepentingan ilmu ma'iinly dan ilmu bayyan. Ketiga-tiga bidang ilmu ini mempunyai fungsi dan peranannya yang tersendiri dalam membentuk komponen ilmu balaghah yang lengkap dan bersepadu. Ilmu balaghah yang terdiri daripada tiga bidang ilmu seperti yang tersurat pada hari ini telah melalui proses perkembangan yang mantap sebagai medium yang menghuraikan unsur-unsur keunikan bahasa Arab terutama kitab suci al-Quran, hadis Nabi S.A.W. dan teks-teks sastera sama ada puisi atau prosa (sha'ir dan nathar). Justeru itu, pengabaian terhadap elemen badi' merupakan satu kesilapan bagi sesiapa yang menekuni ilmu balaghah dan bahasa Arab.
3. Menjadikan al-Quran dan hadis Nabi S.A.W. sebagai instrumen utama dalam pengajian bahasa Arab khususnya komponen balaghah. Walau bagaimanapun, ia bukan bermakna menafikan instrumen lain seperti puisi dan prosa (sha 'ir dan nathar). Menurut Abdul Aziz (2014, hlm.172): "Contoh yang paling dekat dengan pelajar ialah al-Quran dan Hadis Nabi S.A.W serta prosa-prosa mudah yang boleh dipraktikkan dalam kehidupan harian pelajar sama ada melalui percakapan atau penulisan". Di samping itu, ia suatu yang signifikan kerana pendidikan bahasa Arab di Malaysia secara umumnya berkaitan secara langsung dengan pengajian agama Islam yang berteraskan al-Quran dan hadis Nabi S.A.W.
4. Kandungan komponen balaghah dalam kurikulum mata pelajaran Bahasa Arab perlu seimbang antara ketiga-tiga bidang ilmu iaitu ilmu ma'iinly, ilmu bayiin dan ilmu bad'. Ia perlu diambil kira pada aspek kuantiti dan susunan topik agar tidak mewujudkan jurang yang besar antara tiga bidang ilmu tersebut. Pada pandangan penulis, walaupun elemen ma'iinly dan bayiin menjadi keutamaan, namun elemen badl' juga perlu diberi ruang tanpa berlaku penyisihan. Begitu juga keperluan kepada keseimbangan antara agen penghias (al-Mubassinat) dalam ilmu badi'. Keistimewaan ilmu badi' ia terdiri daripada elemen-elemen yang tidak terdapat dalam bahasa ilmu bayiin dan tidak dapat dilihat dalam permasalahan ilmu ma'iinly, tetapi ia sebagai satu bidang ilmu yang menghiasi lafaz dan makna dengan unsur-unsur keindahannya yang tersendiri.
5. Pada aspek keutamaan dalam pengajaran dan pembelajaran komponen balaghah, susunan bermula dengan ilmu ma'iinly diikuti dengan ilmu bayiin dan seterusnya ilmu badi' sebagaimana ketetapan para ilmuwan balaghah. Begitu juga berdasarkan fungsi dan peranannya dalam struktur bahasa Arab. Demikian itu kerana ilmu ma'iinly berada lebih dekat dengan pengetahuan pelajar kerana ia secara langsung berkaitan dengan kaedah tatabahasa (nahu) yang membicarakan tentang struktur atau susunan bahasa. Ilmu bayiin pula merangkumi elemen-elemen maksud tersurat dan tersirat (haqiqah, majiiz dan metafora), kiasan (kiniiyah) dan simile (tashbih) yang memerlukan pelajar terlebih dahulu mempunyai kemahiran dalam struktur ayat (ilmu ma'iinly). Pelajar tidak mampu memahami elemen-elemen bayyan tanpa dapat menguasai struktur penyusunan ayat biasa yang menggunakan makna haqiqiyy atau makna asal terlebih dahulu. Manakala ilmu badi' pula merujuk kepada agen-agen penghias dalam ungkapan sama ada melalui penghias makna atau penghias lafaz.
6. Pengajaran dan pembelajaran komponen balaghah yang merangkumi elemen badi' perlu diintegrasikan secara intensif dengan komponen clan kemahiran bahasa Arab yang lain seperti nahu, sarf, kefahaman, karangan dan lain-lain. Contohnya, dalam pengajaran kefahaman guru dapat menerapkan elemen balaghah melalui teks yang dipelajari. Pelajar boleh mengaplikasikan elemen balaghah yang dipelajari dalam karangan dan sebagainya. Menghubungkan unsur pengajaran dan pembelajaran dengan pengetahuan sedia ada pelajar akan mengukuhkan lagi kefahaman dan minat pelajar terhadap bahasa Arab.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



## PEMBANGUNAN MODUL PEMBELAJARAN SEJARAH PERINGKAT MENENGAH BERASASKAN LAWATAN MUZIUM

**NUR SYAZWANI ABDUL TALIB**  
Universiti Malaysia Kelantan

### ABSTRAK KAJIAN

Mata pelajaran Sejarah telah dijadikan mata pelajaran wajib lulus pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Namun, dalam kalangan guru pula, kaedah pengajaran dan pembelajaran secara aktif kurang dilaksanakan. Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Modul Pembelajaran Sejarah berasaskan lawatan ke muzium dalam mata pelajaran Sejarah. Kajian ini berasaskan Kajian Reka bentuk dan Pembangunan (*Design and Development Research*) yang merangkumi tiga fasa iaitu analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan serta penilaian. Fasa pertama melibatkan seramai 205 orang pelajar tingkatan empat dan data dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Sciences 20.0* (SPSS 20.0). Selain itu, temu bual dengan tiga orang guru Sejarah turut dijalankan. Secara keseluruhannya, dapatan fasa ini menunjukkan responden bersetuju bahawa lawatan ke muzium dapat menarik minat pelajar serta aktiviti yang dilaksanakan di muzium dapat melibatkan pelajar secara aktif dalam pembelajaran Sejarah. Bagi fasa kedua pula, reka bentuk dan pembangunan modul melibatkan dua orang pakar dan dua orang guru Sejarah. Setiap pakar dan guru diberikan prototaip modul dan borang penilaian untuk dilengkapkan. Prototaip telah ditambah baik berdasarkan cadangan dan komen yang diterima. Prototaip modul yang dihasilkan adalah berdasarkan koleksi yang ada di Muzium Perang yang diselaraskan dengan buku teks Sejarah. Prototaip modul mempunyai lima lembaran kerja berserta Lembaran Keterangan Modul dan Lembaran Soalan Kuiz serta Modul Panduan Mengajar. Seterusnya, dalam proses pelaksanaan, responden adalah terdiri daripada seramai 32 orang pelajar bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen menggunakan modul dan kumpulan kawalan menggunakan kaedah konvensional. Kesemua pelajar diberikan ujian pra terlebih dahulu. Seorang guru dipilih untuk mengajar Sejarah menggunakan pendekatan konvensional dan modul. Pelajar dibawa ke muzium untuk lawatan sambil belajar seperti kebiasaan yang dilakukan tanpa modul dan secara bebas bagi kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen pula melaksanakan tugas yang terdapat dalam modul. Ujian pasca diberikan kepada kedua-dua kumpulan selepas sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sejarah berlangsung. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan skor min sikap pelajar terhadap Sejarah sebelum dan selepas pembelajaran antara kedua-dua kumpulan dengan nilai-p yang signifikan ( $p < 0.05$ ) iaitu 0.000. Selain itu, dapatan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min pencapaian pelajar terhadap Sejarah selepas pembelajaran antara kumpulan kawalan dengan kumpulan eksperimen iaitu  $p > 0.05$  (sig.=0.222). Namun dari segi peningkatan markah tertinggi ujian pasca kumpulan eksperimen lebih tinggi berbanding dengan kumpulan kawalan. Manakala fasa akhir iaitu fasa penilaian melibatkan 32 orang pelajar. Data juga dianalisis menggunakan SPSS 20.0.

Kesemua pelajar yang terlibat adalah pelajar tingkatan empat di jajahan Kota Bharu, Kelantan. Seterusnya, fasa penilaian mendapati skor min item isi kandungan, persekitaran dan pencapaian objektif adalah pada tahap tinggi iaitu min=3.97, min=4.70 dan min=3.91. Secara keseluruhannya, analisis dapatan mendapati modul telah memberikan kesan yang positif kepada pelajar dari segi sikap terhadap Sejarah dan peningkatan pencapaian dalam Sejarah. Selain itu, Modul Pembelajaran Sejarah juga boleh digunakan oleh guru Sejarah dalam usaha mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah bagi menarik minat pelajar. Oleh yang demikian, kajian ini telah meningkatkan inkuiri dalam kalangan pelajar seperti saranan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui penggunaan Modul Pembelajaran Sejarah berasaskan lawatan muzium.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini merupakan suatu kajian penyelidikan dan pembangunan terhadap Modul Pembelajaran Sejarah yang dikenali Modul CAKNA melalui lawatan ke muzium. Secara umumnya, kajian ini dapat menjawab kesemua persoalan kajian. Tujuan utama kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. meneroka pandangan guru terhadap pengajaran dan pembelajaran Sejarah di muzium;
2. mengkaji persepsi pelajar terhadap aktiviti pembelajaran Sejarah melalui lawatan muzium;
3. membangunkan Model Pembelajaran Sejarah yang dikenali Modul CAKNA melalui lawatan ke muzium bagi pelajar tingkatan empat;
4. menentukan kesan penggunaan modul berdasarkan perbandingan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah kedua-dua kumpulan;
5. mengkaji kesan penggunaan modul melalui lawatan ke muzium dalam usaha meningkatkan pencapaian pelajar terhadap Sejarah antara kedua-dua kumpulan; dan
6. menilai penerimaan pelajar dan guru berkaitan pembelajaran Sejarah berasaskan lawatan muzium melalui penggunaan Modul CAKNA.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Berdasarkan rumusan dapatan kajian, beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Metodologi kajian keberkesanan modul lawatan ke muzium boleh dipertingkatkan keputusannya dengan menjalankan kajian ke atas sampel yang lebih besar dan lokasi yang lain untuk melihat hasil atau kesan penggunaannya dalam proses PdP. Kajian lanjutan juga diharapkan mengkaji keberkesanan modul ini ke atas motivasi pelajar bagi melihat sama ada terdapat perbezaan terhadap motivasi pelajar.
2. Kajian seterusnya boleh dijalankan dengan membahagikan pelajar yang akan dibawa ke muzium dan menggunakan modul dengan pelajar yang menggunakan kaedah konvensional di dalam kelas tanpa lawatan ke muzium.

3. Modul CAKNA boleh dijadikan panduan kepada pengkaji akan datang bagi membangunkan modul untuk muzium-muzium lain supaya setiap muzium mempunyai modul yang tersendiri dan dapat digunakan oleh pihak sekolah semasa melakukan lawatan ke muzium. Isi kandungan modul boleh dimantapkan lagi dengan menambah aktiviti lain agar dapat membantu memberi kefahaman dan kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar.
4. Jangka masa kajian juga boleh dipanjangkan untuk melihat adakah terdapat perbezaan sekiranya masa kajian dipanjangkan.
5. Kajian akan datang juga dicadangkan untuk diperluaskan lagi dengan topik-topik lain dan juga merentas mata pelajaran lain.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



# KERANGKA TPACK BAGI PDPC SAINS MENGUNAKAN ICT DI SJK(T) LUAR BANDAR DI NEGERI PERAK

**KALAISELVI SHANMUGAM**  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

## ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan meneliti strategi Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) mata pelajaran Sains menggunakan *Technological Pedagogical Content Knowledge* (TPACK) dan Information Communication Technology (ICT) sebagai media instruksi dalam kalangan 12 orang guru dan 120 orang murid darjah empat di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) luar bandar di negeri Perak. Kajian ini berbentuk gabungan kualitatif dan kuantitatif yang melibatkan tiga teknik pengumpulan data iaitu pemerhatian, temu bual semi berstruktur dan soal selidik. Data kajian kualitatif menggunakan pendekatan analisis tematik manakala data-data kuantitatif dikira secara manual menggunakan peratus. Dapatan kajian menunjukkan penguasaan TPACK dalam kalangan guru masih berada pada tahap yang rendah kerana guru-guru menghadapi pelbagai halangan dalam penggunaan ICT semasa PdPc Sains iaitu kecapaian internet, halangan dari segi sikap ibu bapa dan murid, kekangan masa, kemudahan dan peralatan, pemasangan dan teknikal, gangguan elektrik dan bahasa. Hasil kajian juga menunjukkan guru-guru menggunakan ICT semasa PdPc Sains kerana ICT membantu murid, guru dan memberi sokongan untuk menjalankan PdPc Sains. Dapatan kajian menunjukkan murid bersetuju bahawa penggunaan ICT semasa PdPc Sains meningkatkan motivasi dalaman. Dapatan kajian juga menunjukkan capaian internet, kesihatan, masa, keluarga, kemudahan komputer di rumah, sekolah dan adaptasi menjadi penghalang untuk menggunakan ICT semasa PdPc Sains. Murid-murid mengaku penggunaan ICT semasa PdPc Sains menarik kerana elemen-elemen ICT merangsang minat dan membantu pembelajaran. Kesimpulannya, satu kerangka panduan telah pun dihasilkan yang berpotensi dijadikan sebagai panduan memperluas penggunaan ICT semasa PdPc Sains dijalankan di sekolah-sekolah luar bandar. Implikasinya ialah kerangka ini menjadi garis panduan untuk menggunakan TPACK dalam proses PdPc Sains di SJK(T) luar bandar yang boleh dijadikan amalan guru.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian telah berjaya menjawab persoalan kajian. Berdasarkan hasil dapatan kajian, dirumuskan bahawa matlamat PdPc mata pelajaran Sains yang berasaskan ICT dan TPACK berupaya meningkatkan motivasi murid di SJK (T) luar bandar, pencapaian murid dan pelibatan murid di dalam kelas. Kajian kuantitatif mendapati pelbagai pihak terutama pihak guru dan murid berupaya meningkatkan penggunaan ICT semasa PdPc Sains di dalam kelas. Kajian kuantitatif pula membuktikan bahawa elemen ICT berupaya meningkatkan motivasi murid untuk belajar Sains. Hasil kajian ini menyokong bahawa kecenderungan untuk menggunakan Sains berasaskan ICT mampu meningkatkan tahap motivasi dan pencapaian murid. Oleh itu, kajian ini dapat memberi kesedaran kepada semua pihak agar menggunakan ICT semasa PdPc Sains di dalam kelas terutamanya di luar bandar.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Berdasarkan rumusan dapatan kajian, beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Satu kajian tentang keberkesanan ICT dalam PdPc Sains dijalankan di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Kebangsaan yang terletak di luar bandar.
2. Satu kajian yang sama berbentuk kualitatif juga dijalankan terhadap pentadbir sekolah. Guru besar sebagai ketua jabatan mempunyai autonomi untuk menggalakkan guru dan integrasi ICT dan TPACK semasa PdPc.
3. Satu kajian keberkesanan ICT juga boleh dijalankan yang melibatkan sampel semua murid lelaki di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil). Faktor-faktor yang menarik minat murid lelaki untuk menggunakan ICT semasa PdPc harus diteliti.
4. Kajian ini hanya dijalankan di sekolah rendah. Bagi kajian akan datang, dicadangkan satu kajian penggunaan ICT dan TPACK di sekolah menengah dijalankan.
5. Membuat kajian perbandingan penggunaan ICT dan TPACK di sekolah kerajaan dan sekolah swasta.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



# PENGARUH KETIDAKPUASAN BADAN TERHADAP GANGGUAN MAKAN DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH MENENGAH BERDASARKAN TEORI TINGKAH LAKU TERANCANG

**HAIZUL RASDY SAIDIN**  
Universiti Sains Malaysia

## ABSTRAK KAJIAN

Ketidakpuasan badan sering dianggap sebagai faktor gangguan makan dalam kalangan remaja. Gangguan makan seperti *anoreksia nervosa*, *bulimia nervosa* dan gangguan makan berlebihan adalah satu tabiat pemakanan yang boleh membahayakan kesihatan fizikal dan psikologi. Statistik negara Malaysia menunjukkan lebih daripada empat (4) peratus daripada 100,000 penduduknya mengalami gangguan makan dalam setahun. Daripada jumlah tersebut, dua (2) peratus adalah dalam kalangan remaja. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh ketidakpuasan badan terhadap gangguan makan dalam kalangan murid di sekolah menengah. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji pengaruh sikap, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku terhadap gangguan makan dalam kalangan murid sekolah. Kajian juga ingin mengenal pasti fungsi norma subjektif dalam hubungan antara ketidakpuasan badan dengan gangguan makan. Selain itu, objektif kajian ingin mengkaji faktor demografi terhadap gangguan makan dalam kalangan murid sekolah menengah. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik *Eating Disorders Examination Questionnaire* (EDE-Q), *Body Shape Questionnaire* (BSQ 16) dan Teori Tingkah Laku Terancang. Responden kajian adalah terdiri daripada murid tingkatan empat sekolah menengah dalam sebuah daerah di negeri Perak. Kesemua data kajian yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan *IBM Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 22. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat pengaruh sikap dan norma subjektif terhadap gangguan makan dalam kalangan murid di sekolah menengah. Kajian juga mendapati norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku berfungsi sebagai mediator dalam hubungan antara ketidakpuasan badan dengan niat. Begitu juga didapati bahawa sikap, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku berfungsi sebagai mediator dalam hubungan antara ketidakpuasan badan dengan gangguan makan. Indeks jisim badan pula berfungsi sebagai moderator dalam hubungan antara niat dengan gangguan makan. Dicadangkan kajian akan datang memberi perhatian kepada murid perempuan yang aktif dalam sukan. Hal ni adalah kerana gangguan makan boleh menyebabkan mereka mengalami sindrom *Female Athlete Triad* (FAT) iaitu gangguan makan, amenorea dan osteoporosis.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini telah menjawab ketiga-tiga persoalan kajian. Rumusan dapatan kajian adalah seperti yang berikut:

1. Terdapat faktor sikap norma subjektif kecuali tanggapan kawalan tingkah laku yang mempunyai hubungan yang signifikan dalam meramal gangguan makan dalam kalangan murid di sekolah menengah berdasarkan Teori Tingkah Laku Terancang.
2. Sikap berfungsi sebagai mediator penuh dalam hubungan antara ketidakpuasan badan dengan niat dalam kalangan murid di sekolah menengah.
3. Norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku tidak berfungsi sebagai mediator (mediator separa) dalam hubungan antara ketidakpuasan badan dengan niat dalam kalangan murid sekolah menengah.
4. Teori Tingkah Laku Terancang (sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku) tidak berfungsi sebagai mediator dalam hubungan ketidakpuasan badan dengan gangguan makan dalam kalangan murid sekolah menengah.
5. Penemuan kajian ini juga mendapati bahawa terdapat kesan moderator BMI dalam hubungan antara niat dengan gangguan makan dalam kalangan murid di sekolah menengah.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Berdasarkan rumusan dapatan kajian, beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Membuat kajian berfokus kepada murid yang terlibat dan mewakili sukan sahaja. Murid yang aktif dalam sukan bukan sahaja menjalani kehidupan sebagai remaja yang terdedah kepada gangguan makan dan ketidakpuasan badan, malah terpaksa menjalani latihan yang agresif di samping mengekalkan dan meningkatkan prestasi dalam sukan yang diceburinya. Secara tidak langsung, pemakanan juga memainkan peranan penting dalam tumbesaran murid atau remaja terbabit.
2. Selain itu, kajian juga boleh melihat jenis sukan manakah yang lebih terdedah kepada risiko gangguan makan dan ketidakpuasan badan dalam kalangan atlet terutamanya remaja. Untuk itu, kajian boleh dijalankan di sekolah sukan negeri ataupun di sekolah sukan kebangsaan.
3. Kajian juga boleh dijalankan untuk mendapatkan perbezaan gangguan makan dan ketidakpuasan badan dalam kalangan murid luar bandar dan bandar. Hal ini kerana jurang perbezaan ekonomi, sosio budaya, akademik, pendapatan kasar keluarga dan sebagainya adalah ketara antara luar bandar dan bandar.
4. Kajian lanjutan juga boleh melihat sejauh mana perbezaan ketidakpuasan badan antara remaja yang terlibat dengan gangguan makan berdasarkan ciri-cirinya iaitu *anoreksia nervosa*, *bulimia nervosa* dan gangguan makan berlebihan.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



# FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI STRES PERANAN DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH KEBANGSAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

**MOHD FAIZAL HASSAN**  
Universiti Malaya

## ABSTRAK KAJIAN

Dunia pendidikan kini penuh dengan cabaran yang mengakibatkan warga pendidik mengalami tekanan atau stres. Justeru, bagi mendapatkan kefahaman mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi stres peranan dalam kalangan guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia, kajian ini dijalankan. Antara faktornya adalah konflik peranan, kekaburan peranan dan beban peranan di samping faktor mediator iaitu kecerdasan rohani serta penghargaan sendiri. Reka bentuk adalah kuantitatif berbentuk korelasi dengan kaedah tinjauan keratan rentas menggunakan satu set soal selidik ke atas 740 orang sampel. Teknik analisis data deskriptif telah menggunakan perisian SPSS manakala bagi analisis data inferensi pula menggunakan teknik analisis pemodelan kuasa dua terkecil separa (PLS-SEM) bersama perisian smart PLS untuk menguji model pengukuran dan model struktural kajian. Dapatan kajian menunjukkan tahap stres peranan guru-guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia adalah sederhana ( $\text{Min}=3.7549$ ,  $\text{S.P.}=.89667$ ). Bagi analisis data inferensi pula menunjukkan terdapat kesan langsung faktor konflik peranan ( $\beta = 0.198$ ,  $t=6.384$ ,  $p < 0.001$ ), faktor kekaburan peranan ( $\beta = 0.221$ ,  $t = 6.516$ ,  $p < 0.001$ ) dan faktor beban peranan ( $\beta=0.111$ ,  $t = .647$ ,  $p < 0.001$ ) terhadap stres peranan. Selain itu, terdapat kesan langsung faktor kecerdasan rohani ( $\beta = -0.112$ ,  $t = 3.110$ ,  $p < 0.05$ ) dan faktor penghargaan sendiri ( $\beta = -0.203$ ,  $t = 5.345$ ,  $p < 0.05$ ) terhadap stres peranan. Di samping itu, hubungan faktor kecerdasan rohani terhadap faktor konflik peranan ( $\beta=0.012$ ,  $t = 0.315$ ,  $p > 0.05$ ) dan kekaburan peranan ( $\beta = -0.329$ ,  $t=9.221$ ,  $p < 0.05$ ) menunjukkan terdapat kesan langsung manakala faktor beban peranan ( $\beta = 0.038$ ,  $t=1.089$ ,  $p > 0.05$ ) menunjukkan tidak terdapat kesan langsung. Turut mempunyai kesan langsung faktor penghargaan sendiri dengan faktor konflik peranan ( $\beta = 0.080$ ,  $t = 3.049$ ,  $p < 0.050$ ), kekaburan peranan ( $\beta = -0.095$ ,  $t=3.072$ ,  $p < 0.05$ ) dan beban peranan ( $\beta = -0.530$ ,  $t = 18.877$ ,  $p < 0.050$ ). Justeru dibuktikan bahawa kecerdasan rohani bukan mediator antara faktor konflik peranan, kekaburan peranan dan beban peranan terhadap stres peranan manakala penghargaan sendiri pula merupakan mediator antara faktor konflik peranan, kekaburan peranan dan beban peranan terhadap stres peranan. Secara keseluruhannya kajian ini membuktikan faktor kekaburan peranan merupakan peramal yang paling kuat. Akhirnya terdapat keperluan untuk menjalankan kajian lanjutan berkenaan isu ini dengan mengambil kira juga faktor-faktor lain yang telah dicadangkan sebelum ini bagi meningkatkan kekuatan peramalan model ini.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis dapatan kajian yang telah dijalankan, didapati tahap stres peranan dalam kalangan guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia adalah berada pada tahap yang sederhana tinggi. Walaupun hanya berada pada tahap sederhana tinggi, ia bukan menunjukkan tidak berlaku stres peranan. Stres peranan tetap ada dan berlaku dalam kalangan guru cuma situasinya adalah terkawal dan tidak membimbangkan. Walau bagaimanapun, keadaan ini jika tidak dikawal dan diuruskan dengan baik boleh menjadi serius dan besar. Hasil dapatan kajian ini didapati selari dengan hasil dapatan kajian oleh Ooi dan Azizah (2015) yang mendapati stres peranan guru berada pada tahap yang sederhana.

Di samping itu, kajian ini telah mendedahkan bahawa faktor utama yang mempengaruhi stres peranan dalam kalangan guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia adalah faktor kekaburan peranan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa guru-guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia masih kurang jelas dengan matlamat dan kehendak organisasi terutama matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Justeru, menjadi tanggungjawab yang besar kepada pihak berkepentingan di KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan pemimpin-pemimpin sekolah untuk merangka, merancang serta melaksanakan penerangan dan penjelasan mengenai matlamat pendidikan negara. Peranan ini jelas dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1996.

Selain itu, dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa antara faktor yang mempengaruhi stres peranan dalam kalangan warga guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia adalah faktor seperti konflik peranan, kekaburan peranan dan beban peranan. Selain daripada pengaruh konflik peranan, kekaburan peranan dan beban peranan, penghargaan sendiri didapati berperanan sebagai mediator antara stres peranan. Walau bagaimanapun, daripada kajian ini didapati kecerdasan rohani tidak berperanan sebagai mediator antara stres peranan. Justeru, pihak berkepentingan seharusnya juga perlu memberikan tumpuan kepada faktor penghargaan sendiri dalam mengangkat martabat profesion keguruan. Manakala faktor kecerdasan rohani pula, pihak berkepentingan boleh melihat daripada sudut penghayatan agama. Secara keseluruhannya, model faktor yang mempengaruhi stres peranan dalam kalangan guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia yang dihasilkan ini merupakan model yang sah dan mempunyai kuasa peramalan.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Berikut adalah antara aspek yang boleh diberikan perhatian oleh para pengkaji:

1. Aspek berkaitan dengan cara atau kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah yang sangat popular iaitu keratan rentas. Melalui kaedah ini ia dapat memberikan kelebihan terhadap hasil dapatan agar lebih kukuh, diterima dan mencakupi keseluruhan aspek (Hair, 2009; Zikmund, 2012). Walau bagaimanapun, kaedah keratan rentas ini tidak dapat mengesan isu atau faktor hubungan antara pemboleh ubah secara lebih khusus. Hal ini kerana ia sangat bergantung kepada instrumen atau soal selidik yang dibina dan yang digunakan sahaja. Oleh sebab itu juga, ia tidak dapat mengukur hubungan antara indikator-indikator khusus bagi elemen stres peranan. Justeru, pengkaji mencadangkan agar kajian akan datang dapat menjalankan kajian dengan menggunakan kaedah penyelidikan berbentuk longitudinal. Melalui kaedah longitudinal ini, jarak masa yang diambil bagi mengkaji pengaruh antara stres peranan dengan faktor-faktor lain lebih panjang.

2. Dalam kajian mengenai isu warga guru, kajian ini hanya melibatkan faktor yang mempengaruhi stres peranan sahaja yang telah menjadi fokus pengkaji buat kali ini. Justeru itu, pengkaji mencadangkan agar pengkaji akan datang supaya memperluaskan skop kajian ini kepada semua guru, iaitu guru sekolah kebangsaan dan guru sekolah menengah. Ia merujuk kepada beberapa kajian yang dijalankan terhadap guru sekolah menengah yang menunjukkan terdapat isu berkaitan stres peranan yang wujud seperti kajian oleh Norashid Othman dan Hamzah Md. Omar (2014) terhadap warga guru di sekolah menengah di daerah Ranau, Sabah.
3. Bagi melihat sifat dan darjah keteguhan hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi stres peranan dalam kalangan warga guru, seharusnya kajian akan datang memperluaskan lagi skop kajiannya bukan sahaja di sekolah kebangsaan tetapi juga melibatkan warga guru di sekolah menengah.
4. Bagi menambah nilai kepada kajian ini, pengkaji mencadangkan agar kajian akan datang berkaitan dengan stres peranan ini agar menambah pemboleh ubah tidak bersandar yang lain pula. Antara pemboleh ubah tidak bersandar yang boleh dimasukkan dalam kajian akan datang adalah seperti jarak peranan, hakisan peranan, pengasinan peranan dan ketidakhadiran peribadi sepertimana yang telah terdapat dalam beberapa tinjauan literatur yang dikaji contohnya kajian oleh Sudeshna Basu Mukherjee (2015). Di samping itu, pengkaji turut mencadangkan agar pengkaji akan datang melibatkan pemboleh ubah bersandar yang lain juga antaranya seperti faktor berhenti kerja, 'burnout', kepuasan kerja dan sebagainya. Dengan penambahan pemboleh ubah bersandar ini, ia berkemungkinan akan dapat menghasilkan dapatan kajian yang lebih baik, tepat dan mantap.
5. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor mediator kecerdasan rohani tidak menunjukkan ia sifat mediator yang baik kepada stres peranan dalam kalangan guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia. Justeru, pengkaji mencadangkan agar pengkaji akan datang melihat daripada aspek penghayatan agama pula sebagai mediator. Hal ini berdasarkan pandangan dan kajian oleh Husni Mohd Radzi, Lilie Zahara Ramly, Sapura Sipon dan Khatijah Othman (2014) serta Siti Aisyah Yahya dan Sidar Nasrun (2016) yang menunjukkan bahawa faktor penghayatan agama boleh memberikan pengaruh dan mempunyai hubungan langsung terhadap stres peranan dan seterusnya bertindak sebagai pemboleh ubah mediator atau perantara.
6. Pengkaji akan datang juga dicadangkan untuk menggunakan instrumen yang telah dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji dari Malaysia sendiri agar lebih tepat dan bersesuaian dalam konteks guru Malaysia. Antara instrumen yang boleh digunakan dalam konteks Malaysia adalah MyMICA (*Malaysian Multiple Intelligence Checklist for Adult*).
7. Selain daripada pemboleh ubah mediator yang telah dimasukkan dalam kajian ini iaitu kecerdasan rohani dan penghargaan sendiri, pengkaji turut mencadangkan agar pemboleh ubah moderator digunakan dalam kajian akan datang. Sebagai contoh, pemboleh ubah yang boleh dijadikan pemboleh ubah moderator adalah sosio ekonomi. Hal ini selaras dengan cadangan oleh Vipinder Nagra dan Sarita Arora (2013) yang menyatakan bahawa faktor sosio ekonomi turut memberi pengaruh kepada stres peranan dalam kalangan guru. Penglibatan pemboleh ubah moderator dalam kajian akan datang dapat menambah baik sesuatu kajian yang dijalankan dengan hasil dapatan yang lebih kukuh, tepat dan terperinci.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



## AKTIVITI PEMBELAJARAN SAINS BERASASKAN INKUIRI DAN PERANCAH INSTRUKSI MENERUSI APLIKASI MUDAH ALIH BAGI MENINGKATKAN KEMAHIRAN PROSES SAINS PELAJAR

**MOHD MUNIR HJ. BAHAROM**  
Universiti Teknologi Malaysia

### ABSTRAK KAJIAN

Pengintegrasian teknologi maklumat dalam sistem pendidikan negara pada masa kini adalah sangat digalakkan bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di Malaysia agar pengetahuan dan penguasaan kemahiran pelajar dalam bidang Sains dapat dipertingkatkan. Justeru, pembelajaran menerusi penggunaan teknologi seperti web dan aplikasi mudah alih kini dilihat mampu menyokong kepada perkembangan potensi pelajar, memupuk minat serta bakat mereka untuk pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan. Berdasarkan kepada keperluan tersebut, maka kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kesan pengintegrasian Pendidikan Sains Berasaskan Inkuiri (IBSE) dengan Perancah Instruksi melalui penggunaan aplikasi mudah alih dalam meningkatkan tahap penguasaan murid terhadap Kemahiran Proses Sains (KPS). Aplikasi mudah alih ini dibangunkan berdasarkan model ADDIE yang terdiri daripada lima fasa utama iaitu Fasa Analisis, Reka Bentuk, Pembangunan, Pelaksanaan dan Penilaian yang merujuk kepada ciri-ciri IBSE dengan Perancah Instruksi menerusi sebuah aplikasi yang dikenali sebagai MyIBSE dalam pembelajaran Sains. Reka bentuk kajian kuasi eksperimental digunakan dalam kajian ini mengambil masa tujuh minggu dengan melibatkan pengumpulan data secara kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini melibatkan 30 orang pelajar tahun enam dari sebuah sekolah dalam daerah Johor Bahru. Pelajar dipilih secara rawak kluster iaitu berdasarkan kepada pencapaian sekolah dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Instrumen soal selidik serta seterusnya temu bual digunakan bagi mendapatkan pandangan murid secara lebih mendalam setelah menggunakan aplikasi MyIBSE. Dapatan daripada Ujian-t berpasangan mendapati terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pencapaian pelajar  $t(30) = 3.031, p < .011$  dan tahap penguasaan Kemahiran Proses Sains  $t(30) = 10.433, p < .05$  selepas pelajar menggunakan aplikasi MyIBSE. Keputusan ujian *Mauchly's Test of Sphericity* adalah signifikan manakala Ujian *Tests of Within-Subjects Effects* menunjukkan terdapat perbezaan skor markah bagi penilaian berdasarkan aras IBSE yang signifikan iaitu  $[F(1.63, 47.4) = 344, p < .05]$ . Dapatan kajian turut memaparkan bentuk graf taburan profil markah bagi pengintegrasian MyIBSE menerusi aktiviti pengajaran dan pembelajaran pelajar yang telah membantu dalam meningkatkan pencapaian pelajar melalui penilaian berdasarkan aras IBSE iaitu Inkuiri Pengesahan, Inkuiri Berstruktur, Inkuiri Terbimbing dan Inkuiri Terbuka. Seterusnya, hasil analisis pengintegrasian Perancah Instruksi dalam setiap aktiviti IBSE pula menunjukkan kesemua kaedah Perancah Instruksi iaitu maklum balas, memberi petunjuk, mengarahkan, menjelaskan, pemodelan dan penyzoalan memperolehi skor min melebihi tiga (3) iaitu yang baik. Akhir sekali, kajian ini telah menghasilkan kerangka pembelajaran Sains dengan kaedah triangulasi berdasarkan data daripada dapatan setiap aktiviti IBSE, rumusan Perancah Instruksi dalam aktiviti IBSE dan data

temu bual pelajar. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa, pengintegrasian Pendidikan Sains Berasaskan Inkuiri (IBSE) dengan Perancah Instruksi menerusi aplikasi MyIBSE telah berjaya membantu dalam menyokong perkembangan potensi pelajar, meningkatkan penguasaan Kemahiran Proses Sains dan pencapaian Sains pelajar.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan, dapat disimpulkan bahawa pembelajaran menerusi aplikasi mudah alih merupakan kaedah pembelajaran terbaik yang dapat membantu dalam meningkatkan penguasaan Kemahiran Proses Sains (KPS). Bagi memastikan pelajar menguasai pembelajaran Sains, pelajar perlu menguasai KPS dengan baik. Apabila pelajar menguasai KPS dengan baik, pelajar dapat mempelajari Sains dengan lebih jelas dan berkesan. Aplikasi MyIBSE telah memberikan kesan positif kepada pelajar yang jelas dapat dilihat melalui peningkatan pencapaian pelajar menerusi ujian pos berasaskan kandungan selepas pelajar selesai mengikuti sesi pembelajaran menggunakan aplikasi MyIBSE ini. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa tahap pencapaian pelajar bertambah baik setelah menjalani sesi pembelajaran menggunakan aplikasi MyIBSE. Aplikasi MyIBSE membolehkan mereka menguasai kandungan pembelajaran Sains dengan lebih baik.

Penguasaan KPS pelajar juga didapati berada pada tahap yang baik apabila pelajar menjalankan aktiviti IBSE dengan pengintegrasian Perancah Instruksi yang disediakan menerusi aplikasi MyIBSE. Menerusi setiap aktiviti aras IBSE, penguasaan KPS pelajar dilihat bertambah baik dan pelajar mampu untuk menjalankan amali dengan lebih berkesan. Aplikasi MyIBSE yang diintegrasikan bersama Perancah Instruksi ini bukan sahaja dapat dijadikan sebagai bahan bantu mengajar bagi guru, malah boleh digunakan sebagai bahan rujukan oleh pelajar yang dapat mengembangkan kemahiran belajar secara kolaboratif ketika menyelesaikan masalah Sains. Malah, aplikasi mudah alih MyIBSE telah dapat meningkatkan motivasi, pencapaian dan komunikasi pelajar. Di samping itu, Perancah Instruksi yang diberikan kepada pelajar semasa menggunakan aplikasi MyIBSE dan menjalankan aktiviti amali IBSE dilihat telah berjaya menjadikan pelajar lebih bersemangat dan kreatif apabila mereka diberikan sokongan.

Pengintegrasian Perancah Instruksi diakui pelajar membantu dan membolehkan mereka untuk terus mengeksplorasi dan menggunakan kemahiran dengan lebih baik. Pelajar juga bersetuju bahawa aplikasi MyIBSE dengan Perancah Instruksi mampu menjadikan mereka lebih kreatif, menguatkan ingatan, meningkatkan pemahaman serta menjadikan mereka lebih seronok dan bermotivasi untuk mempelajari Sains.

Dapatan daripada kajian ini menunjukkan peningkatan KPS dalam setiap aras IBSE telah memberikan kesan yang lebih kukuh terhadap kemahiran pelajar. Melalui gabungan semua rumusan persoalan kajian yang telah digariskan dalam kajian ini, sebuah kerangka pembelajaran Sains telah dibentuk yang secara keseluruhannya menunjukkan elemen-elemen yang diperlukan bagi memberikan kesan terhadap penguasaan KPS pelajar menerusi aplikasi MyIBSE. Selain itu, pembangunan aplikasi MyIBSE ini juga mengintegrasikan Perancah Instruksi dan IBSE dapat membantu pelajar untuk menguasai KPS dengan lebih baik yang seterusnya meningkatkan pencapaian Sains pelajar. Secara keseluruhannya, pembelajaran berasaskan aplikasi mudah alih perlu dilaksanakan dalam sistem pendidikan di Malaysia memandangkan ia dapat menyediakan kemudahan dan capaian maklumat secara elektronik serta membantu pelajar dalam capaian kandungan pendidikan tanpa mengira masa dan tempat yang sekaligus menyuntik Kemahiran Proses Sains pelajar.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa batasan dan cadangan sebagai panduan untuk kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Tempoh masa untuk mengumpulkan data perlu dilanjutkan kerana tempoh masa tujuh minggu untuk mengumpul data adalah singkat dan menyebabkan guru dan penyelidik sukar untuk mendapatkan masa yang sesuai memandangkan hanya terdapat 5 waktu Sains dalam seminggu. Kajian ini memerlukan penyelidik menggunakan hampir 90 minit bagi satu sesi kajian. Penyelidik menyarankan tempoh masa bagi mata pelajaran Sains dinaikkan semula kepada tujuh (7) waktu seperti sebelumnya.
2. Kajian lanjutan dijalankan di sekolah yang mempunyai pelajar yang tergolong dalam kumpulan sosio ekonomi rendah, sederhana dan tinggi bagi melihat perbezaan pencapaian antara setiap kumpulan tersebut apabila menggunakan aplikasi mudah alih sebagai medium pembelajaran mereka.
3. Kajian lanjutan dijalankan bagi mengkaji pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas ke atas kumpulan kawalan dan rawatan untuk melihat adakah terdapat perbezaan pencapaian pelajar bagi kedua-dua jenis pendekatan pengajaran tersebut.
4. Menyediakan lebih banyak aplikasi pembelajaran mudah alih berasaskan IBSE dan Perancah Instruksi bagi topik yang sukar dikuasai oleh pelajar.
5. Menjalankan kajian dalam kumpulan sampel yang lebih ramai.
6. Kajian lanjutan dijalankan bagi melihat adakah peningkatan penguasaan pelajar disebabkan oleh IBSE, Perancah Instruksi atau Aplikasi Mudah Alih.
7. Kajian lanjutan dijalankan bagi melihat keberkesanan kerangka Sains ini bagi topik-topik lain dalam Sains.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



# AMALAN GURU TENTANG PENDEKATAN BERPUSATKAN MURID DALAM PENGAJARAN AKIDAH UNTUK PEMBELAJARAN MURID

**FATAHIYAH ELIAS**

**Universiti Kebangsaan Malaysia**

## **ABSTRAK KAJIAN**

Pembelajaran berpusatkan murid (PBM) merupakan satu pendekatan yang sejajar dengan keperluan masa kini dalam menjana modal insan kamil. Ia memenuhi proses ta'lim yang relevan dan menjadikan pembelajaran menjadi lebih bermakna. Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneroka pelaksanaan pembelajaran berpusatkan murid dalam pengajaran Akidah dari aspek konsep, kelebihan, proses dan cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam (PI) yang pakar dan berpengalaman. Kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes ini melibatkan tujuh orang guru PI sebagai peserta kajian yang dipilih melalui teknik persampelan bertujuan dan teknik *snowball*. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual secara mendalam pemerhatian dan analisis dokumen. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan perisian Atlas ti 8.0 dengan menggunakan kaedah perbandingan secara berterusan bagi membina konsep kajian. Kajian ini melalui proses kesahan data secara triangulasi metod dan sumber serta semakan rakan. Proses kebolehppercayaan data pula diperolehi dengan mendapatkan perakuan pakar berasaskan nilai persetujuan pekali Cohen Kappa yang tinggi iaitu 0.89. Secara keseluruhannya, didapati perspektif guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan PBM pengajaran Akidah dan kelebihannya adalah jelas. Lima fasa utama PBM pengajaran Akidah yang diaplikasikan oleh guru PI iaitu penglibatan, penerangan, penerokaan, pengolahan dan penilaian membuktikan perspektif guru PI adalah selari dengan amalan. Dapatan turut menjelaskan kekangan yang dihadapi oleh guru PI dalam pelaksanaan PBM iaitu merangkumi aspek sendiri dan persekitaran. Kajian ini turut menyumbang kepada satu kerangka PBM pengajaran Akidah, penekanan kepada konsep resolusi dan amalan dalam pengajaran Akidah. Dapatan juga diharap dapat dijadikan panduan untuk menambah baik pengajaran Akidah secara berpusatkan murid kepada guru PI samada di peringkat latihan iktisas dan juga dalam perkhidmatan.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian dapat dirumuskan seperti huraian yang berikut:

1. Pengkaji mendapati perspektif guru Pendidikan Islam (PI) terhadap konsep pembelajaran berpusatkan murid dalam pengajaran Akidah adalah menyeluruh. Perspektif tersebut meliputi aspek konsep, ciri-ciri dan jenis-jenis aktiviti yang dijalankan. Didapati bahawa dapatan berkaitan perspektif dari aspek konsep pembelajaran berpusatkan murid Pengajian Akidah adalah unik dan berbeza dengan bidang lain. Hal ini kerana *nature* dalam bidang Akidah adalah bersandarkan hujah naqli dan 'aqli dalam penyampaian ilmu. Dapatan menjelaskan bahawa pengajaran Akidah dengan menggunakan pembelajaran berpusatkan murid memerlukan guru yang cukup arif dan menguasai ilmu pengetahuan yang mantap. Di samping itu, guru berperanan membimbing murid dalam mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan. Bimbingan guru bertujuan agar murid-murid terbimbing dengan ajaran Akidah ahli Sunnah Wal Jamaah dengan betul. Hal ini sesuai sepertimana yang terkandung dalam dokumen standard yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Proses pembelajaran berpusatkan murid memerlukan suasana pembelajaran yang kondusif. Interaksi dua hala antara murid dan guru adalah perlu agar pembelajaran aktif berlaku. Kefahaman guru PI juga menghuraikan pembelajaran berpusatkan murid adalah seiring dengan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) yang menekankan elemen kreatif, kritis, kolaboratif, komunikasi dan nilai. Penekanan elemen ini turut menjelaskan pelaksanaan Pembelajaran Berpusatkan Murid (PBM) dalam pengajaran adalah seiring dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang digariskan oleh pihak KPM. Pelbagai jenis aktiviti yang disusun oleh guru PI sepanjang pelaksanaan pembelajaran berpusatkan murid yang turut menekankan elemen PAK21. Didapati pembelajaran berpusatkan murid yang dilaksanakan juga adalah menepati Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) yang dihasratkan oleh pihak KPM iaitu ke arah pembelajaran yang berkualiti dan bermakna serta membentuk kemenjadian murid.
2. Dapatan kajian mendapati dari aspek keistimewaan, guru PI mempunyai pandangan yang positif terhadap pelaksanaan pembelajaran berpusatkan murid pengajaran Akidah. Terdapat empat aspek keistimewaan pelaksanaan pembelajaran berpusatkan murid dalam pengajaran Akidah berdasarkan pandangan guru PI. Aspek keistimewaan tersebut meliputi aspek pemerkaasaan budaya ilmu, pembentukan insan kamil, pemantapan profesionalisme keguruan, dan penghayatan beragama. Dapatan membuktikan guru PI menguasai pembelajaran berpusatkan murid dalam pengajaran Akidah kerana strategi ini membantu membentuk kemenjadian murid dan memantapkan ilmu serta kemahiran guru. Dapatan dari aspek keistimewaan dalam PBM turut menyumbang dalam merealisasikan amalan PdP yang bermakna dan berkualiti.
3. Proses pembelajaran berpusatkan murid oleh guru PI dalam pengajaran Akidah dilaksanakan berdasarkan konsep kefahaman mereka. Tema dalam dapatan ini merupakan sesuatu yang unik dalam kajian ini kerana menekankan proses PBM pengajaran Akidah yang dilaksanakan oleh guru PI yang terpilih. PBM Akidah yang dilaksanakan adalah mengikut kerangka pelaksanaan yang bersesuaian dengan pelaksanaan pembelajaran Pendidikan Islam. Secara keseluruhannya, proses PBM yang dilaksanakan adalah sejajar dengan model SE yang meliputi aspek penglibatan (*engagement*) murid, penerangan (*explanation*), penerokaan (*exploration*), pengembangan (*elaboration*) dan pentaksiran/penilaian (*evaluation*). Murid didapati dapat memberi komitmen yang baik dalam proses PBM yang berlaku disamping dapat membentuk suasana pembelajaran yang bermakna dan selaras dengan hasrat KPM. Proses PBM yang dilaksanakan menjadikan

murid lebih fokus dan berminat dalam proses menuntut ilmu. Di samping itu, para guru PI juga turut bersedia dan berusaha bagi memastikan proses pembelajaran berjalan dengan lancar dan bermakna.

4. Proses PBM Akidah dilaksanakan berpandukan hujah daripada dalil naqli dan 'aqli. Berbeza dengan bidang lain, PBM Akidah mementingkan aspek penerangan ilmu terlebih dahulu. Murid diberi ruang meneroka dan mengolah ilmu yang diperolehi mengikut kefahaman mereka. Walau bagaimanapun, bimbingan guru PI amat perlu dalam proses PBM agar ilmu Akidah yang dipelajari adalah mengikut ruang lingkup ilmu yang benar dan terpelihara daripada kesesatan. Proses PBM guru PI turut mengetengahkan inkuiri pembelajaran secara terbimbing dan aspek resolusi (al-Amal Hijawarih) bagi memantapkan kefahaman murid terhadap Akidah seterusnya mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Justeru, masalah seperti ajaran sesat, murtad, pluralisme dan sebagainya dapat dibendung lebih awal. Akidah dapat dipasak dengan kukuh dalam pemikiran dan pengamalan mereka.
5. Dapatan kajian menunjukkan terdapat kekangan yang terpaksa dihadapi oleh guru PI dalam proses PBM pengajaran Akidah. Kekangan tersebut dikategorikan dalam aspek sendiri (dalaman) dan persekitaran (luaran). Kekangan sendiri yang timbul adalah daripada aspek emosi dan sikap, pengajaran guru PI yang kurang jelas dan pengurusan kelas yang lemah. Manakala kekangan luaran pula ialah guru PI terpaksa menghadapi murid yang pelbagai tahap prestasi dan bebanan tugas sampingan guru PI setiap hari. Kekangan yang timbul ini sedikit sebanyak menyukarkan guru PI melaksanakan PBM secara lebih berkesan. Langkah yang sesuai perlu diambil bagi memastikan kekangan yang timbul dapat diatasi.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan kajian lanjutan dikemukakan agar penambahbaikan terhadap pendidikan dapat dilakukan. Cadangan-cadangan kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Kajian kualitatif ini hanya melibatkan guru PI tertentu di negeri Kedah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Melaka. Pengkaji mencadangkan agar kajian berskala besar dapat dilakukan dengan melibatkan guru PI dari beberapa negeri di seluruh Malaysia. Penglibatan lebih ramai guru PI dengan pelbagai kriteria akan memberi gambaran yang lebih jelas tentang proses pembelajaran berpusatkan murid yang dilaksanakan dalam pengajaran Akidah.
2. Kajian sebegini juga boleh dijalankan ke atas proses PBM Akidah mengikut situasi di sekolah menengah. Perbezaan tahap dan peringkat sekolah akan memaparkan proses PBM Akidah adalah berbeza. Tambahan lagi, faktor kekangan yang dihadapi juga adalah berbeza.
3. Kajian proses PBM dari sudut metodologi boleh digunakan. Oleh itu, satu kajian lanjutan yang menggunakan pemerhatian sebagai metod utama mengumpul data boleh digunakan bagi melihat pelaksanaan proses PBM dalam beberapa fasa. Melalui metod ini, kajian amalan PBM dapat dilihat dengan lebih mendalam daripada aspek pelaksanaan.
4. Kajian ini hanya mengeluarkan kriteria tertentu yang hanya sesuai untuk proses PBM dalam pengajaran Akidah. Kajian seterusnya dicadangkan agar memberi fokus kepada bidang tertentu seperti al-Quran, Hadis, Ibadah, Sirah atau Adab. Hal ini kerana mungkin terdapat perbezaan dalam proses PBM mengikut bidang.

5. Kajian berbentuk kualitatif ini hanya melibatkan sebilangan kecil guru PI yang menggunakan temu bual secara mendalam, pemerhatian dan analisis dokumen. Untuk tujuan kajian lanjutan, pengkaji seterusnya disarankan agar merujuk model konseptual kajian ini untuk melakukan kajian berbentuk kuantitatif dengan melibatkan lebih ramai populasi guru PI di seluruh Malaysia. Dengan ini, satu gambaran rentas secara meluas dapat diperolehi berkenaan proses PBM yang dilaksanakan.
6. Satu kajian perbandingan dicadangkan agar dapat mengenal pasti perbezaan pelaksanaan pembelajaran berpusatkan murid di peringkat rendah dan menengah dalam situasi bilik darjah di Malaysia. Dengan ini, pola yang sesuai dapat dikenal pasti iaitu dari aspek persamaan atau perbezaan dalam proses PBM pada tahap yang berbeza.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



# KEBERKESANAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS) TERHADAP KEMAHIRAN BERFIKIR SECARA RUANG (KBR) BAGI MATA PELAJARAN GEOGRAFI

**GANESAN MAYALAGU**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## ABSTRAK KAJIAN

Kurangnya minat para pelajar terhadap mata pelajaran Geografi menjadi salah satu punca kepada kelemahan pelajar dalam menguasai Kemahiran Berfikir secara Ruang (KBR). Justeru, perkembangan Sistem Maklumat Geografi (GIS) hadir sebagai satu penerapan baharu dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) bagi abad ke-21 untuk meningkatkan KBR serta menambah minat para pelajar terhadap mata pelajaran Geografi. Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan teknologi geospasial dalam PdPc Geografi dan keupayaannya untuk mempertingkatkan kemahiran berfikir secara ruang dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Reka bentuk kajian ini adalah gabungan kajian deskriptif (menilai tahap KBR dan minat) dan kajian eksperimen tulen yang menggunakan reka bentuk kumpulan kawalan rawak ujian pra dan ujian pasca. Penilaian peringkat pertama dilakukan kepada sampel kelompok rawak yang melibatkan 273 orang pelajar manakala peringkat kedua melibatkan 60 orang pelajar yang dibahagikan kepada kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Hasil kajian menunjukkan perbezaan KBR yang signifikan antara ujian pra dan pasca GIS-KBR. Intervensi GIS-KBR berjaya meningkatkan skor KBR pelajar sebanyak 60.9 peratus berbanding PdPc tanpa GIS-KBR. Penggunaan teknologi geospasial juga meningkatkan minat pelajar kepada kandungan mata pelajaran Geografi. Kajian ini membuktikan KBR dalam kalangan pelajar boleh dipertingkatkan jika PdPc mata pelajaran Geografi mengaplikasikan teknologi geospasial. Kemahiran GIS juga turut meningkat sebanyak 78 peratus dalam kalangan pelajar Geografi. Modul GIS-KBR yang dihasilkan daripada kajian ini boleh digunakan sebagai panduan dalam menambah baik dan mengembangkan aplikasi geospasial bagi lain-lain tema dalam mata pelajaran Geografi sekolah menengah. Di samping itu, guru Geografi juga dapat mengaplikasikan modul GIS-KBR sebagai alat intervensi dalam PdPc Geografi.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa intervensi GIS-KBR adalah berkesan dalam meningkatkan KBR serta minat pelajar terhadap mata pelajaran Geografi. Dapatan kajian juga telah memberi implikasi terhadap mata pelajaran Geografi dengan mengambil kira sub skala seperti dalam DSKP. Penggunaan Model Sidek dalam membina modul GIS-KBR juga telah dipastikan kualiti kandungan dan kebolehpercayaannya melalui ujian kebolehpercayaan dan kesahan bagi digunakan dalam kajian eksperimen dan seterusnya mendapati modul ini berkesan dalam meningkatkan KBR dan minat dalam kalangan pelajar. Justeru, dapatlah disimpulkan bahawa modul ini mempunyai kesahan kandungan dan kebolehpercayaan serta keberkesanan yang positif setelah diuji ke atas populasi pelajar Geografi tingkatan dua.

Kajian ini menyumbang kepada PdPc Geografi yang menilai pengintegrasian teknologi geospasial serta keupayaannya dalam meningkatkan KBR dan minat pelajar. Kesannya, guru Geografi di sekolah juga dapat memanfaatkan modul GIS-KBR ini dalam membantu para pelajar untuk meningkatkan KBR dan minat mereka terhadap mata pelajaran Geografi. Kajian ini turut membuktikan bahawa modul GIS-KBR merupakan sebuah modul yang berkualiti, berkesan dan mempunyai potensi dalam meningkatkan kemahiran berfikir secara ruang serta minat para pelajar terhadap mata pelajaran Geografi. Justeru, modul GIS-KBR boleh digunakan dalam lapangan yang sebenar ke atas pelajar Geografi tingkatan dua di sekolah menengah. Di samping itu, kajian ini juga selari dan menyokong kajian-kajian lepas yang membuktikan bahawa intervensi teknologi geospasial dapat membantu pelajar meningkatkan KBR dan minat pelajar terhadap mata pelajaran Geografi.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Penyelidik mencadangkan agar kajian lanjutan dilakukan dengan berfokuskan kepada empat kumpulan. Reka Bentuk Kajian Eksperimen Solomon Empat Kumpulan (*Solomon four-group design*) boleh digunakan. Reka bentuk ini disyorkan supaya dapat mengawal pemboleh ubah luaran atau dikenali sebagai ancaman luaran dengan lebih baik dan mempunyai kesahan dalaman yang lebih tinggi.
2. Dalam kajian ini, subjek kajian eksperimen tidak mengikuti ujian susulan. Umumnya, ujian susulan adalah bertujuan untuk mengukur ketekalan dan kestabilan skor dalam sesuatu tempoh masa antara ujian pasca dan ujian susulan. Justeru, penyelidik mencadangkan agar ujian susulan dilakukan selepas kajian eksperimen supaya dapat menganalisis data tentang ketekalan intervensi tersebut.
3. Pengkaji lepas menyatakan bahawa tempoh masa yang diperuntukkan iaitu lebih kurang tiga hingga enam bulan adalah sesuai dan praktikal bagi memastikan perubahan kepada sesuatu pemboleh ubah yang dikaji mendapat intervensi dengan lebih berkesan atau tidak. Justeru, kajian akan datang disarankan untuk mengambil kira tempoh masa dalam kajian yang dijalankan.
4. Kajian akan datang juga disarankan untuk membuka ruang kajian yang lebih luas kepada populasi dan juga jenis persampelan yang akan digunakan. Penyelidik menyarankan agar kajian akan datang diperluaskan ke peringkat kebangsaan dengan melibatkan banyak sekolah dan populasi kajian melibatkan pelajar menengah atas iaitu pelajar tingkatan empat dan tingkatan lima serta melibatkan populasi yang mewakili sekolah bandar, sekolah luar bandar, sekolah swasta dan sekolah antarabangsa (*international school*).

5. Kajian ini juga tertumpu kepada pembinaan modul yang diuji keberkesannya terhadap topik-topik terpilih sahaja. Oleh itu, kajian akan datang dicadangkan untuk melibatkan kesemua topik mengikut DSKP Geografi tingkatan dua.
6. Modul kajian ini hanya menggunakan salah satu perisian GIS percuma iaitu *Google Earth Pro* dan *Google Earth Online*. Kajian lanjutan disarankan agar turut menggunakan perisian lain seperti *ArcGIS Online* dan *ArcGIS Pro* bagi kajian lanjutan berbentuk eksperimen. Selain itu, perisian terkini menggunakan web GIS tidak perlu lagi menggunakan perisian desktop malah boleh menggunakan web base GIS yang boleh dilayari di mana-mana sahaja.
7. Kajian lanjutan juga disarankan agar mengambil kira aspek kelemahan yang terdapat dalam kajian ini dan kajian lepas seperti reka bentuk kajian, populasi kajian, pemilihan sampel kajian dan kaedah pelaksanaan intervensi supaya lebih berkesan untuk penambahbaikan dalam pembinaan modul.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



## TAHAP PERSEDIAAN KUALITI SISWA GURU KONSEP 5 MIM DALAM LATIHAN PRAKTIKUM DAN STANDARD GURU MALAYSIA DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU

**NORLIZA NOR HASHIM**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis tahap persediaan kualiti siswa guru dalam latihan praktikum dan kefahaman mereka terhadap isi kandungan Standard Guru Malaysia (SGM) di Institut Pendidikan Guru (IPG) dan seterusnya untuk melihat kualiti siswa guru konsep 5 MIM dari aspek keilmuan, kemahiran dan sahsiah keperibadian yang menyumbang kepada bidang perguruan dan Pendidikan Islam. Sampel kajian adalah siswa guru opsyen Pendidikan Islam dan Bahasa Arab seramai 350 orang dari IPG Kampus seluruh Malaysia yang terbahagi kepada 5 zon iaitu Zon Wilayah Utara, Selatan, Tengah, Timur dan Sabah/Sarawak. Kajian ini adalah berbentuk tinjauan yang menggunakan data kuantitatif. Teknik persampelan yang digunakan ialah persampelan berstrata (*stratified sampling*). Kajian rintis telah dijalankan dengan nilai kebolehppercayaan  $\alpha$  Cronbach bagi soal selidik adalah tinggi ( $>0.90$ ). Data dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan min, sisihan piawai dan peratus. Ujian inferensi juga telah dijalankan seperti ujian manova dan korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya sangat tinggi, tahap persediaan kualiti siswa guru untuk latihan praktikum (min=4.52), tahap kefahaman terhadap SGM (min=4.69) dan tahap persediaan kualiti siswa guru melalui konsep 5 MIM (min=4.59). Seterusnya, dapatan analisis kajian membuktikan bahawa tahap persediaan siswa guru daripada aspek sahsiah keperibadian berada pada tahap kedudukan Mursyid (min=4.63), tahap keilmuan berada pada kedudukan Murabbi (min=4.61) dan tahap kemahiran pengajaran dan pembelajaran pada kedudukan Muaddib (min=4.60). Bagi analisis manova, didapati terdapat perbezaan yang signifikan dalam latihan praktikum berdasarkan opsyen ( $p=0.000$ ) dan jantina (0.004). Seterusnya tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan SGM berdasarkan opsyen ( $p=0.031$ ) dan terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina ( $p=0.000$ ). Analisis korelasi Pearson menunjukkan hubungan yang signifikan yang kuat antara konsep 5 MIM dengan latihan praktikum ( $r=0.875$ ) dan hubungan Konsep 5 MIM dengan SGM, menunjukkan hubungan signifikan yang lemah ( $r=0.201$ ). Kajian ini memberi sumbangan kepada kejayaan program latihan praktikum yang dijalankan di IPG dan Model SGM yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menilai tahap persediaan dan kompetensi siswa guru sebelum menjadi guru terlatih. Kajian ini memberi implikasi kepada salah satu program amalan profesional iaitu latihan praktikum, IPGM, IPG, sekolah dan siswa guru seluruh IPG.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini secara keseluruhannya bertujuan untuk melihat tahap persediaan kualiti siswa guru berdasarkan konsep 5 MIM iaitu Mudarris, Muaddib, Murabbi, Mursyid dan Kualim di Institusi Pendidikan Guru setelah melalui latihan praktikum dan pemahaman terhadap isi kandungan SGM, melihat perbezaan antara kedua-dua pemboleh ubah mengikut opsyen iaitu opsyen Pendidikan Islam dan bahasa Arab serta mengenal pasti kualiti diri siswa guru konsep 5 MIM dari aspek keilmuan, kemahiran dan sahsiah keperibadian. Analisis korelasi digunakan untuk melihat hubungan Konsep 5 MIM dengan latihan praktikum dan SGM. Secara umumnya, reka bentuk yang diguna pakai dalam kajian ini ialah berbentuk tinjauan deskriptif yang menggunakan data kuantitatif sepenuhnya. Populasi kajian ini melibatkan siswa guruambilan Januari 2014, Jun 2014 dan Jun 2015 dari IPG yang terpilih yang menawarkan opsyen Pendidikan Islam dan bahasa Arab. Seramai 350 orang siswa guru dipilih secara persampelan rawak berstrata atau rawak berlapis yang meliputi semuaambilan dalam kajian berdasarkan nisbah mengikut opsyen dan jantina. Dapatan kajian pula dianalisis secara deskriptif untuk mengenal pasti tahap persediaan kualiti siswa guru dalam latihan praktikum dan Standard Guru Malaysia (SGM), seterusnya tahap persediaan kualiti siswa guru melalui Konsep 5 MIM iaitu Mudarris, Muaddib, Murabbi, Mursyid dan Kualim dari sudut keilmuan, kemahiran dan sahsiah keperibadian yang diukur melalui min, peratus, kekerapan dan sisihan piawai. Manakala analisis inferensi pula dijalankan untuk menjawab persoalan kajian yang berkaitan dengan perbezaan tahap persediaan dalam latihan praktikum dan SGM berdasarkan opsyen dan jantina dan juga melihat hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Kajian ini memfokuskan kepada siswa guru opsyen Pendidikan Islam dan bahasa Arab. Oleh itu, cadangan kajian yang menggunakan instrumen yang sama boleh diaplikasikan kepada siswa guru dari opsyen lain yang ditawarkan oleh IPGM. Hal ini kerana semua IPG di Malaysia mengguna pakai Ringkasan Maklumat Kursus (RMK) yang sama. Kajian ini juga turut dicadangkan kepada universiti awam dan swasta yang menawarkan program perguruan terutama untuk melihat kualiti guru yang akan dikeluarkan. Hal ini kerana kepelbagaian kurikulum dan persekitaran di IPG, institusi dan sekolah terlibat berkemungkinan memberi impak yang berbeza kepada responden serta dapatan yang lebih pelbagai dan bermanfaat terhadap kajian yang dijalankan.
2. Kajian ini berjaya mengenengahkan satu program amalan profesional yang ditetapkan oleh IPGM iaitu latihan praktikum. Dicapadangkan pengkaji akan datang melihat kualiti siswa guru yang lebih mantap dan berkualiti. Kajian juga boleh dijalankan untuk melihat komponen lain yang termasuk dalam lingkungan amalan profesional iaitu Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) dan *Internship*. Hal ini kerana ia termasuk dalam sembilan (9) saranan strategik yang dicadangkan dalam Tranformasi Institut Pendidikan Guru 2016-2025 di bawah item yang ketujuh iaitu memantapkan amalan profesional/praktikum.

3. Dalam kajian ini, fokus pengkaji adalah berdasarkan Buku Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Profesional (IPGM KPM 2014). Namun, mulai November 2018, satu Modul Latihan Transformasi Praktikum IPG telah dikeluarkan dengan penambahbaikan. Dicadangkan kajian boleh dijalankan dengan lebih berfokus kepada Konsep Pelaksanaan Praktikum Bertema. Dalam kajian ini, siswa guru sendiri yang menilai kualiti diri berdasarkan bimbingan yang telah mereka terima daripada pensyarah, penyelia dan guru pembimbing semasa latihan praktikum. Dicadangkan untuk lebih memantapkan dapatan tentang kualiti siswa guru, temu bual bersama pensyarah, penyelia dan guru pembimbing terutamanya setelah pelaksanaan transformasi praktikum mulai tahun 2019 dijalankan.
4. Kajian ini dijalankan secara empirikal dengan menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai kaedah utama kajian. Hampir keseluruhan kajian lepas yang berkaitan latihan praktikum mengaitkan tentang pelbagai subjek opsyen yang ditawarkan di Institut Pendidikan Guru (IPG), Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) seluruh Malaysia menunjukkan bahawa latihan praktikum banyak mempengaruhi kemenjadian guru berkualiti di Malaysia.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



## AMALAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL DAN ATRIBUT KEPIMPINAN GURU BESAR SEKOLAH KURANG MURID DI NEGERI PERAK

**NITCE ISA MEDINA MACHMUDI ISA**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### ABSTRAK KAJIAN

Kepentingan kepimpinan instruksional telah dinyatakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai satu usaha untuk memperkasakan barisan kepimpinan di sekolah seperti dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Lonjakan ke-5 dalam PPPM 2013-2025 menyatakan bahawa semua pengetua dan guru besar hendaklah bersedia untuk memenuhi keperluan sebagai seorang pemimpin melalui amalan kepimpinan instruksional di semua sekolah, termasuk di sekolah kurang murid (SKM). Negeri Perak mempunyai taburan bilangan SKM yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia iaitu sebanyak 253 buah sekolah, namun hanya 3.3 peratus sahaja yang dikategorikan sebagai sekolah cemerlang melalui penarafan Band Satu seperti yang ditetapkan oleh KPM. Kecemerlangan sekolah telah banyak dikaitkan dengan kepimpinan instruksional dan atribut kepimpinan guru besar melalui dapatan-dapatan kajian lalu. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan kepimpinan instruksional, atribut kepimpinan utama guru besar terhadap efikasi sendiri guru. Kajian ini juga dijalankan untuk mengenal pasti bagaimana guru besar di SKM cemerlang mengamalkan kepimpinan instruksional di SKM masing-masing. Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah gabungan (*mixed methods*) menggunakan reka bentuk urutan penjelasan (*explanatory sequential design*) melalui penggabungan kaedah tinjauan (kuantitatif) dan kaedah temu bual (kualitatif). Responden kajian terdiri daripada 420 orang guru dan enam orang informan yang merupakan guru besar SKM cemerlang di negeri Perak. Berdasarkan dapatan kajian, tahap amalan kepimpinan instruksional, atribut kepimpinan guru besar dan efikasi sendiri guru di sekolah berada pada tahap tinggi. Analisis korelasi mendapati ketiga-tiga peboleh ubah kajian mempunyai hubungan yang signifikan dan positif, manakala analisis regresi berganda menunjukkan amalan kepimpinan instruksional guru besar [ $b=0.436$ ,  $t=7.031$ ,  $p<0.05$ ] dan atribut kepimpinan guru besar [ $b=0.122$ ,  $t=2.109$ ,  $p<0.05$ ] memberi impak signifikan terhadap efikasi sendiri guru. Kajian turut mendapati bahawa guru besar di SKM cemerlang mengutamakan dwi peranan, yakni sebagai pentadbir sekolah dan guru mata pelajaran yang menekankan aspek menambah baik prasarana dan mengatasi kekangan kewangan sekolah, selain memberi penekanan terhadap pengajaran kelas bercantum untuk meningkatkan efikasi sendiri guru di SKM. Implikasi dapatan kajian mencadangkan agar pihak KPM mengupayakan guru besar di SKM dalam hal-hal pengurusan aset dan kewangan sekolah, manakala guru besar kekal menjadi suri teladan instruksional untuk meningkatkan tahap efikasi sendiri guru di SKM. Kajian pada masa akan datang mencadangkan penerokaan dwi-peranan guru besar dan amalan kepimpinan instruksional dari perspektif guru kanan di SKM.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian ini, terdapat dua rumusan utama seperti yang berikut:

1. Tahap amalan kepimpinan instruksional dan atribut kepimpinan guru besar serta efikasi sendiri guru SKM di negeri Perak berada pada tahap tinggi. Sementara itu, tiada perbezaan tahap efikasi sendiri guru di SKM mengikut faktor jantina, tahap pendidikan dan jawatan guru. Terdapat hubungan yang kuat dan positif antara amalan kepimpinan instruksional guru besar, atribut kepimpinan guru besar dan efikasi sendiri guru di SKM. Kajian ini juga mengesahkan bahawa amalan kepimpinan instruksional dan atribut kepimpinan guru besar menyumbang kepada efikasi guru, yakni yang terdiri daripada aspek mentakrif matlamat sekolah, mengurus program instruksional dan atribut intrapersonal.
2. Semua guru besar di SKM cemerlang mengamalkan kesemua tiga dimensi yang terdapat dalam model kepimpinan instruksional menerusi pelbagai kaedah dan cara mengikut konteks semasa menguruskan SKM masing-masing. Selain mengamalkan tiga dimensi kepimpinan instruksional seperti yang digariskan oleh Hallinger dan Murphy (1985), guru besar di SKM cemerlang juga mengamalkan dua peranan tambahan iaitu menambah baik prasarana sekolah dan mengatasi kekangan kewangan.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Kajian ini menggunakan amalan kepimpinan instruksional guru besar sebagai pemboleh ubah bebas. Amalan kepimpinan instruksional guru besar di SKM didapati berkait rapat dengan dwi-peranan mereka sebagai guru mata pelajaran. Istilah '*dual role of teaching principal*' digunakan untuk menerangkan beban tugas guru mata pelajaran dan pada masa yang sama mentadbir sekolah. Keunikan dwi-peranan guru besar di SKM boleh diterokai dalam kajian masa hadapan untuk mengenal pasti masalah dan bagaimana guru besar menangani pembahagian tugas dan masa sebagai guru besar dan guru mata pelajaran. Kepentingan kajian ini dilihat signifikan dengan konteks SKM kerana dwi-peranan guru besar di SKM didapati boleh dijadikan satu peluang yang baik oleh guru besar untuk menterjemahkan kepimpinan instruksional di sekolah.
2. Dapatan kajian ini juga mendapati terdapat dua jawatan guru di SKM selain guru besar, iaitu guru akademik biasa dan guru kanan. Ini adalah kerana di SKM tidak terdapat jawatan Guru Penolong Kanan (lantikan PPD) dan digantikan dengan jawatan Guru Kanan iaitu guru akademik biasa yang dilantik oleh pihak sekolah. Lantikan ini bermaksud Guru Kanan di SKM adalah merupakan guru mata pelajaran yang mengajar sepenuh masa namun pada masa yang sama perlu membantu guru besar melakukan tugas-tugas pentadbiran tetapi tidak menerima elaun perjawatan. Berdasarkan senario ini, adalah dicadangkan amalan kepimpinan instruksional di SKM turut dilihat dari perspektif guru kanan sebagai '*middle leaders*' untuk mendapatkan gambaran sebenar tentang situasi PdPc di SKM berdasarkan peranan dan beban tugas mereka. Dapatan kajian lanjutan ini boleh dijadikan nilai tambah kepada Kursus Kepimpinan untuk Pemimpin Pertengahan (*Leadership Course for Middle Leaders, LCML*) yang telah diperkenalkan oleh KPM selaras dengan hasrat KPM untuk memartabatkan kepimpinan instruksional bagi segenap lapisan di sekolah.

3. Selain daripada amalan kepimpinan instruksional, pemboleh ubah bebas lain dalam kajian ini adalah merupakan atribut kepimpinan guru besar. Berdasarkan kajian kepustakaan, atribut kepimpinan guru besar dalam kajian ini telah dibahagikan kepada dua konstruk iaitu '*Intrapersonal*' dan '*Interpersonal*'. Guru besar di SKM di negeri Perak didapati lebih mengutamakan kemahiran *intrapersonal* berbanding kemahiran *interpersonal* sebagai pemimpin di SKM. Kajian akan datang boleh dijalankan untuk meneroka dan mengenal pasti secara khusus sub-konstruk yang perlu ada dalam kedua-dua kemahiran '*Intrapersonal*' dan '*Interpersonal*' yang diamalkan oleh guru besar di SKM.
4. Berdasarkan dapatan kajian ini, tahap efikasi sendiri guru di SKM berada pada tahap tinggi dan guru didapati lebih mengutamakan konstruk 'Efikasi Kendiri Penglibatan Murid' berbanding dengan dua konstruk yang lain. Namun begitu, tidak dapat dipastikan bagaimanakah guru mengamalkan efikasi sendiri di bilik darjah terutamanya bagi guru-guru yang perlu mengajar murid pelbagai aras di kelas bercantum di SKM. Oleh itu, kajian lanjutan untuk meneroka konstruk 'Efikasi Kendiri Strategi Instruksional' dan 'Efikasi Kendiri Pengurusan Bilik Darjah' adalah diperlukan untuk mengenal pasti amalan efikasi sendiri secara khusus bagi guru yang bertugas di SKM.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



# PEMBANGUNAN DAN PENGUJIAN MODUL RIANG RIA MEMBACA UNTUK PENGAJARAN KEMAHIRAN MEMBACA AWAL MURID PRASEKOLAH DI PEDALAMAN SABAH

**HANIFAH SABIN**  
Universiti Malaysia Sabah

## ABSTRAK KAJIAN

Kemahiran membaca merupakan asas kepada pembentukan diri ke arah memperoleh ilmu. Kemahiran ini penting diperolehi sejak di peringkat pendidikan awal kanak-kanak lagi. Justeru, kajian ini adalah untuk membangunkan Modul Riang Ria Membaca (MRRM) iaitu modul pengajaran membaca awal bagi kanak-kanak prasekolah di pedalaman Sabah menggunakan nyanyian dan diintegrasikan dengan kaedah belajar melalui bermain. MRRM dibangunkan menggunakan dua model pembangunan iaitu Model ADDIE dan Model Morrison II. Pembangunan MRRM dilandasi oleh tiga teori, iaitu Teori Psikolinguistik Kognitif, Teori Perkembangan Kognitif Vygotsky dan Teori Perkembangan Kognitif Piaget. Selain itu, pendekatan pengajaran konstruktivisme dan berasaskan kecerdasan pelbagai turut digunakan dalam kajian ini. Metodologi kajian yang digunakan ialah kuantitatif deskriptif dan kuasi-eksperimental. Kuantitatif deskriptif digunakan untuk mengenal pasti masalah, keperluan serta ciri-ciri modul dibangunkan. Maklumat dikumpul melalui pembacaan kepustakaan termasuklah membuat rujukan dari buku, tesis, artikel jurnal, laporan dan polisi untuk menentukan kandungan modul. Manakala reka bentuk kuasi eksperimental ujian pra dan pasca kumpulan-kumpulan tidak seimbang digunakan untuk mengukur kesan penggunaan Modul Pengajaran MRRM terhadap 146 orang murid prasekolah (74 orang kumpulan rawatan dan 72 orang kumpulan kawalan) di tiga buah prasekolah di daerah Keningau, Sabah. MRRM telah dibangunkan menjadi 20 submodul berasaskan pada empat konstruk membaca awal prasekolah iaitu prabaca, huruf abjad, suku kata dan perkataan serta frasa dan ayat. Kesahan kandungan dan kesahan muka modul telah dinilai oleh sembilan orang pakar yang terdiri daripada pakar pelbagai bidang iaitu bidang kurikulum dan pedagogi prasekolah, pakar bidang reka bentuk modul, pakar bahasa dan pakar muzik kanak-kanak. Kesahan MRRM yang dinilai berdasarkan 20 submodul ialah 88.90 peratus. Koefisien kebolehpercayaan MRRM yang diukur menggunakan Alpha Cronbach ialah 0.917. Seterusnya, kaedah analisis data pengujian hipotesis non (Ho) adalah menggunakan statistik non parametrik iaitu Ujian Mann-Whitney U dan Ujian Wilcoxon. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan tahap pencapaian dalam kemahiran membaca antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan selepas menggunakan Modul Pengajaran MRRM. Peningkatan ini merupakan hasil pengaplikasian kaedah PdP yang menyeronokkan melalui penggunaan bahan dan pendekatan nyanyian serta kecerdasan pelbagai dan pendekatan konstruktivisme. Penggunaan melodi irama lagu rakyat Malaysia dan lagu tempatan Sabah berdasarkan pendekatan Kodaly berkesan meningkatkan tumpuan perhatian dan penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti PdP. Penggunaan sumber multimedia seperti klip video lagu dan penggunaan MS Power Point sebagai visualisasi lambang dalam lagu pada LCD berkesan meningkatkan tumpuan murid. Diharapkan MRRM bukan sahaja bermanfaat kepada guru tetapi juga kepada ibu bapa kanak-kanak prasekolah khususnya di pedalaman Sabah.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Rumusan dapatan kajian adalah seperti yang berikut:

1. Pembangunan modul pengajaran berasaskan pendekatan nyanyian dan belajar bermain dari sudut Teori Psikolinguistik Kognitif, Teori Perkembangan Kognitif Piaget dan Teori Perkembangan Kognitif Vygotsky telah membantu murid-murid meningkatkan kemahiran membaca awal. Pengintegrasian beberapa pendekatan pembelajaran seperti belajar melalui bermain, pendekatan kecerdasan pelbagai serta pendekatan konstruktivisme telah memberi pengalaman PdP yang menyeronokkan dan bermakna kepada murid.
2. Penggunaan strategi PdP yang berpusatkan murid dan bahan menyebabkan mereka terlibat secara aktif. Penggunaan pelbagai jenis permainan misalnya main fizikal, sosial, kognitif dan fantasi berjaya menarik perhatian dan penglibatan semua murid yang mempunyai pelbagai kecerdasan. Penggunaan pelbagai jenis permainan ini dapat memenuhi keperluan pelbagai kecerdasan dan latar belakang murid. Melalui aktiviti belajar melalui bermain juga, murid yang lemah dan pemalu dapat dibantu dalam permainan secara berpasangan atau berkumpulan. Melalui interaksi sosial, penerimaan dan bantuan ahli kumpulan yang lain dapat meningkatkan konsep sendiri dan keyakinan murid yang lemah. Seterusnya, strategi PdP berpusatkan murid juga memberi peluang kepada murid untuk membina pengalaman dan kemahiran dalam memupuk kemahiran membaca awal melalui pengalaman yang konkrit dengan bantuan yang minima daripada guru.
3. Konsep PdP membaca awal yang menyeronokkan sesuai dengan konsep Modul Riang Ria Membaca membantu meningkatkan kemahiran membaca murid prasekolah di pedalaman Sabah. Pemilihan lagu dengan melodi irama lagu rakyat Malaysia dan lagu tempatan Sabah menarik minat murid serta berkesan mencipta pengalaman pembelajaran yang *real* dan dekat dengan pengalaman kehidupan sebenar murid. Keadaan ini memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna dan membantu murid untuk lebih mudah menerima dan memahami pengajaran guru dan sekali gus telah meningkatkan kemahiran membaca awal.
4. Teori psikologi telah dibuktikan secara empirikal bahawa apabila murid berasa seronok semasa pelaksanaan PdP, perasaan suka serta emosi yang positif, mereka akan lebih mudah menerima pembelajaran bahkan lebih berpotensi untuk menguasai kemahiran yang diajarkan. Ujian Wilcoxon menunjukkan bahawa pencapaian murid dalam kumpulan rawatan adalah lebih baik berbanding dengan kumpulan kawalan. Peningkatan pencapaian kumpulan rawatan adalah lebih baik berbanding kumpulan kawalan. Peningkatan pencapaian kumpulan rawatan adalah disebabkan oleh penggunaan Modul Pengajaran MRRM yang berasaskan kepada empat aras taksonomi pemikiran dalam membaca iaitu literal, interpretasi, penilaian dan asimilasi. Selain itu, pengintegrasian pendekatan belajar melalui bermain turut memberi sumbangan terhadap peningkatan pencapaian kemahiran membaca awal murid. Demikian juga pengintegrasian prinsip PdP menggunakan pendekatan berasaskan teori kecerdasan pelbagai dan pendekatan konstruktivisme membantu mewujudkan suasana PdP menyeronokkan dan bermakna.
5. Kesimpulannya, pemilihan tiga teori psikologi perkembangan kognitif serta pengintegrasian tiga pendekatan pembelajaran dalam Modul Pengajaran MRRM sangat sesuai digunakan dalam pendidikan awal kanak-kanak khususnya dalam pengajaran kemahiran membaca awal. Diharapkan kajian ini dapat memberikan sumbangan dan manfaat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, guru prasekolah dan para pengkaji lain.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Kajian pembangunan modul menggunakan Model ADDIE dan Morrison II ini mengambil kaedah dan bahan nyanyian untuk pengajaran kemahiran membaca awal di prasekolah. Pendekatan ini berkonsepkan didik hibur dengan menggabungkan nyanyian dan belajar melalui bermain sebagai pakej kaedah dalam pengajaran kemahiran membaca awal. PdP dilaksanakan dalam suasana yang menyeronokkan dan bermakna. Dalam Modul Pengajaran MRRM, kedua-dua kaedah ini sentiasa digunakan secara berurutan dalam kesemua sub modul untuk mengajar kumpulan rawatan. Sementara kumpulan kawalan diajar menggunakan kaedah konvensional. Selepas tempoh pengajaran menggunakan Modul Pengajaran MRRM selama 12 minggu, akan dilihat perbandingan min skor pencapaian kemahiran antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan bagi melihat kesan penggunaan kaedah nyanyian dan bermain dengan kaedah konvensional sahaja. Untuk kajian lanjutan, pengkaji mencadangkan agar pengkaji lain membuat perbandingan antara empat kumpulan dengan tiga kumpulan rawatan dan satu kumpulan kawalan. Misalnya kumpulan rawatan satu akan menggunakan kaedah PdP nyanyian dan gerak tari, kumpulan rawatan kedua menggunakan kaedah nyanyian dan belajar melalui bermain dan kumpulan rawatan ketiga akan menggunakan nyanyian sahaja. Manakala kumpulan kawalan akan menggunakan kaedah konvensional. Perbandingan boleh dibuat untuk keempat-empat kumpulan sebelum dan selepas penggunaan Modul Pengajaran MRRM bagi melihat kesan keempat-empat kaedah berlainan.
2. Pengkaji hanya menggunakan pendekatan Kodaly dalam menentukan kriteria lagu serta kaedah mengajar nyanyian. Penggunaan kaedah Kodaly dalam Modul Pengajaran MRRM ini boleh diperluas melalui penggabungan dengan teknik pengajaran murid pendekatan Dalcroze dan Orff. Penggabungan teknik pengajaran muzik Kodaly, Dalcroze dan Orff dalam kajian dapat mempelbagaikan serta melengkapkan kaedah pengajaran nyanyian. Misalnya, dalam intervensi menggunakan penggabungan tiga kaedah ini, bukan sahaja dapat meningkatkan kemahiran koordinasi murid menyanyi sambil menepuk corak irama, pengkaji juga dapat menggunakan komponen sebutan berirama dengan memperkenalkan simbol-simbol yang mewakili notasi untuk pembelajaran corak irama. Seterusnya dengan penggabungan pendekatan Orff pula, pengkaji boleh menggunakan komponen eksplorasi dengan menjalankan aktiviti menggunakan alat perkusi sebagai aktiviti pengukuhan. Dalam erti kata lain, murid-murid menyanyi sambil bermain alat perkusi selain bergerak dan menepuk tangan.
3. Cadangan kajian lanjutan seterusnya dari segi mengecilkan fokus kajian kepada salah satu atau dua konstruk sahaja. Dalam kajian ini, pengkaji telah merangkumi empat konstruk kemahiran membaca iaitu kemahiran prabaca, huruf abjad, suku kata dan perkataan serta frasa dan ayat. Pengkaji mencadangkan dalam kajian lanjut, pengkaji lain boleh memfokuskan pada konstruk frasa dan ayat sahaja dengan menyediakan pemerinkatan kemahiran membaca berpegang kepada prinsip ansur maju. Dengan memfokuskan pada satu atau dua konstruk, ia akan membantu murid untuk lebih menguasai sesuatu kemahiran dengan mendalam dan berkesan.
4. Pengkaji mencadangkan pengkaji lain agar membuat kajian dengan memfokuskan salah satu fasa daripada lima fasa dalam Model ADDIE. Pengkaji lain boleh membuat kajian dengan hanya membuat penilaian terhadap kebolegunaan Modul Pengajaran MRRM untuk kumpulan sasaran murid yang berlainan misalnya untuk murid bermasalah pembelajaran atau murid prasekolah di lokasi lain seperti di bandar.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



# PENGARUH KEMAHIRAN BERFIKIR KRITIS TERHADAP STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SERTA KOMPETENSI PENGAJARAN DALAM KALANGAN SISWA GURU DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

**BADRUDDIN HASSAN**  
Universiti Sultan Zainal Abidin

## ABSTRAK KAJIAN

Usaha melatih siswa guru untuk mencapai tahap standard kompetensi yang ditetapkan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) merupakan komitmen yang perlu direalisasikan oleh pensyarah. Siswa guru perlu mencapai tahap kompetensi bagi memastikan kemahiran berfikir kritis (KBK) dapat diaplikasikan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Penyediaan struktur latihan pra perkhidmatan yang berkesan perlu bagi memastikan elemen KBK dilaksanakan oleh siswa guru. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengenal pasti tahap KBK, tahap Strategi Pengajaran dan Pembelajaran (SPdP) dan tahap Kompetensi Pengajaran Guru (KPG). Terdapat sembilan objektif kajian dan sembilan hipotesis kajian dikemukakan untuk menjawab permasalahan kajian. Kajian secara tinjauan rentasan ini menggunakan instrumen soal selidik untuk mengumpul data yang melibatkan 473 orang responden. Pensampelan rawak mudah digunakan untuk memilih sampel kajian yang terdiri daripada siswa guru di IPGM. Analisis terhadap dapatan kajian dilakukan dengan menggunakan perisian SPSS versi 22 untuk menghuraikan dapatan secara statistik deskriptif bagi memperoleh peratus, min dan sisihan piawai. Manakala dapatan kajian dianalisis secara statistik inferensi dengan menggunakan Ujian-t, *Analysis of Varians* (ANOVA), Korelasi Pearson dan Regresi Linear Pelbagai untuk menjelaskan perbezaan, hubungan dan pengaruh yang wujud antara tahap KBK dengan tahap SPdP dan tahap KPG. Dapatan kajian menunjukkan tahap yang tinggi bagi KBK, SPdP dan KPG. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi jantina, sijil kelayakan masuk ke IPGM dan jumlah jam mengikuti kursus KBK. Namun, terdapat perbezaan yang signifikan bagi bidang pengkhususan dan pencapaian akademik terhadap KBK, SPdP dan KPG. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada tahap sederhana antara KBK dengan SPdP dan KPG. Didapati terdapat hubungan yang kuat antara SPdP dengan KPG. Analisis dapatan kajian menunjukkan wujud pengaruh KBK pada tahap rendah terhadap SPdP dan pada tahap sederhana terhadap KPG. Kesimpulannya, hasil kajian ini menunjukkan pemboleh ubah KBK, SPdP dan KPG mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pemikiran kritis siswa guru. Halangan-halangan yang dihadapi oleh siswa guru dalam mempraktikkan KBK di dalam kelas semasa menjalani latihan praktikum perlu diberi perhatian oleh pihak IPGM. IPGM selaku pelaksana latihan keguruan berperanan untuk melaksanakan penambahbaikan terhadap kandungan latihan agar menitikberatkan elemen KBK dalam kalangan siswa guru. Siswa guru perlu merancang dan menggunakan SPdP seperti Strategi Penyoalan, Strategi Pembelajaran Aktif, Strategi Pembelajaran Berasaskan Masalah dan Strategi Pembelajaran Koperatif yang berupaya meningkatkan KBK. Tahap SPdP yang tinggi dapat menunjukkan siswa guru mempunyai keyakinan terhadap penyampaian elemen KBK semasa proses PdP. Tahap KPG siswa guru yang terdiri daripada nilai profesionalisme, kemahiran PdP dan komunikasi merupakan konstruk yang memberi kesan terhadap KBK siswa guru.

Kajian ini berjaya mencadangkan Model KBK, SPdP dan KPG siswa guru sebagai panduan dalam melaksanakan KBK, SPdP dan KPG dengan menggunakan Model Lajur. Implikasi daripada kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pembangunan latihan di institusi latihan perguruan khususnya dalam meningkatkan kualiti siswa guru yang mempunyai KBK yang tinggi pada masa hadapan dan dapat memenuhi cabaran pendidikan abad ke-21.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan tahap amalan KBK, SPdP dan KPG siswa guru semasa menjalani latihan praktikum adalah berada pada tahap tinggi. Namun, terdapat juga faktor dalam KPG yang mencatat tahap amalan yang tinggi iaitu kemahiran pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan siswa guru. Dalam aspek perbezaan tahap amalan pula, dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengikut jantina bagi faktor jantina, sijil kelayakan masuk IPGM, jumlah jam mengikuti bengkel dan pencapaian akademik. Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor pengkhususan terhadap KBK, SPdP dan KPG. Dapatan kajian juga menunjukkan hubungan antara KBK dengan SPdP dan KPG dengan tahap lemah dan tahap sederhana. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan pada tahap sederhana antara SPdP dan KPG. Selain itu, pemboleh ubah peramal KBK telah wujud sebagai peramal yang signifikan kepada strategi PdP dan KPG pada tahap sederhana. Ini menunjukkan siswa guru mempunyai kemahiran KBK dan berupaya mengaplikasikan KBK ini semasa menjalani latihan praktikum.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian tentang KBK, SPdP dan KPG dalam kalangan siswa guru di IPG masih mempunyai batasan disebabkan oleh pendekatan kajian, pensampelan kajian, metodologi kajian dan tempoh pelaksanaan penyelidikan yang terhad. Justeru, berikut dikemukakan beberapa cadangan untuk kajian lanjut:

1. Kajian ini hanya dijalankan terhadap siswa guru di seluruh Malaysia yang melibatkan 24 buah kampus IPGM. Bagi mendapatkan maklumat yang lebih menyeluruh, adalah dicadangkan kajian yang sama dapat dijalankan terhadap siswa guru yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di universiti awam dan universiti swasta.
2. Fokus kajian ini dijalankan hanya kepada siswa guru semester tujuh. Justeru, dicadangkan sampel kajian dikembangkan kepada siswa guru semester lima untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci berkenaan tahap KBK, SPdP dan KPG semasa siswa guru menjalani latihan praktikum.
3. Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan pendekatan kuantitatif sepenuhnya. Justeru, dicadangkan kajian lanjutan dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan eksperimental dan juga pendekatan kualitatif.
4. Kajian ini hanya berfokuskan tahap KBK, SPdP dan KPG. Justeru, adalah dicadangkan kajian lanjutan dilaksanakan merangkumi kemahiran berfikir kreatif dan inovatif.
5. Selain daripada mengenal pasti tahap KBK, SPdP dan KPG dalam kalangan siswa guru di IPGM, kajian lanjutan boleh dilaksanakan dengan menguji perkaitan antara tahap KBK, SPdP dan KPG dalam kalangan siswa guru di IPG dengan tahap pencapaian pelajar di sekolah rendah.

6. Kajian juga mendapati bahawa usaha mengubah amalan pengajaran memerlukan masa yang agak lama. Oleh itu, dicadangkan supaya satu kajian menggunakan reka bentuk longitudinal dilaksanakan bagi melihat sama ada tempoh masa yang lebih panjang akan menghasilkan dapatan kajian yang lebih mendalam.
7. Sejar dengan keperluan dan perkembangan Revolusi Industri 4.0, aspek KBK ialah alat kemahiran berfikir yang merupakan konstruk utama dalam kajian ini. Adalah dicadangkan agar ia digabungkan dengan sumber *Internet of Thing* agar kajian menjadi lebih menyeluruh dan terkini.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



## POTENSI STORY MAP GIS BAGI MEMPERKUKUH KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM MATA PELAJARAN SEJARAH

**SHUHaida ABDUL MALEK**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### ABSTRAK KAJIAN

Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) mata pelajaran Sejarah di sekolah yang bersifat hafalan serta '*chalk and talk*' adalah kurang efektif untuk mengukuhkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan murid. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti potensi aplikasi '*Story Map GIS*' (SMGIS) bagi memperkukuh KBAT murid dalam mata pelajaran Sejarah. Kajian ini melibatkan 30 orang murid tingkatan enam atas dan tiga orang guru yang merupakan sampel daripada tiga buah sekolah di Negeri Sembilan. Kedua-dua kumpulan ini (murid dan guru) dipilih berdasarkan keputusan Sejarah STPM 2016 dan 2017 yang hampir setara sementara keputusan mata pelajaran Sejarah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) murid adalah berada pada kedudukan Gred A hingga Gred C. Empat kaedah dalam pengumpulan data iaitu analisis kandungan SMGIS murid, pemerhatian, temu bual mendalam terhadap guru-guru terlibat dan temu bual kumpulan berfokus kepada murid-murid. Ia dijalankan dalam tiga fasa iaitu fasa perbengkelan, fasa pembentangan dan sesi temu bual. Nilai Pekali Persetujuan Cohen Kappa adalah tinggi iaitu 0.966. Pengkaji menjalankan analisis tematik dan analisis kandungan bagi menjawab persoalan kajian menggunakan aplikasi ATLAS. Melalui tema secara induktif dan deduktif, kajian mendapati bahawa guru amat memahami konsep KBAT manakala murid sebaliknya kerana kurangnya pendedahan terhadap konsep KBAT sebenar. Majoriti murid dan guru mempunyai persepsi positif terhadap aplikasi SMGIS sama ada dalam aspek fizikal atau emosi. Guru mempromosi KBAT melalui peranan mereka sebagai rujukan utama, pembimbing, motivator dan suri teladan kepada murid. Hasil analisis tematik menunjukkan keempat-empat domain KBAT iaitu meneroka, menganalisis, menilai dan mencipta berjaya dipupuk melalui aplikasi SMGIS. Pengaplikasian SMGIS juga turut menggalakkan amalan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21). SMGIS berpotensi memperkukuh KBAT murid kerana ketiga-tiga kes kajian memenuhi kriteria domain yang diusulkan dalam Taksonomi Bloom Digital. Impak daripada kajian ini dapat meningkatkan pemahaman murid terhadap mata pelajaran Sejarah seterusnya membantu proses pengukuhan KBAT mereka. Walaupun kajian ini berjaya membuktikan bahawa SMGIS berpotensi memperkukuh KBAT murid, namun keterlibatan guru dalam penyediaan tugas yang bersifat KBAT perlu dipertingkatkan di samping usaha murid untuk meneroka secara mendalam aplikasi ini yang sangat membantu untuk memperkukuh KBAT mereka.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Melalui kajian ini didapati bahawa SMGIS merupakan aplikasi yang dapat mengukuhkan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah. Secara keseluruhannya, murid menengah yang terlibat di dalam kajian ini berjaya menguasai aplikasi SMGIS dan dapat mengukuhkan KBAT mereka. Walau bagaimanapun, sejauh mana pengukuhan KBAT tersebut bergantung kepada perasaan ingin tahu dan keinginan murid itu untuk meneroka aplikasi tersebut.

Antara faktor kurangnya minat murid untuk meneroka adalah kerana mereka kurang mahir dengan TMK yang sepatutnya telah dikuasai di peringkat tingkatan enam. Adalah menjadi tanggungjawab pihak sekolah, ibu bapa, masyarakat setempat dan kerajaan untuk memastikan murid diberi pendedahan awal tentang TMK dan mereka telah menguasai kemahiran ini semasa di peringkat menengah. Hal ini bagi memastikan negara kita bergerak ke hadapan sejajar dengan kemajuan sistem pendidikan di peringkat global. Pemupukan KBAT dalam kalangan generasi muda penting untuk kebolehpasaran mereka dalam sektor pekerjaan kini yang menuntut mereka supaya berfikiran lebih kritikal.

Kajian ini dijalankan setelah mengambil kira suasana pendidikan di Malaysia ketika ini, iaitu dengan penggalakan kepada pendidikan yang mengamalkan suasana PAK-21 untuk mewujudkan murid yang berfikiran KBAT. Penggunaan aplikasi yang sesuai dengan suasana semasa yang melibatkan penggunaan TMK dapat menarik minat murid untuk terus mengeksplorasi. Selain itu, kurangnya kajian yang dilakukan di Malaysia berkaitan penggunaan aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS) dalam Pendidikan di peringkat sekolah khususnya SMGIS antara faktor kajian ini dilaksanakan. Adalah menjadi harapan agar hasil dapatan kajian ini dapat memberi informasi berguna untuk dimanfaatkan dalam menangani evolusi yang melanda dunia pendidikan dewasa ini.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Menyedari terdapatnya batasan-batasan kajian, maka hasil kajian diharap dapat dijadikan titik tolak untuk kajian akan datang seperti yang berikut:

1. Memandangkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji menggunakan kaedah kualitatif yang mempunyai informan yang sedikit, maka dapatan tidak dapat digeneralisasikan kepada semua murid tingkatan enam di seluruh Negeri Sembilan mahu pun di seluruh negara. Oleh itu, adalah disarankan supaya pada masa datang kaedah kuantitatif boleh digunakan dengan mengambil sampel yang lebih besar dan mungkin kajian jenis eksperimen boleh dijalankan untuk melihat keberkesanan aplikasi SMGIS bagi mengukuhkan KBAT murid dalam mata pelajaran Sejarah.
2. Kajian ini juga boleh dipanjangkan ke peringkat sekolah rendah untuk melihat kemampuan murid sekolah rendah di Malaysia dalam mengaplikasi SMGIS sebagaimana murid di Amerika Syarikat iaitu K12 yang menguasai GIS sejak di sekolah rendah. Selain itu, pada masa akan datang, dicadangkan supaya pengkaji lain mengkaji hasil kerja murid yang dibuat secara individu dalam aplikasi SMGIS berbanding pengkaji yang menjalankan kajian hasil kerja murid secara berkumpulan.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



# PENILAIAN PENGETAHUAN KOSA KATA BAHASA ARAB DALAM KEMAHIRAN MENULIS PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA

**ZUNITA MOHAMAD MASKOR**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menilai penguasaan pengetahuan kosa bahasa Arab dalam kemahiran menulis pelajar SMKA. Kerangka konsep kajian adalah berdasarkan Model Penilaian Hammond (1967, 1973) yang menyetengahkan pemboleh ubah pelajar daripada (Dimensi Institusi), pemboleh ubah Isi Kandungan Pelajaran (Dimensi Pengajaran) serta pemboleh ubah Domain Kognitif (Dimensi Tingkah laku). Kajian ini juga turut didasari oleh Teori Kompetensi Bahasa (Bachman (1990); Teori Kompetensi Komunikatif (Bachman & Palmer 1996) dan Model Kebolehan Kosa Kata (Chapelle 1994). Kajian ini adalah kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Pengkaji telah membahagikan populasi kajian berdasarkan persampelan rawak berstrata mengikut pembahagian zon, jantina dan gred pencapaian bahasa Arab dalam PT3. Sampel berjumlah 483 orang yang mencakupi 162 orang pelajar lelaki dan 321 orang pelajar perempuan tingkatan empat daripada lapan buah SMKA di Semenanjung Malaysia. Kajian ini menggunakan instrumen pengetahuan kosa kata bahasa Arab yang dinamakan Inventori Pengetahuan Kosa Kata Bahasa Arab (PekKA) dan instrumen kemahiran menulis. Analisis data menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Data deskriptif yang digunakan adalah untuk menghuraikan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai yang melibatkan data yang diperoleh daripada kedua-dua ujian. Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 25. Pengujian statistik inferensi adalah menggunakan ujian MANOVA, korelasi Pearson dan regresi berganda. Dapatan kajian memperlihatkan terdapat perkaitan dan pengaruh antara pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam Dimensi Pengajaran dan Dimensi Institusi ke atas Dimensi Tingkah Laku berdasarkan Model Penilaian Hammond. Keseluruhannya, tahap penguasaan pengetahuan kosa kata dan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar SMKA adalah sederhana. Dapatan kajian ini turut memberi implikasi ke atas kurikulum yang menjelaskan sejauh mana tahap penguasaan kosa kata dan kemahiran menulis pelajar SMKA dalam bahasa Arab. Penambahbaikan kaedah dan strategi pengajaran perlu dilakukan bagi meningkatkan tahap penguasaan pengetahuan kosa kata dan kemahiran menulis dalam bahasa Arab di masa akan datang. Integrasi model kosa kata dan teori komunikatif dilihat memberi perspektif baru dalam kajian bahasa Arab. Model Penilaian Hammond yang jarang digunakan dalam kajian penilaian di Malaysia juga dilihat dapat memberi penilaian secara holistik ke atas penguasaan pengetahuan kosa kata bahasa Arab pelajar SMKA di Semenanjung Malaysia.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini telah mengemukakan jawapan kepada persoalan kajian dan memenuhi objektif kajian yang berkaitan penilaian tahap penguasaan pengetahuan kosa kata bahasa Arab dalam kemahiran menulis pelajar SMKA. Dapatan kajian, perbincangan dan kesimpulan telah dilaksanakan bagi menjelaskan situasi penguasaan pengetahuan kosa kata dalam kalangan pelajar SMKA. Implikasi kajian ini melibatkan implikasi terhadap model dan teori, implikasi terhadap pengajaran, implikasi terhadap kurikulum dan implikasi terhadap pengukuran.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Memandangkan kajian ini terhad kepada pelajar SMKA, kajian akan datang dicadangkan untuk menggunakan persampelan melibatkan pelajar KAA dan SABK di seluruh Malaysia. Kepelbagaian sampel ini dijangka akan dapat menghasilkan dapatan yang lebih komprehensif dan terperinci. Malah, kajian seperti ini juga boleh diperluaskan ke setiap peringkat bermula kanak-kanak, peringkat rendah, menengah, tertiar dan seterusnya dalam kalangan orang dewasa bukan penutur. Proses daya ingatan kerja dalam pemprosesan mental leksikon bahasa Arab juga boleh diterokai berdasarkan panduan daripada kajian ini. Keunikan bahasa Arab sebagai bahasa fleksi dan hubungannya dengan pengetahuan-pengetahuan linguistik yang lain boleh dikaji bagi melihat impaknya ke atas kemahiran bahasa menerusi proses metakognitifnya.
2. Adalah dicadangkan agar kajian menggunakan pendekatan kualitatif bagi melihat penguasaan kosa kata dengan lebih terperinci dijalankan. Penggunaan analisis faktor menggunakan analisis SEM seperti AMOS dan Smart PLS juga turut dilihat sebagai suatu kaedah yang dapat melihat pengaruh setiap peramal dengan lebih holistik serta menyumbang kepada model baru. Model pengukuran Rasch juga boleh diaplikasikan sebagai satu kaedah membina profil pengetahuan kosa kata menerusi Pemetaan Individu - *Item (Wright Map)* dan Fungsi Pembezaan Item (*DIF*).
3. Kajian lanjutan perlu menitikberatkan matlamat kajian ke arah meningkatkan penguasaan pengetahuan kosa kata bahasa Arab pelajar dalam semua peringkat. Kajian yang akan datang disarankan agar mengambil kira cadangan yang dibincangkan di atas bagi mencapai salah satu hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu ke arah mengukuhkan penguasaan bahasa Arab sebagai bahasa asing dalam sistem pendidikan negara. Di samping itu, kajian akan datang diharap dapat membuktikan bahawa teori-teori komunikatif dan model-model pengetahuan kosa kata yang belum diterokai di Malaysia bagi mendapatkan maklumat empirikal ke atas pembelajaran bahasa Arab.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



## **PENDEKATAN BERASASKAN SOSIO-SAINTEFIK BERBANTUKAN PETA PEMIKIRAN MASA HADAPAN TERHADAP LIMA KONSTRUK PEMIKIRAN MASA HADAPAN PELAJAR**

**MOHAMMAD SYAFIQ ABD RAHMAN**  
Universiti Malaysia Sabah

### **ABSTRAK KAJIAN**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji kesan pengintergrasian Pendekatan Berasaskan Sosio-Saintifik Berbantuan Peta Pemikiran Masa Hadapan (P2S2PMH) ke atas lima konstruk pemikiran masa hadapan iaitu (i) memahami situasi semasa, (ii) mengenal pasti trend, (iii) menganalisis pemacu yang relevan, (iv) mensintesis kemungkinan atau keperluan masa hadapan dan (v) memilih dengan justifikasi masa hadapan yang diinginkan. Satu modul pengajaran dibina dan digunakan sebagai panduan kepada guru dalam melaksanakan kaedah P2S2PMH terhadap lima konstruk pemikiran masa hadapan. Kajian berbentuk kuasi eksperimental telah dilaksanakan ke atas 255 orang murid tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran Sains kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebanyak tiga kumpulan dibahagikan menggunakan teknik persampelan bertujuan iaitu kaedah (i) Kaedah Berasaskan Sosio-Saintifik Berbantuan Peta Pemikiran Masa Hadapan (P2S2PMH,  $n=85$ ), (ii) Kaedah Sosio-Saintifik (PSS-placebo,  $n=85$ ) dan (iii) Kaedah Tradisional (TRD,  $n=85$ ). Instrumen Ujian Pemikiran Masa Hadapan (UPMH) pra dan pasca dibangun dan digunakan bagi mengukur tahap pemikiran masa hadapan di awal dan di akhir intervensi. Temu bual dijalankan ke atas enam murid dalam kumpulan P2S2PMH untuk mendapatkan pandangan murid mengenai proses pemupukan pemikiran masa hadapan yang menjalani kaedah ini. Analisis data kuantitatif dilaksanakan menggunakan MANCOVA, ANCOVA dan Saiz Kesan (SK) sementara analisis tematik bagi dapatan temu bual. Hasil analisis MANCOVA menunjukkan terdapat kesan yang signifikan secara statistik merentasi ketiga-tiga kumpulan kaedah pengajaran [ $F(2, 247) = 60.90, p < 0.01$ ]. Hasil analisis ANCOVA menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan secara statistik kaedah P2S2PMH berbanding kaedah PSS dan TRD terhadap lima konstruk pemikiran masa hadapan (i) memahami situasi semasa [ $F(2, 251) = 186.6, p < 0.01$ ], (ii) mengenal pasti trend [ $F(2, 251) = 287.36, p < 0.01$ ], (iii) menganalisis pemacu yang relevan [ $F(2, 251) = 469.29, p < 0.01$ ], (iv) mensintesis kemungkinan atau keperluan masa hadapan [ $F(2, 251) = 196.13, p < 0.01$ ] dan (v) memilih dengan justifikasi masa hadapan yang diinginkan [ $F(2, 251) = 279.12, p < 0.01$ ]. Kaedah P2S2PMH menunjukkan min skor pasca lebih tinggi dan ukuran saiz kesan yang lebih besar berbanding kaedah PSS dan TRD, manakala kaedah PSS turut menunjukkan min skor yang lebih tinggi dan ukuran saiz kesan yang lebih besar berbanding kaedah TRD di kelima-lima konstruk pemikiran masa hadapan. Hasil dapatan temu bual menunjukkan subjek kajian bersetuju kaedah P2S2PMH yang didasari oleh isu dan aspek sosio-saintifik mempengaruhi penglibatan, penghujahan dan penjaan idea-idea di dalam bilik darjah. Di samping itu, pengintergrasian peta pemikiran membantu subjek memahami dan mengaitkan idea-idea hasil daripada perbincangan kumpulan kecil ke peringkat yang lebih kompleks sekaligus meningkatkan

penguasaan pemikiran masa hadapan. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa kaedah dan modul P252PMH memberikan implikasi positif terhadap pemupukan pemikiran masa hadapan. Penemuan ini dapat membantu Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melahirkan komuniti pelajar yang berfikir ke hadapan sesuai dengan Pendidikan Abad ke-21 dan agenda nasional.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian ini memfokuskan kepada keputusan ujian MANCOVA, ANVOCA, perbandingan perbezaan min dan saiz kesan (ES) pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar (pasca UPMH) mendapati ia menyokong hipotesis kajian. Secara ringkasnya, terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara pemboleh ubah bebas iaitu kaedah pengajaran P252PMH, kaedah PSS Dan TRD terhadap pemikiran masa hadapan bagi konstruk memahami situasi semasa, mengenal pasti trend, menganalisis pemacu yang relevan, mensintesis kemungkinan atau keperluan masa hadapan dan terakhir konstruk justifikasi pemilihan masa hadapan yang diinginkan. Berikut adalah ringkasan dapatan keputusan kuantitatif bagi kajian ini:

1. Pelajar yang mengikuti kaedah P252PMH akan menghasilkan skor min ujian pasca secara signifikan lebih tinggi berbanding pelajar yang mengikuti kaedah PSS dalam konstruk "Memahami Situasi Semasa".
2. Pelajar yang mengikuti kaedah P252PMH akan menghasilkan skor min ujian pasca secara signifikan lebih tinggi berbanding pelajar yang mengikuti kaedah PSS, seterusnya skor min ujian pasca kaedah PSS secara signifikan lebih tinggi berbanding pelajar yang mengikuti pembelajaran menggunakan kaedah Tradisional dalam konstruk "Mengenal pasti Trend".
3. Pelajar yang mengikuti kaedah P252PMH akan menghasilkan skor min ujian pasca secara signifikan lebih tinggi berbanding pelajar yang mengikuti kaedah PSS, seterusnya skor min ujian pasca PSS secara signifikan lebih tinggi berbanding pelajar yang mengikuti pembelajaran menggunakan kaedah Tradisional dalam konstruk "Menganalisis pemacu yang relevan".
4. Pelajar yang mengikuti kaedah P252PMH akan menghasilkan skor min ujian pasca secara signifikan lebih tinggi berbanding pelajar yang mengikuti kaedah PSS, seterusnya skor min ujian pasca PSS secara signifikan lebih tinggi berbanding pelajar yang mengikuti pembelajaran menggunakan kaedah Tradisional dalam konstruk "Mensintesis kemungkinan atau keperluan pada masa hadapan".
5. Pelajar yang mengikuti kaedah P252PMH akan menghasilkan skor min ujian pasca secara signifikan lebih tinggi berbanding pelajar yang mengikuti kaedah PSS, seterusnya skor min ujian pasca PSS secara signifikan lebih tinggi berbanding pelajar yang mengikuti pembelajaran menggunakan kaedah Tradisional dalam konstruk "Pemilihan dengan justifikasi keperluan pada masa hadapan".

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian ini menumpukan kepada keberkesanan modul P252PMH yang mengintegrasikan elemen sosio-saintifik dan peta pemikiran masa hadapan dalam pemupukan penguasaan pemikiran masa hadapan terhadap pembelajaran Sains dalam kalangan pelajar tingkatan Empat. Beberapa cadangan kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Reka bentuk kuasi eksperimental sering digunakan bagi melihat keberkesanan sesuatu kaedah pengajaran, modul atau program dalam pelbagai situasi yang tidak dapat menggunakan reka bentuk eksperimen tulen terutamanya dalam situasi sebenar di sekolah (Asmah, 2008; Chua, 2006; Gribbons & Herman, 1997; Newman, 1991). Manakala Handley et. (2018) pula menyarankan bahawa seseorang pengkaji perlu menyingkirkan sebarang pemboleh ubah luaran dalam reka bentuk ini dari tiga aspek utama iaitu pencapaian, umur dan gaya pengajaran bagi meningkatkan kesahan dalaman kuasi eksperimental. Penglibatan seramai 96 orang pelajar lelaki dan 169 orang pelajar perempuan sebagai subjek kajian jelas menunjukkan terdapat perbezaan daripada aspek jantina. Jurang perbezaan jantina adalah disebabkan kumpulan yang digunakan di lokasi kajian merupakan intact group sedia ada. Diharapkan kekangan ini dapat ditangani untuk kajian lanjutan pada masa hadapan.
2. Kajian ini hanya melibatkan tajuk-tajuk bagi tema Sains Fizikal dalam silibus Sains Teras Tingkatan Empat. Maka, diharapkan kekangan ini dapat ditangani melalui pemilihan skop tajuk diluaskan dan dikembangkan ke beberapa aspek lain dalam kajian lanjutan. Dapatan kajian ini yang berbentuk kuantitatif dapat menerangkan keberkesanan kaedah P252PMH berdasarkan perbezaan min skor ujian pra dan pasca. Manakala temu bual yang dijalankan hanya memfokuskan kepada pelajar dalam memahami mekanisme pembelajaran P252PMH memberi kesan ke atas pemboleh ubah bersandar pemikiran masa hadapan. Oleh itu, dalam kajian lanjutan adalah dicadangkan supaya data-data kualitatif dikumpul menerusi pemerhatian, analisis dokumen hasil kerja pelajar dan temu bual guru-guru yang terlibat dalam kajian. Dengan itu, dapatan kajian lanjutan dapat memberi penjelasan secara lebih terperinci tentang sejauh mana mekanisme pelaksanaan P252PMH memberi kesan kepada pemboleh ubah kajian supaya dapat mengukuhkan dapatan daripada data kuantitatif.
3. Dari segi pemilihan sampel, kajian ini hanya mengambil pelajar-pelajar jurusan Sains Teras Tingkatan Empat kategori luar bandar di dalam zon Balung, Tawau. Oleh kerana kumpulan pelajar ini mewakili populasi di sekolah kategori luar bandar, maka dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pelajar tingkatan empat yang mengambil jurusan Sains Teras yang lain. Justeru, dalam kajian lanjutan, dicadangkan pemilihan sampel diambil daripada beberapa buah sekolah daripada daerah yang lain serta melibatkan bilangan sampel yang lebih ramai untuk meningkatkan lagi kualiti data yang diperolehi.
4. Dari segi penggunaan isu sosio-saintifik pula, kajian ini hanya menumpukan kepada enam isu yang dipilih dengan teliti berdasarkan ciri-ciri isu sosio-saintifik. Bagi kajian lanjutan, dicadangkan supaya diperbanyakkan isu-isu yang lebih terkini daripada pelbagai bidang. Kajian lebih meluas dan mendalam perlu dilakukan untuk mengenal pasti isu-isu terkini, sesuai dan relevan dengan keperluan kurikulum.
5. Dapatan kajian ini hanya memberi penjelasan dari segi kesan P252PMH terhadap pemboleh ubah tertentu sahaja iaitu lima konstruk pemikiran masa hadapan. Dicapangkan pada kajian lanjutan untuk meluaskan pemboleh ubah yang boleh dikaitkan dengan kaedah ini seperti minat, kemahiran membuat keputusan dan kemahiran berhujah.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



# KESAN GAYA BERFIKIR DAN KEMAHIRAN PENYELESAIAN MASALAH INVENTIF TERHADAP KEMAHIRAN PENYELESAIAN MASALAH

**SHANTY SAI'EN**  
Universiti Malaysia Sabah

## ABSTRAK KAJIAN

Model Kemahiran Berfikir Kritis Kreatif (KBBK) bertujuan menerapkan gaya berfikir kritis dan kreatif murid supaya mampu menyelesaikan masalah dengan baik. Namun, para guru terlepas pandang akan kepentingan gaya berfikir ini kerana fokus kepada penyelesaian masalah. Justeru, modul pengajaran berasaskan Model Meyer telah dibangunkan untuk membantu para guru mengajar kemahiran penyelesaian masalah. Modul ini telah dibangunkan dengan menggabungkan gaya berfikir kritis dan kreatif dan didasari Teori Penyelesaian Masalah Inventif (TRIZ) iaitu teori yang menggunakan kaedah berstruktur dan sistematik untuk menyelesaikan masalah inventif. Kajian ini bertujuan untuk menilai kesan pelaksanaan modul terhadap pencapaian Kemahiran Penyelesaian Masalah Inventif murid tahun empat Reka Bentuk dan Teknologi dalam lima aspek iaitu situasi masalah, punca masalah, strategi dan pendekatan, kebolehelesaian dan keaslian/keinovasian. Reka bentuk kuasi eksperimental digunakan dengan melibatkan pra-ujian dan pasca-ujian. Seramai 106 orang murid dipilih secara persampelan rawak kluster dan dibahagikan kepada kumpulan kawalan (52 orang murid) dan kumpulan rawatan (54 orang murid). Instrumen kajian yang digunakan adalah set pra-ujian dan pasca-ujian bagi mengukur pencapaian KPMI. Hasil analisis ujian MANCOVA menunjukkan terdapat peningkatan yang signifikan dalam kelima-lima aspek KPMI murid. Kesimpulannya, Model Gaya Berfikir dan KPMI berasaskan TRIZ membantu para guru dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kelas terutamanya dalam pencetusan idea dalam menyelesaikan masalah. Pendedahan gaya berfikir kritis dan kreatif dalam modul ini juga secara tidak langsung memandu pengguna agar mempunyai gaya seimbang yang mana berpotensi untuk menyelesaikan masalah dengan lebih berkesan.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Berikut merupakan rumusan kajian terhadap kesan penggunaan Modul Gaya Berfikir dan Kemahiran Penyelesaian Masalah Inventif:

1. Pendedahan ciri kritis yang digunakan dalam sistem pendidikan kita sekian lama telah mencorak pola gaya berfikir murid. Hal ini demikian dibuktikan dengan pola gaya berfikir yang dimiliki oleh kedua-dua kumpulan. Hasil daripada keputusan ujian gaya berfikir menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan mempunyai gaya berfikir kritis. Penggunaan MP untuk kajian ini menunjukkan peningkatan tahap KPMI memandangkan murid dapat merujuk dan mengikuti langkah demi langkah modul tersebut. Hal ini seiring dengan ciri gaya berfikir kritis murid yang lebih cenderung untuk melakukan sesuatu secara berstruktur dan arahan yang berturutan. Ciri kritis dan kreatif boleh dibandingkan dengan meletakkan dua ciri tersebut di atas dua permukaan siri kritis yang tinggi dan kurang kreatif, atau pun sebaliknya, malah mungkin seseorang itu mempunyai kedua-dua ciri secara seimbang. Maka, tidak hairanlah apabila murid-murid dalam kajian ini yang mempunyai ciri kritis yang tinggi mempunyai tahap kemahiran penyelesaian masalah inventif yang sangat lemah. Hal ini kerana seseorang yang mempunyai gaya berfikir seimbang sahaja berpotensi menyelesaikan masalah dengan lebih baik.
2. Berdasarkan lima aspek dalam KPMI, didapati murid sangat lemah dalam kesemua aspek pada awalnya. Namun, hasil pembelajaran menggunakan MP ke atas GB dan KPMI memberi kesan positif ke atas peningkatan kelima-lima aspek tersebut. Murid dapat mengenal pasti situasi masalah, punca masalah, memberikan strategi dan pendekatan penyelesaian masalah. Maka, dapat disimpulkan bahawa GB dan KPMI penting dalam meningkatkan tahap penguasaan KPMI. Implikasinya, pembelajaran menggunakan modul mendatangkan kebaikan serentak dalam aspek penguasaan KPMI dan penyeimbangan ciri kritis dan kreatif melalui penggunaan MP secara tidak langsung.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Berikut merupakan cadangan bagi kajian lanjutan yang digariskan oleh penyelidik:

1. Kajian perlu dilaksanakan ke atas sampel yang lebih besar menerusi persampelan rawak mudah. Hal ini kerana dalam konteks kajian ini, persampelan rawak kluster untuk aspek pemilihan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan bagi reka bentuk ini tidak dapat digeneralisasikan bagi mewakili populasi.
2. Kajian ini berfokuskan kepada sekolah rendah tahun empat mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi. Oleh itu, dicadangkan agar penyelidik yang berminat untuk menjalankan kajian ke atas sampel pelbagai latar belakang seperti tahun dan mata pelajaran.
3. Analisis perbezaan bagi menilai keberkesanan GB dan KPMI dalam konteks populasi boleh diperluas kepada jantina, jenis pola gaya berfikir, jenis sekolah, tahun, tahap pencapaian dan pendekatan pengajaran.
4. Penyelidik juga menyarankan agar pendekatan MP dalam pengajaran dan pembelajaran dipelbagaikan sebagai contoh dengan penggunaan *courseware*.



## PEMBINAAN DAN PENGESAHAN INSTRUMEN KEMAHIRAN PROSES SAINS

**ELLYZA KARIM**

**Universiti Kebangsaan Malaysia**

### ABSTRAK KAJIAN

Majoriti ujian Kemahiran Proses Sains (KPS) sedia ada berkonsepkan ujian aneka pilihan. Analisis yang digunakan adalah berdasarkan teori ujian klasik. Walaupun teori statistik ini telah digunakan dengan meluas, namun terdapat satu batasan iaitu berlaku pergantungan item terhadap sampel dalam analisis. Sehubungan dengan itu, instrumen berasaskan teori respons item wajar dibangunkan sejajar dengan perkembangan psikometrik dalam bidang pengukuran dan penilaian. Untuk mencapai tujuan ini, sebuah instrumen pentaksiran sendiri yang digelar Ujian Kemahiran Proses Sains (KePSa) dibina sebagai salah satu alat ukur yang sah secara empirik. Reka bentuk kajian tinjauan digunakan dengan kaedah kuantitatif sebagai cara menganalisis data. Data dianalisis menggunakan perisian Microsoft Excel, Statistik IBM SPSS versi 22 dan Winsteps versi 3.73. Terdapat 68 item dihasilkan dalam instrumen berskala Likert lima mata. Bagi kajian sebenar, instrumen ditadbir ke atas 514 orang murid lepasan UPSR tahun 2017 seluruh Malaysia yang dipilih secara rawak mudah. Pengesahan melibatkan tiga cara analisis statistik iaitu metode Fuzzy Delphi untuk mencapai konsensus bagi kesahan kandungan daripada 13 orang pakar bidang pendidikan Sains; pemurnian item dan skala berdasarkan model pengukuran Rasch; dan korelasi untuk mencari kekuatan dan arah perhubungan bagi mengesahkan kesahan kriteria. Analisis model pengukuran Rasch dilaksanakan untuk mengukur kesahan item daripada aspek keserasian item, polariti item, kebebasan setempat, analisis unidimensi, aras kesukaran item berdasarkan peta Wright dan perbezaan kefungsi item (DIF) berdasarkan jantina dan lokasi. Dapatan membuktikan kebanyakan keputusan memenuhi kehendak ciri psikometrik kecuali satu item mengalami masalah DIF jantina. Kesahan serentak disiasat antara instrumen KePSa dengan instrumen lain yang telah stabil iaitu Inventori KPS manakala kesahan ramalan dikaji melalui keputusan peperiksaan percubaan Sains Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Kedua-duanya menunjukkan tahap perhubungan yang kuat dan arah positif. Dalam aspek kebolehpercayaan, model pengukuran Rasch mencatatkan indeks pengasingan item-individu yang melepasi syarat dan indeks kebolehpercayaan item-individu yang sangat baik. Pembentukan profil dianalisis menggunakan kuartil dan persentil berdasarkan faktor jantina dan lokasi. Murid lelaki ( $M=3.76$ ,  $SP=0.66$ ) dan bandar ( $M=3.77$ ,  $SP=0.62$ ) mencatatkan min yang lebih tinggi daripada murid perempuan ( $M=3.68$ ,  $SP=0.66$ ) dan luar bandar ( $M=3.68$ ,  $SP=0.71$ ). Kesemua mereka tidak melepasi norma yang ditetapkan. Tahap kebolehan KPS majoriti murid secara keseluruhan ialah sederhana. Antara dapatan kajian yang penting harus difokuskan ialah kelemahan murid dalam reka bentuk prosedur eksperimen. Maka, cadangan untuk mengubah strategi melaksanakan eksperimen dapat diusulkan bagi menangani kelemahan ini pada masa hadapan. Selain itu, instrumen sebegini dapat

meringankan beban guru dalam penilaian KPS murid dalam aspek kebolehan selain pengetahuan. Tambahan, kepelbagaian jenis alat ukur dapat dihasilkan terutama jenis penilaian sendiri yang mencabar kemahiran berfikir aras tinggi murid supaya telus dalam menilai diri sendiri. Akhir sekali, kajian ini dapat memastikan kebolehsuaian teori respons item dalam mengisi kelompongan yang dibuat oleh kajian KPS lain yang dianalisis berdasarkan teori pengujian klasik.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan rumusan dapatan yang diperoleh, proses pembinaan KePSa didapati menepati reka bentuk pembinaan instrumen. Peringkat ketiga iaitu fasa pengesahan menunjukkan bahawa instrumen KePSa adalah memenuhi kriteria kesahan konstruk yang dicadangkan dalam model pengukuran Rasch. Kesemua kriteria kesahan iaitu polariti item, keserasian item, kesukaran item dan unidimensi didapati memenuhi garis panduan yang ditetapkan. Polariti item yang kesemuanya mempunyai nilai positif menunjukkan bahawa kesemua item bergerak selari ke arah mengukur satu konstruk yang sama iaitu tahap KPS. Keserasian item melalui infit MNSQ dan outfit MNSQ yang berada dalam julat 0.5 hingga 1.5 yang mana bersesuaian bagi data politomus memberi makna bahawa kesemua item adalah sepadan dengan model pengukuran Rasch dan kesemua item adalah produktif dalam mengukur tahap kebolehan KPS responden serta tidak menimbulkan kekeliruan kepada responden untuk memberi respons kepada item-item dalam instrumen KePSa.

Namun, tahap kesukaran item perlu ditingkatkan sedikit kerana min item berada di bawah min individu. Majoriti responden mempunyai kebolehan KPS di tahap sederhana, hanya sekumpulan minoriti sahaja murid cerdas. Maka tidak perlu banyak item sukar, cukup memadai menambah sedikit lagi item sukar agar boleh mencabar murid cerdas ini. Item juga tidak boleh tidak adil berdasarkan jantina, lokasi atau mana-mana pemboleh ubah lain yang boleh dikaji. Kajian DIF harus dilaksanakan pada pembinaan instrumen untuk memastikan item yang terhasil adil dalam semua aspek. Satu item dalam instrumen ini iaitu item kelima yang mengkaji deria rasa didapati mengalami masalah DIF jantina, di mana bias kepada murid lelaki. Ia digugurkan sewaktu analisis profil untuk tidak mengganggu analisis tahap kebolehan KPS murid ini. Namun, item 59 yang mengalami DIF lokasi tetap diambil kira sewaktu analisis profil selepas dirujuk pakar. Item ini tiada masalah semasa diuji rintis.

Aspek kesahan muka, kesahan kandungan, kesahan konstruk dan kesahan kriteria amat diutamakan dalam kajian pembinaan instrumen. Proses yang perlu dilalui ini mampu menghasilkan instrumen yang sah dan boleh dipercayai dalam konteks psikometrik. Walaupun kajian hanya melibatkan sampel murid sekolah rendah namun sumbangan yang besar mampu diketengahkan dalam bidang pendidikan sains. KPS merupakan nadi pembelajaran Sains. Murid yang berkebolehan tinggi dalam KPS merupakan murid yang berliterasi Sains. Maka, penilaian terhadap kemahiran ini mampu menyemak kelemahan murid seterusnya tindakan pembetulan boleh dirancang untuk memperbaiki kelemahan yang telah dikenal pasti.

Kajian korelasi dalam kajian ini dapat menunjukkan perhubungan antara tahap KPS dengan pemboleh ubah lain. Didapati, instrumen KePSa mempunyai perhubungan positif pada tahap kuat jika dibandingkan dengan instrumen lain yang turut mengkaji KPS. Begitu juga apabila dikorelasikan dengan pencapaian Sains. Secara spesifik, pencapaian Sains dalam kajian ini yang dirujuk ialah prestasi ujian Percubaan UPSR dalam subjek Sains. Keputusan menunjukkan terdapat perhubungan positif pada tahap kuat antara instrumen KePSa dengan pencapaian Sains. Maka, boleh dirumuskan instrumen KePSa layak dijadikan perbandingan dalam mengkaji kesahan serentak dan kesahan ramalan dalam aspek kesahan kriteria.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan dikemukakan kepada pengkaji lain untuk kajian akan datang. Walaupun instrumen KePSa telah melalui proses pengujian psikometrik bagi memastikan instrumen ini berjaya, namun analisis telah menunjukkan beberapa perkara yang perlu dibaiki seperti yang berikut:

### 1. Aras kesukaran item

Cadangan pertama ialah dengan meningkatkan aras kesukaran item. Item-item dalam peta item-individu pada bab lima menunjukkan min individu lebih tinggi daripada min item. Oleh itu, beberapa item yang berada dalam kelompok di bawah min item perlu diubah suai demi peningkatan aras kesukaran. Tidak perlu mengubah suai kesemua item, cuma ambil beberapa bilangan item yang dikehendaki bagi tujuan peningkatan aspek aras kesukaran. Ini kerana jika min murid yang rata-ratanya berada di tahap sederhana tetapi berada di atas min item, maka ini menunjukkan item-item tersebut berada di aras yang mudah.

### 2. Perbezaan kefungsiian item – Jantina

Cadangan kedua ialah menggantikan item yang mempunyai bias jantina. Hanya satu item iaitu item lima tentang deria rasa menunjukkan bias jantina iaitu lebih memihak kepada murid perempuan. Maka, item ini perlu diubah suai jika pengkaji lain berminat untuk mengkaji atribut pemerhatian dalam konteks KPS. Perbezaan jantina perlu diberi perhatian seperti dapatan kajian yang diperoleh oleh Shemesh (1990) apabila mendapati murid lelaki lebih cenderung dalam operasi kuantitatif formal berbanding murid perempuan. Murid perempuan didapati lebih cenderung kepada bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan sedangkan murid lelaki cenderung kepada bidang Sains, Matematik dan Teknologi. Maka, item perlu adil untuk kedua-dua jantina. Item yang menunjukkan bias jantina wajar diperbaiki untuk meningkatkan mutu instrumen.

### 3. Perbezaan kefungsiian item – Lokasi

Cadangan ketiga ialah memurnikan item yang mempunyai bias lokasi iaitu item 59 yang dilihat cenderung kepada murid bandar. Tidak dinafikan murid di bandar terdedah dengan pelbagai kemudahan berbanding murid luar bandar seperti kemudahan pusat tuisyen dan akses internet. Malah, laporan Bank Dunia (2010) turut mendapati pencapaian Sains murid luar bandar lebih rendah daripada bandar disebabkan beberapa faktor seperti kekurangan sumber, infrastruktur yang tidak terbela dan kadar pertukaran guru yang tinggi. Item 59 menunjukkan murid luar bandar tidak menyedari bahawa hipotesis yang mereka bina cuma sekadar cadangan. Dengan pelbagai pendedahan yang diperoleh oleh murid bandar berbanding luar bandar, maka tidak hairan mengapa mereka tidak menyedari hal ini. Dapatan ini selaras dengan dapatan profil tahap KPS di mana murid bandar didapati mengatasi murid luar bandar. Maka, guru Sains luar bandar berperanan dalam memperbaiki kesedaran murid luar bandar pada atribut membina hipotesis ini. Dedahkan murid dengan lebih latihan membina hipotesis. Lakukan kajian tindakan sebagaimana yang dibuat oleh Iman (2005) ke atas muridnya bagi memperbaiki kelemahan membuat inferens dalam kelas Sains beliau.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



## **KESAN PERANCAHAN, PEMBELAJARAN PENGATURAN KENDIRI DAN PENULISAN REFLEKSI TERHADAP REKAAN SENI VISUAL DALAM PERSEKITARAN PEMBELAJARAN ATAS TALIAN**

**MOHD YUSOF MUSTAFFA KAMAL**  
Universiti Sains Malaysia

### **ABSTRAK KAJIAN**

Sistem Pembelajaran Persekitaran Secara Atas Talian (SPPAT) adalah satu ruang perbincangan pembelajaran secara atas talian yang diwujudkan untuk membolehkan pelajar berhubung dengan guru dan rakan pada bila-bila masa terutama di luar waktu persekolahan. Objektifnya ialah untuk menggalakkan pelajar berkomunikasi dalam ruang forum dan berbincang tentang tugas Kajian Rekaan Seni Visual (KRSV) dalam pelajaran Pendidikan Seni Visual. Melalui SPPAT, pelajar diberi perancahan oleh guru secara berperingkat mengikut langkah dalam tugas KRSV bagi tajuk yang dipilih. Seramai 30 orang pelajar tingkatan empat dari sebuah sekolah di Pulau Pinang yang mengikuti mata pelajaran ini telah dipilih secara persampelan bertujuan sebagai peserta kajian. Pelajar dibahagikan kepada lima kumpulan dan setiap kumpulan terdiri daripada enam orang ahli yang memiliki tahap pembelajaran pengaturan sendiri (SRL) yang berbeza. Seterusnya, pelajar belajar secara dalam talian dan menyiapkan folio serta produk seni yang dikenal pasti. Sepanjang proses tersebut, pelajar perlu melukis mengikut langkah dalam tugas serta menghasilkan penulisan refleksi pada folio. Helai kerja pelajar dari folio bagi setiap langkah perlu dirakam dan dimuat naik dalam SPPAT untuk dinilai oleh guru. Soal selidik berkenaan jenis perancahan yang digunakan oleh guru serta strategi SRL pelajar turut ditadbir kepada para peserta kajian. Di samping itu, temu bual turut dijalankan bagi menyokong dapatan kuantitatif. Secara umumnya, dapatan kajian menunjukkan perancahan, strategi SRL dan penulisan refleksi menyumbang kepada skor folio dan produk seni pelajar. Berdasarkan soal selidik, didapati guru paling kerap memberikan perancahan isi kandungan, diikuti perancahan prosedur, perancahan metakognitif dan perancahan teknikal. Dapatan temu bual juga turut menyokong dapatan berkaitan perancahan yang diberikan guru. Seterusnya, dapatan soal selidik SRL menunjukkan para pelajar mengaplikasikan kesemua 11 strategi SRL yang dikenal pasti dan ia turut disokong oleh dapatan temu bual berkenaan. Seterusnya, kajian ini mendapati penulisan refleksi para pelajar adalah sama ada pada tahap sederhana atau pada tahap tinggi dan ia menunjukkan peningkatan dari satu peringkat ke peringkat seterusnya. Juga, penghasilan folio dan produk seni pelajar didapati berada sama ada pada tahap cemerlang atau baik. Kajian ini telah memberikan sumbangan kepada aspek teori dan praktikal berkaitan proses pengajaran dan pembelajaran PSV, di mana adalah disarankan agar proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan perancahan guru, kolaborasi sesama pelajar dalam kumpulan serta menggunakan strategi SRL yang bersesuaian dalam kalangan pelajar. Di samping itu, penulisan refleksi yang sistematik perlu diamalkan dalam menghasilkan folio dan produk seni yang berkualiti.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini telah berjaya mencapai objektifnya iaitu mengkaji bentuk-bentuk perancangan, strategi SRL pelajar, jenis perancangan, mengkaji tahap penulisan refleksi, serta tahap penghasilan folio dan produk seni. Kajian berbentuk gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif ini dilaksanakan kepada 30 orang pelajar di sebuah sekolah menengah di Pulau Pinang dan berjaya menjawab lima persoalan kajian. Penggunaan teknologi dalam kajian ini melalui persekitaran pembelajaran dalam talian diharap merubah paradigma guru yang mengajar PSV agar menggunakan pendekatan baru bagi menyokong pembelajaran pelajar terutama bagi mereka yang mempunyai tahap SRL rendah. Kajian ini menunjukkan kesan perancangan, pembelajaran pengaturan sendiri (SRL) dan penulisan refleksi yang membantu dalam peningkatan kualiti hasil folio dan produk seni pelajar. Dapatan kajian mengesahkan penggunaan perancangan secara perbincangan kolaboratif atas talian telah berjaya meningkatkan kefahaman pelajar dalam menyelesaikan tugas KRSV. Di samping itu, strategi pembelajaran pengaturan sendiri pelajar turut mempengaruhi kerja-kerja penghasilan folio dan produk seni mereka. Kesimpulannya, institusi pendidikan perlu memberi tumpuan kepada persekitaran pembelajaran yang berpusatkan pelajar bagi meningkatkan pencapaian akademik mereka. Penggunaan ruang pembelajaran dalam talian seperti yang telah diguna pakai dalam kajian ini memberikan pendekatan alternatif kepada mereka dan amat bersesuaian dengan pembelajaran pada abad ke-21 yang memerlukan penggunaan teknologi dalam Pdp.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Berdasarkan limitasi kajian ini, pengkaji mencadangkan beberapa kajian lanjutan seperti yang berikut:

1. Kajian ini terbatas kepada sebuah sekolah sahaja. Oleh itu, dicadangkan ia diperluaskan kepada lebih banyak sekolah agar hasil dapatan kajian dapat digunakan dengan lebih meluas. Hal ini kerana, hampir semua sekolah menengah kebangsaan di Malaysia memilih subjek PSV sebagai subjek elektif di sekolah masing-masing.
2. Kajian ini juga terbatas kepada tiga KRSV sahaja. Cadangan kajian lanjutan merangkumi kertas satu dan kertas dua kerana skor akhir yang menentukan gred diperolehi oleh pelajar adalah gabungan ketiga-tiga kertas PSV.
3. Kajian ini melibatkan strategi SRL sebagai salah satu pemboleh ubah. Adalah disarankan agar kajian akan datang dapat melibatkan pemboleh ubah lain seperti gaya pembelajaran (contoh gaya pembelajaran medan-bebas atau medan-bergantung yang melibatkan pilihan murid untuk belajar secara individu atau berkumpulan, serta gaya pembelajaran holistik atau analitik).
4. Kajian ini hanya menggunakan platform Edmodo sebagai ruang untuk perbincangan secara atas talian memandangkan hanya Edmodo boleh diakses di sekolah. Dicapadangkan kajian akan datang menggunakan platform media sosial lain seperti *Facebook* sebagai ruang perbincangan kerana ia lebih menarik minat pelajar, mudah dicapai melalui telefon pintar pelajar dan pelajar akan menerima pemberitahuan segera jika terdapat sebarang mesej yang masuk. Memandangkan tugas KRSV perlu disiapkan oleh pelajar di luar waktu sekolah, adalah wajar penggunaan *Facebook* diberi perhatian.

5. Guru juga boleh menjalankan usaha memberi penghargaan kepada pelajar sebagai strategi untuk menggalakkan mereka terus berusaha dan mengekalkan penglibatan aktif dalam pembelajaran secara dalam talian dengan memberikan lencana digital. Lencana digital adalah alat yang boleh digunakan untuk menyokong strategi pembelajaran pengaturan sendiri pelajar dalam pembelajaran secara atas talian (Lim et al.,2020). Ini menunjukkan penguasaan pelajar dalam sesuatu bidang dan keupayaan pelajar menguasai hasil pembelajaran. Lencana digital digunakan untuk memberi penghargaan kepada tingkah laku pelajar dan kecekapannya dalam menguasai pembelajaran. Selain itu, ia adalah sebagai peneguhan positif kepada tingkah laku pelajar dan sebagai galakan kepada pelajar lain untuk berusaha mendapatkan penghargaan yang sama. Lencana ini dipaparkan dalam media sosial pelajar seperti *Facebook* dan laman pembelajaran lain yang disertai oleh pelajar serta dapat dilihat juga oleh rakan mereka. Terdapat beberapa laman pembelajaran di Malaysia turut menggunakan pendekatan memberikan lencana digital atas usaha dan strategi gigih pelajar dalam pembelajaran secara atas talian contohnya laman Komuniti Guru Pembelajaran Digital bersama-sama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM): <https://jomstudi.my/web/badges#>, <https://mdec.my/ms/digitalvs covid> dan <https://ilearnace.com>. Apabila lencana digital ini dipaparkan dalam laman sosial pelajar, pencapaian mereka dapat dilihat oleh guru dan rakan pelajar yang lain. Kejayaan strategi SRL pelajar ini boleh dikongsikan bersama rakan sebaya mereka sebagai perangsang untuk terus aktif dalam pembelajaran dalam talian (Lim, Nair, Keppell, Hassan, & Ayub, 2018; Lim et al., 2020).

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



## **PENILAIAN PELAKSANAAN KEMAHIRAN MENULIS DALAM KURIKULUM BAHASA ARAB DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA (SMKA)**

**IRMA MARTINY MD YASIM**  
**Universiti Kebangsaan Malaysia**

### **ABSTRAK KAJIAN**

Penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah masih berada pada tahap yang kurang memuaskan walaupun penawaran kepada mata pelajaran ini telah dibuat melebihi 40 tahun di sekolah-sekolah menengah yang mempunyai aliran agama. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menilai kemahiran menulis karangan dalam kurikulum bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Penggunaan Model Penilaian CIPP yang terdiri daripada empat aspek iaitu konteks, input, proses dan produk sebagai asas kepada kerangka konseptual kajian ini. Aspek konteks dalam kajian ini melibatkan objektif kurikulum, pengetahuan KMK guru dan amalan KMK guru. Manakala aspek input meliputi penggunaan buku teks, bahan bantu dan peruntukan masa yang digunakan untuk KMK. Aspek proses pula merangkumi penggunaan strategi pengajaran KMK, strategi pembelajaran KMK dan proses KMK. Ujian Kemahiran menulis karangan dijalankan bagi aspek produk. Reka bentuk kajian ialah kuantitatif. Intrumen kajian hanya menggunakan set soal selidik, analisis dokumen dan ujian penulisan karangan. Analisis dokumen hanya melibatkan huraian sukatan tingkatan empat dan lima serta buku teks tingkatan empat dan lima. Seramai 30 orang guru bahasa Arab yang mengajar tingkatan lima di SMKA dan 501 orang pelajar tingkatan lima terpilih sebagai sampel kajian. Lokasi kajian hanya melibatkan 12 buah SMKA di Semenanjung Malaysia. Dapatan kajian mendapati bahawa aspek konteks menunjukkan min berada pada tahap tinggi iaitu 3.78. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar dan guru mengetahui objektif kurikulum dan mempunyai pengetahuan yang tinggi berkaitan kemahiran menulis karangan. Bagi dapatan kajian input pula, min 3.55 menunjukkan aspek input berada pada tahap sederhana iaitu kurang penggunaan bahan bantu dalam KMK khususnya penggunaan media sosial dan media elektronik. Dapatan kajian daripada aspek proses juga menunjukkan min berada di tahap sederhana iaitu 3.67. Ini menunjukkan bahawa strategi pembelajaran pelajar masih boleh ditingkatkan supaya kemahiran menulis karangan dapat dikuasai dengan baik. Aspek produk pula berdasarkan impak daripada keseluruhan pelaksanaan KMK, tahap KMK pelajar yang mencapai tahap tinggi adalah 29.2%, sederhana adalah 52.2% dan lemah 18.6%. Kajian ini juga mempunyai beberapa implikasi yang menjurus kepada pelaksanaan kemahiran menulis karangan.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Rumusan bagi keseluruhan dapatan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Model CIPP telah membantu kajian ini dijalankan berdasarkan kerangka konseptual kajian yang telah dibentuk. Melalui penilaian ke atas aspek konteks, walaupun guru dan pelajar jelas tentang objektif mata pelajaran khusus KMK dalam HSP, perlu ada penambahbaikan dalam penyediaan HSP kerana objektif yang dinyatakan masih terlalu umum berkaitan pelajar perlu menguasai pelbagai jenis karangan. Ketidajelasan frasa pelbagai jenis karangan ini perlu diperinci bagi objektif OMP setiap tingkatan untuk mata pelajaran bahasa Arab sekolah menengah.
2. Berdasarkan aspek input pula, penggunaan bahan bantu masih berada pada tahap sederhana dan guru perlu kreatif dalam penyediaan bahan iaitu keperluan kepada bahan yang lebih efektif dan boleh menarik minat pelajar. Pelajar pula perlu lebih berdikari dan berusaha membuat rujukan sendiri agar KMK dapat dikuasai dengan lebih baik secara berperingkat.
3. Untuk aspek proses, penambahbaikan perlu dilakukan juga iaitu guru masih memerlukan peningkatan ilmu dalam bidang pedagogi terutama guru-guru yang sudah lama tidak diberikan latihan untuk tujuan KMK. Selain itu, guru perlu menerapkan strategi pembelajaran yang betul kepada pelajar agar mereka dapat melazimi strategi tersebut dalam pembelajaran seharian mereka dan tidak terlalu bergantung kepada guru. Justeru, setiap cadangan penambahbaikan yang perlu dilakukan harus dibuat dengan lebih teliti agar penguasaan pelajar dapat dipertingkatkan lagi. Bagi guru pula, mereka digalakkan untuk mencari idea baru seperti mengikuti kursus atau seminar sama ada berbayar ataupun tidak untuk meningkatkan profesionalisme mereka. Guru perlu sentiasa membuat kajian tindakan agar pelbagai strategi digunakan untuk memperbaiki amalan pengajaran di dalam kelas. Selain itu, guru perlu akur sekiranya diwajibkan menghadiri kursus atau seminar untuk meningkatkan profesionalisme.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan yang boleh dijalankan adalah seperti yang berikut:

1. Kajian penilaian pelaksanaan kemahiran menulis di peringkat sekolah rendah.
2. Kajian penilaian pelaksanaan kemahiran menulis di peringkat sekolah menengah.
3. Kajian penilaian pelaksanaan kemahiran menulis karangan di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).
4. Kajian penilaian pelaksanaan kemahiran menulis karangan di sekolah-sekolah yang mempunyai kelas aliran agama (KAA).
5. Kajian strategi pengajaran kemahiran menulis di sekolah rendah.
6. Kajian strategi pengajaran kemahiran menulis di sekolah menengah.
7. Kajian strategi pengajaran kemahiran menulis karangan di sekolah menengah.
8. Kajian strategi pembelajaran KMK pelajar di sekolah menengah.
9. Kajian tahap penguasaan KMK di SABK dan SMKA serta hubungannya dengan strategi pembelajaran KMK.
10. Kajian berbentuk eksperimental antara pelajar yang diterapkan strategi pembelajaran KMK dengan kumpulan yang tidak diterapkan strategi KMK.
11. Kajian faktor-faktor yang mendorong kepada penguasaan KMK pelajar.
12. Kajian berkaitan media sosial sebagai bahan bantu dalam pembelajaran KMK dan faktor yang banyak menyumbang kepada penguasaan KMK pelajar.
13. Kajian berkaitan cara pentaksiran hasil penulisan karangan pelajar dalam kalangan guru bahasa Arab di sekolah menengah.
14. Kajian perbandingan pendekatan untuk mengajar KMK dan hubungannya dengan penguasaan pelajar dalam bentuk eksperimental.
15. Kajian tentang pembinaan modul untuk KMK.
16. Kajian tentang pembinaan modul kursus untuk pengajaran KMK guru.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



# PENGARUH FAKTOR TINGKAH LAKU TERANCANG DAN SOKONGAN SOSIAL TERHADAP AKTIVITI FIZIKAL DALAM KALANGAN MURID-MURID SEKOLAH

**ANG HA LOON**  
Universiti Sains Malaysia

## ABSTRAK KAJIAN

Murid mengamalkan gaya hidup sedentari dan menghadapi penurunan ketara dalam aktiviti fizikal. Kurangnya penglibatan dalam aktiviti fizikal boleh menyebabkan mereka menghidap penyakit tidak berjangkit kronik seperti diabetes, penyakit jantung, kanser, tekanan darah tinggi, kemurungan, berat badan berlebihan dan obesiti. Trend sedemikian bukan sahaja memberi impak kepada kesihatan murid malahan turut menyumbang kepada peningkatan kos perubatan negara. Penekanan perlu diberikan kepada aspek Teori Tingkah Laku Terancang dan sokongan sosial supaya dapat memberi kesan positif kepada murid-murid sekolah. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji pengaruh Teori Tingkah Laku Terancang dan sokongan sosial untuk menggalakkan penglibatan aktiviti fizikal dalam kalangan murid-murid sekolah. Kajian ini dijalankan terhadap 363 orang murid sekolah di Pulau Pinang. Reka bentuk penyelidikan yang digunakan adalah reka bentuk pelbagai kaedah menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Tiga instrumen digunakan dalam kajian ini iaitu instrumen *Physical Activity Questionnaire for Adolescents (PAQ-A)*, *Theory of Planned Behavior Questionnaire (TpB)* dan *Social Support and Exercise Survey*. Penganalisan data kajian adalah menggunakan analisis deskriptif berbantuan perisian SPSS dan *Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM, Smart PLS3.0)*. Kaedah temu bual dilaksanakan terhadap enam orang subjek kajian dan dianalisis menggunakan perisian Atlas Ti. Hasil kajian kuantitatif mendapati sokongan sosial mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap niat dan juga aktiviti fizikal dalam kalangan murid. Walau bagaimanapun, hasil kajian kuantitatif bercanggah dengan Teori Tingkah laku Terancang, iaitu sikap, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap aktiviti fizikal dalam kalangan murid. Niat adalah mediator kepada pengaruh sokongan sosial terhadap aktiviti fizikal. Kajian kualitatif pula mendapati tema yang mempengaruhi aktiviti fizikal dalam kalangan murid adalah bertekad aktif, dorongan orang terdekat, orang terdekat aktif sukan, kesihatan, kemahiran, kepercayaan, menjalin hubungan, bersama kawan dan seronok. Kajian ini membantu guru Pendidikan Jasmani, jurulatih dan instruktur kecergasan memahami faktor-faktor yang dapat mempengaruhi aktiviti fizikal. Program Pendidikan Jasmani dan Kesihatan yang dirancang untuk murid-murid haruslah berdasarkan Teori Tingkah Laku Terancang dan sokongan sosial untuk memastikan murid-murid sentiasa dalam keadaan sihat dan mencapai tahap aktiviti fizikal yang optimum.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah menjawab persoalan kajian yang dikemukakan. Hasil kajian ini berjaya membina kerangka kajian yang berasaskan Teori Tingkah laku Terancang dan sokongan sosial terhadap aktiviti fizikal dalam konteks murid-murid sekolah di Pulau Pinang. Kajian dijalankan menggunakan analisis PLS-SEM melalui analisis model pengukuran dan analisis model struktur.

Dapatan analisis pengukuran membuktikan bahawa kesemua variabel kajian mencapai kebolehpercayaan dan kesahan model pengukuran. Melalui analisis model struktur, dapatan menunjukkan bahawa variabel sikap, tanggapan kawalan tingkah laku dan sokongan sosial merupakan pengaruh utama kepada aktiviti fizikal. Sementara itu, niat adalah mediator dalam pengaruh sokongan sosial terhadap aktiviti sosial. Selain itu, hasil kajian menunjukkan penemuan yang sangat penting iaitu sikap, tanggapan kawalan tingkah laku dan sokongan sosial merupakan pengaruh utama terhadap niat dalam penglibatan aktiviti fizikal. Oleh itu, penekanan kepada ketiga-tiga faktor ini adalah penting dan perlu diberi perhatian yang serius oleh pihak berkenaan seperti KPM, BPK, IPGM, JPN, PPN dan sekolah.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Kajian ini mengkaji variabel sikap, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku dan sokongan sosial dalam mempengaruhi aktiviti fizikal. Pengkaji akan datang juga boleh mengkaji variabel-variabel lain yang mempengaruhi kesediaan menjalankan aktiviti fizikal dalam kalangan murid.
2. Kajian kuantitatif ini hanya melibatkan sampel yang terdiri daripada murid tingkatan empat di Pulau Pinang sahaja. Oleh itu, generalisasi keseluruhan tentang aktiviti fizikal berasaskan sikap, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku dan sokongan sosial dalam kalangan murid sekolah tidak dapat dilakukan dengan sepenuhnya. Kajian ini perlu diperluaskan ke seluruh negeri di Malaysia. Selain itu, perlu juga dipanjangkan kepada pemilihan sampel yang melibatkan semua murid daripada semua tingkatan yang belajar di sekolah menengah.
3. Selain itu, hasil dapatan kuantitatif menunjukkan bahawa penyumbang utama dalam menentukan kejayaan ataupun kegagalan melaksanakan tingkah laku aktiviti fizikal adalah sikap, tanggapan, kawalan tingkah laku dan sokongan sosial. Faktor-faktor ini sangat mempengaruhi tingkah laku seseorang. Manakala melalui temu bual, perancangan merupakan faktor luaran yang memberi kesan positif ke atas tingkah laku yang dikaji. Jadi, kajian lanjutan untuk memperkenalkan program intervensi dapat diteruskan dengan mengambil kira faktor-faktor tersebut sebagai panduan dalam merancang program untuk meningkatkan aktiviti fizikal, seterusnya dapat menghindari gaya hidup sedantari serta mengelakkan senario masa kini iaitu kegemukan dalam kalangan murid sekolah.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



# FACTORS AFFECTING LIBRARY AND MEDIA TEACHERS JOB PERFORMANCE IN MALAYSIAN SECONDARY SCHOOLS

**HASNAH SHUHAIMI**  
Universiti Teknologi Mara

## ABSTRACT

This study is an attempt to address the fundamental layer of LMTs' job performance in Malaysian secondary schools. Hence, this study has investigated the factors affecting LMTs' job performance, which have been deemed worthy in rectifying the issues of the LMTs' performances in Malaysia. The target population was the sixteen (16) states in Malaysia. The total population of this study was 2,392 and the sample size was three hundred and thirty-two (332). This study used simple random sampling to collect the sample. This study employed an online survey, which was a self-administered (structured) questionnaire, to gather information from the targeted respondents of this research. Three hundred thirty-two (332) sets of questionnaires were sent out to the targeted respondents. The dataset was analyzed using structural equation modelling based on the PLS approach. The statistical program was the Smart-PLS 3.0. In addition, this study applied the IBM SPSS Statistics software to generate the descriptive analysis. From ten (10) hypotheses, seven (7) hypotheses were significant in relation to Skills, Knowledge, and SRCM Training towards Motivation, Motivation mediated relationship between Skills, Knowledge and the SRCM Training towards LMTs' Job Performance, and also Motivation towards LMTs' Job Performance. On the other hand, there was no significant relationship of the Skills, Knowledge, and SRCM Training towards LMTs' Job Performance. The findings revealed that Motivation is an important factor whether direct relationship or indirect relationships affecting LMTs' job performance. The major contribution of the study is the development of the proposed framework, which integrates the School Resource Centre (SRC) and LMTs' Job Performance based on research findings. The framework can act as a guide to study individual performance in other research settings. Thus, the findings of this study present the data, the data, recommendations, directions for future study, and proposed framework to the LMTs', educators, State of Educational Technology Departments, Educational Technology Division, Ministry of Education of Malaysia, and other policy-making bodies in order to enhance the LMTs' knowledge and skills, as well as the systematic training courses for the LMTs' job performance.

## SUMMARY OF FINDINGS

Based on the results, the findings found that Skills, Knowledge and School Resource Centre Management (SRCM) Training have given a significantly positive direct effect towards Motivation. Therefore, it can be concluded that, if the average level of Skills, Knowledge, and SRCM Training were good, then the average value of Motivation will be high. Knowledge had the largest contribution effect towards Motivation, followed by the SRCM Training and Skills. The present study reveals that:

1. There is no significant effect of Skills, Knowledge and SRCM Training towards LMTs' job performance.
2. Motivation mediated the relationship of skills and job performance. Motivation provides fully mediated effect on the relationship of skills and job performance with 77.14% effect. The researcher believes that motivation has a higher indirect effect on the relationship of Skills on job performance.
3. Motivation plays an important role to increase skills among LMTs and subsequently, the performance can be improved.
4. Motivation mediated the relationship of knowledge and job performance. Motivation provided fully mediated effect on the relationship between Knowledge and Job Performance with 48.84% effect. The researcher believes that Motivation has a higher indirect effect on the relationship of Knowledge on Job Performance.
5. Motivation plays an important role to increase knowledge among LMTs, and subsequently, the performance can be improved.
6. Motivation mediated the relationship of SRCM Training and Job performance. Motivation provided fully mediated effect on the relationship of SRCM Training and Job Performance with 43.22% effect.
7. Motivation plays an important role to increase the operational level of skills and knowledge among LMTs, and subsequently, the performance can be improved. The researcher believes that Motivation has indirect effect on the relationship between SRCM Training and Job Performance.
8. Motivation plays an important role to increase the management level among LMTs' and subsequently, the performance can be improved. SRCM Training brings an impact on services and management such as the management of NILAM reading programme, SRC strategic planning, managing Fail Kuasa (Authority File), budgeting, information skills, information literacy education, SRC filing system, SRC resources, collaboration with teachers in building creative and critical thinking, and collaboration with other organisations such as TACS and SETDs (Fadzliaton & Kamarulzaman, 2010).

In conclusion, the present study portrayed motivation as an important factor in improving performance. The findings found that LMTs were indeed very concerned about motivation in managing SRC effectively. Boswell and Boudreau (2000) highlight that in order to succeed, an organisation must know how to turn motivational strategies to improve employee's performance. Similar with studies done by (Demerouit et al., 2014; Wright & Cropanzano, 2000) it was

revealed that stimulating employee's motivation such as reward establishing happiness and self-efficacy among employees. The present study has confirmed the study by Rubino et al. (2009) that motivation is accepted as an important dimension that boosts up human behaviour, which has a greater impact towards job Performance. The findings of the study showed that without mediation, the effect of LMTs' job performance is lower than after the mediation. From the findings of the study, the researcher concluded that without mediation, the effect of LMTs' job performance is lower than after the mediation. This means that LMTs' motivation which was the mediator variable in the study, has an influence on the effect of the relationship between skills, knowledge, SRCM training and LMTs' job performance.

## RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH

This research focuses only on the skills, knowledge and the LMTs' perceptions on two SRCM courses and recommends motivation factors as a mediator in LMTs' job performance. In order to get a better outlook of the LMTs and the management of SRC, the researcher proposes the following areas for further investigation and inquiry:

1. Motivational factors have been used to influence a variety of factors in research studies. Future research should specify what outcomes are expected and how these variables will be measured. In recent study, the researcher combined the Social Cognitive Theory and Goal Setting Theory in developing sub contracts of motivation such as Commitment, Feedback, Reward, Task Complexity and Self-Efficacy. However, there are many Motivational Theory such as Vroom Expectancy Theory of Motivation or Herzberg's Motivation Theory that can be adopted and adapted in the future research. The researcher proposed questions to be considered which include the followings:
  - i. What are the "technology transfer" aspects of teaching motivational approach?
  - ii. What training formats are most effective in changing LMTs' practice behaviour to influence students' responses during and after their learning?
  - iii. What aspects of motivational factors are the most important?
2. The future research might also give a consideration to study Motivation as a moderator factor as recent study applying Motivation as mediating factor that affects relationships between skills, knowledge and SRCM courses. The future research might also consider to study other variables of skills, knowledge and content syllabus of training programs available for LMTs. This might give different perceptions which have not been covered in recent study.

Tahun  
Lulus  
Senat

2020



## PEMAHAMAN UNGKAPAN ALGEBRA DALAM KALANGAN MURID TINGKATAN DUA

**AZIZAH HAMID**  
Universiti Malaya

### ABSTRAK KAJIAN

Pemahaman tentang konsep ungkapan algebra penting bagi murid sekolah menengah kerana ia merupakan asas kepada pembelajaran Matematik di peringkat menengah dan peringkat pengajian tinggi memandangkan kesukaran dalam pembelajaran algebra menjadi semakin kritikal. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemahaman murid tingkatan dua tentang ungkapan algebra dengan berlandaskan konstruktivisme radikal. Penyelidikan ini menggunakan kajian kes sebagai reka bentuk kajian, yang membabitkan data berbentuk kualitatif. Peserta kajian membabitkan enam orang murid daripada tiga kategori pencapaian akademik dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Data kajian dikumpul melalui tiga sesi temu duga klinikal dengan menggunakan perakam video, catatan murid dan pengkaji. Data kajian dianalisis dengan menggunakan teknik analisis kualitatif yang merangkumi penyediaan data, penentuan unit makna, pengekodan, kajian rintis, pengekodan sebenar, semak semula, membuat kesimpulan dan menulis laporan. Perbincangan data bertumpu kepada tujuh aspek membabitkan gambaran mental, perwakilan, makna, hubung kait, komunikasi, penaakulan, dan penyelesaian masalah bagi ungkapan algebra. Dapatan kajian mendapati bahawa pemahaman murid dalam kajian ini tentang ungkapan algebra dibina sendiri dengan adaptasi pengalaman mereka melalui pengetahuan yang telah dipelajari dan perkara yang berada dalam persekitaran semasa murid.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Beberapa hasil kajian utama yang telah dikenal pasti adalah seperti yang berikut:

1. Gambaran mental tentang ungkapan yang diberikan oleh peserta kajian ialah pernyataan yang dikaitkan dengan luar bidang Matematik.
2. Gambaran mental tentang algebra yang diberikan oleh peserta kajian ialah sesuatu yang melibatkan huruf, angka dan symbol.
3. Gambaran mental tentang ungkapan algebra yang diberikan oleh peserta kajian ialah suatu pernyataan Matematik yang terdiri daripada gabungan huruf, angka dan simbol operasi asas, dan pernyataan tentang perkara yang tidak diketahui nilainya.
4. Perwakilan tentang ungkapan algebra yang diberikan oleh peserta kajian ialah pemboleh ubah, pekali, pemalar dan operasi asas.
5. Makna bagi unsur asas ungkapan algebra merangkumi nilai berubah, nilai tetap, penggabungan unsur membabitkan operasi asas, dan melaksanakan operasi tambah, tolak, darab dan bahagi ke atas sebutan.
6. Hubung kait ungkapan algebra dalam bentuk berbeza diberikan oleh peserta kajian ialah bentuk dalam sebutan berbeza, bentuk dalam angka berbeza dan bentuk dalam operasi berbeza.
7. Komunikasi tentang ungkapan algebra yang diberikan oleh peserta kajian ialah memerihailah langkah kerja menggunakan bahasa dan simbol Matematik, menjelaskan tentang prinsip, konsep dan prosedur pengiraan dan melukis simbol dan benda tertentu dalam penyelesaian.
8. Penaakulan tentang ungkapan algebra yang diberikan oleh peserta kajian ialah abstraksi tentang ciri 'ungkapan' dan 'bukan ungkapan', justifikasi pemilihan bentuk yang 'ungkapan' dan 'bukan ungkapan', generalisasi secara induktif tentang ungkapan algebra, implikasi bagi pembentukan ungkapan algebra, persamaan dan perbezaan 'ungkapan' dan 'bukan ungkapan'.
9. Kaedah penyelesaian masalah yang diberikan oleh peserta kajian ialah membentuk perwakilan dan mentafsir unsur asas ungkapan algebra membabitkan pemboleh ubah, pemalar, dan operasi asas; menjelaskan prinsip asas pengiraan arithmetik dalam ungkapan algebra ke atas sebutan, mengadaptasikan kaedah pengiraan BODMAS, mengaplikasi kaedah pengiraan dari kiri ke kanan dan mencari alternatif dengan menggunakan pelbagai kaedah pengiraan.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cara murid tingkatan dua membina pengetahuan tentang ungkapan algebra. Dapatan mendapati murid membina pengetahuan secara aktif melalui aktiviti dan refleksi yang berulang kali. Dapatan kajian juga memperlihatkan perkembangan pengetahuan lama dan pembinaan pengetahuan baru tentang ungkapan melalui pelbagai aktiviti dan pengubahsuaian maklumat membabitkan kematangan, pengalaman fizikal dan kesinambungan. Oleh itu, kajian ini memberi implikasi kepada kajian lanjutan dalam konteks pembelajaran, yang mana murid perlu mengembangkan kekuatan penyelesaian masalah, penaakulan, perwakilan, komunikasi dan hubung kait konsep matematik secara umum dan ungkapan algebra secara khusus.
2. Antara isu kesukaran pembelajaran algebra ialah murid masih tidak dapat mengenal pasti perbezaan antara ungkapan algebra dengan konsep Matematik lain seperti persamaan dan mempunyai kemungkinan besar mendapati ia sangat mencabar untuk menjana ungkapan tersebut. Oleh itu, kajian lanjutan yang bertujuan untuk menyediakan pelbagai jenis tugas yang sesuai untuk mengembangkan pengetahuan primitif murid boleh menggunakan dapatan ini sebagai panduan.
3. Guru bertanggungjawab untuk memastikan pengalaman pertama murid menggunakan huruf dalam algebra merupakan perkara asas bagi struktur pengetahuan algebra. Justeru, kajian ini memberi implikasi kepada kajian lanjutan yang membabitkan teknik pengajaran bersesuaian untuk memberikan sebanyak mungkin pengalaman kepada murid dalam membina pengetahuan tentang ungkapan algebra.
4. Kajian ini turut mengesyorkan kajian lanjutan mengkaji faktor-faktor kritikal kepada pengajaran guru dan pembelajaran murid bagi tujuan untuk mengetahui lebih lanjut bagaimana untuk memudahkan perkembangan pengetahuan murid dalam algebra sama ada daripada segi konseptual, *procedural* atau operasional.
5. Kajian ini dijalankan secara teknik temu duga klinikal bagi mengenal pasti pemahaman tentang konsep asas ungkapan algebra yang dimiliki oleh murid tingkatan dua. Teknik ini hanya mampu menjawab persoalan asas tentang ungkapan algebra namun persoalan bagaimana murid dapat membina pengalaman yang dimiliki itu masih belum terjawab. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk menggunakan teknik eksperimen dan intervensi pembelajaran murid bagi mengenal pasti cara murid membina pengetahuan tentang konsep asas ungkapan algebra.
6. Dapatan kajian ini turut mencadangkan senarai soalan penting untuk penyelidikan lanjutan mengenai pemahaman murid dalam ungkapan algebra antaranya, apakah aspek pedagogi yang penting dalam mempromosikan kekuatan gambaran mental, perwakilan, penaakulan, komunikasi, hubung kait dan penyelesaian masalah dalam pemahaman algebra?; apakah aspek pembudayaan pembelajaran dalam bilik darjah yang menggalakkan pemikiran aktif dalam kalangan murid yang baru didedahkan dengan topik ungkapan algebra?; adakah gambaran mental dan perwakilan berkesan dalam penyelesaian masalah ungkapan algebra?; dan bagaimana guru dapat membantu murid untuk membuat hubungan antara ungkapan algebra dengan konsep matematik yang lain?.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



# **APLIKASI LiLIN DAN KEBERKESANANNYA TERHADAP KEBOLEHAN MEMBACA KANAK-KANAK**

**MASZURAINI MISWAN**  
**Universiti Malaya**

## **ABSTRAK KAJIAN**

Keberkesanan penggunaan perisian peranti mudah alih untuk pendidikan literasi kanak-kanak sudah banyak dibuktikan. Namun begitu, kebanyakannya menghadapi satu daripada dua masalah: Kandungan yang terlalu cenderung memaparkan ciri-ciri grafik dan animasi berbanding bahan pendidikan, atau terlalu sarat dengan bahan pendidikan tetapi dipersembahkan dengan cara yang stereotaip dan membosankan. Kajian ini menunjukkan bagaimana aplikasi LiLIN telah dibangunkan menggunakan model TPACK yang menggabungkan pengetahuan teknologi, pedagogi dan kandungan dalam konteks media pendidikan kanak-kanak. LiLIN ialah satu aplikasi pendidikan kemahiran membaca awal untuk kanak-kanak yang menggunakan kandungan Modul LINUS Kementerian Pendidikan Malaysia dengan pendekatan pedagogi perantisan kognitif dan teknologi multimedia pelbagai sentuh untuk pengenalan huruf, suku kata, serta latihan ejaan secara interaktif. Kaedah Fuzzy Delphi digunakan untuk penilaian aplikasi LiLIN oleh sepuluh orang pakar dalam aspek multimedia, teknologi interaktif, langkah pembelajaran, kandungan LINUS, pendekatan pedagogi, minat murid, dan perbezaan tahap kognitif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai threshold adalah kurang 0.2 bagi kesemua ciri yang dinilai, dan konsensus pakar melebihi 75 peratus. Kaedah Eksperimen Subjek Tunggal digunakan untuk menilai keberkesanan LiLIN. Seramai lapan orang kanak-kanak berumur lima dan enam tahun di sebuah sekolah tadika di Sepang, Malaysia telah menjalani sepuluh kali rawatan menggunakan LiLIN. Pada keseluruhannya, terdapat peningkatan kemahiran membaca bagi semua responden.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Beberapa rumusan dapatan kajian adalah seperti yang berikut:

1. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa golongan kanak-kanak yang dapat berinteraksi secara natural dengan skrin sesentuh menunjukkan potensi peranti ini digunakan di dalam kelas sejak di peringkat tadika lagi. Dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa penggunaannya telah meningkatkan masa berkualiti pelajar dan meningkatkan motivasi pelajar. Pelajar yang lemah turut dikenal pasti melalui kajian ini. Namun, kecanggihan teknologi peranti mudah alih itu hanya dapat dimanfaatkan sepenuhnya jika aplikasi yang disediakan dapat memenuhi keperluan pendidikan yang diharapkan. Gabungan kecanggihan teknologi dengan kandungan pelajaran yang hendak disampaikan perlu selari, di samping reka bentuk yang kreatif dan mampu menarik perhatian golongan sasaran untuk terus belajar. Justeru, pembinaan aplikasi pendidikan yang sesuai mengikut keperluan dan tahap pelajar merupakan fokus utama dalam kajian ini. Keupayaan yang berbeza dalam kalangan kanak-kanak menuntut kemahiran pedagogi dalam pengajaran dan cuba untuk memahami pelbagai sifat murid yang lemah dan cemerlang.
2. Kepelbagaian minat dan latar belakang murid adalah berkaitan dengan keperluan dan keupayaan murid khususnya dalam menguasai kemahiran membaca. Kepelbagaian ini juga menuntut kesungguhan dan kreativiti penyelidik untuk membangunkan aplikasi yang dapat dijadikan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang sesuai dan dapat memenuhi keperluan kepelbagaian tersebut.
3. Walaupun secara keseluruhannya, melalui ujian penilaian pakar-pakar dalam aplikasi dan literasi bacaan berpendapat LiLIN mempunyai ciri-ciri aplikasi pendidikan kemahiran membaca asas yang diperlukan, namun melalui ujian keberkesanan, didapati LiLIN hanya berkesan untuk kumpulan murid yang sederhana dan kurang motivasi untuk belajar. Namun bagi murid yang benar-benar lemah, aplikasi LiLIN khususnya LiLIN 2 dan LiLIN 3 masih kurang sesuai dan praktikal untuk mereka.
4. Tidak dinafikan sebahagian murid memerlukan masa yang singkat untuk mengingat dan memahami, namun sebahagian lagi memerlukan masa yang lebih panjang untuk belajar. Justeru, dengan kelebihan peranti mudah alih yang boleh digunakan pada bila-bila masa dan di mana sahaja, pembelajaran menggunakan aplikasi tidak harus terhad di dalam kelas atau di dalam waktu persekolahan. Pembelajaran secara sendiri boleh dilakukan kerana pembangunan aplikasi ini turut mengambil kira peranannya sebagai fasilitator yang responsif dalam meladeni keperluan pengguna sehingga mereka tidak merasa terpinggir dalam persaingan proses pembelajaran, malah lebih bermotivasi untuk terus belajar dalam persekitaran yang menyeronokkan.
5. Kesimpulannya, pembangunan aplikasi LiLIN telah mencapai objektifnya iaitu untuk membangunkan sebuah aplikasi belajar membaca asas dengan ciri-ciri multimedia interaktif yang dapat digunakan secara sendiri untuk kanak-kanak belajar membaca dua konstruk awal modul Literasi LINUS. Secara keseluruhannya, keberkesanan aplikasi LiLIN juga dibuktikan melalui data empirikal namun ia tidak dapat membantu murid yang sangat lemah menguasai kemahiran konstruk kedua modul Literasi LINUS dalam tempoh kajian yang ditetapkan.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Dapatan kajian ini menunjukkan pembangunan aplikasi pembelajaran kanak-kanak perlulah direka sesuai dengan keperluan yang unik untuk setiap tahap kanak-kanak. Keperluan dan tahap setiap kanak-kanak adalah unik walaupun pada tahap umur yang hampir sama. Oleh itu, kajian lanjut perlu dilakukan untuk mengenal pasti kelebihan dan kekurangan yang ada pada kanak-kanak dalam kumpulan umur sasaran sebelum sesuatu aplikasi dibangunkan.
2. Aplikasi LiLIN dapat meningkatkan minat kanak-kanak untuk terus belajar seterusnya membantu mereka memahami konsep mengeja suku kata terbuka dalam tempoh yang lebih singkat. Namun, bagi kanak-kanak yang tidak mampu memberi fokus lebih lama untuk belajar, aplikasi yang lebih ringkas dan hanya mengandungi tidak lebih daripada sepuluh paparan dengan fungsi interaktif multimedia yang menarik adalah lebih sesuai. Manakala bagi kanak-kanak yang tidak dapat mengenal pasti perbezaan sebutan perkataan yang betul kerana masalah pelat, aplikasi yang memberi fokus kepada interaksi visual adalah lebih sesuai bagi memastikan mereka mendapat pengetahuan yang lebih tepat dan meningkatkan minat dalam pembelajaran.
3. Aplikasi LiLIN juga telah mengenal pasti bahawa ia lebih sesuai untuk kumpulan kanak-kanak yang sudah bersedia untuk belajar membaca dan mengetahui sebahagian atau kesemua huruf. Oleh itu, bagi kanak-kanak yang masih belum mengenal kebanyakan huruf, adalah lebih baik jika mereka menggunakan aplikasi mengenal huruf dalam bahasa Melayu terlebih dahulu sebelum menggunakan aplikasi LiLIN sepenuhnya.



## **PENJERAPAN-NYAHJERAPAN GAS KARBON DIOKSIDA MENGGUNAKAN BAHAN PENJERAP BERASASKAN PELARUT EUTEKTIK DALAM (DES) BERPENYOKONG SILIKA**

**ZAITUN GHAZALI**  
**Universiti Kebangsaan Malaysia**

### **ABSTRAK KAJIAN**

Peningkatan kepekatan karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) di atmosfera menyebabkan pemanasan global dan perubahan cuaca. Bahan cecair (penyerap) dan bahan pepejal (penjerap) banyak digunakan untuk menangkap CO<sub>2</sub> tetapi bahan penjerap lebih mendapat perhatian kerana penjerapan yang lebih tinggi dan mudah dikenali. Kajian ini bertujuan untuk membangunkan bahan penjerap CO<sub>2</sub> dengan menggabungkan penyerap iaitu Pelarut Eutektik Dalam (DES) dan disokong oleh penjerap iaitu Silika Gel (SG) dan Nanosilika (NS). DES dijejalkan ke atas silika bertujuan untuk meningkatkan luas permukaan cecair yang terdedah kepada penjerapan, menjimatkan kos dan meningkatkan kepilihan bahan penjerap terhadap penjerapan CO<sub>2</sub>. Ujian saringan dijalankan untuk menentukan formulasi terbaik DES dengan kapasiti penjerapan tertinggi dan menentukan parameter yang optimum untuk tiga kaedah sintesis. Pencirian dan kajian penjerapan-nyahjerapan bahan penjerap dikaji menggunakan instrumen ATR-FTIR, XPS, TGA/DTG N<sub>2</sub>/CO<sub>2</sub>, FESEM, XRD, reaktor/GC dan ASAP 2020, masing-masing untuk mengkaji kumpulan berfungsi permukaan, kestabilan terma, morfologi, kehabluran, keporosan dan mekanisme penjerapan. Ujian saringan mendapati DES berasaskan kolina klorida: urea, ChCl:U/NS mempunyai kapasiti penjerapan yang tertinggi (23 mg/g) dan telah dipilih untuk kajian seterusnya. Tiga kaedah penjerapan yang dipilih tidak banyak menunjukkan perbezaan dari segi kapasiti penjerapan CO<sub>2</sub> iaitu kaedah solgel (23.6mg/g), kaedah penjejalan basah (22.3mg/g) dan kaedah pencangkukan (21.0mg/g). Manakala, NS didapati memberikan penjerapan CO<sub>2</sub> yang tertinggi (40.0mg/g). Kapasiti penjerapan CO<sub>2</sub> semakin berkurang apabila peratus berat ChCl:U ke atas NS bertambah. Penjerapan fizikal yang dipengaruhi oleh kehadiran liang mikro, luas permukaan dan isi padu liang yang tinggi mendominasi penjerapan CO<sub>2</sub> oleh bahan penjerap. Spektrum FTIR dan XPS oleh 10% ChCl:U/NS-CO<sub>2</sub> mendapati bahawa terdapat interaksi kimia antara CO<sub>2</sub> dan urea adalah melalui pembentukan sebatian karbamat. Interaksi ini berlaku disebabkan bes urea dan masa pendedahan bahan penjerap terhadap aliran gas CO<sub>2</sub> yang panjang (24 jam). Analisis reaktor/GC menunjukkan nyahjerapan gas CO<sub>2</sub> berlaku pada suhu sekitar 60-100°C, iaitu 87% penjerapan fizikal dan 13 % penjerapan kimia. Bahan penjerap dengan tiga campuran iaitu klorida:urea:polietilenaimina, ChCl:U:PEI/SG200 pula menunjukkan kapasiti penjerapan CO<sub>2</sub> tertinggi dan bertambah dengan pertambahan peratus muatan ChCl:U:PEI. Seterusnya 25% ChCl:U:PEI/SG200 pula menunjukkan kapasiti penjerapan CO<sub>2</sub> yang paling tinggi (51mg/g). Mekanisme penjerapan melalui pembentukan sebatian karbamat daripada interaksi CO<sub>2</sub>, urea dan kumpulan amina daripada PEI telah meningkatkan kapasiti penjerapan CO<sub>2</sub> oleh bahan penjerap. Kajian selanjutnya menggunakan 25% ChCl:U:PEI/SG200 telah mendapati bahawa kapasiti penjerapan CO<sub>2</sub> berkurang dengan

penambahan suhu. Suhu penjerapan yang paling stabil ialah pada 30°C. 25%ChCl:U:PEI/SG200 juga menunjukkan kebolehulangan dengan kapasiti penjerapan malar sehingga lima kali kitaran. Kajian kepilihan gas campuran CO<sub>2</sub>/N<sub>2</sub> (15% CO<sub>2</sub>:85%N<sub>2</sub>) menunjukkan bahan penjerap 25% ChCl:U:PEI/SG200 menjerap sebanyak 95.31% CO<sub>2</sub>. Secara keseluruhannya, penyelidikan ini menunjukkan penjerapan CO<sub>2</sub> oleh bahan penjerap berasaskan DES/silika melibatkan penjerapan fizikal dan kimia. Kajian ini turut menunjukkan bahawa DES berpenyokong silika ialah bahan yang berpotensi untuk dijadikan bahan penjerap pada suhu rendah dan mempunyai kepilihan yang tinggi terhadap CO<sub>2</sub>.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Rumusan dapatan kajian adalah seperti yang berikut:

1. Dalam kajian ini, bahan penjerap CO<sub>2</sub> berasaskan pelarut eutektik dalam (DES) berpenyokong silika berjaya disediakan dan dikaji keberkesannya dalam penjerapan gas CO<sub>2</sub>. Hasil daripada ujian saringan DES, ChCl:U dipilih untuk kajian seterusnya kerana menunjukkan kapasiti penjerapan yang tinggi (23mg/g). Hasil ujian saringan kaedah penyediaan telah berjaya memilih bahan penyokong iaitu silika gel SG200 untuk kaedah penjejalan basah, ASG0.06 untuk kaedah pencangkukan dan NS untuk kaedah sol gel dipilih sebagai bahan penyokong. Proses pengkalsinan dan pengaktifan menggunakan asid telah membuka lebih banyak liang, menambah luas permukaan dan menghasilkan silika berliang meso yang sesuai sebagai bahan penyokong DES.
2. Bahan penjerap berasaskan DES, ChCl:U dan berpenyokong nanosilika (NS) disediakan melalui kaedah sol gel dikaji dengan lebih mendalam pada Bab 5. Siri bahan penjerap 5 – 25%ChCl:U:U/NS disediakan. Peningkatan muatan ChCl:U tidak meningkatkan kapasiti penjerapan CO<sub>2</sub> yang ketara. Kapasiti penjerapan CO<sub>2</sub> tertinggi dicapai melalui 10%ChCl:U/NS iaitu 23mg/g. Walau bagaimanapun bahan penyokong NS tanpa sebarang muatan ChCl:U menunjukkan penjerapan yang lebih tinggi iaitu 40mg/g. Muatan ChCl:U ke atas NS dijangkakan dapat meningkatkan kapasiti penjerapan CO<sub>2</sub> hasil daripada kombinasi penjerapan fizikal dan kimia. Sebaliknya analisis pencirian sifat keporosan bahan penjerap menunjukkan penambahan muatan ChCl:U telah menutup liang bahan penyokong, merendahkan luas permukaan dan isi padu liang yang menyebabkan penurunan kapasiti penjerapan CO<sub>2</sub>. Menariknya melalui kajian analisis XPS dan FTIR bagi sampel 10%ChCl:U/NS, didapati penjerapan kimia juga berlaku. CO<sub>2</sub> bertindak balas dengan urea membentuk sebatian karbamat. Walau bagaimanapun, peratus penjerapan kimia ini adalah rendah kerana melibatkan penjerapan CO<sub>2</sub> pada mono lapisan berbanding penjerapan fizikal yang boleh berlaku secara multi lapisan.
3. Penambahbaikan DES dilakukan dengan penambahbaikan PEI untuk membentuk DES tiga campuran dan silika gel berliang meso SG200 digunakan sebagai bahan penyokong. Peningkatan muatan 10 -25%ChCl:U:PEI ke atas SG200 telah meningkatkan kapasiti penjerapan CO<sub>2</sub> iaitu SG200 sebanyak 21mg/g kepada 24 – 51mg/g. Peningkatan kapasiti penjerapan CO<sub>2</sub> oleh bahan penjerap dipercayai kerana berlaku lebih banyak penjerapan kimia berlaku antara CO<sub>2</sub> dan PEI. Kapasiti penjerapan 25%ChCl:U:PEI/SG200 adalah lebih tinggi (51.0 mg/g) berbanding 24%PEI/SG200 (43.0 mg/g) dan 22%PEI/SG200 (48 mg/g). Kehadiran urea memberi kesan ke atas keberkesanan bahan penjerap dalam penjerapan CO<sub>2</sub>. Ini selari dengan keputusan yang menunjukkan terdapat penjerapan kimia antara CO<sub>2</sub> dan urea membentuk sebatian karbamat. Kajian kesan suhu penjerapan menunjukkan bahan penjerap ini sesuai digunakan pada suhu rendah, sesuai dengan suhu gas serombong

yang dilaporkan sekitar 55°C, sekali lagi menunjukkan penyerapan fizikal mendominasi kapasiti penyerapan CO<sub>2</sub> berbanding penyerapan kimia. Bahan penyerap menunjukkan sifat kepilihan yang tinggi berupaya menyerap 93% CO<sub>2</sub> pada kepekatan gas CO<sub>2</sub> serendah 15% CO<sub>2</sub>:85%N<sub>2</sub> serta kebolehlungan yang baik sebanyak 5 kitaran.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Sepanjang proses penyelidikan ini dilakukan, beberapa topik menarik dibangkitkan untuk kajian pada masa hadapan. Antara usaha yang boleh dilakukan pada masa akan datang adalah seperti yang berikut:

1. Kajian untuk menghasilkan bahan penyerap yang boleh melakukan jerapan fizikal yang terbaik. Hal ini mengambil kira luas permukaan yang besar dan kehadiran isi padu dan liang mikro yang maksimum.
2. Kajian menggunakan DES tiga campuran dengan HBA dan HBD selain daripada kolina klorida, urea dan PEI.
3. Kajian menggunakan bahan penyokong lain dengan luas permukaan yang lebih besar tetapi masih mengambil kira kos yang murah dan kestabilan yang tinggi seperti karbon teraktif.



# **KESEDIAAN UNTUK BERUBAH PENGETUA SEBAGAI MEDIATOR DALAM HUBUNGAN ANTARA AMALAN BIMBINGAN, PEMENTORAN DAN KEPEMIMPINAN KEUSAHAWANAN RAKAN PENINGKATAN SEKOLAH DENGAN KEBERKESANAN SEKOLAH DI SABAH, SARAWAK DAN LABUAN**

**ISKANDAR PADZIL**  
Universiti Putra Malaysia

## **ABSTRAK KAJIAN**

Kewujudan Program Rakan Peningkatan Sekolah (SIPartners+) pada tahun 2012 adalah bertujuan untuk membantu Pengetua dan Guru Besar (PGB) sekolah berprestasi rendah dalam aspek pengurusan sekolah. Peranan pegawai SIPartners+ sebagai mentor dan pembimbing kepada PGB adalah seiring dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan kompetensi pengurusan dan pentadbiran pemimpin sekolah seperti termaktub dalam Program Transformasi Daerah. Walau bagaimanapun, kesediaan pengetua untuk berubah dalam menerima amalan bimbingan dan pementoran SIPartners+ perlu diambil kira kerana ianya memberi impak secara langsung kepada pengurusan dan keberkesanan sekolah.

Kajian ini bertujuan untuk menentukan peranan kesediaan untuk berubah pengetua sebagai mediator dalam hubungan antara amalan bimbingan, pementoran dan kepemimpinan keusahawanan Rakan Peningkatan Sekolah dengan keberkesanan sekolah di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Berpandukan kepada Teori Sistem Terbuka, Teori Perubahan Lewin dan Teori Fungsi Pementoran Kram disokong dengan empat model iaitu Model Kesediaan Untuk Berubah, Model Leadership Coaching and Mentoring IAB, Model Kepemimpinan Keusahawanan dan Model Sekolah Berprestasi Tinggi, lima pemboleh ubah kajian dikaji iaitu amalan bimbingan, amalan pementoran, kepemimpinan keusahawanan, kesediaan untuk berubah pengetua dan keberkesanan sekolah. Kajian deskriptif dan korelasi secara keratan rentas ini melibatkan seramai 235 orang pengetua sekolah menengah band empat, lima dan enam di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Data dikumpul melalui soal selidik dan dianalisis menggunakan Model Persamaan Berstruktur (SEM) dengan menggunakan perisian AMOS. Ujian Analisis Pengesahan Faktor (CFA) dijalankan sebelum Model Pengukuran Penuh dan Model Struktural dibentuk. Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa amalan bimbingan dan kepemimpinan keusahawanan SIPartners+ adalah penting kepada pengetua bagi membangunkan sebuah sekolah yang berkesan dalam konteks kajian ini. Ini memberi gambaran bahawa peranan SIPartners+ sebagai pembimbing kepada pengetua dalam membangunkan sekolah adalah penting dalam konteks pendidikan di Malaysia. Amalan bimbingan SIPartners+ yang berterusan serta berfokus kepada penyelesaian masalah sekolah membantu pihak pengetua dalam mentadbir sekolah secara berkesan. Justeru, bagi memastikan amalan bimbingan SIPartners+ terus diterima dengan baik oleh pengetua demi kelangsungan keberkesanan sekolah, penyeragaman modul khas bimbingan perlu diperkasakan oleh pihak KPM. Selain itu, penerapan program bimbingan yang berfokus kepada permasalahan semasa sekolah juga menjadi indikator utama kejayaan program bimbingan SIPartners+.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Beberapa rumusan dapatan kajian adalah seperti yang berikut:

1. Kajian ini telah melihat peranan kesediaan untuk berubah pengetua sebagai mediator dalam hubungan antara amalan bimbingan, pementoran dan kepimpinan keusahawanan SIPartners+ dengan keberkesanan sekolah. Hasil keputusan menunjukkan bahawa amalan bimbingan dan kesediaan untuk berubah pengetua mempunyai kesan langsung terhadap keberkesanan sekolah.
2. Dapatan ujian juga mendapati bahawa kepimpinan keusahawanan memberi kesan langsung kepada kesediaan untuk berubah pengetua namun tidak kepada keberkesanan sekolah. Keunikan dapatan kajian ini adalah disebabkan oleh faktor skop kajian yang mengkaji kepimpinan keusahawanan SIPartners+ sebagai fokus kajian. Selain daripada peranan SIPartners+ yang masih baharu dalam dunia pendidikan di Malaysia, kajian kepimpinan keusahawanan dalam bidang pendidikan juga masih baharu di Malaysia. Namun begitu, kepimpinan keusahawanan SIPartners+ didapati memberi kesan langsung kepada kesediaan untuk berubah pengetua.
3. Hasil kajian juga mendapati bahawa amalan pementoran tidak memberikan kesan langsung kepada kesediaan untuk berubah pengetua dan keberkesanan sekolah. Dapatan kajian ini memberi gambaran bahawa pengetua lebih memerlukan bimbingan berbanding dengan pementoran. Situasi ini berlaku lantaran keperluan pengetua untuk menyelesaikan isu dan permasalahan yang wujud di sekolah dengan lebih cepat berbanding dengan penyelesaian jangka panjang.
4. Daripada aspek mediator, kesediaan untuk berubah pengetua didapati berperanan sebagai mediator dalam dua hubungan yang berbeza. Kesediaan untuk berubah pengetua berperanan sebagai mediator separa dalam hubungan antara amalan bimbingan dengan keberkesanan sekolah dan mediator penuh dalam hubungan antara kepimpinan keusahawanan dengan keberkesanan sekolah. Hal ini menunjukkan bahawa kesediaan untuk berubah memainkan peranan penting kepada pelaksanaan sesebuah perubahan dalam organisasi. Dalam konteks kajian ini, kejayaan pelaksanaan amalan bimbingan dan pementoran bergantung kepada kesediaan pengetua untuk menerima perubahan yang diarahkan oleh KPM.
5. Kajian ini telah mengesahkan bahawa model yang diuji adalah selari dengan dapatan kajian lepas. Pengubahsuaian dalam konteks pendidikan di Malaysia telah menghasilkan dapatan baharu dalam bidang pentadbiran pendidikan. Selain itu, model yang digunakan juga boleh menjadi petunjuk kepada pengkaji lain pada masa akan datang.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Kajian ini adalah satu kajian berbentuk kuantitatif dan tinjauan yang mana dapatan kajian hanya bersandarkan persepsi pengetua sebagai responden kajian. Oleh itu, bagi melihat secara lebih mendalam permasalahan kajian, pengkaji boleh menggunakan kaedah kualitatif secara temu bual kepada pengetua sekolah. Penggunaan kaedah ini boleh memberikan peluang kepada pengkaji untuk mengenal pasti permasalahan berkaitan dengan pemboleh ubah kajian secara lebih terperinci.
2. Kajian lanjutan juga boleh menggunakan populasi yang berbeza dari aspek lokasi dan unit kajian. Kajian boleh dikhususkan kepada semua warga sekolah iaitu merangkumi pihak pengurusan sekolah, guru, pelajar dan kakitangan sokongan sekolah bagi mengkaji aspek keberkesanan sekolah. Dengan menggunakan responden yang berbeza, pengkaji akan memperolehi maklumat serta dapatan yang lebih menyeluruh berkaitan dengan keberkesanan sekolah. Oleh yang demikian, gambaran yang pelbagai serta lebih meluas boleh diperolehi daripada sumber yang berbeza.
3. Kajian ini hanya melibatkan pengetua sekolah menengah di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi menilai amalan bimbingan dan pementoran SIPartners+. Memandangkan kajian ini melibatkan SIPartners+, maka kajian lanjutan boleh melibatkan SIPartners+ sebagai responden kajian. Hal ini akan memberikan gambaran lebih jelas tentang kaedah dan pelaksanaan amalan bimbingan dan pementoran yang dijalankan di sekolah.
4. Kajian lanjutan juga boleh menambah pemboleh ubah bersandar lain seperti kompetensi pengurusan pengetua, motivasi dan keyakinan pengetua novis, pencapaian kokurikulum sekolah dan sikap dalam membuat keputusan. Penambahan ini dapat membantu memberikan dapatan yang berbeza.
5. Para penyelidik dicadangkan untuk menggunakan pendekatan analisis Smart PLS SEM sekiranya ingin meneroka hubungan baharu serta menambah pemboleh ubah baharu yang tidak dibincangkan dalam kajian ini.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



# PENGARUH KEBIMBANGAN BAHASA, EFIKASI KENDIRI DAN AMALAN SPIRITUAL TERHADAP PENCAPAIAN BAHASA ARAB MURID SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA

**AFANDI YUSOFF**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kebimbangan bahasa, efikasi sendiri, amalan spiritual dan pencapaian bahasa Arab murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) serta perbezaannya berdasarkan faktor demografi. Selain itu, hubungan dan pengaruh pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut terhadap pencapaian bahasa Arab murid juga dikenal pasti. Seterusnya meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kebimbangan bahasa, efikasi sendiri dan amalan spiritual tersebut. Oleh itu, kajian ini menggunakan pendekatan gabungan iaitu *sequential explanatory design* menerusi dua fasa. Fasa pertama menggunakan kaedah kuantitatif melalui tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Seramai 399 orang murid SMKA dipilih sebagai responden kajian melalui teknik pensampelan kelompok atas kelompok. Manakala bagi fasa kedua, kaedah kualitatif menerusi kajian kes dengan menemu bual tujuh orang responden yang dipilih secara persampelan bertujuan. Hasil kajian mendapati bahawa tahap kebimbangan bahasa dan pencapaian bahasa Arab adalah sederhana, manakala efikasi sendiri dan amalan spiritual pula berada di tahap tinggi. Dapatan analisis perbezaan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kebimbangan bahasa dan efikasi sendiri berdasarkan lokasi sekolah dan jantina, namun terdapat perbezaan bagi pencapaian bahasa Arab. Kajian juga mendapati wujud perbezaan yang signifikan amalan spiritual berdasarkan jantina tetapi tidak terhadap lokasi sekolah. Seterusnya, ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri dan amalan spiritual dengan pencapaian bahasa Arab, namun kebimbangan bahasa didapati mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan pencapaian bahasa Arab. Begitu juga terdapat hubungan negatif yang signifikan antara kebimbangan bahasa dengan efikasi sendiri dan amalan spiritual. Manakala analisis regresi membuktikan bahawa kesemua pemboleh ubah peramal mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pencapaian bahasa Arab iaitu sebanyak 28%. Terdapat tiga penyumbang terbesar yang mempengaruhi pencapaian bahasa Arab iaitu kebimbangan ujian, efikasi sendiri dan bimbang penilaian negatif. Akhir sekali, dapatan kualitatif kajian ini telah mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kebimbangan bahasa, efikasi sendiri dan amalan spiritual murid di SMKA. Kajian ini telah memberi implikasi bahawa kewujudan kebimbangan bahasa, efikasi sendiri dan amalan spiritual memberi kesan kepada pencapaian bahasa Arab murid. Oleh itu, beberapa strategi dalam pedagogi perlu dilaksanakan bagi meminimumkan tahap kebimbangan bahasa dan pada masa yang sama meningkatkan efikasi sendiri dan amalan spiritual dalam diri murid di SMKA ke arah memartabatkan kualiti pendidikan bahasa Arab di Malaysia.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Rumusan dapatan kajian adalah seperti yang berikut:

1. Dalam kajian kuantitatif, secara umumnya analisis deskriptif mendapati bahawa kebimbangan bahasa berada pada tahap sederhana, manakala efikasi sendiri dan amalan spiritual berada pada tahap tinggi. Manakala dapatan analisis inferensi pula, analisis perbezaan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kebimbangan bahasa dan efikasi sendiri berdasarkan lokasi sekolah dan jantina. Bagi pemboleh ubah amalan spiritual, didapati perbezaan terhadap jantina, tetapi tidak terdapat perbezaan terhadap lokasi sekolah. Bagi pencapaian bahasa Arab, terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan lokasi sekolah dan jantina.
2. Ujian korelasi Pearson menunjukkan bahawa semua pemboleh ubah bersandar mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian bahasa Arab murid di SMKA. Kekuatan hubungan kebimbangan bahasa dan efikasi sendiri dengan pencapaian bahasa Arab adalah sederhana, manakala kekuatan hubungan amalan spiritual dengan pencapaian bahasa Arab pula berada pada tahap lemah.
3. Seterusnya, bagi analisis pengaruh ujian regresi pelbagai (*stepwise*) membuktikan bahawa tiga daripada lima pemboleh ubah peramal menyumbang kepada pencapaian bahasa Arab murid di SMKA. Pemboleh ubah peramal tersebut adalah kebimbangan komunikasi, efikasi sendiri dan bimbang penilaian negatif. Akhirnya, daripada 14 hipotesis null yang dibina, 9 hipotesis null berjaya ditolak manakala 5 hipotesis null gagal ditolak.
4. Dalam kajian kualitatif pula, analisis temu bual telah menjelaskan tentang faktor yang mempengaruhi tahap kebimbangan bahasa, efikasi sendiri dan amalan spiritual dalam kalangan murid yang mempelajari bahasa Arab di SMKA. Secara umumnya, faktor yang mempengaruhi peningkatan kebimbangan bahasa adalah kebimbangan komunikasi dan bimbang penilaian negatif. Setiap faktor tersebut boleh dibahagikan kepada beberapa tema tertentu yang menggambarkan keseluruhan faktor berkenaan. Kajian mendapati bahawa faktor kebimbangan komunikasi mempunyai enam tema manakala faktor bimbang penilaian negatif pula dapat dipecahkan kepada tujuh tema.
5. Analisis kualitatif juga mendapati bahawa terdapat tiga faktor yang boleh menjejaskan tahap efikasi sendiri murid di SMKA. Setiap faktor tersebut dapat dikategorikan kepada beberapa tema utama. Faktor-faktor tersebut iaitu faktor kognitif yang terbahagi kepada dua tema, faktor tingkah laku yang mempunyai tiga tema dan faktor persekitaran yang juga mempunyai tiga tema. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa terdapat dua faktor yang boleh mengganggu tahap amalan spiritual harian murid. Faktor-faktor tersebut adalah faktor luaran dan faktor dalaman. Oleh yang demikian, kesemua faktor yang disebutkan merupakan faktor utama yang mempengaruhi kebimbangan bahasa, efikasi sendiri dan amalan spiritual dalam kalangan murid yang mempelajari bahasa Arab di SMKA.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Berdasarkan skop kajian, perbincangan dan dapatan kajian, beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Kajian ini melibatkan 399 orang murid tingkatan empat di sepuluh buah SMKA di Malaysia. Responden dipilih mengikut kaedah pensampelan kelompok atas kelompok (*multi stage cluster*). Adalah dicadangkan bahawa sampel kajian yang berbeza dilibatkan dalam penyelidikan sebegini pada masa akan datang. Skop sampel kajian boleh diluaskan pula kepada murid di sekolah menengah biasa dan bukannya sekolah agama seperti Sekolah Berasrama Penuh, Maktab Rendah Sains Mara dan Sekolah Menengah yang mempunyai Kelas Aliran Agama (KAA). Sebahagian besar sekolah-sekolah ini ada menawarkan mata pelajaran bahasa Arab kepada murid mereka. Perluasan skop peserta kajian yang dicadangkan ini adalah bertujuan supaya perbandingan dapatan antara jenis-jenis sekolah di Malaysia dapat dilaksanakan.
2. Selain diluaskan skop sampel kajian yang sama kepada murid-murid di pelbagai jenis sekolah menengah di Malaysia, kajian lanjutan juga dicadangkan agar mengkaji tahap kebimbangan bahasa Arab dalam kalangan guru yang akan dan sedang mengajar mata pelajaran bahasa Arab. Kajian ke atas guru-guru ini dilihat penting bagi mengetahui tahap kebimbangan bahasa yang mereka alami sebelum mereka menyampaikan dan mengajar mata pelajaran bahasa Arab kepada murid-murid di sekolah.
3. Dalam kajian ini, terdapat lima penemuan yang menjadi punca berlaku kebimbangan bahasa asing dalam kalangan murid. Kelima-lima punca kebimbangan bahasa ini tidak ditemui dalam item soal selidik FLCAS dan teori kebimbangan bahasa asing oleh Horwitz et al. (1986). Lima punca kebimbangan bahasa tersebut adalah kekurangan kosa kata, kesilapan tatabahasa dan sebutan, memperolehi markah rendah, risau dimarahi dan gagal tunai harapan. Oleh yang demikian, kajian lanjutan berkaitan kebimbangan bahasa pada masa akan datang dicadangkan untuk mengambil kira kelima-lima punca kebimbangan bahasa tersebut untuk dijadikan item tambahan bagi mengukur tahap kebimbangan bahasa dalam kalangan murid terutamanya murid di rantau Asia Tenggara.
4. Kajian ini menggunakan dua elemen psikologi sebagai pemboleh ubah bagi melihat pengaruhnya terhadap pencapaian akademik murid. Elemen psikologi tersebut adalah kebimbangan bahasa dan efikasi sendiri. Berdasarkan kajian-kajian lepas, elemen psikologi dan faktor dalaman murid juga berperanan dalam meningkatkan pencapaian murid. Maka, kajian lanjutan yang dicadangkan adalah dengan memfokuskan kepada beberapa aspek psikologi lain dan pengaruhnya terhadap pencapaian murid sama ada dalam bidang kurikulum atau kokurikulum. Antara aspek psikologi yang boleh dikaji ialah keseronokan kelas (*classroom enjoyment*), pengawalan sendiri (*self-regulatory*), kesedaran (*mindfulness*) dan lain-lain.
5. Hasil analisis dapatan kajian ini menunjukkan bahawa amalan spiritual dalam kalangan murid di SMKA mempunyai hubungan yang lemah dengan pencapaian bahasa Arab. Begitu juga secara signifikannya amalan spiritual didapati tidak mempengaruhi pencapaian bahasa Arab. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya penyelidik akan datang mengkaji secara empirikal dan mendalam untuk mencari penyelesaian bagi masalah ini.

Tahun  
Lulus  
Senat  
2020



# PEMBANGUNAN MODEL PENGAJARAN ENSEMBEL GEMELAN MELAYU DALAM PENDIDIKAN SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA

**RAZALI MD AMIN**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan sebuah model pengajaran ensembel gamelan Melayu peringkat sekolah menengah di Malaysia. Keperluan penyelidikan ini adalah untuk menyediakan satu bentuk model pengajaran gamelan yang sesuai berbanding dengan pendekatan muzik gamelan terdahulu. Pengajaran ensembel gamelan Melayu di peringkat sekolah menengah didapati tidak mempunyai model pengajaran yang seragam. Proses pengajaran yang berlaku di sekolah menengah pada masa kini didapati kurang efektif daripada segi pengetahuan dan kemahiran. Objektif pertama ialah untuk mengenal pasti ensembel gamelan di Malaysia, objektif kedua ialah untuk menganalisis proses pengajaran dan pembelajaran ensembel gamelan Melayu peringkat sekolah menengah di Malaysia dan objektif ketiga ialah untuk membangunkan model pengajaran ensembel gamelan Melayu peringkat sekolah menengah di Malaysia. Kajian berfokuskan kepada tujuh buah sekolah menengah di lima buah negeri terpilih di Malaysia iaitu Pahang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Kedah. Informan terdiri daripada tujuh orang penggiat ensembel gamelan Melayu yang dipilih berdasarkan faktor pengalaman, amalan pengajaran dan kemudahan bilik latihan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang terdiri daripada kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Kajian perpustakaan sebagai sokongan menyumbang data-data berbentuk data sekunder. Manakala, kajian lapangan menyumbang data primer yang diperolehi melalui pemerhatian ikut serta, temu bual dan analisis dokumen. Data primer dan sekunder telah melalui penyaringan yang menggunakan teknik analisis kandungan, bacaan rapi dan interpretasi untuk memperoleh data yang amat diperlukan sahaja. Proses penyaringan analisis itu telah menghasilkan dapatan kajian. Kerangka teoretikal kajian direka bentuk berasaskan Model Hilda Taba. Hasil kajian telah menunjukkan model pengajaran ensembel gamelan Melayu amat diperlukan kerana ketidakseragaman dan khusus. Hasil perbincangan memberikan kesimpulan bahawa model pengajaran ensembel gamelan Melayu yang dihasilkan dapat memenuhi kelompangan dan memberikan keseragaman untuk pengajaran di peringkat sekolah menengah di seluruh negara. Pembangunan model ini dapat memberikan panduan dalam perancangan dan pelaksanaan yang melibatkan penggubalan kurikulum dan pengajaran ensembel gamelan Melayu. Justeru, sumbangan kajian ini amat bermakna untuk menjadikan ensembel gamelan Melayu mengikut acuan tempatan, mudah dipelajari dan menarik minat pelajar mempelajarinya.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Rumusan dapatan kajian adalah seperti yang berikut:

1. Secara keseluruhannya, beberapa item utama perlu diketahui bagi mendapatkan pengetahuan yang mendalam tentang ensembel gamelan Melayu. Item tersebut adalah berkaitan dengan latar belakang dan sejarah, teknologi pembuatan, instrumentasi, sistem penalaan, notasi dan skel pentatonik yang digunakan, susunan instrumen, teknik permainan, fungsi dan repertoir lagu-lagu gamelan Melayu.
2. Kajian memperlihatkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di sekolah lebih berdasarkan kepada pengalaman, pengetahuan dan kemahiran seseorang guru. Tiada model pengajaran yang seragam dan sistematik dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk dijadikan panduan penggiat ensembel gamelan Melayu di sekolah menengah di Malaysia.
3. Pembangunan model pengajaran ensembel gamelan di sekolah menengah di Malaysia merujuk kepada analisis terhadap model Hilda Taba yang bertujuan untuk membuktikan kesesuaian model ini dengan perancangan dan pembangunan model pengajaran gamelan Melayu peringkat sekolah menengah di Malaysia. Setiap komponen dalam model Hilda Taba dianalisis supaya model ini jelas dan selari dengan objektif kajian. Komponen yang terdapat dalam model Hilda Taba ini diperincikan kepada sub-tema untuk menghasilkan model pengajaran gamelan Melayu di peringkat sekolah menengah.
4. Kajian juga mengenal pasti faktor masa sebagai komponen baru yang perlu dibangunkan bersama faktor model asal. Komponen ini kemudiannya diperincikan kepada sub-sub tema dalam menghasilkan satu bentuk model pengajaran ensembel gamelan di peringkat sekolah menengah. Sebuah model pengajaran ensembel gamelan Melayu untuk peringkat sekolah menengah telah direka bentuk oleh pengkaji. Model yang dibangunkan ini bercirikan reka bentuk moden dengan kombinasi warna dan grafik yang amat menarik, menyeluruh, teratur, lengkap serta mudah difahami. Selepas terhasilnya model utama pengajaran, mekanisme pengajaran mengikut peringkat pula dibentuk. Mekanisme berdasarkan model yang direka bentuk mengikut peringkat pengajaran bersesuaian dengan tahap murid di peringkat sekolah menengah.
5. Secara keseluruhannya, pengetahuan dan kemahiran yang diaplikasikan dalam model pengajaran gamelan Melayu dapat membantu dalam mengembangkan minat serta motivasi kepada pelajar untuk menghubungkan diri mereka dengan pendidikan seni budaya Melayu dan seterusnya akan membantu pengekalan warisan budaya Melayu di peringkat akar umbi. Usaha ini dapat membantu kerajaan menyediakan pelajar yang diasah minatnya berserta pengukuhan pengetahuan dan kemahiran untuk disesuaikan dengan pasaran di peringkat yang lebih tinggi seperti platform yang disediakan oleh kerajaan seperti 'ASWARA' yang melahirkan generasi seni budaya yang lebih berintelektual tinggi. Akhirnya, kerajaan dapat menghasilkan rakyat Malaysia yang mahir dalam bidang pendidikan budaya pada peringkat global.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Dapatan kajian ini menunjukkan pengkaji membangunkan sebuah model pengajaran ensembel gamelan Melayu di peringkat sekolah menengah di Malaysia. Kajian yang dilakukan ini tidak melibatkan pembinaan modul. Oleh itu adalah dicadangkan agar kajian lanjutan melibatkan pembinaan modul pengajarannya berdasarkan model pengajaran yang dibangunkan. Modul ini boleh dijadikan rujukan dan panduan oleh penggiat yang mengajar ensembel di peringkat sekolah menengah di Malaysia.



# PENGARUH LATIHAN GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP KUALITI MODAL INSAN DALAM KALANGAN GURU NOVIS

**MOHAMAD ZARKHUAN ZAINOL**

**Universiti Pendidikan Sultan Idris**

## **ABSTRAK KAJIAN**

Tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji pengaruh latihan guru Pendidikan Islam terhadap kualiti modal insan dalam kalangan guru novis. Reka bentuk penyelidikan ini menggunakan kaedah tinjauan hirisan rentas. Seramai 314 orang guru Pendidikan Islam novis di seluruh Malaysia telah dipilih sebagai responden kajian menggunakan teknik pensampelan rawak berstrata daripada lima zon. Saiz sampel ditentukan melalui analisis  $G^*$ power 3.1. Instrumen kajian terdiri daripada satu set soal selidik yang telah disahkan oleh tujuh pakar kandungan dan nilai kebolehpercayaan instrumen menggunakan Alpha Cronbach  $\alpha = 0.986$ . Statistik deskriptif iaitu kekerapan, min dan sisihan piawai dan statistik inferensi iaitu MANOVA dan PLS-SEM digunakan untuk menganalisis data kuantitatif. Dapatan kajian menunjukkan responden bersetuju ( $M=8.41$ ;  $SP=0.9$ ) bahawa latihan guru pendidikan Islam adalah sesuai dan mereka juga sangat bersetuju ( $M=9.02$ ;  $SP=0.7$ ) bahawa kualiti modal insan adalah sangat baik. Bagi menguji perbezaan keberkesanan latihan dan kualiti modal insan guru Pendidikan Islam berdasarkan faktor-faktor demografi, analisis MANOVA digunakan. Analisis MANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan keberkesanan latihan guru Pendidikan Islam berdasarkan jantina [ $F(1,312)=3.72, p<.05$ ] dan tempat pengajian [ $F(1,312)=2.31, p<.05$ ], namun tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan pencapaian akademik [ $F(2,311)=1.10, p<.05$ ]. Manakala pemboleh ubah kualiti modal insan pula, terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina [ $F(1,312)=2.6, p<.05$ ] tetapi tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan tempat pengajian [ $F(1,312)=1.7, p<.05$ ] dan pencapaian akademik [ $F(1,311)=1.10, p<.05$ ]. Analisis PLS-SEM menunjukkan terdapat pengaruh latihan guru Pendidikan Islam terhadap kualiti modal insan guru novis terutama daripada aspek prestasi organisasi ( $\beta=0.447, p<0.05$ ). Faktor kualiti modal insan yang utama adalah faktor malakah lisāniyyah (59.8%) diikuti oleh faktor malakah al-tā'ah (32.6%), malakah Sinā'iyyah (29.4%), malakah 'ilmiyyah (19%) dan malakah imāniyyah (14.9%). Kesimpulannya, dapatan utama kajian menunjukkan bahawa latihan guru Pendidikan Islam mempengaruhi kualiti modal insan guru novis. Implikasi kajian menunjukkan bahawa untuk melahirkan modal insan guru berkualiti maka sistem latihan guru Pendidikan Islam perlu meningkatkan kesemua aspek kualiti modal insan terutamanya malakah 'ilmiyyah dan malakah imāniyyah.

## RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Hasil daripada perbincangan yang dijalankan, pengkaji merumuskan kajian ini kepada lima perkara penting seperti yang berikut:

1. Persepsi guru Pendidikan Islam (GPI) novis terhadap keberkesanan latihan GPI di Malaysia memperoleh nilai min yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa GPI novis berpuas hati terhadap sistem pengurusan latihan, kelayakan pensyarah, kemudahan utiliti latihan, prestasi pembelajaran, prestasi individu dan prestasi organisasi. Walau bagaimanapun, persepsi GPI novis terhadap kesemua pemboleh ubah tersebut masih belum mencapai tahap yang optimum. Masih wujud beberapa kekangan yang perlu diatasi seperti penambahbaikan struktur program latihan GPI yang sedia ada, meningkatkan kelayakan dan kepakaran pensyarah, menyediakan persekitaran yang kondusif dengan kemudahan yang mencukupi di IPG dan universiti, meningkatkan keperluan latihan dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap yang selaras dengan kerjaya profesion GPI, berkemampuan melahirkan GPI yang melaksanakan setiap tugas yang diamanahkan dan berjaya menghasilkan GPI yang dapat meningkatkan kualiti organisasi dengan cemerlang.
2. Persepsi GPI novis terhadap kualiti modal insan GPI di Malaysia yang merangkumi malakah *lisâniyyah*, malakah *'ilmiyyah*, malakah *Sinâ'iyyah*, malakah *'ilmiyyah* dan malakah *imâniyyah* yang memperoleh nilai min sangat tinggi. Dapatan ini menggambarkan bahawa GPI novis mempunyai kualiti modal insan yang sangat baik seperti mana yang digariskan oleh Ibnu Khaldûn dalam kitab *Muqaddimah*nya. Namun, aspek yang wajar diberi perhatian adalah keupayaan komunikasi yang berkesan dalam kalangan GPI terutamanya menyampaikan mesej yang bersumberkan wahyu untuk menyeru murid dan masyarakat ke arah kebaikan. Selain itu, GPI juga mesti menguasai ilmu *naqlî* dan ilmu *'aqlî* dengan sebaiknya kerana mereka akan memindahkan ilmu yang dimiliki kepada pelajar dan masyarakat. Seterusnya, GPI hendaklah mempunyai kepakaran dalam metodologi pengajaran seperti yang ditekankan oleh Ibnu Khaldûn dalam membentuk pelajar yang mempunyai minda yang cerdas, berketerampilan, berbudi pekerti, berjiwa luhur dan berakhlak mulia. GPI juga disarankan agar memperuntukkan masa bagi melakukan amalan ibadah dan bermujahadah dalam ibadah tersebut seperti yang dilakukan oleh Baginda Rasul SAW. Di samping itu, pentingnya seorang GPI memiliki iman yang teguh serta peribadi yang mulia demi mencapai matlamat mendapat keredaan Allah SWT di dunia dan akhirat.
3. Dapatan kajian menunjukkan faktor jantina dan tempat pengajian dalam kalangan GPI novis mempunyai kesan yang signifikan, manakala faktor pencapaian akademik tidak mempunyai kesan signifikan. Analisis terperinci menunjukkan jantina GPI novis lelaki lebih tinggi nilai min berbanding GPI novis perempuan dari sudut kepuasan sistem pengurusan latihan, prestasi pembelajaran, prestasi individu dan prestasi organisasi. Dapatan ini merumuskan bahawa keperluan GPI lelaki dalam sistem pendidikan negara perlu diseimbangkan dengan meningkatkan status sosial dan ekonomi untuk menarik minat mereka menyertai profesion perguruan. Kesan tempat pengajian pula menunjukkan GPI novis keluaran universiti dalam populasi kajian lebih tinggi prestasi organisasi berbanding dengan GPI novis keluaran IPG. Hasil dapatan ini menekankan kerjasama antara KPM, universiti dan IPG dalam menyelaras keperluan dan kehendak program latihan GPI di Malaysia. Seterusnya, faktor pencapaian akademik menunjukkan GPI novis yang mempunyai pencapaian akademik kelas kepujian kedua atas dalam populasi kajian lebih tinggi prestasi berbanding kelas kepujian pertama dan kelas kepujian kedua bawah. Oleh itu, universiti dan IPG harus berusaha untuk meningkatkan sistem pengurusan dan pentadbiran, menyediakan kemudahan yang mencukupi dan melaksanakan sistem penilaian yang lebih sistematik.

4. Hasil dapatan menunjukkan faktor jantung memberi kesan secara signifikan ke atas kelima-lima malakah, manakala faktor tempat pengajian hanya memberi kesan secara signifikan kepada malakah 'ilmiyyah dan malakah imāniyyah. Walau bagaimanapun, faktor pencapaian akademik tidak memberi kesan secara signifikan kepada kesemua malakah. Berdasarkan faktor jantung, GPI novis lelaki mengatasi GPI novis perempuan dalam kelima-lima malakah. Faktor tempat pengajian pula menunjukkan GPI novis keluaran universiti mengatasi GPI novis keluaran IPG dalam malakah 'ilmiyyah dan malakah imāniyyah. Dapatan ini menyaksikan keperluan kolaborasi antara universiti dan IPG meneliti kandungan kursus Pendidikan Islam serta pengurusannya yang mempunyai kerangka yang boleh diterima pakai bersama. Manakala faktor pencapaian akademik di antara lulusan GPI kelas kepujian pertama, kelas kepujian kedua atas dan kelas kepujian kedua bawah tidak memberi kesan secara signifikan terhadap kelima-lima malakah. Dapatan ini merumuskan bahawa kualiti modal insan GPI melalui kelima-lima malakah yang digarap oleh Ibnu Khaldūn dapat diaplikasi oleh setiap GPI tanpa melibatkan pencapaian akademik mereka.
5. Dapatan kajian berdasarkan analisis laluan PLS-SEM menunjukkan keenam-enam pemboleh ubah pendam *exogenous* keberkesanan latihan GPI berjaya menyumbang sebanyak 59.8% kepada malakah lisāniyyah, 32.6% kepada malakah al-tā'ah, 29.4% kepada malakah šinā'iyyah, 19% kepada malakah 'ilmiyyah dan 14.9% kepada malakah imāniyyah. Dapatan ini menyimpulkan bahawa keberkesanan latihan GPI di Malaysia masih kurang mempengaruhi kelima-lima malakah kerana tiada nilai R<sup>2</sup> yang menunjukkan sumbangan yang ketara serta memberi impak yang terlalu kecil kepada malakah 'ilmiyyah dan malakah imāniyyah. Walau bagaimanapun, analisis IPMA menunjukkan bahawa keenam-enam pemboleh ubah pendam *exogenous* keberkesanan latihan GPI mempunyai kepentingan yang tinggi terhadap kelima-lima pemboleh ubah pendam *endogenous* kualiti modal insan GPI. Justeru, hasil dapatan perlu ditinjau secara menyeluruh supaya latihan GPI yang dilaksanakan berjaya melahirkan individu GPI yang berkualiti tinggi dalam semua aspek kualiti yang digariskan oleh Ibnu Khaldūn. Sistem latihan GPI yang sedia ada wajar disemak semula supaya pelaksanaan kurikulum latihannya bertepatan dengan konsep klasifikasi dan hierarki ilmu yang bersumberkan pedoman wahyu. Selain itu, program latihan GPI juga perlu mengutamakan Islamisasi ilmu atau pengintegrasian ilmu 'aqlī dan ilmu naqlī dalam proses untuk mengembalikan keutuhan Pendidikan Islam yang berteraskan Tauhid iaitu gagasan ilmu yang berasaskan akidah (*faith based education system*).

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Kajian akan datang dicadangkan supaya menggunakan pendekatan longitudinal untuk memperoleh pemahaman yang lebih mendalam berkaitan dengan faktor-faktor latihan GPI yang memberi kesan kepada kualiti modal insan GPI.
2. Kajian pada masa hadapan dicadangkan untuk menggunakan kelima-lima aspek malakah sebagai ciri-ciri penting untuk mengkaji kualiti modal insan. Hal ini kerana kelima-lima aspek malakah tersebut merupakan ciri-ciri kualiti modal insan yang memenuhi kehendak keseluruhan pembangunan insan dari setiap sudut.

3. Kajian akan datang dicadangkan supaya menggunakan model latihan yang berlainan seperti model *Training for Performance System (TPS)* oleh Swanson (2002) yang menggarapkan model latihan melalui model ADDIE yang diasaskan oleh Rossett (1987). Model tersebut menilai latihan melalui lima peringkat iaitu *Analyse, Design, Develop, Implement dan Evaluate*. Seterusnya, model *Return of Investment (ROI)* oleh Phillips dan Stone (2002), juga sesuai untuk dijadikan model untuk menilai keberkesanan latihan GPI. Model ini berdasarkan enam indikator utama iaitu *Reaction/Satisfaction, Learning, Job Application/Implementation, Business Impact, ROI dan Intangible Benefits*. Tambahan pula, Ab. Halim Tamuri et al. (2012) juga telah mencadangkan faktor-faktor penting yang boleh diukur terhadap keberkesanan latihan GPI melalui enam komponen iaitu personaliti guru, ilmu pengetahuan, pengetahuan pedagogi kandungan, kepelbagaian kemahiran dan motivasi dalam pengajaran dan pembelajaran dalam memangkin GPI yang mempunyai amalan guru berteraskan konsep 5M iaitu guru sebagai mu'allim, mudarris, mu'addib, mursyid dan murabbī.
4. Kajian akan datang disarankan menggunakan jumlah saiz sampel GPI yang lebih besar kerana dapatan kajian ini menunjukkan kesan saiz iaitu nilai  $f^2$  bagi kesemua pemboleh ubah pendam *exogenous* keberkesanan latihan GPI dalam lingkungan nilai sederhana dan kecil. Berdasarkan analisis melalui penggunaan perisian G\*Power versi 3.1 dengan menggunakan kesan saiz 0.02 (kecil) yang dicadangkan oleh Cohen (1988) menunjukkan jumlah sampel minimum yang sesuai untuk kajian akan datang adalah 688 orang.
5. Kajian yang akan datang dicadangkan agar meninjau pengaruh *mediation* dan *moderation* dalam hubungan keberkesanan latihan GPI dan kualiti modal insan GPI seperti pengaruh motivasi. Pengkaji juga menyarankan agar kajian dalam bentuk metodologi yang pelbagai seperti kajian yang berbentuk kualitatif dan kaedah percampuran (*mixed methods*) untuk meneroka secara mendalam faktor-faktor keberkesanan latihan GPI di Malaysia dalam melahirkan kualiti modal insan GPI yang sempurna.

ISSN 2773-644X



9 772773 644002

Diterbitkan oleh

Ringkasan Tesis / Disertasi  
**Pendidikan Peringkat Kedoktoran**

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia